

KASSIM AHMAD

**QUO VADIS,
BANGSAKU?**

254006

ABR

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

20 DEC 1989

Perpustakaan Negara
Malaysia

ISBN 967-953-048-5

Harga \$10.00

© **Media Indah Sdn Bhd.** 1989

72A, Jalan Burhanuddin Helmi

Taman Tun Dr Ismail

60000 Kuala Lumpur

Tel. 03-7177701/7177702

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam bentuk apa pun juga dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Urusan Media Indah Sdn Bhd.

Ditaipset oleh: Media Indah Sdn Bhd

Muka Taip Teks: Garamond light

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

524006

APB

M
320.9595
KAS

6 MAR. 1990

Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

	Halaman
KATA PENGANTAR	v
BAHAGIAN I	
1. Jalan Keluar Dari Dilema Bangsa	1
BAHAGIAN II	
2. Di Persimpangan Jalan: 30 Tahun Merdeka	31
3. Bangsa Melayu — Quo Vadis?	41
4. Quo Vadis, Malaysia?	48
5. UMNO sebagai Pemimpin Bangsa	52 ✓
6. Perpecahan UMNO dan Masyarakat Melayu	60
7. Masalah Perpaduan UMNO-PAS	66
8. Pemilihan 24 April: Antara Kebebasan dan Tanggungjawab	71
9. Masalah Kepimpinan Bangsa: Pemilihan UMNO	76
10. Patriotisme dan Bahasa Kebangsaan	81
11. Quo Vadis, PAS?	86
12. DAP dalam Politik Malaysia	90
13. Ancaman Zionisme dan Perpaduan Bangsa	95
14. Perpaduan Bangsa	100
15. Sebuah Falsafah Kebangsaan	106
16. Falsafah dan Pembangunan Bangsa	111
17. Perpaduan Bangsa untuk Reformasi Masyarakat	117
18. Ideologi, Islam dan Politik Masakini	122
BAHAGIAN III	
19. Pembangunan Intelektual Bangsa	133
20. Cendekiawan Bangsa	142
21. Peranan Cendekiawan dalam Pembangunan Masyarakat	145

22. Demokrasi Berparlimen Perlu Ditinjau Semula	150
23. Kritikan - Fungsi dan Batasannya	154
24. Musyawarah	158
25. Etika Kerja dalam Islam	163
26. Kaedah Saintifik Islam	168
27. Membangunkan Pemikiran Saintifik dalam Masyarakat	174
28. Ibadah dan Pembaharuan Pemikiran Islam	180
29. Perkembangan Umat Islam kepada Quran	186
30. Pengajaran dan Pengajian al-Quran	199
31. Konsep dan Teori Pendidikan Sepada Islam	200
32. Undang-undang Perubuhan Syariah - Satu Pendekatan dari Segi Ajaran Quran	205

KATA PENGANTAR

Segala pujian bagi Allah s.w.t. yang telah membolehkan saya menulis, mengumpul dan menerbitkan esei-esei mengenai masa depan bangsa kita di bawah judul yang saya pilih daripada salah satu tajuk esei-esei ini.

Esei-esei ini asalnya kertaskerja seminar, ceramah dan rencana. Semuanya telah ditulis dalam masa lima tahun yang lalu. Kecuali esei utama dalam Bahagian I, semua yang lain telah disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dan *Deewan Budaya* dan *ERA*.

Tujuan saya menerbitkan esei-esei ini tidak lain kecuali untuk mendorong masyarakat kita memikir dan membincangkan masa depan bangsa dan tanahair kita yang kita cintai. Tidak perlu saya menekan kepada pembaca yang budiman betapa pentingnya masalah besar ini kita kaji secara serius dan kita selesaikan dengan baik. Kita bertanggungjawab kepada bangsa dan keturunan kita akan datang untuk berbuat demikian. Mudah-mudahan, dengan izin Allah, dari perbincangan ini bangsa kita akan bertemu dengan penyelesaian seperti itu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang saya sebutkan di atas kerana membenarkan saya menyiarkan esei-esei ini semula di sini.

Tanjung Bunga, Pulau Pinang
18hb Februari, 1989.

K.A.

"Tiada Melayu hilang di dunia."

- Diriwayatkan kepada Laksamana Hang Tuah.

"Melayu tidak akan hancur kecuali oleh Melayu sendiri."

- Diriwayatkan kepada seorang pemimpin Melayu.

"Demikian itu kerana Tuhan tidak mengubah nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu bangsa kecuali mereka sendiri berubah."

- Quran, 8 : 53

BAHAGIAN I

1. JALAN KELUAR DARI DILEMA BANGSA: SATU GERAKAN REFORMASI SOSIAL BESAR BERDASARKAN AJARAN ILAHI

BAHAGIAN I

Pendahuluan

BAHAWA bangsa dan negara kita sekarang sedang menghadapi satu kemelut besar, tidak boleh disangkal. Perpecahan UMNO, parti yang diakui menjadi tonggak bangsa dan Kerajaan selama lebih tiga puluh tahun kepada dua puak dalam pemilihan parti pada 24 April 1987, dan pengharamannya oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari 1988, boleh dikira sebagai tanda-tanda yang nyata wujudnya kemelut ini. Kekalahan calon UMNO (Barisan Nasional) dalam pilihanraya Kecil Johor Bahru kepada anggota Regu Musa-Razaleigh pada Ogos lalu dalam suasana fitnah yang besar, menghapuskan segala keraguan bahawa kita sedang menghadapi satu malapetaka. Malapetaka ini boleh mengakibatkan kehilangan kekuasaan dan kepimpinan Melayu di Malaysia.

Apakah yang harus kita buat? Ada dua cara kita boleh menyelesaikan sesuatu masalah. Pertama, cara pragmatik dan tampal-sulam bila kita mengambil kira hanya faktor-faktor sekunder dan bertindak menghapuskan faktor-faktor itu untuk menyelesaikan buat sementara masalah kita. Kedua, cara jangka panjang atau keseluruhan bila kita mengenalpasti **semua** faktor, utama dan sekunder, dan bertindak menghapuskan faktor-faktor ini dan dengan demikian mengatasi masalah. Cara kedua inilah cara yang paling baik dan yang boleh menyelesaikan masalah dalam ertikata yang sebenar. Inilah cara yang kita anjurkan di sini.

Masalah Yang Kita Hadapi Sekarang?

Sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat, kita ingin maju, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain yang maju. Tentulah kita ingin membuat kemajuan yang

berimbang - material, moral dan spiritual. Tetapi bagaimana kita boleh maju kalau kita mengalami kecamuk fikiran, seperti yang akan kita tunjukkan nanti? Dan bagaimana kita boleh maju kalau kita menghadapi bahaya kehilangan kedaulatan dan kemerdekaan kerana perpecahan?

Mungkin kita merasa kita telah membuat banyak kemajuan, sejak Merdeka, terutama dari segi pembangunan material dan pendidikan, walaupun ini boleh dipertikai kerana kita telah mengabaikan pembangunan moral dan mental. Kejadian jenayah kolar putih yang berleluasa yang dilakukan oleh orang-orang berkelulusan dan berjawatan tinggi dalam masa lima belas tahun yang lalu, seperti skandal B.M.F., menunjuk kepada kemerosotan moral. Ketiadaan kesedaran kritikal dalam ertikata kesanggupan mengkaji dan menilai segala sesuatu, termasuk diri kita, secara objektif, dan ketiadaan semangat kreatif menunjuk kepada kelemahan mental. Bersama dengan fenomena umum kehilangan idealisme di kalangan generasi selepas Merdeka, perkembangan-perkembangan ini menunjuk kepada kelemahan mental, moral dan spiritual bangsa kita. Semua ini menandakan kecatatan besar dalam konsep dan falsafah kehidupan dan pembangunan bangsa.

Di samping itu, malah kerana itu, kita masih menghadapi masalah kemiskinan yang berat di desa dan kota, masalah pengangguran dan penyakit sosial yang besar penagihan dadah di kalangan belia. Kita masih lagi menghadapi soal kemunduran umumnya - dari segi pembangunan intelek dan juga pembangunan sosial dan ekonomi di kalangan rakyat bawahan, khususnya di kalangan masyarakat pribumi.

Haruskah kita terus hidup dengan masalah-masalah ini? Mengapakah kita tidak boleh menyelesaikannya dalam masa tiga puluh tahun yang lalu?

Sebahagian dari kita akan mencari perlindungan dalam jawapan bahawa tidak ada masyarakat yang sempurna yang tidak menghadapi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang. Jawapan ini tidak boleh diterima, kerana ada masyarakat-masyarakat kontemporer, seperti negara-negara kebajikan di Eropah, yang lebih maju daripada kita dalam banyak hal, dan kerana hujah ini tidak munasabah dan bertentangan juga dengan keadaan sistem masyarakat yang memperlihatkan jurang pendapatan yang besar di antara yang kaya dan yang miskin. Kita harus mengkaji masalah-masalah kita dari akar-umbinya, yakni dari segi falsafah.

Dalam masa tiga puluh tahun yang lalu kita telah bereksperimen dengan tiga sistem, iaitu sistem liberal, sistem sosialis dan sistem agama tradisional, walaupun sistem sosialis tidak pernah berjaya menjadi sistem pemerintahan dan sistem agama tradisional hanya setakat mentadbirkan hal-hal 'agama' dan adat. Bahawa ketiga-tiga sistem ini telah gagal mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera menunjuk kepada keperluan satu sistem baru untuk membina semula kehidupan bangsa kita yang bobrok sekarang.

Apakah Punca Krisis Kita?

Krisis boleh dibandingkan dengan satu ledakan gunung berapi. Ia tidak berlaku dengan tiba-tiba. Satu jangka waktu yang lama berlalu dan dalam tempoh ini unsur-unsur ledakan berkumpul dan bertambah sehingga tiba satu waktu bila gunung itu tidak dapat membendung ruapan di dalamnya, lalu ia meletus.

Perpecahan UMNO kepada Regu A dan B merupakan puncak suatu proses yang telah bermula lama dulu: kita boleh balik kepada perpisahan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dari UMNO untuk berjuang bersendirian dalam tahun 1946. Atau kita boleh bermula dari titik yang lebih dekat dengan kita sekarang, iaitu pertentangan antara Datuk Musa dengan Tengku Razaleigh untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 1984. Tetapi peristiwa-peristiwa ini bukan **punca** perpecahan. Mereka hanya batu-batu tanda yang menandakan perjalanan proses ini. Namun, peristiwa-peristiwa ini adalah latarbelakang yang perlu juga kita fahami untuk memahami krisis yang berlaku sekarang.

Punca krisis boleh dibahagikan kepada punca-punca utama dan sekunder. Manakala kita boleh menyebut rebutan kuasa, 'politik wang', ketiadaan demokrasi dalam parti, perletakan jawatan oleh Datuk Musa, kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam parti dan lain-lain sebagai punca-punca sekunder, kita harus mencatat di sini tiga punca utama yang telah membawa kita dalam masa tiga puluh satu tahun ini kepada krisis ini: kegagalan politik liberal Barat, kegagalan ekonomi liberal Barat, dan kegagalan gerakan 'kebangkitan Islam' konservatif.

Kegagalan Politik Liberal Barat

Sistem demokrasi berparlimen yang kita tiru dari Barat dan yang kita sesuaikan sedikit dengan tradisi politik Melayu dan keadaan masyarakat majmuk berpunca dalam sejarah masyarakat Eropah.

Dua ciri yang menonjol dalam perkembangan masyarakat Eropah di antara abad-abad keenam belas hingga kesembilan belas ialah perpecahan masyarakat kepada kelas dan kerjaya imperialisme Eropah. Oleh yang demikian teori-teori politik, ekonomi dan sosial yang muncul dalam masa ini banyak dipengaruhi oleh, dan mempengaruhi, dua perkembangan ini.

Teori dan amalan politik berparti dengan sebuah parti atau gabungan parti yang mendapat majoriti dalam Parlimen menjadi Pemerintah dan yang mendapat minoriti menjadi Pembangkang, atau apa yang juga disebut sistem dwi-parti. Andaian pokok teori ini bahawa dalam masyarakat sentiasa wujud konflik yang harus diimbangi untuk kesentosaan masyarakat melalui pertentangan dan imbalan. Maka itu harus ada dua parti atau lebih untuk menentang apa yang dianjurkan oleh sebuah parti supaya pada bila-bila masa tidak wujud pembolotan dan penyalah-gunaan kuasa.

Teori ini palsu kerana andaiannya palsu. Konflik hanya **satu** aspek masyarakat. Wujud satu aspek lagi, iaitu **kesatuan**. Keduanya wujud dalam satu imbalan. Imbalan inilah yang harus dijadikan matlamat secara sedar oleh masyarakat.

Ambil contoh sebuah keluarga. Tidak akan wujud keluarga kecuali dengan adanya kasih sayang, perpaduan dan kerjasama antara suami dan isteri dan antara semua anggota keluarga. Inilah yang menjadi asas keluarga itu. Di samping itu, konflik juga wujud sebagai satu kaedah, bukan untuk memecah-belahkan keluarga, tetapi untuk menimbulkan potensi-potensi terpendam bagi memperkuatkan keluarga itu lagi. Umpamanya, seorang anak yang cerdik dan rajin boleh menimbulkan rasa cemburu di kalangan saudaranya yang lain, tetapi ia juga boleh menjadi teladan baik bagi mereka. Demikian dalam sebuah keluarga, demikian juga dalam sebuah masyarakat.

Perpecahan masyarakat kepada kelas dengan teori politik berparti, menyebabkan penubuhan parti politik berdasarkan ideologi kelas atau puak. Bila UMNO ditubuhkan berdasarkan ideologi nasionalisme liberal, dalam konteks masyarakat kita pada waktu itu yang tidak mempunyai faham atau ideologi kesatuan, maka ideologi-ideologi sosialis dan agama merasa diri mereka tersingkir. Inilah punca perpecahan puak Kiri (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) dan puak agama (Parti Islam SeMalaya) dari UMNO. Perpecahan ini kemudian berulang: Parti Negara (puak perkauman Melayu), Parti Rakyat atau Parti Sosialis Rakyat Malaya dan Parti Marhaen (puak-

puak sosialis), Parti Berjasa dan Hizbul Muslimin atau HAMIM (puak-puak agama) dan akhir sekali UMNO Regu B (puak sekular tua yang ingin berkuasa semula sejak penyingkiran Tunku Abdul Rahman dalam krisis Mei 13).

Harus disedari bahawa perpecahan ini bukan takdir Tuhan, dan ia boleh dihindari pada mana-mana titik dalam proses yang kita tunjukkan di atas. Tetapi oleh kerana kita telah tidak mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk menyatukan balik rakyat kita berdasarkan sebuah falsafah politik kebangsaan yang mantap, maka perpaduan tidak tercapai dan perpecahan terus berlaku. Sekarang dengan berlakunya perpecahan yang paling teruk dalam sejarah UMNO, maka proses perpecahan masyarakat Melayu moden telah sampai ke kemuncak. Satu penyelesaian yang asasi mesti dicari.

Kegagalan Ekonomi Liberal Barat

Seerti diketahui, politik dan ekonomi saling berkaitan. Kelemahan ekonomi Melayu berbanding dengan ekonomi sukubangsa lain di Malaysia sudah amat terkenal dari zaman sebelum merdeka. Kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman meneruskan dasar ekonomi penjajah Inggeris *laissez-faire* tanpa banyak perubahan. Oleh yang demikian ekonomi Melayu tidak berkembang. Ini salah satu sebab besar orang Melayu bangkit untuk menjatuhkan Tunku Abdul Rahman dalam rusuhan 13 Mei. Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa kejatuhan Tunku bukan disebabkan oleh pertentangan daripada UMNO saja, tetapi oleh tenaga progresif juga, kerana dasar Kerajaan di bawah pimpinan beliau pada umumnya sangat reaksioner.

Tun Abdul Razak yang menggantikan beliau membawa beberapa perubahan yang besar dalam masa yang singkat. Perubahan-perubahan besar ini menjadikan UMNO dan Kerajaan sebuah parti dan Kerajaan pada kedudukan pertengahan dan bukan Kanan lagi. Salah satu perubahan ini ialah Dasar Ekonomi Baru. Dua tujuan D.E.B. itu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum dalam jangka masa 20 tahun.

Tidak syak lagi, dari segi tujuan yang diisytiharkan, D.E.B. itu satu gagasan yang revolusioner. Jika dalam masa 20 tahun masyarakat kita dapat mencapai tujuan-tujuan itu, itu satu kejayaan yang amat besar. Tetapi sekarang setelah lapan belas tahun dasar itu dijalankan, nyatalah tujuan yang revolusioner tidak boleh dicapai

mengikut kaedah lama, iaitu dalam kerangka sistem ekonomi-politik yang lama, termasuk sistem yang mengongkong kebebasan berfikir dan inisiatif individu. Kegagalan ini telah dicatat dalam beberapa kajian ekonomi dan diakui sebahagiannya oleh pemerintah sendiri. (1)

Kegagalan 'Kebangkitan Islam' Konservatif

Peristiwa 13 Mei dalam tahun 1969 bolehlah diambil sebagai titik pemisah bagi zaman kegemilangan ideologi-ideologi Barat, liberalisme dan sosialisme, di negara kita. Selepas tarikh ini timbul satu arus yang ada hubungannya dengan keadaan politik antarabangsa, yang kini disebut 'kebangkitan semula' Islam. Perisytiharan darurat yang mengharamkan aktiviti parti-parti politik khususnya dan aktiviti politik umumnya menimbulkan gerakan-gerakan dakwah. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Arqam dan Tabligh, di samping gerakan dakwah yang diselenggarakan oleh PAS, muncul sebagai saluran-saluran untuk menampung gerakan sosial.

Gerakan-gerakan ini umumnya membawa tema 'kembali kepada Islam' sebagai tumpuan mereka untuk menyelesaikan pelbagai masalah sosial. Tema ini khasnya dibawa oleh PAS 'pimpinan ulama' dan ABIM, sementara Arqam cuba membawa anggota-anggotanya 'hidup mengikut sunnah Nabi', sedangkan Tabligh mengelak keterlibatan dalam soal-soal politik dan semata-mata menumpu kepada ibadah.

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan 'kebangkitan semula Islam' ini? Beberapa kajian baik telah dibuat di negara kita dan di seluruh dunia tentang tajuk ini. (2) Saya bersetuju dengan mereka tentang beberapa perkara. Keadaan kecamuk politik dunia khasnya sejak Perang Dunia II dengan kebobrokan ideologi-ideologi moden, nasionalisme, liberalisme, sosialisme dan komunisme, merupakan faktor utama yang menyebabkan rakyat Malaysia yang beragama Islam berpaling semula kepada Islam untuk mencari keselamatan. Tidak harus dilupakan bahawa dalam agama-agama lain, arus kembali kepada ajaran spiritual juga berlaku pada waktu ini kerana sebab yang sama. (3)

Faktor kedua kemenangan Revolusi Islam Iran. Kebangkitan rakyat Iran menentang rejim reaksioner dukungan Amerika Syarikat merupakan satu aliran yang selaras dengan perkembangan politik Dunia Ketiga untuk membebaskan diri dari kongkongan dua kuasa raksasa dunia, Amerika Syarikat dan Rusia. Pengaruh revolusi ini

kepada umat Islam sangat besar. Ia memulihkan semangat umat Islam dan memperkuat hasrat mereka untuk mewujudkan sebuah negara Islam di negara masing-masing.

Di samping itu, kekayaan minyak di negara-negara Islam di Asia Barat menyebabkan negara-negara ini, seperti Arab Saudi, Kuwait dan lain-lain, menjadi terkenal dengan curahan wang mereka untuk gerakan-gerakan Islam. Kekayaan wang ini juga telah menonjolkan gerakan 'kebangkitan semula' Islam ini.

Tetapi, setelah hampir dua puluh tahun gerakan ini berjalan, apakah hasil-hasilnya? Apakah Islam menjadi lebih kuat dan dipandang tinggi oleh masyarakat umum? Mengambil revolusi Iran sebagai contoh, peperangan Iran-Iraq selama tujuh tahun dengan pengorbanan jiwa dan harta yang amat banyak, dan perpecahan di Iran antara golongan-golongan agama dan sekular sangatlah mengecewakan. Nyatalah revolusi ini, walaupun gagah dan agung pada peringkat awalnya dengan kebangkitan rakyat yang menggulingkan Shah yang perkasa itu, tidak dapat menyatupadukan rakyat Iran serta membawa kesejahteraan kepada mereka. Mengapa?

Ini satu soalan yang amat penting. Jawapan yang betul kepada soalan ini akan memberi kepada kita anak kunci untuk membuka rahsia kegagalan 'kebangkitan semula' Islam ini.

Pertama sekali, ia satu semangat baru yang berdasarkan emosi. Perasaan tertekan dan terhina yang lama pada masyarakat Islam di merata dunia seolah-olah sekaligus dihapuskan oleh ledakan besar revolusi Iran. Walaupun emosi tidak boleh dipermudah dalam tindak-tanduk manusia, untuk kekal emosi ini harus berasaskan ilmu. Adakah umat Islam hari ini mempunyai ilmu yang sesuai untuk mentadbirkan masyarakat moden?

Pentadbiran moden bukan saja memerlukan ilmu politik dan ilmu ekonomi moden tetapi juga ilmu sains dan falsafah. Kesemua ini umat Islam tidak punya. Ilmu politik dan ilmu ekonomi yang mereka anut dan amalkan itu adalah ilmu-ilmu yang mereka pinjam dan sesuaikan daripada Barat. Demikian juga ilmu sains dan falsafah. Ilmu yang umat Islam punyai sendiri ialah ilmu yang mereka warisi dari nenek-moyang mereka seribu tahun dulu: ilmu tafsir, ilmu Hadis, ilmu tawhid, ilmu fikah dan ilmu tasawuf. Sebahagian besar ilmu ini sudah ketinggalan zaman, kerana berdasarkan pemahaman dan tafsiran oleh ulama klasik konservatif.

Sungguh malang bagi masyarakat Islam bahawa aliran fikiran klasik progresif yang dibina oleh tokoh-tokoh sains dan falsafah

mereka, seperti ibn Sina, ibn Rushd, al-Kindi, al-Razi, al-Khwarizmi, al-Battani, al-Biruni dan ibn Khaldun telah disingkirkan dari pemikiran umat Islam oleh ulama konservatif seperti Shafi'e, al-Ghazzali, Asha'ari dan lain-lain. Penting untuk diperhatikan bahawa aliran progresif ini telah menyeberang ke Eropah melalui Siciliy dan Sepanyol dan diwarisi oleh Eropah moden, dan hari ini bila golongan konservatif dalam masyarakat Islam mengutuk sains dan tamadun Barat, mereka sebenarnya mengutuk sebahagian dari warisan mereka sendiri. Ini satu petanda yang mendedahkan ideologi mereka yang mundur dan reaksioner.

Kelubung 'Kekeliruan Besar'

Nyatalah bahawa masyarakat kita sekarang berada di bawah kelubung satu 'Kekeliruan Besar'. Kita tidak boleh berbalik kepada zaman sebelum 13 Mei - zaman ideologi sekular totok - kerana ideologi-ideologi ini dalam sifat murninya sudah gagal. Eropah Barat sebagai pusat ideologi liberal dan Rusia sebagai pusat ideologi komunis, telah dan sedang bergerak menuju suatu sintesis ideologi.

Kita telah cuba beralih kepada Islam, lebih tepat aliran konservatif Islam. Setelah hampir 20 tahun gerakan ini dan setelah hampir 10 tahun dasar penerapan nilai-nilai Islam, nyatalah kita gagal mencapai kejayaan. Sekiranya aliran konservatif seperti yang dianjurkan oleh PAS dan ABIM satu aliran yang berpotensi, ia mesti telah dapat menyatupadukan, bukan sahaja masyarakat Islam di Malaysia tetapi seluruh rakyat. Fakta ini dengan fakta kegagalan golongan konservatif di Iran menunjuk kepada satu kesimpulan yang jelas: bahawa Islam aliran konservatif tidak boleh menjadi alternatif kepada ideologi sekular totok sebagai ideologi bangsa.

Ke mana kita hendak pergi dari sini? Kita tidak boleh berdiri lama di sini. Sebagai wilayah 'kekeliruan besar', ia wilayah bahaya. Buktinya perpecahan UMNO. Kita perlu segera mencari satu jalan keluar yang selamat dari bahaya ini.

BAHAGIAN II

Adakah Perpecahan Satu Undang-undang Masyarakat?

Rakyat kita sudah biasa dengan perpecahan sejak beberapa lama dan dengan politik jamak parti sejak kemerdekaan, maka kita kerap kali menganggap bahawa perpecahan dan politik jamak parti suatu kelaziman masyarakat. Kita lupa bahawa ada masa-masanya dalam sejarah bangsa kita bila kita bersatu, khasnya untuk menghadapi musuh bangsa. Contohnya, bila Kerajaan Melayu Melaka dilanggar oleh Feringgi dalam tahun 1511 bila seluruh bangsa bangun melawan musuh (malangnya kita gagal), dan bila sekali lagi seluruh bangsa kita bangun melawan komplot penjajah '*Malayan Union*' dalam tahun 1948 (bila kita menang). Kita juga kerap kali lupa bahawa konsep demokrasi Barat dengan amalan jamak parti ini satu import baru dalam masyarakat kita, satu gagasan pemerintahan yang tidak semestinya paling baik atau sesuai dengan bakat bangsa kita.

Kata pepatah, bila sesat di hujung jalan, balikkah ke pangkal jalan. Inilah yang patut kita lakukan sekarang. Kita sekarang sesat di dalam hutan kehidupan moden. Mari kita berpatah balik dalam perjalanan kita. Ini tentu akan mengambil masa, tetapi tentu jauh lebih baik kita mengorbankan sedikit masa untuk mencari jalan yang betul daripada merodong di jalan yang salah!

Konflik dan perpaduan, dua ciri kehidupan sosial. Di antara dua ciri ini, perpaduanlah ciri asas, kerana konflik itu sendiri bertujuan untuk mencapai perpaduan di peringkat yang lebih tinggi. Manusia tidak boleh hidup berkeluarga, bersuku, berkaum, berbangsa - pendek kata bermasyarakat - tanpa perpaduan. Perpaduan ini perlu untuk kerjasama antara anggota-anggota masyarakat bagi mencapai keperluan dan kebahagiaan masyarakat.

Ambil contoh unit masyarakat paling kecil, keluarga, yang terdiri dari dua orang ibu-bapa dan anak-anak. Dalam keluarga ini mesti wujud perpaduan dan kerjasama untuk memelihara keselamatan keluarga serta mencari keperluan-keperluan hidup keluarga. Apakah asas perpaduan dan kerjasama ini? Asasnya itu kasih-sayang semulajadi antara suami-isteri dan anak-anak. Namun demikian, wujud pula sifat semulajadi egoisme dan cemburu pada masing-masing individu dalam keluarga itu, dan ini menjadi asas kepada konflik yang juga wujud. Tetapi oleh kerana keperluan bersatu dan bekerjasama itu lebih utama dari segi keselamatan dan kebahagiaan

keluarga dan kemudiannya masyarakat, maka konflik ego ini dibendung melalui proses sosialisasi dan prinsip-prinsip etika yang lebih tinggi.

Walaupun unsur konflik nampak negatif dan merosakkan, sebenarnya ia mempunyai segi positif dan membina. Oleh kerana pertentangan dalam bentuk perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara wujud dalam keluarga dan masyarakat, maka timbul konsep musyawarah untuk menyelesaikan perbezaan pendapat ini serta mencapai maufakat berdasarkan kebaikan dan kebenaran dan, dengan itu, meningkatkan mutu kehidupan keluarga dan masyarakat. Inilah yang membawa kepada kemajuan keluarga dan masyarakat.

Perpaduan-konflik-perpaduan atau konflik-perpaduan-konflik inilah kedudukan masyarakat dari segi perspektif undang-undang semulajadi sejarah dan sosial. Oleh yang demikian, kita boleh pilih sama ada kita suka berpecah dan hancur, mengikut perspektif kedua, atau kita suka bersatu dan maju, mengikut perspektif pertama. Sejarah tamadun manusia telah memberi banyak contoh empayar dan tamadun yang jatuh dan lenyap dalam sejarah. Kita mestilah mencari satu formula yang boleh menyelamatkan masyarakat dan bangsa kita buat selama-lamanya.

Perpaduan konsep kesatuan hidup, atau mengikut istilah agama, tawhid. Tawhid berlawanan dengan konsep dualisme yang mengajar bahawa dunia terbahagi kepada dua unsur. Konsep tawhid yang bererti keesaan Tuhan dan kesatuan kehidupan diajar oleh Tuhan kepada manusia melalui wahyu-wahyunya kepada rasul-rasulnya dari Adam hingga Muhammad (sejahtera kepada mereka semua), dan dijelaskan dalam Quran dengan terang sekali seperti berikut:

Demikianlah agama kamu: satu agama, dan Aku Tuhanmu; oleh itu, sembahlah Daku. Walau bagaimanapun mereka membahagikan diri mereka kepada agama-agama yang berbeza; semuanya akan kembali kepada kami. (21:92-93)

Ayat ini dengan jelas menerangkan kesatuan manusia dari segi asalnya dan dari segi kemungkinannya, tetapi perpecahan kepada puak dengan ideologi masing-masing berlaku kerana kepentingan. Oleh yang demikian, faham atau ideologi tawhidullah yang akan mengembalikan masyarakat manusia ke atas landasan perpaduan, dan menghindarinya daripada tenggelam dalam lautan konflik dan kehancuran.

Menilai Gerakan-gerakan Reformasi Yang Lalu

Tulisan ini mengemukakan jalan keluar bagi masyarakat kita sekarang melalui satu gerakan reformasi sosial yang besar berdasarkan ajaran-ajaran yang benar, iaitu ajaran Ilahi. Reformasi masyarakat atau islah bukan satu perkara baru dalam masyarakat kita. Malah kita boleh mengatakan bahawa reformasi masyarakat satu kemestian bagi semua masyarakat, walau bagaimana beku pun sesuatu masyarakat itu, kalau ia hendak kekal. Ini hukum sejarah yang menentukan pergerakan dan perkembangan masyarakat. Gerakan-gerakan nasionalis, keagamaan dan sosialis dalam masyarakat kita mulai kira-kira dalam dekad kedua puluh, boleh kita namakan sebagai gerakan-gerakan reformasi, kerana masing-masing hendak mengubah masyarakat mengikut imej mereka.

Gerakan nasionalis-liberal yang boleh kita kesan daripada penulis Abdullah Munshi dalam setengah pertama abad kesembilan belas kepada Mohd. Eunus Abdullah, pemimpin liberal masyarakat Melayu Singapura sebelum Perang Dunia II, yang kemudian berkumpul dalam UMNO yang ditubuhkan pada 1946 dan yang sejak itu menjadi asas politik kebangsaan dan asas pemerintahan kita, satu gerakan reformasi. Gerakan nasionalis-sosialis yang dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda yang kemudian menjadi Parti Kebangsaan Melayu Malaya, gabungan PUTERA-AMCJA*, Fron Sosialis dan PSRM sekarang dengan pemimpin-pengagasnya Ibrahim Yaakob, Ahmad Boetamam dan Ishak Hj. Muhammad, satu lagi gerakan reformasi. Demikian juga Gerakan Islamis progresif yang dipelopori oleh Syed Sheikh al-Hadi dan rakan-rakannya dari dekad pertama abad kedua puluh dan kemudian oleh Dr. Burhanuddin dan partinya PAS yang sekarang ini dikuasai oleh golongan konservatif.

Ini tiga aliran islah yang telah wujud dalam masyarakat kita sejak tahun-tahun 1930-an atau lebih awal. Aliran-aliran ini bertindan-tindih dan tidak boleh dipisahkan secara mutlak, khasnya pada peringkat awal. Umpamanya, Dr. Burhanuddin dan Zaaba sekaligus tokoh-tokoh nasionalis, Islamis dan progresif. Boestamam dan Ishak Haji Muhammad sekaligus nasionalis dan sosialis. Ini menunjukkan bahawa pecahan ideologi-ideologi politik ini, dari segi faham kesa-

*PUTERA-AMCJA. Singkatan daripada Pusat Tenaga Rakyat yang terdiri daripada Partai Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar, Barisan Tani Se-Malaya, Hizbul-Muslimin dan gerakan Angkatan Muda. AMCJA. Singkatan daripada All-Malaya Council of Joint Action, gabungan badan-badan-badan kiri bukan Melayu.

tuan manusia, tidak ada asas yang mantap. Tetapi soalan yang lebih pokok bagi kita: Mengapakah mereka semua gagal membawa perubahan yang kita harap-harapkan setelah bergerak dalam masyarakat selama lebih 40 tahun? Banyak perubahan yang bercampur-baur sifatnya memang telah berlaku, seperti kemasukan sistem demokrasi berparlimen, kemajuan ekonomi, kemajuan pendidikan, reformasi undang-undang, kemajuan kaum wanita, kemajuan kesihatan dan sebagainya - dan perubahan-perubahan ini tidak dapat dielak kerana sebahagian dari proses pemodenan ala Barat - tetapi perubahan-perubahan mental, moral dan spiritual yang harus menjadi asas kepada gerakan reformasi ini telah tidak kita laksanakan. Oleh yang demikian, kehidupan kita menjadi tempang. Inilah kegagalan ketigatiga gerakan islah ini. Kegagalan inilah yang harus kita atasi sekarang.

BAHAGIAN III

Sesat Di Hujung Jalan, Balik Ke Pangkal Jalan

Kegagalan ketiga-tiga aliran islah yang kita sebut di atas, pada dasarnya, kerana penyelewengan mereka dari garis kebenaran dan keadilan. Ketiga-tiga garis itu melambangkan perpecahan ideologi puak yang utama dalam dunia abad kedua puluh. Ketiga-tiga garis ini tidak boleh menyatu-padukan rakyat kerana sifat kepuakannya. Apa yang diperlukan untuk menyatu-padukan rakyat ialah garis ideologi kesatuan, atau dalam istilah agama kita, tawhid. Inilah garis kebenaran dan keadilan. Dikatakan bahawa bila Nabi Muhammad memasuki kembali kota Mekah sebagai pembebas dan penakluk, beliau membaca ayat suci: "*Katakanlah, 'Kebenaran telah datang dan kepalsuan bapus. Sesungguhnya, kepalsuan pasti bapus.'*" (17:81) (4) Bukankah ini keadaan yang kita kehendaki sekarang? Muhammad membawa ayat ini kepada orang Arab abad ketujuh sebagai wahyu Ilahi; dunia saintifik moden memahaminya sebagai satu undang-undang Alam Semesta. (5)

Ideologi humanisme sekular dan ideologi keagamaan konservatif masing-masing membahagikan dunia kepada dua wilayah yang berasingan, malah bertentangan: dunia dan akhirat. Ideologi pertama mentadbirkan dunia dan ideologi kedua mentadbirkan akhirat dalam satu koeksistensi yang tidak berprinsip dan tidak stabil. Ini faham dualisme falsafah yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar yang menganjurkan monisme falsafah atau faham falsafah tawhid. Dualisme falsafah inilah sebab asas krisis anekaragam yang kita alami hari ini. Kita harus menolak dualisme falsafah ini dan kembali kepada falsafah tawhid Islam jika kita inginkan perpaduan dan kemajuan untuk bangsa dan untuk dunia.

Gerakan reformasi besar untuk mengeluarkan masyarakat kita dari kegelapan sekarang kepada terang (6) mestilah berdasarkan ideologi tawhid ini dan bukan ideologi kepuakan liberalisme, atau sosialisme, atau keagamaan tradisional. Inilah perkara pertama yang harus kita fahami. Tetapi setelah kita menolak ideologi-ideologi ini dari segi prinsip, tidak bermakna kita menolaknya secara keseluruhan. Sains dan teknologi moden seluruhnya, dan sebahagian dari ilmu moden, seperti falsafah, sosiologi, sains-sains sosial dan sebagainya yang dicipta oleh dunia moden, termasuk yang dicipta oleh ahli-ahli sains dan falsafah Islam awal, sah dan terpakai dari segi faham tawhid tadi. Cerdik pandai kita yang

berpegangan tawhid perlu menilai, mengkritik dan mengasimilasi semua hasil tamadun moden, termasuk faham keagamaan konservatif, untuk dijadikan asas tamadun baru yang akan diwariskan kepada abad kedua puluh satu.

Kita akan ditanya apakah pegangan tawhid? Soalan ini perlu kita hadapi dan jawabannya tidak boleh ditangguhkan. Dari segi praktik, kita perlu kepada jawaban ini supaya kita dapat menggunakannya untuk mengkritik dan menilai semua warisan tamadun dan untuk membimbing kehidupan kita sekarang dan masa akan datang.

Pegangan tawhid itu pegangan falsafah sepadu yang diajar oleh Tuhan kepada manusia dalam kitab-kitab suciNya yang disampaikan melalui nabi-rasulNya daripada Adam hingga kepada Muhammad, yang disempurnakan dan dikemaskini dalam edisi terakhirnya Quran, dan disahkan oleh ilmu dan akal. Ayat akhir ini penting untuk menegaskan bahwa wahyu, ilmu dan akal tidak boleh bercanggah dan merupakan satu kesepaduan. Inilah perkara yang kedua yang mesti difahami.

Gerakan reformasi besar ini perlu sekali mengkritik, bukan saja kedua-dua cabang ideologi humanisme sekular, iaitu liberalisme dan marxisme, tetapi juga khasnya faham keagamaan tradisional. Faham keagamaan ini telah dan terus mendakwa bahawa ia wakil sah bagi ideologi spiritual yang sedang kita perkatakan. Dakwaan ini tidak berasas. Faham keagamaan tradisional dalam segala cabanganya, Judaisme, Hinduisme, Buddhisme, Kristian dan Muhammadanisme (7), telah mencampuradukkan faham tawhid Islam murni dengan autoriti-autoriti insaniah melalui pendewaan para nabi dan pemimpin agama. Tidak hairanlah dalam **surah 25, ayat 30**, Quran telah menerangkan: "*Rasul akan berkata, 'Tubanku, umatku telah membelakangkan Quran ini.'*" Membelakangkan Quran bermakna menjadikan buku-buku falsafah dan kitab-kitab agama yang dikarang oleh manusia rujukan utama mengatasi Quran. Inilah yang telah dilakukan oleh semua kumpulan ideologi sejak beratus-ratus tahun.

Menggunakan Quran sebagai panduan dan rujukan asas bagi gerakan reformasi masyarakat kita tidak bermakna sesuatu kumpulan tertentu boleh membolot pimpinan gerakan ini. Quran sebuah kitab suci yang dihantar kepada semua manusia dan terbuka kepada siapa saja yang ingin mencari kebenaran dan keadilan. Malah ia terbuka kepada mereka yang jujur untuk mencari kebe-

naran saja. (8) Oleh yang demikian, Quran mestilah difahami dari segi ilmu dalam ertikata yang luas, termasuk sains, falsafah dan ilmu-ilmu moden. Inilah perkara ketiga yang harus difahami.

Setengah kita akan merasa ragu apakah boleh sebuah masyarakat moden seperti Malaysia melaksanakan satu gerakan islah berdasarkan Quran. Kritikan golongan humanis sekular akan berkisar kepada ketidaksesuaian ajaran Quran dengan masyarakat moden. Kritikan golongan keagamaan tradisional akan berkisar kepada ketidakmampuan kita untuk mengikuti Nabi Muhammad 'yang maksum'. (9)

Kritikan golongan pertama boleh dijawab sebahagiannya dengan kritikan mereka sendiri terhadap cabang falsafah lawannya yang dengan sendirinya membatalkan kemantapan falsafah itu - liberalisme dibatalkan oleh kritikan marxisme dan marxisme dibatalkan oleh kritikan liberalisme, sedang sains dan falsafah sejak Einstein membatalkan kedua-duanya. (10)

Kritikan-kritikan teori ini telah disahkan oleh kehidupan masyarakat-masyarakat yang mempraktikkan falsafah itu sendiri dalam masa seratus tahun yang lalu. Kedua-dua liberalisme dan marxisme klasik telah dipinda berkali-kali oleh negara-negara pengasas falsafah itu sendiri, Eropah dan Rusia, dan hari ini sebahagian daripada bijak pandai mereka telah mulai mengaku tentang keperluan manusia kepada suatu falsafah spiritual. (11)

Sebahagian lagi boleh dijawab demikian: Walaupun saranan "Kembali kepada Islam" telah lama didengar, saranan "Kembali kepada Quran" satu saranan baru yang harus dibezakan dari saranan lama itu. Islam sebagai ajaran **universal** hanya terdapat dalam Quran, kerana Quran tidak terikat kepada mana-mana zaman. Huraian dan tafsiran yang dibuat oleh ulama klasik terikat kepada zaman mereka, dan kita sekarang tidak boleh mengikat diri kita kepada huraian dan tafsiran itu, kerana keadaan kita sudah berubah. Kita harus berjihad, berdasarkan petunjuk dalam Quran, untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat moden kita.

Quran kaya dan lengkap dengan idea dalam pelbagai bidang: politik, ekonomi, undang-undang, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, ilmu dan keluarga - dan kita harus menggunakan idea-idea ini untuk mewujudkan sebuah falsafah politik moden untuk negara kita. Umpamanya, dalam bidang undang-undang perlembagaan, idea Quran mengenai kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi satu idea yang cukup bernas dibandingkan de-

ngan idea falsafah sekular kedaulatan rakyat tanpa kedaulatan Ilahi dan dengan idea falsafah keagamaan tradisional kedaulatan Ilahi tanpa kedaulatan rakyat. Tetapi idea kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi perlu dijihtihadkan bersama-sama idea politik Quran yang lain untuk menyusun sebuah perlembagaan Islam moden.

Begitulah dengan banyak idea lain yang bernas dalam Quran dalam bidang sosioekonomi perlu dikaji oleh cerdik pandai Islam dan diberi bentuk-bentuk yang sesuai dalam masyarakat moden kita. Inilah cabaran intelektual yang utama yang dihadapi oleh cendekiawan Islam zaman ini. Dulu yang menghalang kita dari menjadikan Quran sebagai bimbingan hidup ialah sikap kita yang salah yang menganggap agama hanya bidang ibadah dalam ertikata yang sempit, dan yang menganggap Quran sebagai sesuatu yang asing bagi kita. Sikap salah ini perlulah diperbetulkan dengan segera dan Quran dijadikan panduan dalam kehidupan politik bangsa.

Kritikan golongan kedua penuh dengan kontradiksi. Di satu pihak, mereka menggesa supaya mencontohi Nabi; di pihak lain, mereka meletakkan Nabi di satu peringkat ketinggian yang tidak boleh dicontohi oleh manusia. Di satu pihak, mereka gemar menunjuk kepada tamadun Islam awal yang agung; di pihak lain, mereka enggan mengaku bahawa generasi-generasi Islam awal meningkat ke mercu kuasa dan tamadun pada ketika itu kerana ideologi Quran yang dinamik dan progresif yang mereka anuti. Dengan demikian, kritikan mereka batal dengan sendirinya.

Mereka juga mendakwa Quran sukar hendak ditafsir, dan tafsiran hanya boleh dilakukan oleh ulama. Dakwaan ini tidak sepenuhnya benar, kerana, mengikut Quran sendiri, ayat-ayat Quran terdiri dari dua jenis, iaitu ayat *mubkamat*, yang terang dengan sendirinya, dan ayat *mutasyabihat*, yang bersifat kiasan dan yang perlu ditafsirkan oleh "orang-orang yang mendalami ilmu". (12) Dari sini dapat diketahui bahawa ayat-ayat yang berhubung dengan perintah, sama ada suruhan atau larangan, terang dan tidak harus menimbulkan salah faham. Ayat-ayat ini termasuk perintah beriman kepada Tuhan yang esa saja dan tidak menyengutkannya, perintah menaati Tuhan dan pemimpin-pemimpin yang baik, perintah berbuat baik, perintah menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, perintah berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, perintah melarang pembunuhan, riba, fitnah, kezaliman, pengkhianatan, kesaksian palsu dan zina, dan perintah mendirikan sem-

bahyang dan bersedekah. Semua perintah ini amat terang dan tidak memerlukan tafsiran.

Ayat-ayat mutasyabihat atau kiasan merujuk kepada perkara-perkara yang belum atau sukar diketahui, seperti kejadian manusia dan alam semesta, sifat-sifat Tuhan, sejarah purba, Hari Kemudian, syurga dan neraka. Ayat-ayat ini tidak perlu dibahas oleh rakyat biasa, dan tafsirannya patut ditinggalkan kepada mereka yang benar-benar mengkaji bidang-bidang tersebut.

Tidak syak lagi, kita memerlukan satu kaedah yang lebih saintifik daripada yang wujud sekarang untuk memahami dan mentafsir Quran untuk mengelak dan mengatasi masalah tafsiran subjektif dan sewenang-wenang. Saya yakin kaedah saintifik ini boleh diwujudkan, kerana Quran itu sebuah kitab suci yang berdasarkan kebenaran dan logika, dan tidak ada percanggahan dalam isinya.

Suasana tegang dunia dalam zaman Perang Dingin selepas Perang Dunia II hari ini telah banyak mereda. Walaupun perang belum hapus kaedah dialog dan perundingan lebih banyak digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah nasional dan internasional. Keangkuhan hendak mempertahankan ideologi kepuakan masing-masing tidak kedengaran lagi. Dunia hari ini lebih bersedia untuk berunding dan mengiktiraf kebenaran pihak lawan daripada masa-masa lain di masa lampau. Ini satu pertanda penting bahawa zaman ideologi puak sudah berlalu, dan satu zaman baru sintesis ideologi berdasarkan kebenaran dan keadilan sedang muncul.

Perubahan Berdasarkan Hukum Perkembangan Masyarakat

Quran menerangkan bahawa Tuhan telah menjadikan alam semesta ini mengikut kadar (13). Ini bermakna perkembangan masyarakat berlandaskan hukum yang boleh dikaji dan diramalkan. Oleh yang demikian reformasi masyarakat kita mestilah sesuai dengan hukum ini. Apakah hukum-hukum perkembangan masyarakat? Quran mengajar kita bahawa sebuah masyarakat hanya akan berubah apabila rakyat mengubah jiwa dan fikirannya (14), dan perubahan fikiran dan jiwa ini hanya akan berlaku melalui aktiviti rakyat itu sendiri. (15) Perubahan ini sama ada dari jahat ke baik atau dari baik ke jahat. Quran juga mengajar kita bahawa kebaikan itu daripada Tuhan dan kejahatan itu daripada Syaitan. Oleh yang

demikian, gerakan reformasi yang kita kehendaki ialah gerakan mengubah fikiran dan jiwa rakyat kita dari yang tidak baik atau kurang baik kepada yang baik mengikut ajaran Tuhan. Ajaran Tuhan yang dijamin oleh Tuhan Sendiri pada zaman ini terkandung sepenuhnya dalam al-Quran.

Ilmu untuk mengubah masyarakat, walaupun penting dan perlu, tidak mencukupi jika tidak diamalkan. Inilah sebabnya Tuhan memerintahkan kita dalam al-Quran:

Hendaklah ada di antara kamu satu kumpulan yang menyerukan kebaikan, menyuruh kepada yang betul dan melarang yang salah. Merekalah yang menang.

(3:104)

Perintah ini ditujukan bukan saja kepada pihak yang berkuasa tetapi juga kepada rakyat biasa, kerana, pada dasarnya, kuasa itu berada dalam masyarakat daripada Tuhan. Jika rakyat biasa tidak mempunyai kesedaran moral, maka ini akan terbayang dalam pemerintahan. Pemerintah dan rakyat biasa itu dua pola yang wujud dalam keadaan keseimbangan dan pada setiap masa saling mempengaruhi antara satu sama lain. Jika keadaan dalam masyarakat merosot, bukan saja pemerintah, tetapi juga pemimpin-pemimpin lain dan juga cerdik pandai serta masyarakat turut bertanggungjawab. Ini undang-undang sejarah dan masyarakat. Sebab itu pepatah Inggeris ada berkata: "*Sesuatu bangsa memperoleh kerajaan sepadan dengannya.*"

Oleh yang demikian, pemimpin, cerdik pandai dan rakyat kita mestilah aktif memainkan peranan masing-masing "menyerukan kebaikan, menyuruh yang betul dan melarang yang salah."

Tetapi apakah "kebaikan" dan "kejahatan"? Kita perlu mengetahui ini sebelum kita dapat melaksanakan perintah tersebut. Dari Quran dan ajaran-ajaran spiritual dan moral lain yang universal, diketahui bahawa kebaikan itu beriman kepada Tuhan dan tunduk kepadaNya semata-mata dan tidak menyengutukanNya, berbuat baik kepada ibu-bapa, keluarga dan sanak-saudara, jiran dan sesama manusia, menolong orang lemah dan orang dalam kesusahan, berlaku adil terhadap orang lain, tidak mengamalkan riba, memberi keterangan yang benar, tidak membuat fitnah, tidak menghasut dan tidak bersubahat membuat kejahatan, bersatupadu dan bekerjasama untuk kebaikan, menentang penceroohan dan kezaliman,

tidak menipu, tidak berzina, tekun dan rajin, jujur, sabar menghadapi kesusahan, berdisiplin, berunding dan bermuafakat untuk menyelesaikan masalah, hormat-menghormati antara satu sama lain, berkelakuan baik dan tidak sombong - semua ini di antara perbuatan-perbuatan baik, dan sebaliknya itu kejahatan.

Apa yang kekurangan di kalangan rakyat kita hari ini ialah idealisme moral untuk menjadikan diri mereka agen-agen aktif dan progresif dalam perubahan masyarakat. Bukan saja setiap kita perlu menjadi agen perubahan masyarakat yang aktif, tetapi lebih penting kita perlu menjadi agen perubahan kepada masyarakat yang lebih baik. Daripada masyarakat yang kini teruk berpecah-belah, kita perlu membuat perubahan kepada masyarakat yang bersatu-padu. Daripada masyarakat yang kini mundur, pasif dan beku kepada masyarakat yang maju, dinamik dan kreatif. Daripada masyarakat yang kini banyak berpegang kepada tahtul kepada masyarakat yang berpegang kepada ilmu dan sains. Daripada masyarakat yang kini terlalu materialistik kepada masyarakat yang mendukung tinggi nilai-nilai spiritual, moral dan intelektual. Inilah perubahan yang kita perlukan.

Bagaimanakah Perubahan Yang Dikehendaki Boleh Diwujudkan?

Selanjutnya kita ingin mengetahui siapakah yang akan membawa perubahan ini, dan bagaimana? Quran mengajar kita bahawa semua kuasa milik Tuhan, dan Ia memberi kuasa ini sebagai amanah kepada rakyat melalui pemimpin-pemimpin mereka. Oleh yang demikian, kuasa untuk mengubah masyarakat berada di tangan rakyat. Masyarakat bertindak melalui dan bersama pemimpin-pemimpin mereka. Tetapi sejarah telah menunjuk kepada kita bahawa rakyat boleh dipengaruhi untuk bertindak sama ada untuk kebaikan atau kepada kejahatan. Revolusi Islam pertama di bawah pimpinan Muhammad contoh pertama dan pemerintahan Nazi Jerman di bawah Hitler contoh kedua. Jadi, apakah yang akan menjamin bahawa perubahan itu perubahan kepada yang baik?

Tidak ada jaminan sebenarnya kecuali perjuangan rakyat yang berterusan di jalan kebenaran, atau dalam istilah agama, di jalan Allah. Apabila rakyat, melalui perjuangan sekumpulan daripada mereka, mempunyai kesedaran moral dan memiliki suatu ideologi atau pandangan hidup yang berdasarkan kebenaran dan keadilan, maka rakyat seperti itulah yang menjadi jaminan mutlak kepada kebaikan masyarakat. Selagi sesebuah masyarakat mempunyai rakyat

seperti ini, selagi itulah penyelewengan besar dan kezaliman tidak boleh berlaku. Inilah makna firman Tuhan yang berikut dalam Quran:

Sekiranya generasi-generasi dulu ada sesetengah rakyat yang cerdas yang melarang mereka daripada melakukan kerosakan, mereka tentu akan diselamatkan. Tetapi kami menyelamatkan sebilangan kecil, sementara yang zalim memburu keseronokan material masing-masing dan menjadi berdosa. Tuhan kamu tidak pernah memusnahkan sesuatu masyarakat secara zalim selagi anggota-anggotanya berbuat baik (11:116-17)

Masalah Nasionalisme Dan Kepimpinan Melayu

Soal nasionalisme sering menimbulkan salah faham di kalangan rakyat sekarang. Ini berlaku oleh kerana adanya dua pengertian yang berbeza bagi perkataan ini. Makna yang lazim bagi nasionalisme itu ideologi yang menganjurkan pembinaan sebuah masyarakat berdasarkan kedaulatan bangsa, berasingan dan bertentangan dengan bangsa-bangsa lain. Makna yang kedua itu patriotisme atau perasaan cinta kepada tanahair.

Dalam ertikata yang pertama, nasionalisme satu konsep yang negatif, kerana ia boleh membawa kepada perkauman atau chauvinisme dan pertentangan dengan bangsa-bangsa lain dan kepada peperangan antara kaum atau bangsa. Ini salah satu punca rusuhan perkauman 13 Mei. Ini juga salah satu punca dua peperangan dunia yang dahsyat itu.

Dalam ertikata yang kedua, *nation* atau bangsa, satu konsep geografi dan sejarah, satu kelompok masyarakat yang memiliki beberapa ciri bersama: sebuah tanahair, satu sejarah, satu bahasa kebangsaan, satu sistem pemerintahan dan sebagainya satu perkara semulajadi dan boleh wujud dalam hubungan harmoni dengan masyarakat antarabangsa. (16)

Kedua-dua pengertian ini tidak harus dikelirukan. Nasionalisme tulen tidak akan memberi tempat kepada nasionalisme lain, atau kepada ideologi lain, tetapi patriotisme menekan hak sesuatu bangsa untuk hidup dalam keadilan tanpa ditekan oleh negara-negara yang lebih kuat, di samping bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain untuk kebaikan.

Negara merdeka kita yang pertama, Persekutuan Tanah Melayu, didirikan di atas asas nasionalisme Melayu yang berakar-umbi

dalam sejarah kesultanan Melayu Melaka abad kelima belas dan keenam belas. Kesultanan Melayu Melaka pula sebahagian dari Alam Melayu yang pada zaman prapenjahah terdiri dari beberapa kesultanan di Semenanjung, Kalimantan, Sumatera, Jawa dan Sulawesi. Nasionalisme Melayu ini, walau bagaimanapun, kerana keadaan penduduk Semenanjung Tanah Melayu, telah menerima kehadiran dan hak kaum-kaum pendatang Cina dan India di Persekutuan waktu Persekutuan mengisytiharkan kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Oleh kerana kesinambungan sejarah ini - di antara kesultanan-kesultanan Melayu prapenjahah dengan Persekutuan Tanah Melayu - maka kesultanan Melayu dan kepimpinan Melayu kekal dipertahankan hingga hari ini dalam masyarakat kita yang majmuk.

Namun, oleh kerana perubahan pesat yang sedang berlaku kepada peta ideologi dan politik dunia, khasnya dalam masa dua puluh tahun yang lalu, dan oleh kerana pengaruh nasionalisme semakin pupus, maka soal nasionalisme dan kepimpinan Melayu di Malaysia menjadi tanda-tanya. Bolehkah bangsa Melayu mempertahankan kebangsaan dan kepimpinan Melayu di Malaysia bila masyarakat Melayu sendiri berpecah? Soal ini hanya akan terjawab dengan penyelamatan masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia dari kehancuran melalui satu gerakan reformasi masyarakat yang besar yang kita kemukakan dalam tulisan ini.

Masalah Masyarakat Majmuk

Bolehkah formula "reformasi masyarakat berdasarkan ajaran Quran" digunakan untuk sebuah masyarakat majmuk berbilang kaum dan agama seperti Malaysia? Tidak syak lagi, soalan ini timbul kerana kebimbangan kita untuk memcampur-baurkan agama dengan politik. Tarikan kita kepada falsafah humanisme sekular terletak pada sifat sekularnya yang mengasingkan wilayah dunia dan akhirat, politik dan agama, kerana percampuran di antara keduanya telah kerap kali menimbulkan kesulitan yang boleh membawa kepada fanatisme dan kekacauan. Adakah sistem Islam, seperti yang dianjurkan dalam al-Quran, membenarkan autonomi dalam hal-hal peribadi dan keluarga yang tidak melibatkan urusan masyarakat dan negara, seperti ibadah agama, perkahwinan dan sebagainya?

Walaupun dalam gagasan Islam, pada prinsipnya, tidak ada perbezaan di antara wilayah dunia dan akhirat, politik dan agama,

namun dari segi praktis dan untuk keperluan undang-undang negara dibezakan antara perbuatan-perbuatan yang bercorak sosial dan perbuatan-perbuatan yang bercorak peribadi. Biasanya undang-undang Islam dibahagikan ke dalam empat bidang: ibadat (hubungan dengan Tuhan), muamalat (urusan keduniaan), munakahat (perkahwinan) dan jinayat (undang-undang jenayah). (17) Bidang-bidang ibadat dan munakahat ditadbirkan di bawah tajuk undang-undang peribadi dan keluarga dalam undang-undang sekular, dan di bawah undang-undang Islam, bidang-bidang ini melibatkan orang-orang Islam saja dan mengecualikan orang-orang bukan-Islam yang ditadbirkan mengikut undang-undang agama dan adat mereka sendiri.

Walaupun bagaimanapun, perkara-perkara perincian seperti undang-undang dalam pelbagai bidang kehidupan (perlembagaan, politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain) tidak perlu dibincang di bawah tajuk ini. Apa yang mustahak itu suatu rumusan umum yang boleh mentadbirkan masyarakat majmuk pelbagai kaum dan agama ini dalam satu kesatuan dan autonomi undang-undang yang harmoni dan stabil. Rumusan ini disimpulkan dalam ayat-ayat Quran berikut:

"Katakanlah, Wabai ablul-kitab, marilah kita bersepakat di antara kita, kamu dan kami, babawa kita tidak akan menyembah selain Allah, kita dan kita tidak akan persekutukanNya dengan sesiapa pun, dan kita tidak akan melantik antara kita tuhan-tuhan selain Allah." (3:64)

"Ia memperundang-undangkan kepadamu agama yang sama seperti yang diperundang-undangkanNya kepada Nob, dan yang Kami wahyukan kepadamu, dan yang kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa. Tegakkan agama yang satu dan janganlah berpecah-belah." (42:13)

"Bagi setiap umat kami adakan ibadah-ibadah agama yang mereka ikut. Maka janganlah mereka bertengkar denganmu mengenai hal itu, tetapi serulah terus ke jalan Allah. Kau sebenarnya berada di jalan yang lurus." (22:67)

"Bagi tiap-tiap masyarakat telah kami tetapkan undang-undang dan cara-caranya. Sekiranya Allah membendaki,

tentulah Ia jadikan kamu satu umat, tetapi maksudnya bendak menguji kamu mengikut apa yang diberikanNya kepadamu. Hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan kebaikan. Kepada Allah kamu kembali semuanya."
(5:48)

Ayat-ayat di atas merujuk kepada satu prinsip yang amat penting dalam kehidupan moden, iaitu kesatuan dalam kepelbagaian, atau dalam falsafah negara Indonesia: *Bhinneka Tunggal Ika* ('berbeza-beza tetapi bersatu'). Kesatuan ini lahir dari kesamaan undang-undang universal yang ditetapkan oleh Pencipta Alam Semesta, dan kepelbagaian yang lahir dari kejamakan peraturan dan kaedah kerana perbezaan tempat dan masa, termasuk iklim, tradisi dan kebudayaan.

Yang harus diutamakan itu prinsip-prinsip kebenaran, keadilan dan persamaan yang menjadi asas kehidupan masyarakat, sedangkan perbezaan-perbezaan kerana ibadah, adat-istiadat, tradisi dan kebudayaan tidak harus dipertikai. Prinsip negara di bawah satu undang-undang universal berhubung dengan kesejahteraan masyarakat dan autonomi dalam hal-hal ibadah, adat dan tradisi dilaksanakan oleh Nabi Muhammad bila beliau menubuhkan negara-kota Madinah di bawah **Piagam Madinah** dalam tahun 622. Dokumen perlembagaan ini, walaupun ringkas dan kasar dibanding dengan perlembagaan-perlembagaan moden, mengandungi idea-idea pemerintahan yang kaya dan maju, seperti faham internasionalisme, faham federalisme dan autonomi faham kebebasan agama dan pengharaman terhadap kezaliman. (18)

Ayat suci yang telah saya petik di atas dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam **Piagam Madinah** yang digubal oleh Muhammad untuk mentadbirkan negara-kota Madinah jelas memberikan kita satu rumusan umum bagi menyatukan masyarakat majmuk kita di bawah satu undang-undang dasar. Walau bagaimanapun, rumusan universal dan progresif ini harus dibezakan dengan undang-undang Islam kemudian, terkenal dengan nama Syariah, seperti yang telah dikembangkan oleh ulama fiqah dalam abad-abad kelapan dan kesembilan Hijriah dan yang diwariskan kepada masyarakat-masyarakat Islam kemudian hingga ke abad ini. Undang-undang ini - sebahagian besarnya sudah ketinggalan zaman - perlu dipinda dan dikemaskini berdasarkan sumber perundangan Islam yang utama, al-Quran, dengan mengambil faedah dari khazanah undang-undang antarabangsa.

Dari segi ini formula Islam, seperti yang terkandung dalam Quran, dapat menyelesaikan masalah masyarakat majmuk kita.

Gerakan Anti-Mahathir

Satu perkara yang harus dihuraikan juga dalam perkembangan politik kini ialah "gerakan anti-Mahathir" yang telah muncul sejak beberapa tahun yang lalu. Inilah tema umum Regu B dulu atau apa yang dikatakan "Semangat '46" sekarang. Apakah sebab-sebab dan tenaga-tenaga di belakang gerakan ini, dan apakah matlamatnya?

Sesiapa, yang mengkaji Mahathir akan mendapati tiga unsur penting dalam falsafah politik beliau, iaitu nasionalisme Melayu atau pribumi, pemodenan masyarakat Melayu dan Malaysia berdasarkan falsafah kapitalis umumnya, dan rasionalisme Islam. Ketiga-tiga aliran ini tidak sepenuhnya selaras atau dapat diselaraskan. Walau bagaimanapun, pemahaman ini akan dapat menerangkan kepada kita dasar-dasar yang telah beliau anjurkan dan laksanakan sejak beliau menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1981.

Perubahan pemikiran politik ini dalam negara kita sebenarnya bermula dalam zaman Tun Razak lagi dengan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan dasar luar bebas dan berkecuali. Perubahan dasar ini ditentang oleh kelas-kelas berkuasa lama, komprador dan birokrat dan rakan-rakan mereka dari luar negeri, yang sentiasa mencuba untuk berkuasa kembali sejak Tunku Abdul Rahman digulingkan dalam rusuhan 13 Mei. Oleh sebab itu, Tunku Abdul Rahman yang mewakili tenaga-tenaga itu pada waktu itu beberapa kali menyatakan kesanggupan beliau untuk memegang semula tampuk pemerintahan bila keadaan politik agak kacau.

Dr. Mahathir memasukkan dimensi Islam ke dalam perspektif politik nasional baru yang telah diperkenalkan oleh Tun Razak itu, dengan menekan inisiatif individu faham kapitalis liberal dalam konsep pemodenan masyarakat beliau. Ini menghuraikan banyak dasar beliau, seperti sokongan penuh kepada Palestin, pengutamaan negara-negara Islam dalam hubungan luar negeri, penerapan nilai-nilai Islam di dalam pertadbiran, dasar cekap, bersih dan amanah, dan dasar pandang ke Timur. Walau bagaimanapun, ini telah menambah musuh-musuh beliau dari kalangan kelas-kelas yang berkepentingan - feodal, komprador dan birokrat (dalam negeri) dan Zionis, kuasa-kuasa besar dan agen-agen mereka (luar negeri) - semuanya tenaga kuat dan bertaring belaka. Tenaga-tenaga ini berusaha untuk berkuasa kembali di Malaysia. Merekalah

di belakang penentang-penentang Mahathir sekarang. Ketahanan beliau sehingga ini membuktikan bahawa rakyat jelata dari semua kaum menerima dan menyokong kepimpinan beliau.

Gerakan anti-Mahathir memuncak dengan munculnya apa yang disebut Regu B, Tengku Razaleigh-Musa, untuk menggulingkan beliau dalam pemilihan UMNO pada 24 April 1987, serta mengembalikannya ke dasar sekular lama yang telah ditolak oleh rakyat sejak kejatuhan Tunku Abdul Rahman. Walaupun percubaan ini gagal, ia telah memecahbelahkan UMNO dan masyarakat Melayu. Inilah masalah besar yang kita hadapai sekarang - mempersatukan kembali UMNO dan masyarakat Melayu.

Gerakan Barisan Pembangkang

Gerakan anti-Mahathir, setelah gagal menggulingkan beliau dari dalam, sekarang sedang berusaha untuk membentuk satu "Barisan Pembangkang", terdiri dari "Semangat '46", PAS, DAP dan mungkin juga PSRM - satu "barisan" yang mustahil dari segi ideologi, kerana, nampaknya, faktor yang menyatukan mereka hanya semangat anti-Mahathir!

Tiada siapa yang sanggup mengatakan bahawa Kerajaan kita di bawah pimpinan Dr. Mahathir cukup sempurna. Tetapi adakah munasabah kerana itu Dr. Mahathir harus digulingkan? Seperti yang telah disebut dalam tulisan ini sebelumnya, sistem dwi-parti Barat, yang ghairah diperjuangkan oleh sesetengah kalangan sekarang, mungkin tidak sesuai dengan keadaan dan bakat masyarakat kita. Dwi-parti, pada akhirnya, bermakna memecahbelahkan bangsa kepada dua - dua Kabinet, dua barisan pertadbiran dan dua rakyat. Ini satu perkara yang tidak logik dan tidak harus dilakukan.

Kegagalan parti-parti pembangkang kita bersatu pada masa-masa yang lalu, seperti diketahui umum, kerana perbezaan ideologi dan dasar. Walaupun pepatah ada menyatakan "Politik satu seni untuk mencapai yang mungkin", menyatupadukan parti-parti pembangkang kita bukanlah satu daripada kemungkinan itu, kecuali mereka mengubah ideologi mereka!

Kita harus mencari satu kaedah yang lebih positif dan kreatif untuk membetulkan penyelewengan-penyelewengan dalam Kerajaan dan dalam masyarakat. Kaedah ini boleh dicapai dengan mengamalkan dan memperluaskan dasar "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan" dan dasar perundingan dalam UMNO, dalam Kerajaan, dalam parti-parti lain dan dalam masyarakat.

Pembentukan Majlis Perundingan Ekonomi Negara satu langkah positif ke arah kaedah perundingan sebagai dasar untuk menyelesaikan masalah-masalah negara. Belum pernah Kerajaan kita berani berbuat demikian secara sukarela sebelum ini. Majlis Perundingan Negara setelah rusuhan 13 Mei dibuat dalam keadaan darurat. Kita berharap Majlis ini akan berjaya dalam menjalankan tugasnya yang besar. Kita berharap juga Majlis ini akan membuka satu lembaran baru dalam cara kita menyelesaikan masalah kita, iaitu cara perundingan di kalangan semua aliran politik tanpa membuat pembahagian palsu di antara parti-parti Kerajaan dan parti-parti pembangkang. Pemecahan tembok kepuakan yang telah lama didirikan dalam masyarakat kita merupakan satu sumbangan besar kepada gerakan reformasi yang kita perkatakan di sini. Ia juga boleh menjadi satu permulaan penting dalam usaha kita membentuk sebuah falsafah politik kita sendiri berdasarkan ajaran Islam yang tulen.

Bukan politik pecah-belah konfrontasi dwi-parti yang kita kehendaki, tetapi politik bersatu-padu perundingan nasional!

KESIMPULAN

Bangsa kita telah sampai ke suatu titik di mana ia mesti membuat satu perhitungan penting dengan sejarah. Bolehkah kita meneruskan perjalanan kita dengan cara lama, atau kita mesti membuat satu perubahan penting? Jawabannya: Kita mesti membuat satu perubahan penting. Ini bukan satu aliran terpencil di negara kita saja, tetapi aliran universal di seluruh dunia. Dunia tidak boleh lagi terus mengikut ideologi-ideologi puak yang lama, kerana ideologi-ideologi ini sudah bankrap. Namun demikian, ideologi-ideologi ini, walaupun keadaan mereka sudah tenat, akan terus menentang perubahan. Ini bermakna perjuangan ideologi ini tidak akan berhenti sehingga ideologi sintesis yang kita bayangkan muncul untuk memimpin rakyat di negara kita dan di seluruh dunia.

Pemimpin dan cerdik pandai kita yang cintakan kebenaran, keadilan dan berpegang kepada ideologi tawhid ini hendaklah bangun melaksanakan perintah Tuhan untuk "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan" dan mewujudkan dan mengembangkan gerakan reformasi yang besar ini supaya rakyat dan bangsa kita boleh dipersatukan semula dan diselamatkan dari kehancuran, untuk menempa kemajuan yang cemerlang dalam semua bidang sambil kita melangkah masuk ke abad kedua puluh satu.

Perjuangan Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya di Semenanjung Arab pada awal abad ketujuh satu contoh yang baik dan satu inspirasi kepada kita. Seperti diketahui, masyarakat kesukuan Arab pada waktu itu tenggelam dalam segala macam kejahatan, daripada penyembahan berhala kepada pembunuhan anak perempuan, daripada amalan riba, kepada zina dan arak, daripada kezaliman terhadap hamba abdi, anak yatim dan wanita kepada peperangan berterusan antara suku. Sukar untuk membayangkan keadaan sebuah masyarakat yang lebih teruk dari masyarakat kesukuan Arab pada zaman itu. Namun demikian, ideologi dinamik dan progresif al-Quran berjaya meniupkan satu semangat baru ke dalam dada pejuang-pejuang Muhajirin dan Ansar hingga dalam masa 23 tahun saja Muhammad dan pengikut-pengikutnya dapat menakluk seluruh Semenanjung Arab dan kemudian membina satu empayar dan tamadun yang agung dalam masa yang singkat.

Kita ingin mencadangkan beberapa langkah yang perlu dilaksanakan dengan seberapa segera untuk mengatasi masalah-masalah kita yang besar sekarang dan untuk mewujudkan dan mengembangkan gerakan reformasi ini:

(a) Buat persediaan yang rapi dan panggil satu Kongres Kebangsaan Melayu untuk menyusun sebuah falsafah kebangsaan yang progresif dan dinamik berdasarkan ajaran Islam yang universal yang boleh menyatupadukan semula masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia atas satu asas kebangsaan yang lebih kukuh, serta membimbing masyarakat nasional kita mencapai kemajuan dalam semua bidang bagi 30 tahun yang akan datang;

(b) Pecahkan tembok-tembok puak dalam kehidupan sosiopolitik bangsa, wujudkan dan perluaskan kaedah perundingan untuk menyelesaikan semua masalah kita, dan perkecilkan bilangan parti-parti politik supaya kita dapat menggembelinkan seluruh tenaga nasional untuk kemajuan dan kesejahteraan bangsa;

(c) Gembelinkan seluruh tenaga cerdas pandai yang patriotik dan progresif untuk melaksanakan kerja-kerja intelektual dan kreatif, mengkritik, menilai, mengasimilasi dan mencipta, dalam bidang-bidang sastera, sains dan falsafah sebagai asas tamadun nasional kita yang baru; dan

(d) Galakkan rakyat kita supaya bersikap positif, kritikal dan kreatif, membaca dari khazanah kesusasteraan dunia, membaca

dan mengkaji al-Quran dalam bahasa kita serta menjadikannya panduan hidup kita, menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, bersikap toleransi terhadap pandangan-pandangan yang berbeza dan menyelesaikan masalah melalui perundingan, dan tekun dan sabar menjalankan kerja dan tugas masing-masing.

Saya yakin penuh, sekiranya pemimpin-pemimpin kita, di dalam dan di luar Kerajaan, sanggup menjalankan langkah-langkah di atas, kita bukan saja akan dapat menyelesaikan kemelut perpecahan kita sekarang, tetapi masalah-masalah lain juga; dan dalam masa yang singkat mengeluarkan rakyat kita dari kegelapan yang menyelubungi kita sekarang kepada terang. Inilah tanggungjawab mereka kepada Tuhan dan kepada bangsa dan rakyat, seperti yang telah diisytiharkan dalam Quran:

Katakanlah, "Salatku dan ibadabku, hidupku dan matiku kerana Tuhan seru sekalian alam. Tiada sekutu baginya. Demikianlah aku diperintahkan, dan aku di antara mereka yang mula-mula tunduk.

(6:162-63)

NOTA

1. Lihat Ozay Mehmet, *Development in Malaysia: Poverty, Wealth and Trusteeship*, Cromn Helm, London, 1986.
2. Umpamanya, lihat Daniel Pipes, *In the Path of God: Islam and Political Power* (1983); Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam* (1984) dan Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia* (1987).
3. Lihat Theodore Rozak, *Where the Wasteland Ends*, Anchor Books, New York, 1973 dan Daniel Bell, 'The Return of the Sacred: The Argument on the Future of Religion', *British Journal of Sociology*, December 1977.
4. Lihat Muhammad Ali, *The Holy Quran: Arabic Text, Translation and Commentary*, Ahmadiyyah Anjunam Ishaaf Islam, Lahore, 1951; nota kaki 1461.

5. Sains moden tidak boleh wujud kecuali dengan andaian dan kepercayaan para ahli sains bahawa Alam Semesta bergerak mengikut satu set undang-undang yang sekata dan tetap. Kenyataan Einstein yang masyhur: "*God did no play dice with the universe*" merujuk kepada sifat kewajaran Alam Semesta ini.
6. Lihat Quran, 2:257 dan 65:11.
7. Mengikut Quran, agama sebenar yang dibawa oleh semua nabi-rasul itu satu, tetapi kemudian berpecah kepada banyak agama, kerana penyelewengan-penyelewengan yang berlaku kemudian. Demikianlah yang telah berlaku kepada umat-umat Musa, Isa dan Muhammad yang asalnya Islam, tetapi kemudian berpecah mengikut fahaman-fahaman puak seperti Kaum Terpilih (Yahudi), Tritunggal (Kristian) Sunnah dan Hadis (Ahli Sunnah wal-Jama'ah dan Syiah). Istilah 'Muhammadanisme' ini digunakan secara objektif untuk merujuk kepada Ahli Sunnah wal-Jama'ah dan Syiah.
8. Rujuk Quran, 17:45-46 dan 56:77-80.
9. Kemaksuman Muhammad satu kepercayaan yang diajar dalam kitab-kitab ulama kemudian, tetapi yang tidak ada asasnya dalam Quran. Quran menegaskan bahawa Muhammad seorang manusia biasa yang telah diberikan wahyu untuk mengajar manusia tentang keesaan Tuhan. (Rujuk Quran, 18:110 dan 41:6)
10. Lihat Kassim Ahmad, *Teori Sosial Moden Islam*, Bab 2 & 3.
11. *Ibid.*, Bab 3.
12. Lihat Quran, 3:7.
13. Ayatnya banyak. Sebagai contoh, lihat 13:8 dan 54:49-50.
14. Rujuk 13:11 dan 8:53.
15. Lihat 3:104.
16. Lihat Quran, 49:13.
17. Lihat Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaysia*, hlm. 42.

18. Lihat Kassim Ahmad, *Teori Sosial Moden Islam*, hlm. 54-55.

RUJUKAN

1. W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Singapore, 1967.
2. Daniel Pipes, *In the Path of God: Islam and Political Power*, Basic Books Publishers, New York, 1983.
3. Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1987.
4. Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam*, University of British Columbia Press, Vancouver, 1984.
5. Kassim Ahmad, *Teori Sosial Moden Islam*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1984.

BAHAGIAN II

2. DI PERSIMPANGAN JALAN 30 TAHUN MERDEKA

MESTILAH ada ramai juga di antara rakyat kita, pada waktu kita di persimpangan jalan 30 tahun merdeka, yang merasa agak sugul dan pesimis, dan berkata bersama Hamlet:

*The time is out of joint. O cursed spite,
That ever I was born to set it right!*

Nasib baik untuk kita, tidak seperti Hamlet dalam drama Shakespeare itu, kita hidup dalam zaman demokrasi dan masalah kita tidak bersifat peribadi dan keluarga semata-mata, seperti dia. Semua rakyat Malaysia yang patriotik mesti bermuafakat, dan berhak bermuafakat, untuk membetulkan zaman kita yang purak-peranda.

Ini bukan satu kritikan terhadap Kerajaan kita sekarang, seperti mana ia satu kritikan terhadap semua kerajaan kita dalam masa tiga puluh tahun lalu. Ia juga satu kritikan terhadap semua pemimpin kita, dulu dan sekarang, politik, masyarakat dan agama, dulu pemegang jawatan dan kini pengkritik, dan juga terhadap kita semua. Kerana, seperti kata pepatah, tanam lalang takkan tumbuh padi. Dulu kita tanam; sekarang kita mesti pungut hasil-hasilnya.

Segala skandal, berharga berbilion ringgit, yang telah timbul atau yang telah didedahkan dalam masa tiga empat tahun ini; perpecahan parti-parti politik dan permainan politik dan kempen-kempen pemilihan parti yang mahal; pengoyakan masyarakat oleh kerana fanatisme puak berdasarkan ideologi, politik dan parti; golongan terpelajar dan birokrat baru yang tidak berpendirian, tidak kritikal dan berkelakuan seperti robot; angkatan ahli-ahli politik baru yang oportunistik dan mahal; tentera penganggur yang ramai; setengah juta belia mangsa penyalah-gunaan dadah, dan golongan minoriti miskin yang tidak kelihatan dan dilupakan dalam masyarakat — inilah kandungan *disjointed time* kita, intisari kepurak-perandaan kita di Malaysia. Sudah tiba masanya, setelah tiga puluh tahun, kita melihat keseluruhan panorama masalah kita dari sudut kesepaduan

dan, seperti Hamlet dalam drama itu, bertindak untuk membetulkan keporak-perandaan kita, walaupun kita perlu mengorbankan bapa tiri.

Mungkin kita ingin menyedapkan hati kita dengan mengatakan bahawa bukan kita saja yang mengalami keporak-perandaan ini tetapi seluruh dunia. Bilang saja isme-isme abad kedua puluh yang bertentangan, dari pangkal spiritualis, di satu pihak, ke pangkal materialis, di pihak lain. Mereka mengerumuni kepala insan moden, mengelirukannya dan menjadikannya insan purak-peranda, dengan itu menghasilkan seorang Hitler dan seorang Mussolini, seorang Stalin dan seorang Mao Zedong, seorang Mustapha Kamal Ataturk, seorang Aidit dan seorang Khomeini. Kesusasteraan dunia sejak Perang Dunia Pertama diselubungi suatu ketiadaan makna dan pesimisme yang meliputi yang tidak pernah terdapat dalam mana-mana zaman sebelum ini. Sungguh tepat kata-kata Mao Zedong bahawa abad kedua puluh 'Zaman Kacau-bilau Agung'.

Sungguhpun rasa sugul dan hiba mempunyai tarikannya sendiri, memberikan pengarang-pengarang berbakat seperti Camus di Francis, Kafka di Jerman, Mishima di Jepun, Carpentier di Amerika Latin, Iwan Simatupang di Indonesia dan A.Samad Said di negara kita, bahan dan emosi untuk karya-karya mereka, kita insan-insan yang kurang puitis dan lebih praktikal tidak boleh berkubang dalam kancah sugul dan hiba ini. Mungkin jiwa yang luka mesti diulit dengan lagu-lagu sentimental, sekurang-kurangnya buat sementara waktu, tetapi kita mesti menyelesaikan masalah-masalah kita. Setelah tiga puluh tahun, dalam dunia kemanusiaan universal yang semakin kecil, kita tidak boleh berpuas hati dengan penyelesaian yang kurang dari suatu penyelesaian yang universal, kekal dan menyeluruh.

Ada dua segi kepada semua perkara. Kesugulan yang telah kita lukiskan hanya separuh daripada gambar. Mungkin ia separuh yang lebih ketara dan dramatik. Separuh lagi lebih cerah tetapi barangkali kurang ketara. Kegagalan-kegagalan jangka panjang Dasar Ekonomi Baru kita, Dasar Pendidikan kebangsaan kita, Dasar Perpaduan Negara kita dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita diimbangi oleh kejayaan-kejayaan jangka penek yang banyak: pertumbuhan dan perkembangan semua sektor ekonomi kita, pertumbuhan sebuah kelas menengah Malaysia, pertumbuhan sebuah kelas perniagaan Melayu, pertumbuhan sebuah kelas menengah Melayu, perkembangan sebuah sistem pendidikan nasional berdasarkan bahasa kebangsaan, permulaan suatu kesedaran kebangsaan Malaysia, permu-

laan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan kebudayaan tinggi di negara kita, perkembangan pendidikan, kebolehan membaca, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan-kemudahan awam, permulaan suatu kesedaran kritikal, pengekal sistem demokrasi, dan keamanan dan keselamatan yang boleh dikatakan wujud terus-menerus. Ini semua bukan kejayaan-kejayaan kecil. Mereka perlulah diperkuatkan, ditingkatkan lagi dan disempurnakan.

Di persimpangan jalan ini kita berhenti. Sama ada kita hendak berhenti sejenak, dan kemudian menyambung semula perjalanan kita, atau berhenti lama sedikit dan mengkaji semula arah dan kedudukan kita terpulanglah kepada kita. Dengan izin pembaca yang budiman saya ingin memperturunkan serangkap sajak saya yang saya tulis dua puluh tujuh tahun dulu dalam salah satu mood anti-ortodoks:

*perlu satu-satu diperbitungkan kembali
hari ini kita dewasa
tanpa tuban tanpa impian
kerana besok mungkin terlalu lewat
bagi kiamat yang telah ditanggungkan*

Perasaan ini masih kekal pada saya (tabik kepada ahli-ahli agama kita yang nampaknya terlalu ingin hendak menyelamatkan jiwa manusia yang hanya boleh diselamatkan oleh Penciptanya). Saya masih ingin menyarankan supaya kita mengkaji semula keadaan kita. Kita perlu menyemak semula andaian-andaian kita yang pokok. Ini suatu saat yang baik untuk melakukannya bukan saja kerana kita sudah berusia satu generasi dan kita dikelilingi masalah-masalah yang nampaknya tidak dapat diselesaikan, tetapi juga kerana kita sudah mempunyai alat-alat dan kehendak untuk berbuat demikian.

Dengan alat-alat maksud saya ialah perkembangan-perkembangan intelektual sedunia dalam masa enam puluh tahun yang lalu. Akal kritikal manusia telah sepenuhnya mengkritik dan menolak andaian-andaian asas ideologi-ideologi utama zaman kita. Ahli-ahli sains, penulis-penulis dan ahli-ahli falsafah tiap-tiap mazhab atau tanpa mazhab telah memusnahkan mazhab-mazhab lawan atau semua mazhab, dan, dengan itu, menafikan semua mazhab ideologi. Dengan cara ini, kesilapan-kesilapan ideologi-ideologi demokrasi liberal, komunisme dan teokrasi agama atau pemerintahan kelas

agama telah diedahkan sepenuhnya. Namun demikian, penafian teoritis ini bukan satu-satunya bukti tentang kesilapan-kesilapan mereka. Pengalaman-pengalaman hidup manusia telah mengutuk mereka lama sebelum penafian teoritis ini. Tetapi penolakan teoritis ini merupakan suatu batu tanda yang penting dalam perjalanan intelektual manusia ke alam keselamatan, kebebasan, kebenaran dan keadilan.

Kesilapan yang paling ketara ialah pembagian kehidupan kepada kehidupan dunia dan kehidupan akhirat yang merupakan warisan falsafah dualisme moden Descartes yang pula berakar umbi kepada falsafah Yunani tua. "Berilah kepada Maharaja barang-barang milik Maharaja, dan kepada Tuhan barang-barang milik Tuhan" adalah bidalan dari kitab Bible yang menurunkan ajaran palsu besar ini kepada kita. Nabi Muhammad muncul untuk membetulkan kesilapan ini dengan gagasan tauhid Islam keesaan Tuhan, kesatuan alam semesta dan kesatuan kehidupan. Malangnya, demikianlah tabiat manusia, pengikut-pengikut beliau pun kemudiannya berbalik kepada dualisme ini dalam kehidupan harian mereka, walaupun ahli-ahli agama tidak mengiktiraf pembagian ini dalam teori.

Demikianlah, meskipun dalam kes kita, Islam menjadi sebuah agama dalam ertikata kehidupan keagamaan yang terpisah dari kehidupan sosial dan praktikal, sepertimana yang telah terjadi kepada agama-agama lain dulu. Kita muslim kerana kita mengamalkan beberapa kewajipan upacara tertentu seperti mengucapkan dua kalimah syahadat, mendirikan sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat, dan menaiki haji bila cukup syarat. Dalam bidang-bidang kehidupan lain, tegasnya dalam bidang sosiopolitik, kita berpandukan falsafah-falsafah sekular Barat liberalisme atau Marxisme atau bentuk yang diubahsuai dari salah satu daripadanya.

Mengambil faedah daripada perkembangan-perkembangan intelektual manusia dalam masa enam puluh tahun yang lalu, kita sekarang mestilah mengakui kesilapan-kesilapan asas liberalisme dan Marxisme. Tentulah tidak mudah untuk membuat perubahan mental dari suatu faham materialisme yang telah lapuk kepada suatu faham spiritualisme rasional. Inilah hujah yang paling kuat untuk kita membuat persediaan-persediaan yang rapi. Di satu pihak, kita menghadapi masalah dari elite agama ala-Iran yang, dengan mengeksploitasi sentimen keagamaan rakyat, ingin mewujudkan sebuah pemerintahan kelas paderi yang juga bertentangan dengan Islam. Di pihak lain, masih ada golongan-golongan sekular Kanan dan Kiri

yang terus hidup dalam petak-petak rumah sektarian mereka dan yang sama sekali buta terhadap pemusnahan patung-patung mereka dan keruntuhan utopia-utopia ideologi mereka kini.

Kebangkitan semula Islam sekarang disebabkan oleh banyak faktor, yang kekal dan berakar-umbi dalam dan juga yang sementara dan tertakluk kepada fesyen. Al-Quran mensifatkan Islam sebagai agama kebenaran yang diajar beransur-ansur oleh semua nabi-rasul Tuhan dari Adam hingga Muhammad, termasuk Musa dan Isa, kepada semua bangsa, berakhir dengan Muhammad yang membawa al-Quran mengandungi ajaran-ajaran intisari dan terbaik yang ditunjukkan kepada semua manusia.

Dilihat dari perspektif sejagat ini, kebangkitan semula Islam akan terus bergelora hingga jauh di masa depan dan akan menyelam-takan dan mereformasi dunia mengikut ajaran-ajaran mulia Quran dalam abad-abad kedua puluh dan kedua puluh satu. Kita dan seluruh dunia harus mengalu-alukannya. Tetapi, dilihat dari perspektif chauvinis kediktatoran agama jenis Iran, ia hanya tayangan semula sebuah gambar lama dan lapuk: pemerintahan teokrasi raja-raja Firaun tua dan Gereja Kristian zaman pertengahan. Kerana pembe-rontakan Eropah terhadap kemunculan teokrasi gereja Eropahlah maka Eropah moden berpaling kepada sekularisme. Mungkin bagi orang-orang Islam, pelajaran sebuah kediktatoran agama tidak begitu jelas, dan inilah sebabnya mengapa tarikan emosi Iran di bawah Khomeini masih kuat untuk mereka. Namun demikian, Iran Syiah tidak mewakili Islam, dan merupakan satu fenomena sementara. Tidak lama lagi, pendewa-pendewa Iran akan tertinggal dan mereka terpaksa mencari seorang juruselamat lain.

Tetapi penyelamat bagi orang-orang Islam dan bagi semua manusia kini ialah Quran (bukan Imam Mahdi atau Nabi Isa). Bukti-buktinya terkandung dalam Quran sendiri, dalam teladan perjuangan dua puluh tiga tahun Nabi Muhammad di Semenanjung Arab yang berjaya besar, dan dalam sejarah awal Islam sendiri. Ahli-ahli sejarah bukan-Islam pun mengakui kemunculan dan kemenangan Islam yang begitu cepat dan menakjubkan dalam dunia waktu itu. Ia juga telah menciptakan sebuah tamadun spiritual-saintifik yang pertama dalam sejarah. Ia merupakan sebuah eksperimen sosial moden yang tidak gagal.

Malangnya, hakikat yang maha penting ini telah ditutup, bukan saja oleh propaganda Yahudi-Kristen awal (yang perlu kita katakan sedang diperbetulkan oleh sarjana-sarjana Barat sendiri, segala pujian bagi Tuhan!) tetapi juga oleh propaganda sejarah penulis-

penulis dan sarjana-sarjana Islam bila mereka mencampur-adukkan ajaran-ajaran Nabi yang rasional, pasti dan berdasarkan wahyu (Quran) dengan ajaran-ajaran manusia yang tidak pasti (apa yang dikatakan Hadis Nabi). Dengan demikian, mereka telah menukar kekuatan dan kepraktikalan Islam sebagai suatu cara hidup menjadi suatu mistisme yang tidak berdaya dan tidak praktikal.

Dengan demikian, kita dapat melihat bahawa dalam masa seribu lima ratus tahun yang lalu dunia telah menyaksikan dua eksperimen sosial yang gagal dan satu yang berjaya. Yang gagal ialah eksperimen-eksperimen sekular dan keagamaan; yang berjaya eksperimen Islam Muhammad. Saya yakin sepenuhnya bahawa eksperimen spiritual-sosial-saintifik Islam Muhammad akan menjadi model umum pada masa depan, mengingatkan bahawa istilah 'Islam' ditafsirkan dalam ertikata universal rasional yang berakar-umbi kepada intisari ajaran-ajaran para nabi Allah seperti yang dipelihara dan disempurnakan dalam kitab suci al-Quran yang tidak diragui.

Kita mestilah cuba menggunakan alternatif ketiga ini di Malaysia. Dalam sebuah persidangan Perlembagaan Malaysia baru-baru ini, saya mencadangkan supaya Quran dijadikan 'panduan' kepada Perlembagaan dan kehidupan kita. Walaupun orang-orang tradisional kepala batu memandang serong kepada cadangan ini, mereka harus ingat bahawa saya hanya mengulang apa yang dikatakan oleh Quran sendiri mengenai dirinya, bahawa ia suatu 'pedoman', suatu 'cahaya' dan 'jalan lurus' untuk manusia. Orang-orang sekular kepala batu juga akan berbuat demikian, tetapi kerana sebab-sebab yang berbeza. Oleh yang demikian, secara objektif, kedua-dua orang-orang tradisional dan sekular yang degil memainkan peranan yang sama menghindar rakyat daripada berbalik kepada Quran.

Mereka telah berbuat demikian selama seribu tahun. Ini menjelaskan mengapa rakyat begitu jahil tentang ajaran-ajaran Quran yang sebenar. Anak-anak kita diajar 'membaca' dan melagukan Quran, tiga kali khatam, diakhiri dengan satu majlis khatam Quran, tanpa mengetahui makna suatu pun perkataan dalamnya! Saya masih ingat tidak seorang pun guru-guru agama saya, termasuk bapa saya yang saya muliakan, mengajar saya membaca tafsir. Saya membeli senasak tafsir saya yang pertama lebih dari tiga puluh tahun dulu semata-mata kerana minat saya yang mendalam terhadap Islam.

Oleh yang demikian, kita mestilah bermula dengan menyeru rakyat, khasnya generasi muda, membaca dan mengkaji Quran serta mengikut ajaran-ajarannya. Untuk tujuan kita sekarang, kita mesti

mula melaksanakan, setapak demi setapak, idea-idea sosiopolitik yang kaya dan dinamik yang boleh kita dapat dari Quran. Umpamanya, ambil saja tabiat membaca dan belajar dari membaca. Seperti semua orang Islam tahu, itulah perintah Tuhan yang pertama yang diwahyukan kepada Muhammad, tetapi hari ini barangkali orang-orang Islamlah yang banyak sekali melanggar perintah ini!

Pemimpin-pemimpin dan cerdik pandai kita kenalah menggunakan lima sehingga sepuluh tahun akan datang untuk memeriksa dan mengkaji idea-idea falsafah dan sosial yang sangat kaya yang terkandung dalam Quran serta merumuskannya ke dalam esei-esei falsafah yang bersepadu dan jelas yang boleh kita gunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah kita. Walaupun beberapa usaha yang bersifat teoritis telah dilakukan dalam masa lima belas tahun yang lalu atau lebih, kebanyakannya bersifat tampal sulam dan cacamarba. Ramai penulis dan pemikir Islam belum dapat membebaskan diri mereka dari sikap tak rasional sama ada pro- atau anti-Barat dan tidak boleh mengasimilasi secara kritikal dan baik sains dan ilmu pengetahuan Barat dalam masa tiga abad yang lalu. Ini suatu kelemahan yang amat serius yang perlu mereka atasi dengan segera.

Mari kita perhatikan dalam bidang politik. Apakah pendirian Islam yang sebenar terhadap teori dan sistem demokrasi? Nyata tidak menerima bulat-bulat dan tidak juga menolak bulat-bulat. Falsafah politik Barat bertolak dari andaian Hobbes tentang kedaulatan rakyat yang diserahkan kepada sebuah badan berkuasa politik mengikut teori pakatan sosial. Kedaulatan rakyat diandaikan tanpa sebarang otoriti kecuali apa yang dipanggil kebenaran yang sendirinya nyata (*self-evident truth*). Andaian ini nyata palsu kerana pengalaman manusia menunjukkan bahawa manusia tidak berkuasa. Tuhan yang berkuasa. Bila kita merujuk kepada Quran, kita dapati bahawa kedaulatan di langit dan di bumi milik Tuhan, tetapi Dia juga telah memberikan manusia kuasa sementara dan relatif untuk mentabirakan dunia. Oleh yang demikian, kita boleh merumuskan pendirian Islam sebagai 'kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi'. Ini bertentangan dengan teori sekular 'kedaulatan rakyat' dan juga dengan teori teokrasi 'kedaulatan Ilahi melalui kelas paderi'. Oleh yang demikian, dalam sebuah negara Islam, Parlimen yang melambangkan kedaulatan rakyat berdaulat sejauh mana ia bergerak di bawah kedaulatan Ilahi, iaitu undang-undang dan keputusan-keputusannya tidak melanggar perintah-perintah Tuhan dalam Quran.

Bertolak dari kedudukan undang-undang yang asasi ini, kita

boleh menyenaraikan idea-idea sosial yang utama yang dapat diperoleh dari Quran: kepercayaan dan ibadah kepada Tuhan yang esa saja serta larangan keras terhadap penyekutuan Tuhan sementara sekaligus menjamin kebebasan mutlak untuk agama dan ibadah, kekudusan nyawa manusia, kebebasan berfikir yang mutlak, kehidupan baik, kesatuan dan persamaan manusia di sisi undang-undang, persamaan lelaki dan wanita, kebebasan berucap mengikut undang-undang, penggalakan ilmu pengetahuan dan sains, kerjasama nasional dan internasional untuk mewujudkan kebaikan dan mencegah kejahatan, larangan terhadap pencerobohan, pemerintahan berdasarkan undang-undang yang adil; larangan terhadap perhambaan dan pembunuhan kanak-kanak; pemerintahan melalui perundingan; kepimpinan dan tanggungjawab sosial diberi kepada mereka yang layak dan tinggi akhlaknya; larangan terhadap kezaliman, fitnah dan pemberontakan zalim; ketaatan kepada Tuhan dan ketaatan patut kepada pihak berkuasa; hukuman terhadap kesalahan; pertadbiran keadilan yang diadun dengan kerahiman; perjuangan individu dan kolektif untuk menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan; keadilan sosioekonomi; kekayaan sebagai amanah Tuhan kepada manusia; hak individu kepada hasil-hasil kerjanya; sedekah untuk masyarakat; larangan terhadap rasuah; larangan terhadap simpanan harta dan riba; larangan terhadap kemewahan dan pembaziran; kehidupan berkeluarga yang sihat dan bahagia; monogami sebagai kehidupan berkelamin yang lazim tetapi membenarkan poligami bersyarat; ketaatan kanak-kanak kepada ibu-bapa; penjagaan anak yatim; pambangunan seorang individu dan sebuah masyarakat yang baik dari segi rohaniah, sedar dan bertanggungjawab dari segi moral dan sosial, cergas dari segi fikiran, dan tekun dan berdisiplin; kecaman terhadap kesombongan dan keangkuhan; memakan makanan yang baik dan sihat; dan suatu kaedah saktifik yang menyeluruh untuk menegembangkan ilmu pengetahuan, sains dan tamadun.

Alangkah kayanya idea-idea di atas! Sesiapa yang mempunyai sedikit pengetahuan tentang teori-teori dan sistem-sistem sosial dunia akan segera melihat keunggulan ajaran-ajaran sosial Quran yang menjulang mengatasi sistem-sistem lain. Namun begitu, kebanyakan kita mesti cuba kuat untuk membezakan antara ajaran-ajaran Quran dengan amalan orang-orang Islam hari ini. Ramai orang Islam yang serius telah berasa hampa melihat ketidaksamaan yang besar di antara kedua-duanya. Adakah Islam yang sebenar tidak praktikal? Tidak mungkin, dan Nabi bersama-sama pengikut-pengikutnya yang

awal dengan terang telah membuktikan sebaliknya. Tamadun Arab-Islam yang pertama tegak sebagai saksi. Idea-idea terang dan agung yang telah kita senaraikan di atas, semuanya dipungut dari sana sini dalam Quran — adakah idea-idea yang lebih menasabah dan praktikal? Mereka juga mempunyai tarikan universal. Di sinilah letaknya kesesuaian falsafah sosial Islam kepada keperluan-keperluan masyarakat kita. Hanya Islam, seperti yang diajar dalam Quran, boleh menyatukan rakyat kita yang berbilang kaum dan agama dan mengeluarkan kita dari kesugulan kini serta meletakkan kita di jalan menuju kejayaan-kejayaan yang lebih besar.

Wujud suatu perasaan takut yang umum di kalangan orang-orang liberal dan Marxis untuk mencampur agama dengan politik. "Jauhkan agama dari politik" ialah nasihat mereka. Ini tidak lain ialah barang lapuk dari zaman Pembaharuan Eropah. Politik sekarang dan masa depan memerlukan suatu asas etika yang berakar-umbi dalam suatu faham spiritual yang melampaui diri. Ini hanya boleh diberikan oleh suatu agama benar universal yang tidak lain ialah Islam. (Lihat Quran, 3:19; 30:30)

Untuk meneruskan perjalanan kita dari persimpangan batutanda tiga puluh tahun ini, kita memerlukan sebuah falsafah nasional, yang menyeluruh, mantap dari segi spiritual, universal, moden, luas dan praktikal. Nyatalah ideologi nasional kita, Rukunegara, yang hampir menyerupai sebuah kerangka falsafah, walaupun baik jika dibandingkan dengan keadaan kita sebelum Rukunegara, amat menampakkan kekurangannya di samping kerangka falsafah Islam yang telah kita gariskan di atas. Setengah idea Rukunegara tidak begitu sesuai dengan ajaran Islam (umpamanya 'kesetiaan kepada Raja dan Negara' harus diganti dengan 'kesetiaan kepada Tuhan, dan kesetiaan kepada Raja dan Negara'); setengah tidak sempurna rumusannya, dan pada keseluruhannya ia terlalu umum dan tidak berisi untuk dijadikan pedoman. Tuhan dalam kerahimannya yang tidak terbatas kepada hamba-hambanya telah menyediakan suatu kerangka falsafah yang menyeluruh dalam Quran. Kerangka ini memberikan kita hanya idea-idea umum dan meninggalkan suatu medan luas bagi kita untuk mengisikan kaedah-kaedah bagaimana idea-idea ini harus dilaksanakan mengikut keadaan kita. Di sini ternyata suatu lagi kelebihan pedoman al-Quran daripada yang lain-lain.

Terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin dan cerdik pandai kita sekarang untuk menggunakan akal mereka secara serius dan kreatif untuk menyelesaikan masalah-masalah kita yang banyak

dengan pertolongan idea-idea agung ini. Sangat-sangatlah diharapkan bahawa pemimpin-pemimpin kita, dalam dan di luar Kerajaan, akan memiliki kerendahan diri, kebijaksanaan dan kemahuan, dengan mengesampingkan sektarianisme parti yang sempit dan keangkuhan diri, untuk membangkitkan potensi kreatif nasional serta mengembelinkan semua tenaga dalam usaha besar nasional ini supaya bersama-sama dapat kita membetulkan porak-peranda zaman kita di Malaysia yang kita cintai.

3. BANGSA MELAYU — QUO VADIS?

PENGHARAMAN UMNO oleh Mahkamah Tinggi baru-baru ini harus dilihat sebagai satu isyarat simbolik dari alam yang lebih tinggi kepada manusia Melayu di Malaysia. Walaupun ia satu perkara kaedah, seperti kata Perdana Menteri, kita semua tahu UMNO tidak sampai ke tahap ini, iaitu perpecahan dan penguburan, secara kebetulan. Sesetengah kita telahpun nampak perkara ini akan berlaku dan telah memberi amaran kepada pimpinan UMNO supaya mengambil tindakan segera mencegah perpecahan ini.

Sekarang qada Tuhan sudah berlaku. Seperti madah Omar Khayyam

*The Moving Finger writes; and, having writ,
Moves on: nor all thy piety nor wit
Shall lure it back to cancel half a line,
Nor all thy tears wash out a word of it.*

Air mata tidak berguna lagi. Yang berguna dan *perlu* dibuat ialah belajar dari pelajaran pahit peristiwa yang amat aib bagi bangsa Melayu. Apakah pelajaran pahit ini? Adakah 'pengkhianatan' sebelas yang menyaman UMNO dan para dalang di belakang mereka pelajaran pahit ini? Sebagai orang yang mengaku Islam, mari kita bertanya kepada kitab suci kita, al-Quran.

Katakanlah, "Siapakah yang menyelamatkan kamu dari kegelapan daratan dan lautan?" Kamu meminta kepadaNya secara terbuka dan secara sulit, "Jika banya Dia menyelamatkan kami dari ini, kami akan bersyukur." Katakanlah, "Tuban menyelamatkan kamu dari (bencana) itu, dan dari segala macam bencana, kemudian kamu mempersekutukanNya" Katakanlah, "Dia berkuasa mendatangkan siksaan kepadamu dari atas kepalamu dan dari bawah kakimu. Atau Dia berkuasa memecab-belabkan kamu menjadi puak dan membiarkan kamu merasai kega-

nasan sama sendiri." (6:63-65)

Banyak kaum telah kami binasakan bila mereka tidak bersyukur. Inilah bekas mereka yang ditinggalkan, kecuali sedikit; kamilah pewarisnya. Tuhanmu tidak pernah membinasakan sesuatu kaum kecuali ia membantur seorang perutusan yang membacakan wahyu kami bagi mereka. Kami tidak pernah membinasakan sesuatu kaum kecuali mereka zalim. Apa yang kamu miliki ialah kebendaan dunia dan kesombongannya. Apa yang dimiliki Tuhan jauh lebih baik dan kekal. Tiakkah kamu faham?
(28:58-60)

Kita harus berani mengaku bahawa apa yang telah menimpa UMNO dari saat ia berpecah kepada dua puak yang bermusuhan semasa pemilihan parti yang lalu hingga ia diisytiharkan tidak sah itu suatu bencana. Tidak lebih dan tidak kurang daripada itu. Ayat 6:65 di atas sangat tepat. Ia menerangkan bahawa UMNO sedang menderita keganasan faham kepuakan dalam batang tubuhnya sendiri. Ini merupakan undang-undang objektif Ilahi yang tidak boleh dielak oleh sesiapa. Oleh kerana kita telah tidak patuh kepada undang-undang ini, maka kita menanggung akibatnya.

Ayat 28:57-60 menerangkan bahawa sesuatu bangsa tidak akan ditimpa kebinasaan kecuali mereka tidak bersyukur kepada Tuhan dan kecuali mereka sendiri berbuat zalim. Setelah setengah rakyat kita merasai kenikmatan dari Dasar Ekonomi Baru, mereka menjadi bangga dan sombong, lupa bahawa segala kekayaan itu datang daripada Tuhan. Mereka menjadi materialistik dan tamak dan lupa akan tanggungjawab mereka kepada rakyat, bangsa dan parti. Mereka masuk parti bukan kerana idealisme perjuangan bangsa, tetapi kerana hendakkan kebendaan. Inilah yang membuahkkan 'politik wang' yang telah menguasai UMNO lama di saat akhir sebelum ia hancur. 'Politik wang' ini pula merupakan suatu faktor besar yang menimbulkan puak, yang kemudian menghancurkan UMNO.

Inilah pelajaran pahit yang patut kita pelajari. Pelajaran yang kita simpulkan ini bukan berdasarkan dugaan kita, tetapi berdasarkan keterangan sahih dari al-Quran dan segala fakta berhubung dengan UMNO dalam masa tiga empat tahun ini.

Oleh kerana UMNO menjadi pelindung kepada orang Melayu dan

kepada bangsa dan rakyat kita seluruhnya, kerosakan UMNO akan menandakan kerosakan orang Melayu dan bangsa kita. Kita perlu bersyukur kepada Tuhan kerana UMNO belum rosak. Tetapi kita jangan sampai mencabar qada Tuhan, atau menggadai nasib bangsa. Kalau kita degil dan terus sombong tidak mahu mengaku kesilapan kita sendiri dan segera membetulkan kesilapan itu, kita akan menghadapi nasib yang sama yang telah menimpa semua bangsa yang telah dimusnahkan dalam sejarah.

Ingat kembali sejarah bangsa Melayu dari zaman empaya Melaka atau sebelumnya hingga sekarang. Apa telah jadi kepada kerajaan Melayu Pattani? Apa telah jadi kepada kerajaan Melayu Melaka? Apa telah jadi dalam zaman penjajah? Apa telah jadi ketika mencapai kemerdekaan? Dan apa telah jadi setelah kemerdekaan hingga kini? Baca sejarah dan kita akan mengetahui jawapannya.

Ingat kembali sejarah UMNO. Sudah berapa kali UMNO pecah? Mula-mula pepecahan sayap kiri dengan tertubuhnya Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Kemudian sayap Islam dengan tertubuhnya PAS. Kemudian perpecahan dengan Dato' Onn menubuhkan IMP dan kemudian Parti Negara. Perpecahan sekarang mungkin perpecahan yang paling besar, mengulangi masalah dulu, pertentangan antara pelbagai golongan ideologi dari kiri ke kanan, yang tidak boleh diselesaikan dengan baik dari dalam.

Sejarah itu seorang guru yang baik kepada kita, dan kita mesti belajar dari sejarah. PAS sendiri, sebuah parti Melayu yang terbesar selepas UMNO, telah berpecah tiga kali. PKMM, sebuah parti kiri Melayu, juga telah berpecah, dua kali. Hari ini masyarakat Melayu yang terdiri dari kira-kira 9 juta orang berpecah kepada lima buah parti politik. Kita perlu mengkaji sebab perpecahan ini supaya kita boleh *menyatupadukan semula* bukan saja UMNO, tetapi seluruh sembilan juta orang Melayu. Hanya dengan bersatu kita boleh menjadi kuat. Hanya dengan kekuatan kita boleh berjaya.

Sesetengah pemimpin Melayu sendiri takut kepada selogan "Perpaduan Melayu" kerana berbau perkauman, konon! Kalau sungguh kita tidak mahu parti yang dianggotai oleh suatu kaum saja, mengapa kita masih berbuat demikian? Kalau kita masih membenarkan, malah mahu, parti yang demikian, mengapa tidak sebuah parti Melayu yang menyatupadukan *semua* orang Melayu? Nyatalah kita menubuhkan parti Melayu UMNO bukan dengan tujuan untuk menindas dan berperang dengan kaum lain, tetapi dengan tujuan untuk bekerjasama dengan mereka serta membangunkan masyarakat majmuk

kita. Demikian juga dengan parti lain. Tujuan bersama kita ialah perpaduan dan kejayaan bangsa yang terdiri dari pelbagai kaum. Ini dibenarkan oleh Tuhan dengan firmanNya:

Wabai manusia, telah kami ciptakan kamu semua dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan kaum supaya kamu saling mengenal. Yang termulia di antara kamu di sisi Tuhan ialah yang terbaik. (49:13)

Orang Melayu, Cina, India dan lain-lain yang baik dalam parti masing-masing ialah orang yang paling mulia di sisi Tuhan, mengikut keterangan ayat di atas, dan orang ini tidak syak lagi boleh bekerjasama dan membangunkan bangsa dan tanahair kita.

Bila kita mengkaji al-Quran, kita akan mendapati bahawa hanya ada dua punca perpecahan masyarakat kita, termasuk parti politik. Pertama, semangat kepuakan yang tidak mahu mengiktiraf **kesatuan matlamat**. Semangat dan faham kepuakan ini suatu menifestasi penyelewengan dari ajaran tauhid yang memerlukan kita tunduk kepada Tuhan sebagai sumber kebenaran dan keadilan. Firman Tuhan menerangkan:

*Agama yang kamu serukan itu satu agama dan Aku Tuhanmu: oleh itu bertakwalah kepadaKu. **Tetapi rakyat memecahkan diri mereka kepada puak, masing-masing gembira dengan apa yang mereka miliki.** Oleh itu, tinggallah mereka dalam kesilapan mereka sekejap. Adakah mereka berfikir, oleh kerana kami memberikan mereka barta dan anak, maka kami membalas mereka oleh sebab perbuatan mereka? Tidak, mereka tidak sedar. (23:52-55)*

Semangat dan faham kepuakan ini timbul dari hawa nafsu sesetengah orang untuk menjadi pemimpin dan tidak mahu patuh kepada satu pimpinan yang sebenar, iaitu pimpinan Ilahi. Jika orang Melayu hanya mempunyai satu parti dan satu pimpinan, sudah tentu ramai yang bercita-cita untuk menjadi pemimpin tidak boleh berbuat demikian. Oleh itu kita berpecah kepada dua, tiga, empat puak dengan dua, tiga, empat barisan pimpinan dengan faham kepuakan masing-masing.

Pimpinan berpuak ini pula berpunca dari keinginan kita untuk

mendapat nama, pangkat dan benda, atau dengan perkataan lain, keinginan kita untuk berkongsi kuasa dengan pentadbir alam yang sebenar, iaitu Tuhan. Inilah punca yang kedua. Sebenarnya inilah punca yang pokok — pewujudan tuhan lain di samping Allah untuk berkongsi kuasa untuk mendapat benda, dan ini menimbulkan puak.

Kita harus sedar bahawa tidak ada pemimpin dan tidak ada parti yang sempurna. Yang sempurna hanyalah Tuhan. Oleh yang demikian, jika seorang pemimpin atau sebuah parti telah membuat salah, maka pemimpin dan parti itu harus dibetulkan semula supaya kembali kepada landasan yang betul dengan anggota parti dan anggota masyarakat melaksanakan perintah Tuhan "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan", seperti yang diterangkan dalam ayat 3:103-05:-

Hendaklah kamu berpegang teguh kepada tali Allah kesemunya, dan jangan berpecah-belah. Bersyukurlah kerana nikmat Tuhan kepadamu: kamu dulunya bermusuhan lalu Ia menyatukan hati kamu. Berkat kurniaNya, kamu menjadi saudara... Hendaklah ada di antara kamu suatu golongan yang menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan. Merekalah orang yang menang. Jangan jadi seperti mereka yang telah berpecah-belah, dan berbalah sama sendiri, walaupun wahyu yang terang telah datang kepada mereka. Mereka telah sepatutnyalah menerima siksaan yang dabsyat.

Kaedah "berpegang kepada tali Ilahi", iaitu Quran, "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan" dan perundingan dan muafakat — inilah kaedah yang diajar oleh Tuhan kepada kita untuk mencapai perpaduan di antara kita. Dengan perkataan lain, perpaduan parti dan bangsa hanya boleh dicapai melalui kesatuan matlamat, galakan dan teguran, dan muafakat. Ketiga-tiga perkara ini pula bergantung kepada pengetahuan kita tentang wahyu Tuhan, iaitu Quran, yang mengajar kita tentang benar dan salah, dan baik dan jahat, pendekata, tentang moral. Kejahilan kebanyakan kita tentang pengetahuan ini merupakan satu penghalang besar untuk kita mencapai sebuah masyarakat dan sebuah parti politik yang baik.

Inilah masalah UMNO lama yang sebenarnya. Semangat materialisme D.E.B. telah menggantikan idealisme perjuangan bangsa di peringkat awal; semangat kepuakan muncul akibat semangat mate-

rialisme; kelumpuhan kaedah musyawarah dalam parti dan kemerosotan pengetahuan politik di kalangan anggota bila materialisme menggantikan idealisme; — ini semua telah menyebabkan kemusnahan UMNO lama. Fenomena Regu B yang sekarang dipap sebagai 'pengkhianat' ialah manifestasi dari penyakit tenat (yang disebabkan oleh faham materialisme, kepuakan, kelumpuhan syura dan kejahilan politik) yang telah menyerang UMNO lama. Pemimpin dan anggota UMNO baru yang ingin membangunkan sebuah parti baru bersih dari anasir busuk UMNO lama mestilah memahami hakikat ini. Jika tidak, UMNO baru tidak lama lagi akan menemui nasib UMNO lama juga, kerana melanggar undang-undang objektif Ilahi.

UMNO hak seluruh bangsa Melayu, bukan hak beberapa kerat pemimpin. Tidak ada pemimpin kalau tidak ada parti, dan tidak ada parti kalau tidak ada bangsa. Pemimpin boleh datang dan boleh pergi, tetapi bangsa Melayu mesti kekal demi kehormatan dan keselamatan anak-cucu kita. Bangsa Melayu hanya akan kekal jika mereka taat dan patuh kepada undang-undang Ilahi yang termaktub dalam al-Quran.

Sekarang bangsa Melayu berasa sugul dan pesimis. Mereka tidak boleh bergantung kepada PAS atau PSRM, tetapi UMNO yang mereka masih harap-harapkan dalam sekedip masa, dengan takdir Tuhan, telah hilang. UMNO baru telah muncul. Seluruh orang Melayu menadah tangan ke langit dan berdoa, "Tuhan kami, selamatkanlah bangsa kami dari kemusnahan!" Tetapi berdoa saja tanpa berusaha dengan tekun dan bersungguh-sungguh untuk mengatasi semua masalah tidak mencukupi dan bersalahan dengan ajaran Ilahi. Adakah UMNO baru akan berjaya menyingkirkan semangat materialistik dan semangat kepuakan dari dalam dirinya bilamana UMNO lama telah gagal? Ini bergantung kepada bakal pemimpin UMNO baru dan anggotanya sendiri. Yang nyata ialah UMNO baru mesti memberi harapan baru kepada anggota parti dan bangsa dan memulihkan semangat parti dan bangsa dengan seberapa segera.

Beberapa langkah segera patut diambil untuk memulihkan semangat dan harapan ini. Sebuah Kongres Melayu perlu dipanggil untuk membincang penyatuan semula masyarakat Melayu dan Malaysia berasarkan sebuah falsafah politik yang universal dan progresif mengikut bimbingan Tuhan dalam al-Quran sesuai dengan tradisi progresif kebangsaan Melayu dan kebangsaan Malaysia dan sesuai dengan tamadun progresif dunia. Permuafakatan besar ini

akan membolehkan masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia yang sudah porak-peranda dengan pecah-belah dan korupsi moral pulih semula dari penyakit tenat ini. Ia akan menyatupadukan semula masyarakat kita dan memberikan kita satu kekuatan baru untuk menghadapi cabaran zaman selepas 1990 dan menjelang abad kedua-puluh satu. Inilah harapan semua rakyat yang cintakan parti dan bangsa, bukan saja rakyat sukubangsa Melayu, tetapi rakyat semua kaum. Adakah harapan ini terlalu besar? Kita semua mesti menjawab soalan ini. Moga-moga jawapannya positif!

4. QUO VADIS, MALAYSIA?

PILIHANRAYA umum ketujuh dan Perhimpunan Agung UMNO ke-37 baru saja selesai dengan masing-masing memberi keputusan yang gilang-gemilang kepada UMNO, partai yang menjadi tulang belakang kepada gabungan Barisan Nasional dan Kerajaan. UMNO dan Barisan Nasional patut bersyukur kepada Tuhan kerana keputusan-keputusan tersebut, sebab sebelumnya, keputusan-keputusan ini menjadi tanda-tanya besar. Masyarakat Melayu-Islam berpecah teruk kepada dua puak besar yang bersengketa, krisis pucuk pimpinan berlaku di dalam UMNO, masyarakat Cina dan partai mereka juga berpecah, negara menghadapi kemelesetan ekonomi, dan kepimpinan Dr. Mahathir dicabar di dalam dan di luar negeri. Jika ada masanya masyarakat Melayu dan UMNO perlu merebahkan diri sujud kepada Tuhan kerana telah menyelamatkan mereka dari satu bencana nasional yang besar, inilah satu daripada masanya! Pemimpin-pemimpin partai, khususnya presiden dan juga timbalan presiden, patut diberi tahniah kerana telah memimpin partai untuk mencapai kemenangan-kemenangan ini.

Sekarang setelah terselamat dari terjerumus ke dalam jurang yang menanti — inilah masanya masyarakat Melayu dan UMNO berfikir secara serius dan meninjau kembali prestasi partai, Kerajaan dan masyarakat selama ini.

Semangat kebangsaan Melayu telah berkumandang semula dalam Perhimpunan Agung yang lalu. Ucapan dasar presiden, Dr. Mahathir, yang berterus-terang, berani, pedas tetapi tidak berlebihan, telah memberi suara yang hak kepada semangat kebangsaan Melayu yang kebelakangan ini mulai dicabar oleh anasir-anasir cauvinis dan pelampau dalam negeri, dan juga oleh musuh-musuh dari luar. Ucapan seperti ini oleh seorang pemimpin Melayu memang telah lama ditunggu.

Tetapi setelah kata-kata yang berani di dalam Perhimpunan Agung, tindakan-tindakan yang setimpal dan wajar mestilah menyusul dengan segera. Tindakan-tindakan ini, tidak syak lagi, mestilah disusun dengan teliti mengikut program-program jangka panjang

dan jangka pendek, dan tidak boleh dilakukan dengan terburu-buru tanpa perancangan yang matang. Perancangan ini mestilah juga mengandungi satu sistem pengawasan yang boleh menjamin rancangan-rancangan kita sedang berjalan dengan baik. Ingat saja berapa banyak rancangan Kerajaan dan partai yang gagal, sejak Dasar Ekonomi Baru, kerana ketiadaan sistem pengawasan yang rapi!

Walaupun ucapan presiden menyentuh kebanyakan perkara yang mustahak, beliau meninggalkan tiga perkara. Beliau tidak membincang masalah perpecahan masyarakat Melayu-Islam, satu masalah yang besar yang boleh membawa kepada keruntuhan bangsa dan negara. Beliau tidak membincang kelemahan-kelemahan partai dan Kerajaan. Umpamanya, tahun lalu beliau menyebut tentang bahaya politik wang dalam UMNO, tetapi apakah rancangan-rancangan jangka-pendek dan jangka panjang UMNO bukan saja untuk mengatasi politik wang tetapi juga untuk membangunkan UMNO menjadi sebuah partai Melayu yang kuat, dinamik dan progresif, yang akan terus mewakili dan memimpin masyarakat Melayu dan bangsa Malaysia sehingga kita mencapai kedudukan yang terjamin dan terhormat di kalangan bangsa-bangsa sedunia.

Kritikan saya bukan untuk mengurangkan kecemerlangan ucapan beliau. Persis kerana saya menghargai semangat patriotisme tinggi yang terkandung di dalam ucapan itu maka saya menyebut hal-hal ini. Semua rakyat yang patriotik ingin melihat UMNO terus berkembang menjadi sebuah partai yang kuat, berpengaruh, dinamik dan progresif. Tidak ada pemimpin dan tidak ada partai yang sunyi daripada kelemahan dan kesilapan. Tugas dan tanggungjawab anggota-anggota partai dan rakyat yang patriotik ialah membuat kritikan yang membina, dan partai dan Kerajaan mestilah menggalakkan kritikan ini untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapan partai dan Kerajaan. Tidak perlulah ditegaskan bahawa pemimpin-pemimpin yang tidak menghiraukan kritikan-kritikan yang adil daripada rakyat akan gagal.

Bahaya yang paling besar kepada bangsa dan negara sekarang ialah perpecahan masyarakat Melayu-Islam oleh kerana sektarianisme ideologi. Sejarah boleh membantu kita melihat ke masa depan. Dalam masa 500 tahun lebih sejarahnya, bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang berpecah-pecah, dipecahkan dan dijajah oleh bangsa-bangsa yang lebih kuat dan pintar. Tidak perlulah kita menceritakan kembali sejarah itu: semua orang tahu. Kata peribahasa, yang lepas jangan dikenang. Memang yang lepas

tidak guna ditangisi, tetapi kita semua merasa amat bimbang tentang masa depan. Apakah nasib bangsa Melayu dan Malaysia di masa akan datang? Sepuluh tahun lagi? Lima puluh tahun lagi? Adakah sejarah akan berulang? Barang disimpang Tuhan!

Walaupun sejarah satu pelajaran, pelajaran yang pokok itu daripada Tuhan. Masa depan bangsa kita terbuka, bergantung kepada perjuangan dan usaha kita hari ini, perjuangan dan usaha seluruh masyarakat Melayu, khasnya UMNO. Seperti kita ketahui, Tuhan tidak mempunyai anak emas atau bangsa kesayanganNya. Lihat saja sejarah umat Yahudi. Lihat keadaan bangsa Arab hari ini. Undang-undang Tuhan berlaku secara objektif untuk semua bangsa tanpa kecuali. Tuhan hanya akan menolong bangsa yang menolong dirinya dengan mengikut bimbingan Tuhan. Bangsa yang menyeleweng dari bimbingan ini akan merasai akibatnya, lambat-laun. Oleh yang demikian, masa depan bangsa Melayu dan Malaysia hanya akan terjamin jika kita bersedia untuk mengikut bimbingan ini. Bimbingan ini tidak dibolot oleh mana-mana golongan atau parti. Ia terkandung dan terpelihara di dalam kitab suci al-Quran. Barangsiapa yang mengikutnya dengan jujur akan terbimbing. Barangsiapa tidak, tidak akan terbimbing. Itu saja, dan tidak ada misteri di dalam hal ini.

Pemimpin-pemimpin politik Melayu-Islam, khasnya di dalam UMNO dan PAS, haruslah menyedari hakikat ini dengan seberapa segera. Masa tangguhan yang telah diberi oleh Tuhan kepada kita haruslah kita gunakan untuk mencari semula perpaduan di antara kita yang telah hilang, berdasarkan jalan yang benar. Dalam mencari perpaduan ini semua pihak mestilah mencuba mengesampingkan sektarianisme ideologi masing-masing. Matlamat bersama kita ialah perpaduan dan keselamatan bangsa yang harus mengatasi segala perhitungan lain, kerana tanpa bangsa dan tanahair kita sendiri, di manakah kedudukan kita masing-masing?

Perpaduan ini tentu tidak mudah dicapai, tetapi kalau kita bertolak dari semangat persaudaraan Islam dan persaudaraan bangsa, dan berusaha dengan jujur untuk mencapai perpaduan dan keselamatan bangsa berdasarkan keadilan dan kebenaran, tentulah kita akan berjaya. Inilah sebenarnya yang dituntut oleh Islam, agama kebenaran dan keadilan. Pemimpin-pemimpin, cerdik pandai dan rakyat Melayu-Islam dan rakyat Malaysia seluruhnya hendaklah berusaha dengan jujur ke arah ini. Lima hingga sepuluh tahun untuk mencapai matlamat nasional yang agung ini satu masa yang singkat. Nabi Muhammad bersama-sama dengan pengikut-pengikut Arabnya

berjuang selama dua puluh tiga tahun untuk menyatupadukan bangsa Arab dan memberikan mereka keselamatan dan kesejahteraan melalui satu falsafah tawhid tunduk kepada Tuhan semata-mata dan tidak lain daripada Tuhan. Kalau bangsa Arab zaman itu, di bawah bimbingan al-Quran, boleh mencapai kejayaan gemilang yang tersebut, bangsa Melayu dan Malaysia juga boleh berbuat demikian.

Di persimpangan sejarah bangsa kita sekarang kita mempunyai banyak masalah. Kita juga mempunyai banyak musuh, dalam dan luar negeri. Masalah dan musuh kita yang paling besar itu diri kita sendiri. Sektarianisme ideologi dan sektarianisme material membutakan mata kita kepada kebenaran dan keadilan, dan menyebabkan kita melakukan kezaliman kepada bangsa dan diri kita sendiri. Sektarianisme ini membuka jalan bagi musuh-musuh bangsa kita, neokolonialisme, Zionisme dan sekutu mereka untuk menghancurkan kita. Jalan keluar dari ranatai kemusnahan ini ialah pembebasan diri kita dari sektarianisme ini. Inilah maksud mendalam ayat suci yang berikut:

Pasti Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu bangsa selagi mereka tidak mengubah diri mereka.

(Quran, 13:11)

Perubahan ini ialah pembebasan diri dan bangsa kita dari teori-teori dan fahaman-fahaman yang batil untuk menganut teori-teori dan fahaman-fahaman yang berdasarkan kebenaran Ilahi. Liberalisme, Marxisme dan mullahisme adalah teori-teori dan fahaman-fahaman manusia yang tidak boleh dipakai, kecuali setelah dicocok dengan kebenaran al-Quran. Inilah falsafah dan teori politik Islam yang sebenar. Jika bangsa kita berpegang kepada falsafah ini, pasti semua masalah dapat kita selesaikan, dan semua musuh dapat kita kalahkan. Ini janji Tuhan di dalam al-Quran, dan Tuhan tidak mungkir janji.

Kamu bendaklab jangan gentar, atau bimbang; kamu akan diberi kemenangan selagi kamu beriman.

(3:139)

5. UMNO SEBAGAI PEMIMPIN BANGSA

MENGIKUT legenda, pahlawan ulung Melayu, Hang Tuah, ada berkata: "Tiada Melayu hilang di dunia!" Kata-kata ini setinggi-tingginya tidak lebih dari satu impian. Seburuk-buruknya satu halwa telinga dan madat yang boleh melalaikan dan melalikan. Di manakah bangsa Melayu berada hari ini setelah enam ratus tahun bernegara dan bertamadun di muka bumi ini? Sejarah memberi jawapan: di Indonesia moden menjadi bangsa Indonesia; di Malaysia moden menjadi bangsa Malaysia.

Di Malaysia bangsa Melayu sekarang menghadapi satu zaman yang amat kritikal. Adakah bangsa Melayu akan terus memimpin dan menguasai Malaysia, atau mereka akan tenggelam dan hilang? Tiada siapa boleh menjaminkan masa depan bangsa Melayu di Malaysia. Tiada Hang Tuah, tiada puak yang menentang pimpinan Mahathir sekarang, malah, tiada UMNO saja atau mana-mana parti Melayu saja. Hanya bangsa Melayu seluruhnya boleh menjaminkan masa depan bangsa Melayu di Malaysia, dengan pertolongan Tuhan. Inilah hakikat yang harus disedari oleh seluruh bangsa Melayu di saat yang kritikal ini.

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia pada asalnya terdiri dari kerajaan-kerajaan Melayu yang kemudian dijajah, dan setelah merdeka menjadi sebuah negara majmuk dengan rakyat berbilang bangsa di bawah satu sistem pemerintahan beraja Melayu demokratik yang unik. Bacalah sejarah dan kita akan merasai suka-duka bangsa kita: kemegahan dan kemajuan pada waktu kita berdaulat dan merdeka; kehinaan, kesengsaraan dan kemunduran pada waktu kita dijajah, dan kita lebih banyak dijajah daripada merdeka dalam sejarah kita selama kira-kira enam ratus tahun.

Sekarang kita merdeka lagi, dengan izin Tuhan, sudah selama tiga puluh tahun. Parti politik Melayu yang ulung, UMNO, telah memainkan peranan yang penting dalam perjuangan kemerdekaan ini, tanpa kita melupakan peranan parti-parti nasional kita yang lain. Dalam zaman selepas kemerdekaan UMNO terus memainkan peranan utama dalam masyarakat Melayu dan Malaysia, dengan dibantu

oleh parti-parti lain, untuk membangunkan bangsa dan negara. Namun demikian, sebagian dari bangsa kita masih hidup dalam keadaan kepapaan dan kehinaan di desa dan kota. Nyatalah kita sebagai satu bangsa dan masyarakat masih mempunyai banyak kerja untuk mewujudkan keadilan bagi bangsa dan rakyat. Walaupun masyarakat Melayu telah berpecah kepada beberapa buah parti sejak awal, orang-orang Melayu terus memberi sokongan kuat kepada UMNO. Namun demikian, beberapa tahun kebelakangan ini perpecahan masyarakat Melayu bertambah teruk dengan dasar konfrontasi PAS terhadap UMNO hingga membawa kepada peristiwa berdarah di Memali. Perpecahan ini telah dieksploitasi oleh musuh-musuh bangsa dari luar dan dalam negeri. Sekarang UMNO sendiri mulai berpecah!

Tidakkah kita sedar bahawa kejatuhan bangsa Melayu di Malaysia akan dilakukan oleh bangsa Melayu sendiri? Tuhan telah berjanji di dalam kitabNya al-Quran bahawa Ia tidak akan mengubah nikmat-nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu bangsa kecuali bangsa itu mengubah dirinya. (Lihat 8:53) Tuhan telah mengurniakan kepada kita kemerdekaan dan kedaulatan: mahukah kita memusnahkan kemerdekaan dan kedaulatan itu dengan menzalimi diri kita sendiri dengan membuat puak dan menabur fitnah terhadap pemimpin-pemimpin kita sendiri?

Ingatkan kembali sejarah. Apakah yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka? Puak dan fitnah. Sultan Mahmud telah dendam kepada Bendahara Tun Mutahir yang tidak mengawinkan anak gadis jelitanya Tun Fatimah kepada Sultan. Kitul dan Medeliar, kerana kepentingan masing-masing, menggunakan puak yang hampir dengan istana dan yang menentang Tun Mutahir untuk menfitnahkan Bendahara Tun Mutahir kepada Sultan yang menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Bendahara dan keluarganya tanpa usul periksa. Inilah punca kejatuhan Melaka kepada asykar-asykar Fringgi dalam 1511.

Ingatkan kembali perpecahan masyarakat Islam awal dalam zaman Khalifah Uthman yang membawa kepada kejatuhan pemerintahan republik demokratik Islam. Ia juga disebabkan oleh puak dan fitnah.

Allah s.w.t. tidak pernah menjaminkan mana-mana bangsa di dunia akan kekal. Ia hanya menjaminkan masyarakat dan bangsa yang melakukan keadilan. (Quran, 2:124) Sejarah telah memperlihatkan kenaikan dan kejatuhan banyak bangsa. Pemimpin-pemimpin kita harus sedar apa yang telah berlaku dalam sejarah. Kita

harus belajar dari sejarah untuk mengelakkan kejatuhan bangsa. Sebaliknya, kita harus belajar dari sejarah bagaimana untuk membangunkan bangsa.

Kita juga tidak harus lupa bahawa bangsa Melayu telah menjadi satu bangsa minoriti di Malaysia. Perpecahan telah pun membawa beberapa kegagalan besar kepada kita dalam masa empat puluh tahun lalu: perkongsian kuasa dengan kaum pendatang dan kehilangan Singapura. Perpecahan selanjutnya, seperti yang sedang berlaku sekarang, akan mengakibatkan kegagalan yang lebih besar, hatta kehilangan kuasa, kedaulatan dan kemerdekaan. Adakah ini yang kita kehendaki?

Rakyat dan pemimpin-pemimpin kita haruslah menjaga perpaduan parti dan bangsa. Namun demikian, kita juga harus tahu bahawa perpaduan bangsa hanya boleh diwujudkan di atas satu asas yang kukuh. Sejarah bangsa kita selepas Perang Dunia II menunjukkan bahawa pada umumnya kita telah berpecah kepada tiga kumpulan ideologi yang besar, iaitu kumpulan liberal-kapitalis (UMNO), kumpulan sosialis (Partai Kebangsaan Melayu Malaya) dan kumpulan agama tradisional (PAS). Perpecahan ini menggambarkan perpecahan ideologi dunia dalam abad kedua puluh.

Islam mengajar kita bahawa perpecahan ini tidak lain ialah perpecahan mengikut kepentingan puak. (Quran, 23:52-53 dan 42:14) Cara kita hendak mengatasi perpecahan puak ini ialah dengan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Tuhan dalam Quran. Inilah caranya Nabi Muhammad menyatupadukan umat Arab yang berpecah-belah kepada berbagai suku yang bersengketa di Semenanjung Arab dalam abad ke tujuh serta meletakkan asas tamadun Islam yang pertama. Bangsa dan pemimpin-pemimpin kita perlulah mengikut teladan Nabi Muhammad jika kita mahukan perpaduan bangsa dan kejayaan.

Masanya belum terlalu lewat untuk kita membetulkan kesilapan-kesilapan kita. Tetapi kita harus ingat kita tidak mempunyai masa yang lama. Keadaan kita sudah sampai kepada peringkat yang amat kritikal. Jika kita tersalah langkah kali ini, kita akan menyesal buat selama-lamanya.

Berdasarkan sejarah Malaysia, memanglah wajar bangsa Melayu menguasai dan memimpin negara ini. Sesetengah daripada kita menjadikan ini satu selogan. Tetapi kita juga harus sedar bahawa negara ini sudah menjadi satu negara majmuk dengan bangsa Melayu berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain yang telah menjadi rakyat

Malaysia. Kita tidak boleh memutar kembali roda sejarah. Apa yang lebih penting dan boleh kita lakukan ialah melayakkan diri kita menjadi pemimpin-pemimpin bangsa Malaysia yang boleh diterima dan dihormati oleh semua rakyat dari pelbagai kaum. Ini hanya boleh kita lakukan jika kita berpegang teguh kepada bimbingan Tuhan dalam Quran.

Bolehkah UMNO sebagai parti dan wakil utama bangsa Melayu hari ini melaksanakan tugas pimpinan ini? Nyatalah jawapan ini terserah kepada anggota-anggota UMNO, khususnya kepada Perhimpunan Agung UMNO pada 24hb April ini. Adakah Perhimpunan ini akan memperkuatkan garis nasionalis-Islamis yang telah mula diletakkan sejak Dr. Mahathir mengambil-alih pimpinan, atau adakah ia akan membawa balik garis sekular pro-Barat dari zaman Tengku Abdul Rahman? Tindakan yang diambil oleh Perhimpunan Agung ini akan meninggalkan kesan yang mendalam, baik atau buruk, kepada masa depan bangsa Melayu di Malaysia.

Apakah yang menyebabkan perpecahan dalam UMNO sekarang? Soalan ini amat penting dikaji secara objektif supaya kita dapat memahami apa sebenarnya yang sedang berlaku, dan apakah tindakan-tindakan yang diperlukan untuk mengatasi perpecahan ini.

Sesetengah kalangan tua yang sepatutnya bersikap lebih arif menutup mata mereka kepada perpecahan yang sedang berlaku atas alasan demokrasi dan dengan itu menghalalkan kewujudan puak yang telah bangun untuk menentang pimpinan yang sah secara liar. Sikap seperti ini tidak menolong. Perpecahan ini sebenarnya bukan berpunca dari pemilihan pimpinan, atau pun cabaran kepada presiden. Puncanya ialah pertumbuhan puak dan ketiadaan kesatuan matlamat perjuangan dan semangat setiakawan dalam pimpinan, khususnya di peringkat-peringkat pusat dan bahagian. Puak yang menentang pimpinan Dr. Mahathir sekarang menggunakan taktik fitnah untuk menimbulkan kemarahan anggota-anggota terhadap beliau dan memnggulingkan beliau. Inilah punca perpecahan parti sekarang.

Kemunculan puak ini dicetuskan oleh semangat materialisme negatif yang telah menguasai sebagian anggota-anggota UMNO, khususnya setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah membawa kemewahan kepada sebagian rakyat kita. Materialisme melulu ini telah menggantikan prinsip perjuangan kebangsaan yang menjiwai perjuangan kebangsaan UMNO pada peringkat awal. Inilah yang menimbulkan gejala "politik wang" dalam UMNO sejak bebe-

rapa tahun kebelakangan ini. Semangat materialistik inilah yang dipergunakan oleh puak penentang untuk menggulingkan Mahathir dan merampas kuasa dalam parti.

Faktor utama yang menyebabkan penentangan terhadap Mahathir sekarang ialah dasar pokok. Faktor-faktor lain, seperti mabuk kuasa di pihak Musa dan Razaleigh, kemarahan terhadap Daim dan Sanusi dan cemburu terhadap kenaikan Anwar, bergabung untuk memainkan peranan dalam drama pertentangan dasar pokok ini, iaitu garis lapuk sekular-kapitalis pro-Barat yang dibawa oleh puak Musa-Razaleigh dan garis baru parti Islamis-nasionalis yang diwakili oleh pimpinan Mahathir.

Arus kebangkitan semula Islam sejak akhir dekad ketujuh telah turut mempengaruhi UMNO dan memasukkan "politik Islam" ke dalam UMNO dengan dasar islamisasi Kerajaan. Ini menimbulkan percanggahan antara garis sekular-nasionalis yang lama dengan garis Islamis-nasionalis yang baru. Percanggahan ini memerlukan satu asas falsafah yang baru untuk menyelesaikannya. Oleh kerana asas falsafah ini tidak wujud untuk menyelesaikan kontradiksi ini secara harmonis, maka golongan sekular-nasionalis telah membuat puak untuk menentang dan menggulingkan garis parti yang baru. Penentangan ini mendapat sokongan dari puak-puak imperialis dunia, termasuk Zionisme, dan rakan-rakan mereka dalam negeri, seperti yang nyata dari kecaman-kecaman mereka yang bertubi-tubi terhadap pimpinan Mahathir. Inilah yang menyebabkan kacau-bilau dan perpecahan dalam parti sekarang.

Puak Musa-Razaleigh telah bertindak di luar disiplin parti dengan menentang dasar parti yang perlu dipertanggungjawabkan bersama oleh Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung. Oleh kerana mereka tidak berani menyelesaikannya di dalam parti, maka mereka telah bertindak secara haram dengan membuat puak dengan tujuan untuk merampas kuasa dalam Perhimpunan Agung ini. Hal ini perlu disedari oleh seluruh anggota UMNO dan perwakilan.

Datuk Musa mendakwa beliau meletak jawatan kerana tidak lagi dipercayai oleh presiden parti dan Perdana Menteri. Setelah mewujudkan puaknya beliau sekarang mendakwa beliau tidak bersetuju dengan banyak dasar parti yang dulunya tidak pernah ditimbulkan dalam parti untuk diselesaikan. Yang mana satu yang benar?

Sebenarnya, semua orang tahu seorang anggota parti, hatta timbalan presiden sekalipun, tidak boleh menentang sesuatu dasar parti setelah diputuskan secara sah. Oleh yang demikian, perletakan jawatan beliau sebelum pilihanraya umum dan di dalam keadaan

negara yang tidak begitu setabil ialah suatu muslihat untuk merampas kuasa daripada presiden. Inilah tujuan beliau yang sebenar. Tujuan ini sekarang sudah nyata kepada semua.

Dasar sekular-nasionalis dari zaman Tengku Abdul Rahman yang ingin dibawa balik oleh puak Musa-Razaleigh ialah dasar yang sudah lapuk yang tidak akan mendatangkan kejayaan kepada parti dan bangsa. Dunia Ketiga sedang bergerak dari dasar kapitalis murni atau sosialis murni kepada satu sintesis di antara kedua-duanya di atas satu asas universalisme yang lebih utuh. Negara kita sedang dan perlu bergerak dengan arus sejarah ini. Kita perlu berdiri teguh di atas tonggak faham kebangsaan yang progresif untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa. Sebaliknya, kita perlu membetulkan penyelewengan-penyelewengan liberal-kapitalis dalam ekonomi, politik dan kebudayaan kita supaya keadilan ekonomi dapat dinikmati oleh semua, supaya dasar perundingan dan muafakat diamalkan dalam politik, dan supaya satu kebudayaan yang dinamik, progresif, saintifik, intelektual dan spiritual dapat dibangunkan. Di sinilah satu konsep Islam yang dinamik dan progresif berdasarkan bimbingan Quran yang ditafsirkan dan dilaksanakan secara kreatif dalam masyarakat moden dapat memberi sumbangan besar kepada pembangunan parti, bangsa dan rakyat. Disinilah pentingnya dasar nasionalis-Islamis baru yang sedang diletak oleh Dr. Mahathir.

Dasar nasionalis-Islamis ini sedang dan akan terus ditentang oleh musuh-musuh bangsa dari kalangan imperialis antarabangsa, termasuk Zionisme, dan konco-konco mereka dalam negeri. Dasar ini perlu dipertahankan oleh parti, bangsa dan rakyat, kerana dasar ini saja yang boleh menyepadukan bangsa serta memberi keadilan dan kejayaan kepada kita.

Memang dasar ini masih pada peringkat awal dan mempunyai banyak kelemahan: ia perlu diperkembangkan, diperhaluskan dan diperdalamkan. Ia akan mengambil sedikit masa untuk membuahkkan hasil, tetapi sekiranya pemimpin-pemimpin kita tekun bekerja dengan jujur untuk melaksanakannya, bangsa dan negara kita bukan saja akan berjaya mengatasi kemelut yang sedang kita lalui sekarang, tetapi juga memperkuatkan benteng pertahanan kita untuk menghadapi mana-mana musuh yang mempunyai niat buruk terhadap kita di antara sekarang dengan tiga puluh tahun akandatang. Sekiranya kita dapat kekal sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat tiga puluh tahun lagi, insya Allah, kita akan dapat kekal selama-lamanya.

Untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan, parti, bangsa dan rakyat mestilah melalui satu proses pemodenan yang sesuai.

Memang sejak tiga puluh tahun lalu semacam pemodenan telah kita lalui. Kehidupan berparti politik, umpamanya, ialah pemodenan. Pelajaran ilmu-ilmu moden itu pemodenan. Sistem ekonomi kapitalis itu pemodenan. Penggunaan sains dan teknologi moden dalam kehidupan itu pemodenan. Kehidupan di bandar itu pemodenan. Tetapi pemodenan ini lebih bersifat pembaratan — meniru Barat — dari pemodenan mengikut kehendak dan keperluan bangsa kita sendiri. Sekarang kita perlu membetulkan kesilapan-kesilapan pemodenan kita yang lalu serta melaksanakan pemodenan yang sesuai dengan cita-cita bangsa dan rakyat kita. Pemodenan ini mestilah dibimbing oleh ajaran-ajaran universal Islam dalam Quran.

UMNO bukan saja harus menjadi pemimpin dan wakil bangsa Melayu, tetapi juga pemimpin dan wakil bangsa Malaysia baru. Untuk memainkan peranan dan memikul tanggungjawab itu, UMNO mestilah dimodenkan dan dikemaskinikan. Nyatalah falsafah nasionalisme Melayu murni yang diwarisi oleh parti dari generasi selepas Perang Dunia II tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Bukan saja UMNO harus menyesuaikan nasionalisme ini dengan nasionalisme Malaysia baru, tetapi juga nasionalisme ini harus dilandaskan di atas faham universalisme Islam. Ini akan meletakkan UMNO di atas satu asas falsafah yang utuh dan kukuh dan akan membolehkannya menjadi pejuang bangsa dan manusia berdasarkan perpaduan dan keadilan. Bila UMNO dapat berbuat demikian dengan baik, semua rakyat kita yang berbilang kaum akan menerima UMNO sebagai pemimpin dengan sukarela.

Pemodenan bangsa dan masyarakat Malaysia yang perlu dilaksanakan akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu generasi lagi. Pemodenan ini hanya boleh dilakukan oleh sebuah parti atau gabungan parti-parti dan Kerajaan yang kuat, yang dibimbing oleh sebuah falsafah yang betul, yang mempunyai pandangan yang jauh dan yang komited kepada perubahan masyarakat. Semua golongan masyarakat perlu memainkan peranan mereka — dari parti-parti politik yang patriotik, cerdik pandai, sarjana, sasterawan dan seniman yang patriotik, pendidik, angkatan bersenjata, pegawai dan kakitangan kerajaan, golongan iktisas, pengusaha dan pedagang, petani dan buruh, pendek kata, semua rakyat — kerana kerja membangunkan bangsa ini satu kerja yang besar yang tidak boleh dilakukan oleh satu dua golongan saja.

Inilah agenda bangsa kita untuk tiga puluh tahun akan datang. Bolehkah dan mahukah kita melaksanakan agenda ini dan muncul

sebagai satu bangsa merdeka dan berdaulat yang kuat dan berjaya? Ini terpulang kepada kita, kepada UMNO, kepada semua parti yang patriotik di dalam dan di luar Kerajaan, pendek kata, kepada seluruh bangsa. Kita tidak ragu lagi bahawa inilah yang dicita-citakan oleh seluruh anggota UMNO dan seluruh bangsa dan rakyat. UMNO harus bertindak sesuai dengan cita-cita ini.

Sesuatu pimpinan datang dan pergi. Hari ini kita di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Dulu kita di bawah pimpinan lain. Lima atau sepuluh tahun akandatang kita akan berada di bawah pimpinan lain lagi. Tetapi parti dan bangsa mesti terus kekal selagi ada matahari dan bulan.

Parti dan bangsa mesti senantiasa membetulkan penyelewengan, kesilapan dan kelemahan yang wujud dalam parti, kerajaan dan masyarakat melalui seruan kepada kebaikan dan larangan kepada kejahatan dan melalui perundingan, muafakat dan kritikan yang adil. Fitnah untuk menjatuhkan pemimpin itu jenayah dan tidak boleh dibenarkan. Bila telah nyata bahawa musuh telah menyusup masuk ke dalam parti untuk merusakkan parti dan bangsa, maka mereka harus segera didedahkan, disingkir dan dihukum. Penjenayah tidak boleh dibenarkan bermaharajalela dalam masyarakat. Sejarah telah banyak memberi pelajaran kepada kita bagaimana musuh sesuatu bangsa telah menyusup masuk ke dalam batang tubuh bangsa itu serta merusakkannya. Kita sekali-kali jangan lupa pelajaran-pelajaran sejarah. Mudah-mudahan Tuhan melindungi bangsa dan tanahair kita serta memberi taufik dan hidayah dan pertolongan kepada pemimpin-pemimpin kita yang baik.

6. PERPECAHAN DALAM UMNO DAN MASYARAKAT MELAYU

INILAH suatu masa dalam sejarah bangsa kita bila kita berasa sedih dan sugul. Jika ada air mata, keluarkanlah sekarang. Saya tidak bergembira menulis lagi mengenai perpecahan masyarakat kita. Tetapi bolehkah kita tidak melihat gajah di depan mata atau menutup bangkai dengan nyiru? Pemimpin masyarakat kita, tidak kira parti dan golongan, mestilah mengesampingkan kepentingan puak serta berdepan dengan masalah perpecahan teruk dalam masyarakat kita sekarang secara serius dan berusaha mencari penyelesaian yang berkekalan.

Sayang! Walaupun kita rajin bersembahyang dan melakukan ibadah-ibadah agama lain, kita tidak menjadikan Quran sebagai bimbingan hidup. Quran mengajar kita bahawa segala kejahatan yang berlaku kepada kita ialah akibat perbuatan kita sendiri. (Lihat Quran, 4:78-79). Tidak syak lagi, perpecahan yang menjadi-jadi dalam masyarakat kita sekarang satu kejahatan dan juga satu hukuman daripada Tuhan kerana perbuatan kita mengingkari perintahNya. Apakah perintah Tuhan yang telah kita ingkari? Perintah Tuhan yang pertama dan yang terpenting kepada kita ialah: "Tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu sembahlah Aku." (Quran, 21:25) Kita telah mengingkari perintah agung ini kerana kita mengambil petunjuk lain daripada al-Quran. Adakah pemimpin kita, termasuk pemimpin agama, sedar perkara ini? Jika tidak, sudah sampai masanya mereka sedar dan kembali kepada bimbingan Tuhan dalam al-Quran. Jika tidak, undang-undang objektif Ilahi akan menimpa kita, dan mereka yang ingkar akan musnah. Bila itu berlaku, mungkin orang yang tidak berdosa juga akan turut musnah. Jika kita masih mempunyai pemimpin yang sedar dan cintakan bangsa dan Tuhan, mereka mestilah mengembalikan masyarakat kita kepada ajaran Tuhan.

Tuhan memerintah kita supaya tidak berpecah-pecah dan bersatu-padu berdasarkan fahaman tauhid, yakni menyembah Tuhan yang esa saja dan tidak menyengutkannya serta berbuat baik sesama manusia. Hal ini amat terang dari ayat suci yang berikut:

Hendaklah kamu berpegang teguh kepada tali Allah, kesemuanya, dan jangan berpecah-belah. (3:102)

Agama yang kamu serukan ialah agama yang satu dan Aku Tuhan kamu; maka taatilah Aku. Tetapi rakyat membagikan diri mereka kepada beberapa puak, tiap-tiap puak gembira dengan apa yang mereka miliki. (23:52-53)

Mereka yang memecahkan agama mereka kepada puak bukanlah daripada golonganmu (wabai Muhammad). (6:159)

Katakanlah kepada hamba-hambaKu supaya mereka melayani satu sama lain dengan sebaik-baiknya kerana syaitan senantiasa mencuba memecab-belahkan mereka. Sesungguhnya, syaitan musuh ketat bagi manusia. (17:53)

Tuhan menyayangi mereka yang berjuang di jalan-Nya dalam satu barisan yang padu, seperti batu-bata dalam sebuah tembok. (61:4)

Tidak ada yang lebih terang dan menasabah dari petikan ayat-ayat di atas. Namun demikian, hakikat menunjukkan bahawa kita amat suka membuat puak. Dalam masa tiga puluh tahun yang lalu masyarakat kita mempunyai tiga puak politik yang besar: puak nasionalis, puak agama dan puak sosialis. Tiga puak besar ini pula terbahagi kepada puluhan puak kecil, mengikut sukubangsa dan pemimpin. Hari ini puak nasionalis dalam UMNO, parti politik kita yang terbesar, berpecah lagi!

Mengapakah kita suka berpecah? Tidakkah kita percaya kepada Tuhan yang esa yang memerintah kita supaya bersatu-padu? Tentu-lah kita mempunyai tuhan-tuhan lain yang memerintah kita berpecah-belah. Jika kita menyembah dan patuhi Tuhan yang satu, seperti yang kita katakan, bagaimana kita boleh berpecah? Siapakah tuhan-tuhan lain selain Allah yang ditaati oleh puak nasionalis, puak agama dan puak sosialis? Sudah tentu puak-puak ini mempunyai tuhan masing-masing yang menyuruh mereka supaya berpecah-belah. Puak nasionalis dan sosialis berqiblat ke Barat dan menjadikan buku-buku Barat sumber hukum mereka, dan dengan demikian mengesampingkan Quran. Demikian juga, puak agama yang meng-

ambil kitab-kitab ulama sebagai sumber hukum mereka, mengesampingkan Quran. Memang semua puak menyerukan perpaduan, tetapi dengan perpaduan maksud masing-masing puak itu supaya puak lain tunduk kepada fahaman dan pimpinan kepuakan mereka. Nyatalah perpaduan seperti ini mustahil dapat diwujudkan. Inilah punca sebenar perpecahan kita.

Setengah orang berkata, perpecahan tidak dapat dielak kerana perbezaan pendapat yang senantiasa wujud dalam masyarakat manusia. Betulkah pendapat ini? Sejarah menunjukkan bahawa ada kalanya masyarakat berpecah; ada kalanya ia bersatu. Umpamanya, masyarakat Arab sebelum kemunculan Nabi Muhammad berpecah kepada beberapa suku yang seringkali berperang antara satu sama lain, tetapi bila Nabi Muhammad bangkit membawa suatu ideologi yang progresif dan dinamik, maka masyarakat Arab yang kasar dapat disatukan dan ia kemudian menempa satu tamadun yang agung dalam sejarah dalam sekedip mata.

Demikian juga masyarakat Melayu: dalam zaman Feudal di bawah beberapa pertadbiran Melaka yang dinamik dalam abad kelima belas, beberapa buah wilayah disatukan di bawah empayar Melaka yang masyhur. Dalam zaman penjajahan, Nusantara dipisahkan kepada tiga wilayah di bawah dua pertadbiran penjajah Inggeris dan Belanda. Dalam zaman kemerdekaan, Indonesia muncul sebagai satu bangsa baru, dan yang lain menjadi tiga buah negara merdeka, warisan dari empayar Melayu lama.

Setengah orang berkata, perpecahan disebabkan oleh pemimpin. Adakah ini benar? Ini juga tidak menasabah, kerana seorang pemimpin hanya mewakili dan melambangkan sesuatu aliran fikiran dalam masyarakat. Umpamanya, UMNO mewakili fahaman nasionalis dan PAS fahaman agama tradisional dalam masyarakat Melayu. Siapa juga yang memimpin UMNO atau PAS akan melaksanakan fahaman masing-masing mengikut tafsiran dan kemampuannya, kecuali parti itu sendiri bersetuju mengubah fahaman dan dasarnya di bawah anjuran seseorang pemimpin. Ini menunjukkan bahawa soal perpecahan bukan soal pemimpin, tetapi soal fahaman atau ideologi parti itu.

Mengapakah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, khasnya selepas Tun Razak, UMNO memperlihatkan bibit-bibit perpecahan? Dua faktor besar bertanggungjawab. Pertama, kehilangan kesatuan matlamat dalam perjuangan UMNO. Nasionalisme dan kemerdekaan sebagai suatu ideal perjuangan telah tercapai. Oleh yang demikian,

jawatan tidak dipertandingkan. Mungkin seseorang pemimpin boleh dipilih melalui perundingan, tetapi bagaimana hendak menyingkir seorang pemimpin yang tidak layak dan tidak disukai ramai jika jawatannya tidak dipertandingkan?

Sama penting dengan kaedah memilih pimpinan yang layak ialah pemulihan dan penguatan kaedah perundingan dalam parti umumnya untuk meliputi keputusan tentang program, dasar dan falsafah parti. Perlembagaan UMNO baru perlu membuat peruntukan-peruntukan untuk memperkuatkan kaedah perundingan sebagai satu prinsip kehidupan berparti dan bermasyarakat yang penting.

Sama penting juga ialah pengetahuan ahli tentang politik. UMNO mesti menggariskan falsafah politiknya dengan lebih jelas, berdasarkan patriotisme Malaysia dan universalisme dan humanisme Islam. Falsafah ini saja yang boleh menyatu-padukan rakyat kita yang berbilang kaum dan agama serta memupuk kecintaan kepada tanahair dan nilai-nilai kemanusiaan universal. Falsafah ini mesti difahami dan dihayati oleh semua anggota. Inilah akhirnya yang akan menjamin kestabilan dan kemajuan parti dan masyarakat dan menghalang penyelewengan dan perpecahan.

Bolehkah UMNO baru mencapai matlamat ini? Hanya masa akan menentukan. Namun demikian, masalah UMNO itu masalah bangsa dan tidak terbatas kepada ahli UMNO saja. Ia melibatkan semua. Di sini kita terpaksa bertanya: apakah pilihan bangsa kita jika tiada UMNO? Bolehkah PAS atau PSRM menggantikan tempat itu? Jawapannya yang pendek: tidak boleh. Ini kerana kedua-duanya terkongkong dengan fahaman puak masing-masing yang tidak dapat diterima oleh masyarakat umum. Dari segi ini, yakni dari segi ideologi, pandangan UMNO lebih luas dari kedua-dua buah parti ini. Inilah sebabnya UMNO boleh bertahan begitu lama. Namun demikian, setelah lebih empat puluh tahun, sudah nyata UMNO sendiri perlu berubah untuk menyesuaikan dirinya dengan perubahan masa. Tentulah lebih baik jika pemimpin kita sendiri boleh memulakan proses penyesuaian ini mengikut ajaran Ilahi dalam Quran tanpa dipaksa oleh keadaan, seperti yang berlaku sekarang.

Kita sudah dapat melihat bahawa satu tanda tanya besar telah muncul di ufuk kehidupan bangsa kita. Tiga puluh tahun dari sekarang adakah Malaysia akan wujud dalam peta dunia? Atau kita akan dijajah dan ditelan oleh salah satu kuasa besar? Kita tidak harus memperkecilkan kemungkinan ini. Masyarakat kita hari ini sangat

lemah kerana perpecahan teruk yang sedang berlaku. Orang lemah makanan orang kuat, seperti kata pepatah. Kita boleh mengelak kemungkinan ini jika pemimpin kita dari semua parti dan golongan segera sedar serta mengambil tindakan untuk membendung dan menghapuskan perpecahan ini dan mencapai perpaduan mengikut ajaran Ilahi dalam Quran.

Segala-galanya di tangan kita. Tuhan hanya akan menolong kita jika kita sanggup menolong diri kita sendiri dengan mengubah jiwa dan fikiran kita mengikut ajaran al-Quran. Inilah yang dilakukan oleh masyarakat Arab jahiliah abad ketujuh di bawah pimpinan Nabi Muhammad dan khalifah al-rasyidin. Kejayaan besar mereka satu contoh teladan yang gilang-gemilang kepada kita. Kita patut mencontohi teladan ini.

Saya fikir sudah tiba masanya kita mengadakan sekali lagi satu perundingan yang besar di antara kita, seperti yang kita lakukan dalam tahun 1946 - satu Kongres Kebangsaan untuk mencapai semula muafakat nasional yang telah tergelincir dari hati sanubari kita. Di dalam syura besar ini, berpandukan bimbingan al-Quran, kita boleh menguburkan semangat kepuakan yang telah memecah-belahkan kita selama ini, menggariskan sebuah falsafah politik patriotik yang progresif dan universal untuk menyatupadukan rakyat dan memberikan mereka keselamatan dan keadilan, dan memberikan kekuatan, ketegasan dan kebijaksanaan kepada pemimpin-pemimpin kita untuk menyelamatkan bangsa dan membawa kita ke mercu kejayaan.

7. MASALAH PERPADUAN UMNO-PAS

Dan bendaklab kamu taat kepada Tuhan dan rasulNya, dan jangan berbalab sama sendiri, kalau-kalau kamu gagal dan memecab-belabkan kekuatan kamu. Kamu bendaklab berdiri tegub, kerana Tuhan beserta dengan mereka yang berdiri tegub.

(Quran, 8:46)

Katalab kepada bamba-bambaKu supaya mereka melayani sama sendiri dengan cara yang paling baik, kerana syaitan senantiasa akan mencuba untuk memecab-belabkan mereka. Syaitan sebenarnya musub ketat manusia.

(Quran, 17:53)

RAKYAT kita yang patriotik, di waktu negara dan bangsa kita menghadapi banyak ancaman dari luar dan dalam, ingin melihat perpaduan dan kerjasama yang erat di kalangan bangsa kita, khususnya di kalangan masyarakat Melayu-Islam. Perpaduan ini, sebagian besarnya, bermakna perpaduan UMNO-PAS. Bolehkah kita capai perpaduan ini dalam masa yang singkat, katalah dua atau tiga tahun lagi? Jawapannya berada di tangan kita, khususnya pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS.

Tidaklah perlu kita berbincang panjang lagi mengapa perpaduan dan kerjasama di kalangan masyarakat Melayu-Islam amat penting sekarang. Ia perlu kerana masyarakat Melayu-Islam itu tonggak kekuatan bangsa dan negara. Ia perlu untuk menghadapi dan menyalahkan musuh-musuh bangsa dari kalangan imperialis dan Zionis dan kuncu-kuncu mereka dalam negeri dari sekarang hingga dua puluh tahun akan datang. Ia amat perlu untuk membangunkan bangsa kita menjadi satu bangsa yang progresif, dinamik dan berjaya serta dihormati di dunia internasional. Ini semua menuntut pemikiran yang rasional, perancangan nasional jangka pendek dan jangka panjang yang saintifik serta kebijaksanaan dari para pemimpin dan rakyat. Sanggupkah pemimpin-pemimpin kita dari semua parti dan rakyat berbuat demikian? Jawapan ini juga berada di tangan kita.

Pendek kata, kejayaan atau kegagalan, kenaikan atau kejatuhan bangsa kita — ini semua kita yang akan menentukan, dengan pertolongan Tuhan. Pertolongan Tuhan diberi kepada mereka yang menolong-Nya (Quran, 47:7), yakni yang berjuang di jalan-Nya mengikut bimbinganNya dalam Quran.

Tetapi hasrat dan cita-cita perpaduan saja, walaupun baik dan perlu, belum cukup, dan tidak boleh menjaminkan kejayaan. Tiap-tiap perkara ada undang-undangNya. Kalau kita ingin makan nasi, tidak cukup dengan keinginan itu saja. Kita perlu memasak, yakni kita perlu mengetahui kaedah memasak nasi dan lauk-pauknya. Demikian juga dengan perpaduan bangsa kita. Bangsa kita telah berpecah teruk kerana sebab-sebab tertentu, kerana kita telah tidak mematuhi undang-undang perpaduan dan kerjasama bangsa. Bukan PAS saja yang telah melanggar undang-undang itu, umpamanya dengan membuat puak dalam agama (yang dilarang keras oleh Tuhan; lihat Quran, 6:159), tetapi UMNO juga dengan dasar liberalisme yang bercorak sektarian; bukan saja PAS dan UMNO yang telah bersalah, kita juga semuanya dengan ideologi sektarian masing-masing atau ideologi pasif masing-masing telah bersalah. Tidak ada di antara kita yang bersih. Oleh yang demikian, wajarlah kita tidak taksub kepada ideologi, parti, pemimpin-pemimpin dan ego kita sendiri. Kita semuanya telah berdosa. Eloklah kita bertaubat, bermaaf-maafan di antara satu dengan lain dan memohon hidayat daripada Tuhan, dan memulakan satu lembaran baru dalam sejarah bangsa kita dan perhubungan antara satu sama lain.

Memang perkara ini sukar dilakukan, kerana ada banyak petualang di antara kita, di dalam semua parti dan kumpulan. Tetapi ada banyak juga pemimpin dan ahli yang jujur dan patriotik dalam semua parti dan kumpulan. Kepada merekalah kita bercakap dan menyeru. Semua anasir yang jujur dan patriotik dalam masyarakat kita mesti bersatu untuk melawan dan mengalahkan petualang-petualang ini. UMNO dan PAS mesti membersihkan diri masing-masing dari petualang-petualang. Ini merupakan satu syarat pokok untuk mencapai cita-cita perpaduan dan kerjasama antara PAS dan UMNO.

Seperti telah pernah saya katakan, salah satu sebab besar perpecahan bangsa kita duduk pada sektarianisme ideologi. Masing-masing parti membawa ideologi puak masing-masing dan taksub kepada ideologi-ideologi ini, menyayangi ideologi-ideologi ini lebih daripada Tuhan! Liberalisme, sosialisme, mullahisme, nasionalisme, marxisme, sekularisme, spiritualisme — namakan saja ideologi

yang terdapat di dunia sekarang, maka adalah penganut-penganutnya di kalangan rakyat kita. Ideologi-ideologi inilah yang menimbulkan puak, baik yang bercorak politik mahupun bukan. Inilah punca perpecahan kita yang besar. Punca inilah yang perlu kita hapuskan kalau kita benar-benar ingin mencapai perpaduan bangsa.

Ini tidak bermakna ideologi-ideologi ini semua lansung tidak terpakai. Beberapa perkara dalam ajaran-ajaran liberalisme, nasionalisme, sosialisme, Islamisme tradisional dan malah marxisme itu baik dan boleh dipakai, tetapi sebagai satu pegangan yang universal dan mutlak, semuanya mempunyai kelemahan yang asas dan tidak boleh dipakai. Kita semua ketahui bahawa ajaran yang universal dan mutlak bagi kita tidak lain ialah Islam seperti disempurnakan oleh Tuhan dan disampaikan melalui Nabi Muhammad dalam Quran kepada manusia. Inilah yang perlu dijadikan pegangan dan panduan kita yang asas. Menggunakan Quran sebagai panduan asas, kita boleh dan perlu mengambil dan menggunakan semua ajaran lain yang baik dan yang tidak bercanggah dengan panduan asas ini. Inilah cara Islam yang sebenar. Bila kita berkata kita perlu kembali kepada Islam yang sebenar, inilah caranya.

Kalau kita ingin selamat, kita perlu kembali kepada Islam yang sebenar yang dibawa oleh Nabi Muhammad, Islam tanpa puak, Islam asli, seperti yang diajar dan yang diperjuangkan oleh Nabi Muhammad.

Malangnya, kebanyakannya umat Islam sekarang telah mengabaikan Islam ini. Wahyu Tuhan yang pertama kepada Nabi Muhammad itu perintah membaca, tetapi semua orang tahu umat Islamlah yang kurang sekali membaca di kalangan bangsa-bangsa yang bertamadun hari ini. Nabi Muhammad mengajar kita bahawa orang-orang mukmin itu bersaudara dan mereka memutuskan urusan-urusan mereka melalui musyawarah dan muafakat, tetapi di kebanyakan tempat orang-orang Islam bergaduh sama sendiri, malah berperang dan berbunuh-bunuhan dengan menggunakan senjata-senjata moden yang dibeli dari golongan-golongan imperialis. Nabi Muhammad melarang kita membuat puak dalam agama, tetapi kitalah yang banyak sekali membuat puak dalam agama. Nabi Muhammad menggesa kita menggunakan akal, mengkaji sejarah bangsa-bangsa untuk mengetahui undang-undang sejarah, dan mengkaji bumi, tumbuh-tumbuhan dan alam seluruhnya supaya kita beroleh ilmu mengenai kejadian-kejadian Tuhan dan mengenal Tuhan dengan lebih baik, tetapi kita telah memfitnahkan ilmu-ilmu

ini sebagai sekular, dan bangsa-bangsa Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Rusia telah mendahului kita dan meninggalkan kita jauh dalam bidang-bidang sains dan teknologi. Kita telah diperintahkan oleh Tuhan supaya berlaku adil terhadap manusia, tetapi kitalah di antara golongan manusia yang paling sombong, yang menganggap diri kita saja yang betul dan bangsa-bangsa lain salah: kita mengkritik dan mengecam semua falsafah dunia, tetapi kita tidak sanggup mengkritik diri kita dan fahaman-fahaman silap kita sendiri.

Kalau kita membuka mata dan telinga kita serta menggunakan akal, seperti yang diperintahkan kepada kita oleh Tuhan, kita akan sedar bahawa kita telah mengabaikan ajaran-ajaran Quran begitu lama. Sebab itulah di Hari Pembalasan kelak Nabi Muhammad akan mengadu kepada Tuhan: "Tuhanku, umatku telah membelakangkan Quran ini." (Quran, 25:30)

Nyatlah ayat suci ini telah diletakkan oleh Tuhan di dalam Quran bukan sebagai satu takdir atau hukumannya kepada manusia, tetapi sebagai satu peringatan dan amaran, agar mereka yang mahu berfikir akan mengambil peringatan. Mahukah kita mengambil peringatan itu sekarang? Jawapannya masih di tangan kita.

Bila saya menulis mengenai perlunya rakyat kita merangka sebuah falsafah kebangsaan yang progresif dan dinamik untuk menyatupadukan dan membangunkan bangsa saya telah menyasarkan supaya Islam dijadikan ke-rangka falsafah kebangsaan kita. Inilah sebabnya. Islam itu, kita semua tahu, agama yang diiktiraf dan dijamin oleh Tuhan (lihat Quran, 3:18), tetapi orang-orang Islam sendiri telah mengabaikan ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Apa yang telah saya sebutkan dalam rencana itulah ajaran-ajaran Islam yang sebenar dalam bi-dang kemasyarakatan. Kalau kita mengamalkan falsafah ini, dan inilah falsafah Islam, kita pasti mencapai kejayaan.

Kita tidak mempunyai masa yang lama. Segala-galanya sedang runtuh dengan cepat di sekeliling kita — Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, pimpinan politik yang amanah dan berwibawa, cendekiawan yang komited kepada ilmu dan kebenaran dan perpaduan bangsa. Siapa yang bertanggungjawab dan siapa yang bersalah? Jawabnya: para pemimpin kita khasnya dan rakyat umumnya. Para pemimpin kerana memabawa rakyat ke jalan sektarianisme ideologi yang telah memecah-belahkan kita; rakyat kerana pasif menerima pimpinan itu tanpa menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan, seperti yang diperintah oleh Tuhan.

Namun demikian, rakyat kita, seperti rakyat-rakyat lain juga mempunyai potensi yang besar. Kita telah melihat banyak bukti potensi ini dalam pelbagai bidang. Jika potensi ini kita kembangkan dengan sebaik-baiknya dalam suasana kebebasan di bawah satu pimpinan yang patriotik, progresif, dinamik dan bijaksana, tiada sebab mengapa kita tidak boleh menebus segala kegagalan kita yang lalu dalam masa yang singkat serta membangunkan bangsa kita menjadi satu bangsa yang kuat, berjaya dan dihormati.

Kita tidak boleh mengharapkan satu persefahaman yang cepat antara PAS dengan UMNO sekarang, kerana pimpinan PAS sendiri tidak sepakat untuk mengadakan persefahaman itu. PAS sudah menjadi sebuah parti yang tidak berdisiplin dan ia tidak mempunyai satu dasar yang jelas dan konkrit. Tetapi UMNO sendiri boleh mengambil daya usaha untuk memanggil satu persidangan kebangsaan Melayu-Islam untuk membincang soal perpaduan masyarakat Melayu-Islam. Semua parti dan badan harus diundang dan tujuannya mestilah untuk mencari satu formula yang progresif untuk menyatupadukan rakyat Melayu-Islam dan rakyat berbilang kaum di negara kita.

8. PEMILIHAN 24 APRIL: ANTARA KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB

PERHATIAN negara dan boleh dikatakan juga dunia tertumpu kepada pemilihan nasional UMNO pada 24hb April ini. Ini demikian kerana pemilihan ini akan menentukan bukan sahaja kepimpinan tetapi mungkin juga dasar negara untuk tiga tahun akan datang. Rakyat Malaysia memberi perhatian kepadanya kerana ia melibatkan kehidupan mereka. Dunia, khasnya negara-negara yang mempunyai kepentingan di Malaysia, memberi perhatian kerana ia akan meninggalkan kesan terhadap pengaruh dan kepentingan mereka.

Nyatalah perlawanan kali ini amat sengit, berbeza dengan perlawanan-perlawanan dulu. Mengapa? Soal ini perlu dianalisa secara objektif dan difahami dengan baik oleh rakyat, khasnya anggota-anggota dan perwakilan UMNO. Betulkah anggota-anggota parti bebas bertanding untuk merebut jawatan, seperti yang ditekankan oleh pihak yang mencabar presiden parti sekarang? Betulkah parti dan negara memerlukan satu "perubahan" pada waktu ini- selogan yang diutarakan oleh komplot anti-Mahathir?

Ini satu masa yang kritikal bagi bangsa kita. Ia memerlukan pemikiran yang dingin, tenang dan waras oleh rakyat dan pemimpin-pemimpin kita, khasnya di dalam UMNO.

Memang anggota-anggota parti bebas untuk memilih dan dipilih. Ini satu daripada kebebasan-kebebasan penting yang telah diberikan oleh Tuhan dan parti kepada anggota-anggota UMNO. Namun demikian, idea kebebasan manusia untuk menentukan kehidupannya ada lawannya atau pasangannya, seperti semua hal lain. Tidak ada hidup kalau tidak ada mati. Tidak ada pemimpin kalau tidak ada pengikut. Tidak ada kerajaan kalau tidak ada rakyat. Demikian juga bagi kebebasan. Pasangan kebebasan ialah tanggungjawab. Bila Tuhan menawarkan kebebasan kepada semua makhluk alam, semua, kecuali manusia, takut dan enggan menerimanya. (Lihat Quran, 33:72) Ketakutan mereka itu kerana ketakutan membuat salah dan menerima risiko berat bagi kesalahan-kesalahan yang mungkin mereka lakukan.

Kebebasan dan tanggungjawab itu dua konsep yang tidak boleh dipisahkan. Bangsa dan anggota-anggota parti memang bebas memilih pemimpin-pemimpin mereka dari semasa ke semasa, tetapi mereka mesti menjawab tentang pilihan-pilihan mereka. Adakah mereka memilih berdasarkan prinsip perjuangan bangsa dan parti, atau berdasarkan kepentingan-kepentingan peribadi dan puak? Adakah mereka memilih berdasarkan fakta dan keadilan, atau berdasarkan fitnah dan kebencian? Kita mesti memikirkan hal-hal ini dengan serius. Perbuatan kita berdasarkan kebebasan yang telah diberi kepada kita oleh Tuhan dan parti akan membawa kepada kebaikan bangsa dan parti atau kepada keburukan bangsa dan parti. Kita bebas memilih yang mana satu, tetapi kita mesti memikul tanggungjawab atas pilihan kita.

Walaupun dalam perlawanan sekarang tidak begitu kelihatan perbezaan-perbezaan dasar, perbezaan-perbezaan dasar wujud. Inilah masalah pokok. Masalah-masalah lain, seperti kelembapan ekonomi, tuduhan-tuduhan rasuah, tuduhan kediktatoran presiden dan pengeseran peribadi antara beberapa pemimpin itu perkara-perkara sampingan yang mudah diselesaikan mengikut perlembangaan parti dan amalan biasa kehidupan berparti.

Apakah perbezaan-perbezaan dasar ini? Seruan-seruan komplot anti-Mahathir supaya parti "kembali kepada perjuangan asal", supaya parti bersikap "universalis" dan pro-Barat untuk memulihkan ekonomi, dan supaya parti membuat "perubahan besar" sekarang membayangkan garis-garis perbezaan itu, walaupun mereka tidak berani menyatakan pendirian mereka yang sebenar.

Sebenarnya negara kita, seperti juga dunia, sedang berubah dari satu zaman sektarianisme ideologi berdasarkan ideologi-ideologi Barat liberal/sosialisme kepada satu zaman baru di mana kedua-dua ideologi ini mencari sintesis di atas satu asas keuniversalan dan perpaduan manusia yang lebih utuh. Banyak peristiwa dalam dan luar negeri yang menandakan kemunculan zaman baru ini dalam masa tiga puluh tahun yang lalu, termasuk peristiwa-peristiwa Mei 13 dan kejatuhan Tengku Abdul Rahman dan kebangkitan semula Islam di negara kita, dan di luar negeri, kejatuhan Stalin di Rusia, kejatuhan Mao Zedong di Tiongkok, kekalahan A.S di Vietnam, kejatuhan Sukarno dan P.K.I. di Indonesia dan kejatuhan rejim Shah pro-Amerika dan kenaikan rejim fundamentalis mullah di Iran.

Garis anti-ideologi Barat, termasuk nasionalisme totok, dan pro-Islam yang dibawa oleh pejuang-pejuang zaman baru ini ditentang

oleh golongan-golongan sekular pro-ideologi Barat di mana-mana di negara-negara Islam, termasuk di negara kita. Nyatalah di negara ini pemimpin yang mempelopori garis ini dengan agak terang dalam UMNO dan kerajaan ialah Dr. Mahathir dengan sikapnya yang kritikal terhadap Barat dan sistem Barat, dengan sokongannya yang tegas kepada perjuangan rakyat Palestin dan kepada Negara-negara Berkecuali dan Persidangan Negara-negara Islam dan dengan dasar-dasar Pandang ke Timur, perindustrian dan penerapan nilai-nilai Islam dan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah." Kemasukan Anuar Ibrahim ke dalam UMNO dan sokongan golongan Islamis sederhana kepada UMNO sekarang ialah kerana perubahan dasar ini yang dibawa oleh Dr. Mahathir.

Golongan sekular totok dari zaman Tengku Abdul Rahman dan pengikut-pengikut mereka yang sekarang diwakili oleh puak Musa-Razaleigh tidak bersetuju dengan perubahan dasar ini. Inilah sebab utama pertentangan mereka sekarang terhadap pimpinan Mahathir. Inilah sebabnya tujuan mereka sekarang ialah menggulingkan Mahathir untuk membolehkan mereka membawa balik dasar-dasar lapuk zaman Tengku Abdul Rahman dulu. Inilah yang mereka istilahkan sebagai "perubahan besar."

Ini sebenarnya bukan kehendak puak mereka semata-mata. Tujuan mereka disokong dan didukung oleh tenaga-tenaga sekular totok pro-Barat dalam dan luar negeri. Ramai orang tahu bahawa gerakan anti-Mahathir ini sudah wujud sejak dua tiga tahun yang lalu dan ramai pengulas politik luar dan dalam negeri menjangka UMNO di bawah pimpinan Mahathir pasti kalah teruk dalam pilihanraya lalu. Oleh kerana kesempatan mereka untuk menjatuhkan Mahathir gagal dalam pilihanraya lalu, maka mereka sedang mencuba lagi dengan lebih gigih melalui pemilihan UMNO sekarang.

Seriusnya ancaman komplotan ini ialah kerana pengaruh materialisme yang telah menyerap masuk ke dalam UMNO sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pengaruh negatif materialisme ini dapat dilihat dari kemunculan "politik wang" dalam UMNO sejak beberapa tahun yang lalu. Ia juga tergambar dari ramainya bilangan perwakilan UMNO yang terdiri dari ahli-ahli perniagaan. Adakah pengaruh negatif materialisme ini akan mengatasi prinsip perjuangan bangsa dan parti dalam pemilihan ini? Sekiranya jawapan kepada soalan ini "Ya", maka masa depan UMNO dan bangsa gelap. Dasar sekular totok pro-Barat akan menimbulkan pelbagai masalah, tidak terkecuali pergaduhan kaum yang lebih dahsyat daripada yang telah

berlaku waktu Mei 13. Adakah ini yang dikehendaki oleh parti dan bangsa? Tentu sekali tidak.

Memang tidak syak lagi ada setengah pemimpin yang terlalu tamakkan kuasa hingga tidak sanggup menyelesaikan masalah-masalah parti mengikut saluran-saluran parti dan menunggu giliran-nya. Ada juga yang cemburu akan kenaikan terlalu cepat pemimpin-pemimpin lain. Ini semua merupakan kelemahan-kelemahan manusia. Tetapi setakat cita-cita besar dan cemburu beberapa kerat peribadi sahaja kita tidak bimbang. Apa yang mengancam parti dan bangsa ialah faktor-faktor peribadi ini dipergunakan oleh tenaga-tenaga anti-bangsa dan anti-Islam dalam dan luar negeri untuk menguasai dan menghancurkan parti dan bangsa.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa UMNO sekarang telah dipecahkan oleh semangat kepuakan. Segala alasan yang diketengahkan oleh puak Musa-Razaleigh itu alasan belaka. Tuduhan-tuduhan kelembapan ekonomi, rasuah, projek-projek mewah dan kediktatoran presiden tertimpa ke atas batang hidung mereka sendiri, kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesilapan-kesilapan ini, jika benar. Tuduhan-tuduhan ini juga telah dijawab. Tetapi mengapa sekarang mereka timbulkan perkara-perkara ini? Mengapa dulu mereka tidak, malah bersubahat dengan kesilapan-kesilapan ini, jika benar? Nyatalah mereka tidak benar. Mereka menimbulkan ini semua kerana mereka sudah berpecah dari perjuangan parti dan bangsa. Mereka sudah meletakkan diri mereka di pihak musuh. Bolehkah orang-orang seperti ini diberi kepercayaan oleh parti dan bangsa?

UMNO mestilah segera membendung dan menghapuskan penyakit kepuakan dalam parti. Jika langkah-langkah segera tidak diambil untuk berbuat demikian, ia akan memecahkan dan menghancurkan parti dan bangsa dalam masa yang singkat. Tentulah kebanyakan pemimpin parti di jawatan masing-masing dalam parti dan dalam kerajaan boleh bekerjasama dan muafakat untuk membangunkan parti, bangsa dan rakyat. Mereka patut berbuat demikian dengan jujur dan gigih. Tidak syak lagi, parti dan rakyat akan tahu menghargai kerja-kerja yang jujur dan akan membalasnya dengan wajar. Semua pemimpin tidak perlu menjadi presiden parti dan perdana menteri untuk memberi khidmat kepada bangsa. Di mana juga kita berada, jika kita bekerja dengan jujur, itulah khidmat kita kepada bangsa dan akan dihargai. Tetapi pemimpin-pemimpin munafik lambat-laun akan terdedah dan disingkir. Insya Allah, pemilihan kali

ini merupakan langkah pertama yang penting untuk membersihkan parti dari kepala-kepala petualang yang sudah menunjukkan belang mereka sebagai perosak parti dan bangsa.

Ini tidak bermakna bahawa presiden atau pucuk pimpinan parti tidak pernah membuat kesilapan. Tidak ada pemimpin yang sempurna. Malah parti sendiri pun tidak sempurna. Dalam masa empat puluh tahun kewujudannya, UMNO telah melakukan beberapa kesilapan besar dan sederhana besar. Tetapi yang telah lalu tidak guna ditangisi; yang berada di depan perlu dijaga. Membuat kesilapan itu fitrah manusia dan tidak boleh dielak. Apa yang lebih penting dijagai ialah keinginan dan kaedah-kaedah untuk mengelak kesilapan dan mengatasi kelemahan. Kaedah-kaedah pokok yang perlu sentiasa diberi perhatian berat oleh anggota-anggota parti dan pemimpin-pemimpin ialah berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Nabi Muhammad dalam Quran, mengamalkan konsep perundingan dan muafakat dan menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan untuk menyelesaikan masalah-masalah parti dan bangsa. Selagi kita berpegang kepada kaedah-kaedah pokok ini kita akan dapat mengatasi semua masalah dan akan mencapai kejayaan.

9. MASALAH KEPIMPINAN BANGSA: PEMILIHAN UMNO

NABI MUHAMMAD mengajar kita dalam Quran bahawa pemerintahan yang paling baik ialah pemerintahan yang berdasarkan wahyu-wahyu Tuhan. Namun demikian, kita melihat negara-negara Islam hari ini tidak diperintah demikian. Ini kerana kebanyakan umat Islam, seperti kebanyakan umat dari agama-agama lain, telah kehilangan ajaran-ajaran Tuhan yang sebenar yang telah diberikan kepada mereka. Inilah punca kacau-bilau dan huru-hara di dunia Islam dan bukan-Islam hari ini. Keperluan kita yang utama ialah kembali kepada ajaran-ajaran itu.

Satu daripada masalah-masalah besar yang dihadapi oleh bangsa kita kini ialah masalah kepimpinan. Siapa yang patut kita pilih untuk memimpin bangsa? Apakah kelayakan-kelayakan yang patut dimiliki oleh bakal-bakal pemimpin? Bagaimanakah kaedah untuk memilih mereka? Inilah soalan-soalan yang memerlukan jawapan-jawapan yang betul, berdasarkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Pemilihan UMNO sekarang memberikan kita satu kesempatan untuk menguji kebolehan bangsa kita dalam hal ini.

Pemilihan UMNO sekarang penting bukan saja kerana UMNO parti induk dalam Barisan Nasional dan Kerajaan, tetapi juga kerana zaman ini dalam sejarah negara kita ialah zaman peralihan antara zaman neokolonialisme dengan satu zaman baru penyusunan semula ideologi di mana ideologi-ideologi Barat akan kehilangan pengaruhnya dan Islam akan memainkan peranan yang lebih besar.

Selepas Perang Dunia II, negara-negara Dunia Ketiga telah bereksperimen dengan sistem-sistem sosio-politik Barat, sama ada liberalisme atau sosialisme. Setelah empat puluh tahun, nyatalah eksperimen-eksperimen ini sebagian besarnya telah gagal. Satu proses sedang berlaku di negara-negara ini untuk mencari satu bentuk masyarakat yang lebih ideal di antara liberalisme dan sosialisme, menggabungkan aspek-aspek positif dan menolak aspek-aspek negatif dari kedua-duanya. Proses ini dapat dilihat sedang berlaku dari Aljazair di Afrika Barat hingga ke Tiongkok di Timur. Malaysia juga sedang mengalami proses ini.

Apa yang telah dipanggil Revolusi Islam berlaku di Iran persis pada waktu ini dalam sejarah Asia-Afrika. Ramai pejuang Islam mendapat perangsang baru dari revolusi ini. Tetapi setelah tujuh tahun Iran telah gagal untuk menunjukkan ciri-ciri keislaman yang sebenar. Peperangannya dengan Iraq, yang nyata dihasut oleh kaum imperialis dunia, masih diteruskan, walaupun Iraq telah lama meminta berdamai. Pengkritik-pengkritik rejim Khomeini sama ada ditahan, dibunuh atau lari keluar negeri. Kegagalan Khomeini nyatalah bukan kegagalan Islam untuk mewujudkan sebuah negara moden yang adil, tetapi kegagalan kaum mullah Syiah. Kegagalan ini melengkapkan tiga kegagalan ideologi manusia moden: liberalisme, komunisme dan mullahisme. Kegagalan-kegagalan ini membuka jalan bagi persembaian seluruh manusia kepada bimbingan Tuhan yang sebenar, al-Quran. Inilah proses sejarah yang sedang berlaku sekarang.

Negara dan masyarakat kita kini perlu meletakkan dan mengembangkan satu garis politik Islam yang progresif. Hanya satu garis politik Islam yang progresif saja yang boleh mengeluarkan kita dari perangkap-perangkap liberalisme, sosialisme/komunisme dan mullahisme yang telah dan sedang memerangkap kita. Tetapi apakah garis politik Islam yang progresif itu? Masyarakat dan pemimpin-pemimpin kitalah mesti menjawab soalan ini dengan melihat ke dalam Quran serta menggunakan fikiran kreatif kita untuk melaksanakan ajaran-ajaran Quran dalam masyarakat moden kita yang majmuk. Inilah yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad untuk menciptakan asas masyarakat Islam di Semenanjung Arab pada awal abad ketujuh. Persisi inilah juga yang harus dilakukan oleh kita, pengikut-pengikutnya, di akhir abad kedua puluh.

Dalam pemilihan UMNO sekarang puak-puak sedang diwujudkan untuk merebut jawatan dan kuasa, menyebabkan kempen yang sengit dengan tuduh-menuduh yang tidak sihat. Apa akan jadi jika pemimpin-pemimpin parti yang kebanyakannya memegang jawatan-jawatan Kerajaan berkempen terlalu banyak? Tentu ini akan menjejaskan kerja-kerja Kerajaan. Kebanyakan mereka sudah dikenal oleh pemilih-pemilih. Terpulanglah kepada kebijaksanaan pemilih-pemilih untuk memilih secara bebas pemimpin-pemimpin yang layak untuk memimpin parti dan bangsa.

Setengah pemimpin dan pemerhati politik ingin menghalalkan kewujudan puak dalam parti atas alasan demokrasi dan saiz UMNO yang besar, konon. Kewujudan puak dalam UMNO memang tidak

sihat dan ia tidak kena-mengena dengan saiz UMNO. Dalam masyarakat manusia, perlu dua orang saja untuk menimbulkan perbalahan, seperti yang terbukti dalam kisah Habil dan Qabil. Timbulnya puak dalam UMNO bukan kerana ia sebuah parti yang besar, tetapi kerana tidak wujud lagi perpaduan berdasarkan kesatuan matlamat perjuangan. Namun demikian, semua orang mengetahui bahawa UMNO mempunyai falsafah perjuangan yang luas dan flexible berdasarkan faham kebangsaan Melayu dan Malaysia dan faham demokrasi. Jadi, dari manakah faham kepuakan sekarang timbul? Ia pasti timbul sama ada dari penyelewengan setengah pemimpin dari matlamat perjuangan UMNO tersebut, atau dari ketidaksesuaian falsafah kebangsaan demokratik UMNO sekarang, atau dari keduanya.

Jika falsafah perjuangan UMNO sekarang sudah tidak sesuai lagi, maka tanggungjawab anggota-anggotanyalah membuat perubahan-perubahan yang perlu mengikut saluran-salurannya. Ini bukan tanggungjawab Presidennya saja ataupun Majlis Tertinggi saja, tetapi tanggungjawab semua anggota.

Nyatalah puakisme dalam UMNO sekarang berpunca dari penyelewengan oleh setengah pemimpin dari perjuangan parti. Mereka tidak lagi berjuang untuk parti dan bangsa, tetapi sebaliknya untuk diri dan puak mereka. Perjuangan yang jujur untuk parti dan bangsa mestilah dilakukan secara jujur. Melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap pemimpin-pemimpin yang hendak digulingkan itu perbuatan-perbuatan musuh-musuh parti dan bangsa dari kaum imperialis dan kuncu-kuncu mereka. Memang kaum imperialis dunia tidak suka kepada Kerajaan kita hari ini kerana sikapnya yang tegas dan berani dalam isu-isu antarabangsa. Rakyat kita haruslah berwaspada menghadapi fitnah mereka terhadap pemimpin-pemimpin nasional kita.

Ini tidak bermakna ahli-ahli parti tidak boleh mengkritik pemimpin. Semua pemimpin yang menyeleweng perlu dikritik, tetapi kritikan ini perlu dilakukan mengikut kaedahnya dengan tujuan untuk membetulkan penyelewengan, dan bukan untuk merosakkan pemimpin. Ini saja tujuan kritikan yang betul dan yang boleh membangunkan parti dan bangsa. Kritikan dengan niat buruk tidak sah dan perlu diawasi oleh anggota-anggota parti.

Faham kepuakan amat merbahaya dan boleh menghancurkan parti. Ia bermakna parti tidak lagi mempunyai kesatuan matlamat perjuangan. Yang ada itu matlamat perjuangan kepuakan. Dari

sebuah parti besar dengan jumlah anggota seramai satu setengah juta yang bersatu, ia akan menjadi dua atau tiga atau empat buah parti dengan tenaga yang berpecah-pecah. Ini lambat-laun akan membawa kepada kehancuran parti dan bangsa.

Bila kita menentang puakisme dalam parti, tidak bermakna kita menentang demokrasi, atau lebih tepat, proses syura dalam parti. Syura atau perundingan untuk memutuskan sesuatu masalah itu perintah Tuhan kepada manusia. Memilih barisan pemimpin dari semasa ke semasa itu urusan parti. Memang semua jawatan termasuk presiden boleh dipertandingkan, tetapi mestilah dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperkuatkan perjuangan parti dan bangsa. Kita mesti memilih calon yang paling baik di antara kita — baik dari segi semangat dan kegigihan, kebolehan dan pengalaman, dan akhlak (ketiga-tiga ciri kepimpinan ini sama penting) — untuk memegang sesuatu jawatan. Kita tidak boleh memilih berdasarkan perhitungan-perhitungan puak. Setelah kita pilih pemimpin-pemimpin kita dengan sah, kita mestilah memberi sokongan yang penuh kepada mereka, tidak kira sama ada kita sendiri telah mengundi mereka atau tidak. Pemimpin-pemimpin yang sudah kita pilih tetap boleh dan perlu kita tegur dan kritik bila mereka menyeleweng mengikut saluran-saluran yang sedia ada. Sebaliknya, kita perlu memberi penghargaan dan sokongan kepada mereka bila mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik. Inilah peraturan dan kaedah hidup berparti dan bermasyarakat. Peraturan dan kaedah ini perlu kita patuhi kalau kita ingin berjaya.

Garis Islam yang progresif yang perlu kita hidupkan dan kembangkan dalam masyarakat kita itu Islam mengikut Quran. Inilah ajaran Tuhan yang dibawa oleh Nabi Muhammad kepada manusia, diikuti, diserukan dan diperjuangkan oleh beliau. Ajaran ini membebaskan kita dari belenggu-belenggu patung-patung — dalam bentuk-bentuk manusia, ideologi dan benda — kerana ia mengajar kita supaya tunduk kepada pemilik kuasa yang sebenar, Tuhan yang esa. Apabila kita bebas dari belenggu-belenggu tuhan-tuhan palsu ini, barulah kita boleh bangun dan maju serta mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

UMNO parti yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu berhak mempersoalkan UMNO serta menuntut UMNO melaksanakan perjuangan bangsa dengan gigih dan setia. UMNO pula mestilah menunaikan tanggungjawab ini dengan gigih dan setia. Walaupun UMNO milik orang-orang Melayu, ia juga milik bangsa

Malaysia. Rakyat Malaysia berhak mempersoalkan UMNO serta meminta keadilan daripadanya, dan UMNO mestilah menunaikan permintaan itu. Inilah UMNO yang kita kehendaki, dan pemimpin-pemimpin yang boleh melaksanakan tugas-tugas ini dengan cemerlang layak dipilih oleh parti untuk memimpin parti, bangsa, rakyat dan negara.

10. PATRIOTISME DAN BAHASA KEBANGSAAN

Berkat rahmat Tuhanlah maka kau (Mubammad) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Jika kau bersikap kasar dan kejam, mereka tentu akan meninggalkan kamu. Kerana itu kau hendaklah memaafkan mereka dan memohon ampun untuk mereka, dan berundinglah dengan mereka. Setelah kau mengambil keputusan, laksanakanlah keputusan itu dan bertawakkallah kepada Tuhan. Tuhan menggemari mereka yang bertawakkal kepadaNya.

(Quran, 3:159)

AYAT suci di atas memberikan tiga ajaran yang baik kepada para pemimpin kita: supaya mereka berikap lembut dan pemaaf terhadap kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapan rakyat; supaya berunding dengan mereka dalam semua urusan masyarakat; dan supaya mereka melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil dengan tegas dan penuh yakin. Hari ini kita melihat ketiga-tiga ajaran ini diabaikan oleh kebanyakan pemimpin kita. Oleh yang demikian, segala macam masalah telah timbul. Keputusan-keputusan yang telah diambil oleh bangsa kita tiga puluh tahun dulu tidak dilaksanakan dengan tegas dan yakin, dan sedang dipertikai oleh sesetengah kalangan. Kita merujuk kepada soal Bahasa Kebangsaan.

Mengapakah soal Bahasa Kebangsaan masih menjadi masalah kepada kita? Mengapakah setengah sektor kehidupan kita, seperti mahkamah, persidangan-persidangan setengah pertubuhan sosial dan lain-lain, masih belum melaksanakan dasar ini? Tidak syak lagi, sebab utama ialah tipisnya semangat patriotisme di kalangan rakyat kita.

Kira-kira tiga bulan dulu seorang pegawai Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia menyatakan kepada saya dengan rasa takjub bahawa suatu adat orang-orang Malaysia ialah suka bercakap bahasa Inggeris, walaupun dituturi bahasa Malaysia kepadanya. Duta

mereka, kata beliau, telah membuat satu peraturan dalam kedutaannya bahawa Bahasa Malaysia akan digunakan untuk semua urusan dengan rakyat Malaysia. Hal ini memeranjatkan saya dan saya berasa malu. Nampaknya, kita perlu belajar patriotisme dari Amerika Syarikat!

Kita boleh mencari banyak alasan untuk menghuraikan patriotisme kita yang tipis. Pertama, kita sebuah masyarakat majmuk yang tidak pernah dipersatukan di atas asas suatu patriotisme sejarah hingga kita merdeka dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah bangsa baru, Malaysia. Kedua, usia bangsa kita yang baru masih terlalu muda, cuma tiga puluh tahun. Ketiga, kelas-kelas atasan dan menengah kita berorientasi kepada kebudayaan Barat dan lebih senang bertutur dalam bahasa Inggeris. Keempat, bahasa Melayu yang belum cukup maju, jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, dan seterusnya.

Ini semua merupakan hujah-hujah yang kuat. Namun demikian, kita telah membuat keputusan kita yang bersejarah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan sedar berdasarkan cita-cita rakyat yang sah. Juga, kita yang membuat keputusan ini adalah makhluk-makhluk rasional yang boleh menempa sejarah baru dari suatu keadaan lama yang berbeza. Mengapakah tidak boleh kita laksanakan keputusan bersejarah ini dengan berani dan tegas?

Kita harus mencatat di sini bahawa tidak ada golongan yang mempertikai taraf dan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Kerajaan kita telah melaksanakan dasar ini dalam sistem pendidikan kita dari bawah hingga ke atas dan dalam semua urusan pertadbiran negara, kecuali dalam bidang kehakiman. Banyak juga parti politik, termasuk yang berbilang kaum dan yang bukan-Melayu, menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan-urusan parti mereka. Banyak juga buku, asli dan terjemahan, yang telah dihasilkan dalam bahasa Melayu untuk bacaan sekolah dan umum dalam masa tiga puluh tahun yang lalu. Ini semua merupakan kejayaan-kejayaan yang besar, dan rakyat dan Kerajaan harus diberi pujian kerana kerja-kerja ini.

Namun demikian, banyak lagi kelemahan yang perlu dikritik dan diperbetulkan. dan banyak lagi kerja yang perlu dilakukan sebelum kita berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai. Sikap negatif di setengah kalangan kelas-kelas atasan dan menengah Melayu dan bukan-Melayu, di kalangan iktisas, termasuk

Majlis Peguam, dan di kalangan setengah parti politik dan pertumbuhan sosial perlu ditegur supaya mereka lebih bersikap positif terhadap Bahasa Kebangsaan dan supaya mereka sendiri menyokong penuh dasar ini dan mengambil langkah-langkah konkrit dan praktikal untuk menjayakan dasar ini, seperti menterjemahkan buku-buku dalam bidang-bidang khusus mereka ke dalam bahasa Melayu, mengadakan mesyuarat-mesyuarat mereka dalam Bahasa Kebangsaan, dan mengadakan kelas-kelas untuk memahirkan ahli-ahli mereka dalam Bahasa Kebangsaan.

Sikap Kerajaan dalam beberapa hal juga tidak tegas dan perlu ditegur dan diperbetulkan. Satu kegagalan Kerajaan yang nyata ialah pemakaian Bahasa Keangsaan di mahkamah-makamah kita. Memang betul buku-buku undang-undang yang kita pakai semuanya dalam bahasa Inggeris dan kebanyakan peguam kita belum menguasai Bahasa Kebangsaan. Tetapi jika kita mempunyai satu komitmen yang serius kepada Bahasa Kebangsaan, buku-buku ini semua boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam masa sepuluh atau lima belas tahun, dan peguam-peguam kita menguasai bahasa Melayu dalam masa lima tahun! Malah mahkamah-mahkamah rendah dan tengah boleh menjalankan urusan kehakiman mereka dalam Bahasa Kebangsaan, kerana rakyat kelas bawahan yang berurusan dengan mahkamah-mahkamah ini boleh dikatakan semuanya boleh berbahasa kebangsaan.

Kerajaan mestilah mengambil daya utama untuk memastikan bahawa Bahasa Kebangsaan mampu memainkan peranannya yang sebenar sebagai Bahasa Kebangsaan. Walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditugaskan untuk memajukan bahasa Melayu dan menghasilkan buku-buku teks untuk kegunaan sekolah dan universiti dan walaupun banyak juga buku bacaan yang telah dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan oleh penerbit-penerbit swasta dalam masa dua puluh tahun yang lalu, nyatalah usaha-usaha ini masih jauh dari mencukupi. Umpamanya, kita masih belum mempunyai sebuah ensaiklopedia Melayu di mana rakyat kita boleh mendapat maklumat yang cukup mengenai semua hal. Untuk ini mereka terpaksa menggunakan ensaiklopedia-ensaiklopedia dalam bahasa Inggeris, sedangkan kebanyakan rakyat kita tidak tahu (dan tidak akan tahu) bahasa Inggeris. Demikian juga kita kekurangan buku-buku rujukan asas dalam kebanyakan bidang ilmu (sains, falsafah dan sastera) dalam bahasa Melayu. Selain itu, kebanyakan karya klasik dunia dalam bidang-bidang sastera, sains dan falsafah belum diterjemahkan

ke dalam bahasa kita. Sekiranya pemimpin-pemimpin kita mempunyai pemikiran jangka panjang dan telah membuat rancangan-rancangan ini dua puluh atau tiga puluh tahun dulu, tentulah kita telah mempunyai sebuah ensaiklopedia (atau telah menterjemahkan sebuah ensaiklopedia) yang baik dalam bahasa Melayu dan rakyat telah boleh membaca kebanyakan karya klasik dunia dalam bahasa kita sekarang. Ini bukan saja akan memperkayakan bahasa kita dan khazanah ilmu kita tetapi juga akan memajukan pemikiran bangsa kita.

Dalam hal terjemahan kita perlu mencontohi Jepun dan negara-negara Eropah. Tiap buku yang baik yang diterbitkan di mana-mana pun dalam bidang apa pun akan diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun dalam masa lebih kurang sebulan. Begitu juga di setengah negara Eropah. Inilah sebab utama mengapa Jepun dan negara-negara ini maju. Rakyat mereka boleh membaca dan mengasimilasi pemikiran yang baik yang dihasilkan oleh dunia. Malangnya, kita umat Islam telah lupa kepada perintah Tuhan yang pertama kepada kita suruh membaca dan belajar melalui pena. Sebaliknya, perintah ini telah ditaati dengan tekun oleh bangsa-bangsa Eropah dan Jepun. Inilah rahsia kejayaan mereka dan rahsia kemunduran kita.

Walaupun kita telah kerugian masa selama dua puluh atau tiga puluh tahun dalam hal ini, kita tetap boleh memperbetulkan kesilapan kita. Kita perlulah berbuat demikian dari sekarang.

Kemajuan bahasa kita terletak di tangan rakyat dan Kerajaan kita. Rakyat perlu terus memberi sokongan yang bulat kepada usaha-usaha untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Kerajaan perlulah terus melaksanakan dasar ini dengan tegas dan berani, dan memberi keutamaan kepada rancangan-rancangan jangka panjang untuk memperkayakan bahasa Melayu dengan karya-karya terjemahan kelasik-klasik dunia dan karya-karya asli pengarang-pengarang dan cerdik pandai kita sendiri.

Harus difahami bahawa tugas ini perlu dilakukan secara sedar oleh semua golongan masyarakat kita, dari Kerajaan kepada kaum cendekiawan, kepada golongan-golongan iktisas, hingga kepada rakyat biasa. Kaum pengarang dan cendekiawan memikul satu tanggungjawab khusus, kerana usaha-usaha merekalah secara langsung akan mengisikikan dan memajukan bahasa kita. Mereka memainkan satu peranan dinamik yang tidak boleh diabaikan.

Melalui karya-karya merekalah, sama ada bercorak sastera atau saintifik, bahasa kita akan maju dan pemikiran bangsa meningkat. Contoh-contoh peranan dinamik mereka dapat dilihat dari kebangkitan tamadun Arab-Islam awal dan kebangkitan Eropah dalam abad-abad keenam belas dan ketujuh belas.

Namun demikian, kita perlu ingat juga bahawa cerdik pandai kita tidak boleh memberi lebih dari kemampuan mereka. Di sini pembebasan fikiran rakyat kita, termasuk khususnya fikiran cerdik pandai kita, dari fahaman-fahaman dan fikiran-fikiran yang mundur dan beku mestilah dilaksanakan. Satu daripada cara kita hendak membebaskan fikiran rakyat kita ialah dengan membaca karya-karya dunia yang baik. Di sinilah pentingnya terjemahan karya-karya klasik dunia dan pentingnya kita mengembangkan tabiat membaca di kalangan rakyat kita.

Sama penting dengan itu ialah supaya cerdik pandai kita mengambil peransang dan bimbingan dari al-Quran. Allah s.w.t. telah memberitahu kepada kita bahawa Quran itu memberikan kita pedoman, kebenaran, cahaya dan jalan yang lurus. Berapa ramai cerdik pandai kita yang membaca dan mengkaji Quran dalam bahasa kita sendiri serta mengambil faedah dari ajaran-ajaran yang baik dalamnya? Kita ingin menyeru kepada cerdik pandai kita supaya berbuat demikian. Berpedomankan Quran, cerdik pandai dan pemimpin-pemimpin kita akan menjadi lebih dinamik dan kreatif, dan akan dapat memberi sumbangan yang lebih besar bukan saja kepada perkembangan Bahasa Kebangsaan, tetapi malah kepada kemajuan bangsa kita.

11. QUO VADIS, PAS?

SELEPAS Perang Dunia II, dua tenaga sosial yang penting dalam masyarakat Melayu ialah nasionalisme dan Islam. Inilah yang membawa kepada tertubuhnya UMNO untuk mula-mula menumbangkan komplotan Inggeris 'Malayan Union' dan kemudian untuk memperjuangkan kemerdekaan nasional. Inilah juga tenaga yang membawa kepada tertubuhnya PAS, mula-mula sebagian daripada UMNO, dalam 1951 untuk memperjuangkan nasionalisme dan Islam. Di sinilah bermulanya perpecahan masyarakat Melayu kepada dua puak yang besar, yang akibat parahnya telah mulai dirasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tidak harus dilupakan bahawa sejarah telah juga mencatat perjuangan nasional satu puak Kiri Melayu dalam Partai Kebangsaan Melayu Malaya (tertubuh 1945 mendahului penubuhan UMNO dalam 1946) yang kemudian bergabung dengan puak Kiri masyarakat bukan-Melayu dalam gabungan PUTERA-AMCJA. Gabungan ini telah menghasilkan apa yang dipanggil 'Perlembagaan Rakyat' 1947, dan sebgaaian dari saranan perlembagaan ini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bila kita mencapai kemerdekaan. Malangnya, muslihat penjajah telah berjaya membunuh perjuangan sayap Kiri Melayu bila PKMM diharamkan dan Darurat diisytiharkan dalam 1948. Kita menyebutkan fakta-fakta ini supaya kita dapat melihat perjuangan bangsa kita secara keseluruhan.

Memang kita tidak dapat mengasingkan perjuangan Islam dari perjuangan nasional Melayu. Islam pegangan kita dan Melayu kebangsaan kita. Islam dan kemelayuan atau kebangsaan adalah dua pola dari kewujudan kita yang satu, yang tidak harus dipertentangkan. Demikianlan PAS di bawah pimpinan mujtahid besar Allahyarham Dr. Burhanuddin (1956-69), kedua-dua faham kebangsaan dan Islam diperjuangkan. Namun demikian, walaupun di peringkat awal ini PAS berjaya memerintah di Trengganu dan Kelantan beberapa faktor negatif dalam PAS sendiri dan dalam amalan politik nasional kita, PAS tidak dapat mempertahankan kuasa mereka di negeri-negeri ini ataupun membawa apa-apa perubahan yang bermakna.

PAS di bawah pimpinan Asri (1969-81), yang mengambil-alih dari Dr. Burhanuddin yang telah meninggal, merupakan satu masa peralihan antara faham kebangsaan yang kian malap kepada faham *fundamentalisme* Islam yang mencabar lantang sejak awal lapan puluhan.

Oleh kerana juara kebangsaan Melayu ialah UMNO, PAS tidak boleh mendahului UMNO dalam hal ini, dan dalam faham Islam tradisional kedua-duanya sefaham, maka jalan terbuka bagi PAS bekerjasama dengan UMNO dalam Barisan Nasional yang ditubuhkan pada 1971. Penubuhan Barisan Nasional, tidak syak lagi, satu kejayaan besar bagi pimpinan Tun Razak. Satu era baru dalam kerjasama UMNO-PAS dan perpaduan masyarakat Melayu di masa depan terbanyang terang. Malangnya, era ini singkat saja, dan dalam 1978 PAS keluar dari Barisan Nasional untuk memulakan tahap perjuangan *fundamentalisnya* di bawah pimpinan Haji Yusof Rawa dan rethorika naib-presidennya, Haji Hadi.

Selama tiga atau empat tahun masyarakat Melayu luar bandar dan dalam bandar, di bawah pengaruh revolusi Iran, seolah-olah terpekau dengan rethorika Haji Hadi, seorang lulusan al-Azhar dalam bidang perundangan Islam, seorang pengikut dan pejuang *Ikhwan 'ul-Muslimun*, sebuah gerakan Islam tradisional Mesir yang ditaja oleh Hassan al-Banna, dan seorang ahli pidato. Apa yang dikatakan 'Amanat Hj. Hadi' mengoyak masyarakat Melayu kepada dua puak yang berkonfrontasi atas alasan agama. Kerananya suami-isteri berpecah, keluarga berpecah, surau berpecah, kampung berpecah, sekolah berpecah, kampus universiti berpecah dan masyarakat Melayu umumnya berpecah. Beliau juga dilaporkan telah berkata, sekiranya PAS, berkuasa hak istimewa orang-orang Melayu akan dihapuskan dan bahasa kebangsaan akan hilang statusnya. Namun demikian, puluhan ribu orang ramai membanjiri ceramah-ceramah PAS, khasnya ceramah Haji Hadi — semuanya kerana tarikan emosi dasar 'Negara Islam'. Golongan-golongan bukan-Melayu juga tertarik dengan dasar baru PAS ini, kerana rethorika kebebasan dan keadilan ideologi *fundamentalis* menjanjikan satu jalan keluar dari banyak masalah yang sedang dihadapi oleh negara.

Ini gambaran sebelum pilihanraya umum yang lalu. Selepas pilihanraya gambarnya bertukar sama sekali. Apa akan jadi kepada PAS? Berpecah sekali lagi dan hancur? Walaupun perasaan dalam PAS hari ini sugul dan marah, pemimpin-pemimpin mereka yang jujur harus ingat bahawa Islam **yang sebenar** mempunyai

peranan yang penting dalam perkembangan masyarakat dan negara kita. PAS masih mempunyai satu peranan politik, tetapi sebelum ia dapat memainkan peranan itu, PAS sendiri mestilah sanggup mengamalkan akhlak Islam dan mengkritik diri. Kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapannya yang lalu harus dikaji dan dianalisa secara objektif dan jujur, dan tindakan-tindakan memperbetulkannya diambil segera.

Kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapan PAS di bawah pimpinan barunya bersifat ideologi, dan juga politik dan organisasi. *Fundamentalisme* sebagai ideologi dan politik "pimpinan ulama" tidak praktikal, oleh kerana faham *fundamentalisme* berdasarkan rumusan teologi Zaman Pertengahan, dan "pimpinan ulama" hanya bermakna meletakkan masyarakat moden di bawah kediktatoran teori politik Zaman Pertengahan.

Sebagai ujian, ambil isu-isu kebebasan fikiran dan peranan wanita. Walaupun PAS baru ingin menonjolkan imej progresif dengan menyatakan bahawa mereka memperjuangkan kebebasan, tetapi ini sebenarnya bercanggah dengan faham *fundamentalis* mereka. Contoh pemerintahan mullah di bawah pimpinan Imam Khomeini di Iran sekarang satu gambaran baik di mana kebebasan fikiran tidak wujud. PAS sendiri tidak mengamalkan kebebasan dalam partainya sendiri, dan bila buku saya, "Hadis — Satu Penilaian Semula", terbit PASlah mula-mula mendesak supaya ia diharamkan.

Dalam hal peranan wanita dalam masyarakat, PAS tidak dapat hendak menyembunyikan pendirian mereka yang sebenar. Mereka terpaksa mengisytiharkan apa yang tercatat dalam buku *fundamentalis* mereka bahawa wanita tidak punya peranan aktif dalam masyarakat. Kedua-dua pendirian ini bercanggah hebat dengan ajaran-ajaran Quran yang mengisytiharkan kebebasan mutlak bagi fikiran dan persamaan hak bagi kaum wanita. Dalam kedua-dua hal yang penting ini, bukan saja rakyat bukan-Islam tetapi rakyat Islam juga tidak boleh menyokong perjuangan *fundamentalis* PAS sekarang. Di sinilah letaknya kelemahan pokok PAS.

Sikap *fundamentalis* boleh diuji dalam bidang yang lebih umum, iaitu sikap mereka terhadap tamadun Barat. Golongan ini menolak tamadun Barat secara keseluruhan. Mereka anti semua ideologi lain (nasionalisme, liberalisme, Marxisme) secara melulu, sedangkan sikap Islam yang sebenar ialah kritikal, menerima yang baik dan menolak yang buruk.

Dari segi dasar, percanggahan PAS ketara sekali. Di satu pihak ia mesti mendapat sokongan orang-orang Melayu-Islam dengan

mengenengahkan dasar 'Negara Islam' yang popular sekarang. Di pihak lain, ia mesti juga mendapat sokongan rakyat bukan-Islam untuk menubuhkan Barisan, dan ini dilakukan dengan menyuarakan slogan-slogan 'persamaan hak', 'keadilan' dan 'kebebasan'. Bahawa strategi ini berjaya dapat dilihat dari sokongan yang diberi kepadanya sebelum pilihanraya umum lalu oleh beberapa golongan dalam masyarakat Cina dan juga oleh beberapa partai pembangkang, termasuk, anehnya, PSRM.

Siapakah yang menguasai PAS sekarang sebenarnya? Jawatankuasa Agungnya yang dipengerusikan oleh Yang Dipertuanya Yusof Rawa? Atau oleh Haji Hadi dalam sidang-sidang khutbah dan rapat-rapat umumnya? Atau oleh satu golongan lain yang belum memperlihatkan wajahnya? Memang PAS sedang berada di dalam keadaan yang sangat kucar-kacir sebelum pilihanraya lagi. Kucar-kacir ini telah didedahkan sepenuhnya oleh lawan-lawannya UMNO dan Barisan. Inilah punca kekalahan teruk PAS.

Sekarang pucuk pimpinan PAS cuba mengelak tanggungjawab mereka dengan menyalahkan akhbar-akhbar yang, kononnya, telah memberi gambaran negatif mengenai PAS. Tetapi tiada siapa yang akan tertipu dengan taktik ini, termasuk anggota-anggota PAS sendiri. Sekarang PAS menghadapi satu krisis besar. Apakah masa depannya? Meneruskan dengan dasar *fundamentalism*nya, mungkin dalam bentuk yang lebih 'radikal', seperti yang dikehendaki oleh setengah golongan mudanya, akan membawa kepada kehancuran. Bekerjasama dengan UMNO dalam Barisan mungkin tidak praktikal dalam keadaan sekarang. Yang paling baik ialah bagi PAS menyambung kembali tradisi perjuangan Islam progresif yang ditaja olehnya di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin-Zulkifli. *Fundamentalisme*, seperti yang dapat dilihat dari contoh-contoh di Iran dan negara-negara Arab, tidak ada masa depan. Syukur kepada Tuhan, kerana *fundamentalisme* sebenarnya bukan Islam. Sebaliknya, ia merosakkan nama baik Islam di mata dunia.

Walaupun PAS milik anggota-anggotanya, ia juga milik rakyat Melayu-Islam, milik bangsa kita. Walaupun mereka kalah teruk dalam pilihanraya lalu, undi popular PAS sebanyak 15.6% itu tinggi. Kita tidak boleh meninggalkan nasib PAS kepada kegelojohan setengah pemimpinnya yang baru sehari mengenal politik. Pemimpin-pemimpin PAS yang telah menyeleweng perlu dikritik oleh pejuang-pejuang Islam yang sebenar dan oleh rakyat supaya ia kembali dan boleh memberi sumbangannya yang wajar kepada bangsa, agama dan tanahair.

12. D.A.P. DALAM POLITIK MALAYSIA

ADAKAH negara Malaysia kita yang muda, yang kita tubuhkan 23 tahun yang lalu, akan kekal dua puluh tahun lagi dengan tarikan-tarikan perpecahan yang masih ketara satu soalan yang tidak dapat kita elak. Tidak syak lagi, dalam sejarah yang diukir dalam ratusan, malah ribuan, tahun, negara-negara muncul dan tenggelam. Dua ratus lima puluh tahun dulu, Amerika Syarikat belum wujud. Negara-negara Eropah moden muncul dalam masa antara lapan ratus dengan dua ratus tahun dulu. Banyak negara tua, seperti Yunani, Mesopotamia dan Romawi telah hilang. Demikianlah negara Malaysia moden kita muncul dari beberapa kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Kalimantan Utara. Wilayah-wilayah ini merupakan sebahagian dari Kepulauan Melayu atau Nusantara yang dalam abad-abad penjajahan Eropah telah dijajah dan dipisahkan menjadi Malaysia dan Indonesia moden.

Sejarah jangka panjang menunjukkan bahwa konsep negara-bangsa ialah satu konsep yang tidak kekal. Masyarakat manusia yang terdiri dari pelbagai suku, kaum dan bangsa menuju kepada ideal perpaduan dan kesatuan manusia. Dua pola ini — kebangsaan dan kemanusiaan — perlu diingat dan diperhitungkan bila kita membincang masalah bangsa dan negara kita. Kebenaran ini telah pun dijelaskan dalam al-Quran dengan firman Tuhan yang berbunyi: "Wahai rakyat, kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu mengenal satu sama lain. Yang paling mulia di antara kamu di sisi Tuhan ialah mereka yang baik." (49:13)

Kita telah membuat satu mukaddimah yang agak panjang sebelum memasuki tajuk sebarang rencana kita kali ini kerana negara kita tidak boleh kekal kecuali ia berdiri di atas satu asas kebangsaan yang kukuh. Kebangsaan Malaysia kita **tidak dapat tidak** pasti berdiri di atas tonggak kebangsaan Melayu. Ini hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan. Namun demikian, oleh kerana siasah penjajah Inggeris yang licin menanam bibit-bibit perpecahan dalam masyarakat dalam zaman penjajahan dulu, wujudnya golongan-golongan

oportunis dan pelampau, dan kelemahan pimpinan politik kita yang lalu, hakikat ini masih kabur dan ingin dicabar oleh setengah golongan dalam masyarakat kita, khususnya DAP.

Seperti diketahui, DAP itu anak kandung PAP yang berjuang atas dasar cita-cita kebangsaan rakyat keturunan Cina. Nyatalah apa yang dianjurkan oleh DAP — "Malaysia Kemalaysiaan" itu ialah satu konsep yang absterek dan kabur dan satu teori politik yang meleset, yang belum dapat dipraktikkan dalam DAP sendiri. Namun demikian, masyarakat Cina yang ingin diperjuangkan oleh DAP itu sebagian dari rakyat dan bangsa kita. Oleh yang demikian, wajarlah cita-cita masyarakat Cina dan perjuangan DAP disesuaikan dengan konsep kebangsaan Malaysia, seperti yang telah kita takrifkan dan yang telah pun diterima oleh rakyat kita seluruhnya.

DAP mendakwa dirinya sosialis. Tetapi, semua orang tahu bahawa ideologi sosialis menitikberatkan prinsip keadilan. Adakah adil bagi DAP menafikan sejarah dan hak ketuanan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan sekarang Malaysia? Persis oleh kerana DAP menafikan sejarah dan hakikat ini maka ia gagal menjadi sebuah parti yang bersifat nasional serta mendapat sokongan semua rakyat, khususnya orang Melayu. Namun demikian, mengiktiraf ketuanan bangsa Melayu di Malaysia tidak bermakna warganegara keturunan Cina, India dan lain tidak mempunyai hak. Hak ini telah pun diberi secara sukarela oleh orang-orang Melayu sendiri pada waktu Kemerdekaan dan dijamin dalam Perlembagaan kita. Jika DAP ingin memainkan peranannya yang positif dalam perkembangan politik dan sosial Malaysia, ia mestilah menyesuaikan dasarnya dengan hakikat ini.

Masalah kebangsaan ini satu masalah yang besar. Oleh kerana keadaan-keadaan tertentu dalam sejarah kita, khususnya siasah penjajah memaksakan sebuah 'masyarakat majmuk' dalam abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh ke dalam politik Semenanjung Tanah Melayu, maka, pada hakikatnya, wujud tiga masyarakat yang berasingan, iaitu masyarakat pribumi dan masyarakat-masyarakat kaum pendatang.

Walaupun orang-orang keturunan Cina dan India telah bermasyarakat di bawah kerajaan-kerajaan Melayu sejak berzaman-zaman, khususnya di Melaka, kebanyakan mereka datang dalam abad-abad kesembilan belas dan awal kedua puluh. Kumpulan-kumpulan yang akhir ini datang dengan tujuan hendak mencari kehidupan baru dan menganggap negara-negara asal mereka tetap sebagai tanahair

mereka. Oleh sebab itu dalam Perang Dunia II dan selepasnya mereka menyokong gerakan-gerakan kebangsaan di negara-negara asal mereka. Dengan kata-kata lain, taat setia mereka tidak tertumpu kepada Malaya dan mereka tidak mempunyai semangat kebangsaan Malaya. Bila taufan gerakan kebangsaan menggoncang asas kolonialisme di Asia, maka gerakan kebangsaan tulin di Semenanjung Tanah Melayu dipelopori oleh orang-orang Melayu saja, seperti Kesatuan Melayu Muda dan Partai Kebangsaan Melayu Malaya dan kemudian UMNO.

Malangnya, kerana kelemahan pimpinan Melayu sendiri pada waktu itu, siasah penjajah berjaya memecahkan barisan Melayu kepada tiga puak: puak Kiri, puak liberal dan puak agama. Di sinilah punca kelemahan gerakan kebangsaan kita, yang menyebabkan konsep kebangsaan kita menjadi kabur. Punca kelemahan inilah yang dipergunakan oleh golongan cauvinis untuk mempertikai hak ketuaan orang-orang Melayu di negara mereka sendiri.

Jika DAP jujur hendak memberi sumbangannya kepada perkembangan politik dan sosial bangsa, ia harus berani mengiktiraf asas-asas sejarah kebangsaan Malaysia serta mendidik penyokong-penyokongnya khasnya dan rakyat keturunan Cina amnya untuk memahami dan menerima konsep kebangsaan ini. Ini akan merupakan satu sumbangan besar oleh DAP untuk menghapuskan faham cauvinis dan perkauman di kalangan masyarakat kita serta menegakkan faham kebangsaan yang tulin. Jika DAP berbuat demikian, ia akan dapat diterima oleh masyarakat Melayu dan oleh UMNO. Pada waktu itu, DAP akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan, bukan saja kepada masyarakat Cina tetapi kepada masyarakat kebangsaan seluruhnya. Sanggup dan beranikah DAP berbuat demikian?

Saya tidak berkata bahawa faham cauvinis dalam masyarakat Cina satu-satunya unsur negatif dalam negara kita sekarang. Faham perkauman wujud juga dalam masyarakat Melayu, di samping faham agama yang sempit, yang juga merupakan unsur-unsur yang negatif yang perlu kita banteras bersama. Tetapi secara perbandingan, faham cauvinis dalam masyarakat Cina, yang boleh dieksploitasi oleh musuh-musuh negara, merupakan ancaman yang terbesar kepada keamanan dan keutuhan negara kita yang muda. Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang jujur mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mengajak masyarakat Cina bersatu dengan masyarakat Melayu untuk membangunkan negara

dan bangsa kita atas asas kebangsaan Malaysia yang sebenar dan atas asas kebebasan, persamaan dan keadilan.

Ini tidak bermakna UMNO dan Kerajaan tidak pernah membuat kesilapan atau tidak mempunyai kelemahan-kelemahan berhubung dengan masyarakat Cina. Malah UMNO dan Kerajaan telah membuat kesilapan dan mempunyai kelemahan-kelemahan berhubung dengan masyarakat Melayu sendiri. Kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan ini perlu dikaji dan dicam, dan pembetulan dilakukan dengan seberapa segera. Ini semua memerlukan rakyat, partai dan pemimpin yang patriotik dan yang sedar akan tanggungjawab mereka.

Kita harus menghadapi kemungkinan bahawa pemimpin-pemimpin DAP tidak sanggup dan tidak berani untuk menyesuaikan dasarnya dengan tuntutan-tuntutan kebangsaan Malaysia yang sebenar oleh kerana oportunistik mereka. Tidak syak lagi, pendirian demikian tidak akan mendatangkan mereka kejayaan, sepertimana dasar pelampau agama PAS telah tidak, dan tidak akan, memberikan mereka kejayaan. Tetapi, chauvinisme DAP, di satu pihak, dan ekstreisme agama PAS, di pihak lain, boleh bergabung untuk menghancurkan negara dan bangsa kita dalam masa yang singkat. Ini satu ancaman yang nyata yang tidak harus diperkecilkan oleh UMNO dan Kerajaan.

UMNO sebagai partai induk dalam Barisan Nasional mempunyai tanggungjawab yang berat kepada bangsa dan rakyat untuk **memastikan** supaya kemungkinan ini tidak berlaku pada bila-bila masa di masa akan datang. Jika UMNO hendak kekal menjadi teras pimpinan negara, ia harus memenuhi tanggungjawab ini. Oleh yang demikian, ia harus membuat perancangan strategik, perancangan jangka panjang untuk menjamin kekuatan partai, perpaduan orang-orang Melayu, perpaduan rakyat semua kaum, keutuhan dan kedaulatan bangsa, dan kemajuan rakyat semua kaum. Falsafah pragmatisme memperhitungkan perkiraan-perkiraan jangka pendek mempunyai tempatnya dalam dasar kebangsaan, tetapi pragmatisme tanpa perancangan strategik tidak boleh menjamin masa depan bangsa.

UMNO sendiri telah banyak berubah dalam masa 40 tahun ini, menyesuaikan dirinya dengan perubahan-perubahan dalam masyarakat. Ini salah satu kekuatan UMNO yang menyebabkan ia kekal selama 40 tahun. Tetapi sudah sampai masanya asas kebangsaan UMNO, iaitu kebangsaan Melayu dalam konteks kebangsaan Malay-

sia, ditafsirkan dengan lebih jelas, dan falsafah UMNO sendiri ditakrifkan dengan lebih jelas. Hanya dengan satu falsafah perjuangan yang sesuai dan jelas, dapat UMNO membangunkan dirinya menjadi sebuah parti yang kuat, dinamik dan progresif, yang dapat menyatu-padukan dan memimpin bukan saja masyarakat Melayu, tetapi masyarakat Malaysia seluruhnya, dengan kerjasama parti-partai nasional sukubangsa lain, termasuk DAP jika ia sanggup menyesuaikan perjuangannya dengan konsep nasional tersebut.

13. ANCAMAN ZIONISME DAN PERPADUAN BANGSA

Bila kamu membaca Quran, berlindunglah pada Tuhan dari syaitan yang terkutuk. Dia tidak berkuasa di atas mereka yang beriman. Kuasanya terbatas kepada mereka yang memilibnya sebagai teman dan yang mempersekutukan Tuhan.

(Quran, 16:98-100)

Taatilah Tuhan dan rasulNya, dan jangan berbalah di antara kamu, nanti kamu gagal dan memecahkan kekuatan kamu. Kenalab kamu senantiasa bertekun, kerana Tuhan bersama-sama dengan mereka yang senantiasa bertekun.

(Quran, 8:46)

BARANGKALI inilah kali kedua bangsa dan rakyat kita perlu bersatu untuk menghadapi satu ancaman yang besar dalam masa jangka panjang — Zionisme di Asia Tenggara, khasnya di Kepulauan Melayu. Kali yang pertama ialah bila kita menuntut kemerdekaan dari penjajah Inggeris. Persatuan kita tidak begitu kompak pada kali pertama dan kejayaan kita kurang dari seratus peratus. Bolehkah kita bersatu dengan lebih baik kali ini, supaya kita tidak ditimpa bencana kegagalan, seperti yang ditunjukkan oleh ayat suci di atas? Jawapannya ada di tangan kita, seperti yang juga dinyatakan oleh ayat suci di atas, kerana selagi kita beriman kepada Tuhan dan tidak mempersekutukanNya, musuh kita tidak boleh mengapa-apakan kita.

Kita tidak perlu menerangkan lagi tentang ancaman Zionisme kepada negara kita dan negara-negara Asia Tenggara, yang hari ini dilambangkan oleh lawatan presiden Israel ke Singapura. Israel Zionis terkenal sebagai negara perampas hak nasional rakyat Palestin. Reaksi penentangan yang meluas di kalangan rakyat kita dari pelbagai kaum, termasuk DAP, sungguh menggalakkan. Namun

demikian, barisan penentangan ini perlu diperluaskan supaya semua partai politik dan semua kaum dan agama diwakili. Ini perlu, kerana ia satu masalah nasional yang besar, yang harus mengatasi perhitungan-perhitungan politik sektarian. Bukan saja barisan penentangan ini perlu diperluaskan, malah ia perlu diterjemahkan menjadi satu falsafah politik yang positif. Hanya dengan satu usaha positif yang tekun di pihak kita sendiri dapat kita menyelamatkan bangsa dari kehancuran yang menanti.

Isu-isu yang terbabit tidak kurang dari keutuhan dan kedaulatan bangsa dan negara, keamanan dalam negeri dan perpaduana rakyat. Banyak persamaan wujud di antara negara Zionis Israel dan Singapura. Pertama, kedua-duanya telah muncul sebagai negara-negara moden kerana strategi politik dan ketenteraan penjajahan Barat sejak Perang Dunia I untuk memecah-belahkan, melemahkan dan menguasai Dunia Islam, yang memang terletak di kawasan-kawasan dunia yang strategik. Kedua, strategi ini dilaksanakan dengan menggunakan sentiman perkauman satu suku kaum di kalangan rakyat kaum Yahudi di dunia Arab dan kaum Cina di dunia Melayu. Ketiga, strategi ini strategi imperialis untuk menekan kebangkitan rakyat Islam dan rakyat semua bangsa di seluruh dunia. Keempat, strategi ini telah dan akan menggabungkan kelas-kelas atasan yang berpendirian lemah terhadap Zionisme dan imperialisme untuk mencapai kejayaannya. Semua ini sudah dapat dilihat di Asia Barat dan tentunya akan diulang di Asia Tenggara.

Tidak syak lagi, bangsa Arab dan bangsa Melayu tidak bebas dari tanggungjawab membenarkan perkara-perkara ini berlaku kepada mereka. Kesilapan-kesilapan merekalah yang membawa kepada kemunduran, kelemahan dan perpecahan di dalam masyarakat-masyarakat mereka hingga mereka dapat dijajah dan ditakluk oleh kaum imperialisme dan Zionis. Ini sekali-kali tidak bermakna kita membenarkan penaklukan rakyat yang lemah oleh kaum imperialis dan Zionis. Tujuan kita hendak menunjukkan kesilapan-kesilapan kita supaya kita segera dapat membetulkannya.

Berhadapan dengan bahaya Zionis yang besar dan nyata ini, apa patut kita buat? Jawapannya satu saja: kita harus mempersatukan dan memperkuat barisan kebangsaan kita. Pada waktu ini barisan kebangsaan kita sangat lemah. Bukan saja kita sedia berpecah kepada banyak suku-bangsa; kita juga berpecah kepada beberapa puak ideologi: Kiri, Pertengahan dan Kanan. Dalam pada itu masing-masing masyarakat suku-bangsa juga berpecah, tidak terkecuali

masyarakat Melayu yang menjadi teras kebangsaan negara kita, dan perpecahan masyarakat Melayu antara UMNO dan PAS itu satu perpecahan yang serius. Tentulah tidak ada masa yang lebih baik untuk musuh kita bertindak, dan tidak ada masa yang lebih buruk untuk kita mengahdapi musuh. Tentu, inilah sebabnya puak Lee Kuan Yew dan puak Zionis memilih saat ini untuk membuat provokasi mereka!

Walaupun masa depan bangsa kita sekarang nampak sugul, seperti kata Alexander Pope, "*Hope springs eternal in the human breast.*" Dan Tuhan telah berjanji, "Kamu jangan gentar, dan janganlah kamu bimbang; kamu akan diberi kemenangan selagi kamu beriman." (Quran, 3:139) Frasa syarat, "selagi kamu beriman", penting dan harus diberi perhatian berat. Janji ini telah terbukti kebenarannya dalam sejarah, khususnya dalam peristiwa kebangkitan bangsa Arab di bawah pimpinan Nabi Muhammad dan empat khalifah al-rasyidun.

Supaya kita dapat memahami konsep perpaduan bangsa dengan lebih jelas, eloklah kita meninjau kembali sejarah perjuangan kemerdekaan bangsa kita. Dunia selepas Perang Dunia II terbahagi kepada tiga khemah ideologi: khemah demokrasi-liberal Barat, khemah komunis Timur dan khemah Islam. Masyarakat nasional kita juga berpecah demikian waktu kita melancarkan gerakan kemerdekaan kita. UMNO yang mewakili puak terbesar dalam masyarakat Melayu dengan pimpinan yang menganut faham nasionalis-liberal berpecah dengan puak Kiri dalam Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan dengan puak agama dalam PAS. Perpecahan dalam barisan kebangsaan Melayu inilah yang membolehkan puak penjajah memisahkan Singapura dari rancangan kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu serta memaksakan beberapa dasar dalam negeri bagi Malaya merdeka.

Soalannya, bolehkah perpaduan barisan kebangsaan itu dipertahankan dalam keadaan yang wujud pada waktu itu? Siasat penjajah Inggeris ialah menekan gerakan Kiri Melayu dan dengan demikian melemahkan gerakan kebangsaan atas alasan memerangi pemberontakan Partai Komunis Malaya. Walaupun ini benar, lebih benar hakikat bahawa hanya satu gerakan kebangsaan tulen yang kuat yang boleh mematahkan komplot penjajah, dari Kanan mahupun Kiri. Jadi, jawapan kepada soalan tadi ialah tidak mustahil bahawa perpaduan barisan kebangsaan dapat diwujudkan dengan syarat ketiga-tiga partai tersebut, khususnya para pemimpinnya, bersikap bijaksana, memahami dan menjunjung tinggi konsep dan falsafah

perjuangan kebangsaan yang tidak bercorak sektarian Kanan, Kiri atau keagamaan.

Dunia Arab boleh memberi kepada kita satu pelajaran baik. Mengapakah umat Arab yang berjumlah lebih 160 juta tidak boleh mengalahkan Israel yang hanya mempunyai 5 juta penduduk? Tidak syak lagi, Israel dilindungi oleh kuasa besar Amerika Syarikat. Tetapi dalam masa empat puluh tahun yang lalu dunia telah menyaksikan kekalahan A.S. di tangan rakyat-rakyat revolusioner Korea, Vietnam dan Iran. Nyatalah perpecahan dan ideologi yang mundur merupakan dua faktor penting yang bertanggungjawab melumpuhkan potensi bangsa Arab.

Oleh yang demikian, kita harus sedar dari awal bahawa perpecahan dalam barisan kebangsaan kita dan sebuah ideologi kebangsaan yang mundur itulah jalan yang paling cepat untuk kita mencapai kehancuran. Masyarakat Melayu, teras masyarakat Malaysia, dan parti-partai politik mereka, UMNO, PAS, Hamim dan PSRM, harus sedar akan hakikat ini. Ini tidak bermakna parti-partai politik lain di negara kita tidak mempunyai peranan. Mereka juga mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan satu barisan kebangsaan Malaysia untuk menghadapi dan mengalahkan ancaman Zionisme ini. Jawatankuasa Bertindak Rakyat Malaysia yang sekarang mewakili 30 buah pertubuhan politik dan sosial memberikan satu kerangka yang baik. UMNO patutlah mengambil dayausaha, dan UMNO, PAS, Hamim dan PSRM patutlah bekerjasama untuk mengembangkannya dan memperkuatkan gerakan ini.

Ini satu tugas nasional yang dituntut oleh rakyat semua kaum. Ia juga bukan mudah. Tetapi, sekiranya kita bersemangat patriotik dan mencintai tanahair dan bangsa kita, kita tidak boleh mengelak daripada menanggung bebanan nasional yang besar ini. Tugas ini tidak boleh berjaya kecuali semua parti sanggup bersikap bijaksanaan, mengesampingkan ideologi-ideologi sektarian masing-masing serta bekerjasama atas ideologi kebangsaan yang luas dan progresif, yang meliputi cita-cita kebebasan, keadilan, persamaan dan kemajuan. Kerangka yang baik untuk ideologi kebangsaan ini telah pun wujud, iaitu Rukunegara. Pemimpin-pemimpin dan rakyat kita perlu memberi takrif dan isi yang terang dan konkrit kepada konsep-konsep kebangsaan, kebebasan, keadilan, persamaan dan kemajuan, serta menterjemahkannya menjadi dasar-dasar dan program-program yang sesuai.

Walau bagaimanapun, konsep, teori, dasar dan program yang

baik semata-mata belum boleh menjamin kejayaan, kerana konsep, teori, dasar dan program itu perlu dilaksanakan oleh manusia. Pemimpin-pemimpin kita perlulah jujur mendukung konsep dan teori ini supaya amanah yang diserahkan oleh bangsa dan rakyat kepada mereka dapat mereka tunaikan. Oleh yang demikian konsep demokrasi kita mestilah termasuk memilih pemimpin-pemimpin bukan saja yang berkebolehan tetapi yang jujur.

Di samping itu, tidak ada pemimpin, partai atau kerajaan yang bebas dari kesilapan dan kelemahan; oleh yang demikian, rakyat mesti diberi hak dan kebebasan untuk mengkritik kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan kerajaan — dalam ungkapan Quran yang ringkas dan padat, untuk “menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan”. Partai yang memerintah dan Kerajaan mestilah berpandangan jauh dan luas untuk memberikan hak dan kebebasan ini, kerana hak dan kebebasan inilah saja yang boleh menjamin keselamatan dan kebajikan bangsa dan negara akhirnya. Di pihak rakyat pula, mereka mestilah melaksanakan hak dan kebebasan ini dengan berhati-hati dan bijaksana, supaya kritikan mereka tidak berdasarkan emosi dan hawa nafsu, dan tidak melimpah menjadi kecaman dan fitnah yang boleh merosakkan perpaduan bangsa.

Pada akhirnya, hanya bangsa dan rakyat kita yang boleh menentukan masa depan bangsa dan negara. Inilah undang-undang sejarah yang telah berlaku untuk semua bangsa, yang telah diisytiharkan dalam al-Quran: “Pasti Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa kecuali bangsa itu mengubah dirinya.” (13:11) Oleh yang demikian, ancaman Zionisme yang sedang menimpa bangsa kita hanya boleh diatasi dengan kekuatan barisan kebangsaan kita sendiri, di bawah bimbingan Tuhan.

Tidak syak lagi, Islam sebagai satu cara hidup universal yang mendukung nilai-nilai dan prinsip-prinsip persamaan dan persaudaraan manusia, kebebasan, kebenaran, rasionalisme, keadilan dan kebajikan rakyat boleh memainkan peranan yang penting untuk membentuk ideologi kebangsaan kita yang progresif. Para pemimpin dan rakyat kita mestilah membuat satu perancangan jangka panjang untuk membangunkan kekautan bangsa kita berdasarkan ideologi kebangsaan yang progresif ini. Ini saja yang boleh menjamin masa depan bangsa dan tanahair kita.

14. PERPADUAN BANGSA

KITA kerap bercakap tentang perpaduan bangsa, khususnya setelah peristiwa Mei 13, dan kita telah pun mengambil beberapa langkah, termasuk penggabalan Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara, untuk memperkuatkan perpaduan itu. Tetapi nyatalah langkah-langkah ini semua belum mencukupi, kerana bukan saja perpaduan itu masih goyah, malah asasnya sekarang, UMNO, telah mula berpecah. Adalah tanggungjawab semua rakyat yang patriotik, khususnya pemimpin dan cerdik pandai, memberi perhatian yang lebih serius kepada masalah perpaduan bangsa kita sekarang.

Kita harus mentakrifkan perpaduan bangsa dari segi-segi yang lebih asasi, bukan setakat ketiadaan kacau-bilau dalam parti-parti Kerajaan, dalam Kerajaan dan dalam masyarakat. Juga bukan setakat pencapaian beberapa keperluan asas bagi rakyat, seperti pemakanan, perumahan, air bersih, elektrik, pelajaran, kesihatan dan sebagainya. Malah, lebih jauh, juga bukan setakat mempunyai satu bahasa kebangsaan dan satu tanahair. Semua ini memang perlu, tetapi yang lebih perlu — keperluan yang paling asas untuk perpaduan bangsa — ialah **kesatuan matlamat**. Kita sebagai satu bangsa mesti mempunyai kesatuan matlamat perjuangan. Bolehkah kita capai ini?

Paling hampir rakyat kita mencapai satu rumusan kesatuan matlamat perjuangan bangsa ialah dalam Rukunegara yang diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri kedua, Tun Razak, pada 31 Ogos, 1970. Rukunegara memproklamirkan bahawa tujuan bangsa kita ialah untuk mencapai sebuah masyarakat yang adil, progresif, demokratik dan liberal berdasarkan prinsip-prinsip monoteisme, ketaatan kepada Raja dan Negara, pemerintahan berdasarkan undang-undang dan kelakuan baik dan kehidupan berakhlak. Tetapi, nampaknya, Rukunegara telah lama dilupakan oleh kedua-dua pemimpin dan rakyat kita. Mengapa?

Walau bagaimanapun, kita tidak menafikan bahawa prinsip-prinsip dalam Rukunegara tetap dipegang dan diamalkan. Tetapi hakikat bahawa pemimpin-pemimpin dan rakyat kita jarang

menyebutnya sekarang menunjukkan bahawa setengah idea dalam Rukunegara mungkin kabur dan tidak begitu diyakini oleh rakyat. Sebagai contoh, ambil konsep-konsep demokrasi dan liberalisme: walaupun ada aspek-aspek demokrasi dan liberalisme yang positif dan baik, seperti hak-hak kebebasan beragama, berfikir dan bersuara dan memilih pemimpin, kebebasan-kebebasan bersuara dan memilih pemimpin ada batasan-batasannya yang ditentukan oleh undang-undang dan tidak boleh dilanggar. Konsep pemerintahan berasaskan undang-undang juga perlu ditakrifkan sebagai undang-undang yang adil, kerana sebuah pemerintahan berdasarkan undang-undang boleh menggubal undang-undang yang tidak adil. Ini semua beberapa kelemahan besar dalam rumusan Rukunegara. Mungkin inilah sebabnya mengapa Rukunegara sedang dilupakan.

Sepatutnya kita tidak harus melupakan Rukunegara, kerana ia mengandungi beberapa idea yang baik yang boleh menyatupadukan rakyat kita. Ambil idea-idea dan prinsip-prinsip monoteisme, masyarakat yang adil dan demokratik, dan kehidupan berakhlak. Idea-idea ini dianuti oleh semua kumpulan kaum dan agama dan boleh menyatukan masyarakat kita yang majmuk. Idea-idea ini perlu ditonjolkan dan disebarkan seluas-luasnya dalam masyarakat. Idea-idea lain yang masih kabur perlu dikaji semula dan dirumuskan dengan lebih jelas.

Sebenarnya kita telah terlalu lama hidup dalam masyarakat berpuak-puak maka kita sudah mengaggap bahawa hidup berpuak-puak satu perkara biasa. Dalam pemilihan UMNO yang baru lalu kebanyakan pemimpin dan pengulas politik menyatakan bahawa pertumbuhan puak Musa-Razaleigh satu perkara "biasa" dan satu perkembangan "sihat" dalam proses perkembangan demokrasi, konon! Ini satu bukti bahawa pemikiran rakyat kita sudah rosak. Allah s.w.t. melarang keras kita membuat puak dan kalau kita mengkaji perjuangan Nabi Muhammad, salah satu matlamat beliau ialah menghapuskan faham kepuakan dalam masyarakat Arab. Peristiwa masyhur beliau mendamaikan suku-suku Quraisy yang hampir berperang bila membina semula Ka'abah kerana berebut hendak meletak batu hitam di atas Ka'abah patut menjadi teladan kepada kita. Teladan seperti inilah yang patut kita ikut, kalau kita betul-betul pengikut Nabi Muhammad.

Kita boleh mengira puak-puak yang ada dalam masyarakat kita sekarang: puak feodal, puak kapitalis-liberal, puak agama, puak sosialis, puak marxis dan puak anarkis. Kemudian dari segi parti

politik, ada UMNO, PAS, PSRM, Hamim dan lain-lain lagi. Kemudian dari segi agama, ada puak Ahli Sunnah wal-Jamaah, puak Syi'ah, kaum Muda dan Kaum Tua, mazhab Shafi'e, mazhab Hanafi dan lain-lain lagi. Sudah sampai masanya kita menimbang kembali dengan serius hal-hal ini semua. Kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang kita warisi dari nenek moyang kita, baik dari Timur atau dari Barat. Perintah Tuhan kepada kita dalam hal ini sangat relevan. "Bila mereka diberitahu, 'Ikutlah perintah-perintah Tuhan saja', mereka berkata, 'Kami mengikuti apa yang diikuti oleh ibu-bapa kami.' Bagaimana kalau ibu-bapa mereka tidak mengerti dan tidak mendapat bimbingan? Contoh orang-orang kafir seperti itu samalah seperti burung kakaktua; mereka mengulang apa yang mereka dengar tanpa mengerti. Tuli, bisu dan buta, mereka tidak boleh mengerti." (Quran, 2:170-71)

Kita harus berani bermula dari permulaan dan berbicara dari segi cita-cita dan kepentingan bangsa dan rakyat dan mengeneppikan cita-cita dan kepentingan puak. Inilah syarat asas yang pertama. Pemimpin-pemimpin yang tidak berbuat demikian harus ditegur dan dikritik, kerana kalau negara, bangsa dan rakyat sudah hancur, di manakah pemimpin-pemimpin ini akan berdiri? Ramai juga pemimpin sekarang, termasuk di dalam UMNO, berselindung di sebalik slogan-slogan bangsa, agama dan rakyat, tetapi sebenarnya mereka berjuang untuk kepentingan diri sendiri dan puak mereka. Pemimpin-pemimpin seperti ini mesti ditegur, dikritik dan didedahkan. Pemimpin-pemimpin oportunist akan merosakkan bangsa, agama dan negara.

Kita harus berani dan sanggup meliwati batasan-batasan ideologi puak yang telah kita warisi dari Barat dan Timur dan melihat dan mengkaji masalah-masalah bangsa kita dari kedudukan satu falsafah bersepadu. Bukankah tujuan bangsa kita itu mencapai kemerdekaan dan kemudian mempertahankan kemerdekaan itu dan membangunkan bangsa kita menjadi satu bangsa yang maju dan berjaya, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, dalam masyarakat antara-bangsa? Tidakkah pelbagai parti dan puak yang wujud dalam masyarakat kita sekarang boleh bekerjasama untuk mencapai tujuan ini? Jika tujuan ini tercapai, tidakkah seluruh bangsa dan rakyat kita akan beruntung? Jika demikian, mengapakah kita tidak boleh bekerjasama?

Parti-parti Kerajaan tidak boleh semata-mata menyalahkan parti-parti pembangkang, dan parti-parti pembangkang tidak boleh se-

mata-mata menyalahkan parti-parti Kerajaan. Sedikit sebanyak semua telah bersalah kerana masing-masing berkeras hendak menegakkan puak masing-masing. (Saya dulu pun telah bersalah kerana menegakkan sikap berpuak ini!) Sikap kepuakan ini telah menjadi satu sumpahan kepada kita. Amaran Tuhan dalam Quran harus kita ingatkan kembali: "Katakanlah, 'Tuhan menyelamatkan kamu dari (mala-petaka) itu dan dari semua jenis mala-petaka, kemudian kamu wujudkan patung-patung.' Katakanlah, 'Dia berkuasa mengirimi siksaan kepadamu dari atas kepalamu atau dari bawah kakimu. Atau Dia boleh memecah-belahkan kamu kepada puak-puak dan membiarkan kamu merasai keganasan satu sama lain.'" (6:64-65) Kita mestilah berusaha untuk menghapuskan faham kepuakan di kalangan kita.

Kita harus sedar kita dikelilingi oleh musuh. Musuh Zionis sudah berada di depan tangga. Tentu di kalangan kita wujud kumpulan kelima, puak munafik yang akan bersekongkol dengan musuh untuk menghancurkan negara dan bangsa. Kita harus mengambil iktibar dari dunia Arab yang diperkotak-katik oleh kuasa-kuasa besar dan puak Zionis oleh kerana sikap kepuakan mereka terlalu tebal. Sebelum sesuatu mala-petaka besar terjadi kepada bangsa dan negara kita, eloklah kita beringat dan mengambil langkah-langkah untuk mengelaknya.

Mengesampingkan sikap kepuakan tidak bermakna kita perlu meleburkan semua parti politik yang ada untuk mewujudkan sebuah parti saja. Ini tidak boleh berlaku dan tidak perlu dibuat sekarang. Apa yang perlu diusahakan ialah mengembangkan semangat perundingan dan muafakat. Semangat ini sudah wujud dalam sistem Barisan Nasional dan perlu diperkukuhkan dan diperdalamkan. Semangat ini perlu juga diperpanjangkan untuk merangkum parti-parti dan kumpulan-kumpulan lain di atas satu gagasan falsafah kebangsaan yang cukup luas tetapi cukup konkrit. Hal ini perlu, kalau kita benar-benar cintakan bangsa, bukan setakat ucapan muluk-muluk di lidah yang tak bertulang! Kita harus ingat bahawa kerja untuk membangunkan bangsa satu kerja besar yang harus dilakukan oleh seluruh bangsa, bukan oleh sesuatu parti atau puak saja. Seluruh bangsa harus digerakkan dan semua yang boleh memberi sumbangan harus digembelngkan untuk memberi sumbangan.

Siapakah yang bertanggungjawab untuk mewujudkan perpaduan bangsa seperti yang kita huraikan di atas? Masyarakat tidak

boleh bergerak tanpa pemimpin, dan buat masa ini pemimpin kita ialah UMNO dengan dibantu oleh parti-parti lain dalam Barisan Nasional. Tentulah semua rakyat yang patriotik menaruh harapan kepada UMNO kerana ia merupakan parti nasional yang terbesar dan berwibawa. Terpujanglah kepada pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat, khususnya di peringkat nasional, untuk bertindak sebagai pemimpin-pemimpin nasional yang sebenar dan disegani, bukan pemimpin-pemimpin puak. Jika mereka gagal berbuat demikian kerana sebagiannya sudah dikuasai oleh kepentingan diri dan menyeleweng dari perjuangan bangsa dan rakyat, tentu lambat-laun rakyat akan menimbulkan satu pimpinan lain yang sanggup berjuang untuk mereka.

Apa yang sedang berlaku dalam UMNO sekarang satu pertanda yang tidak baik. Jika semangat kepuakan yang sudah menghinggapi batang tubuh UMNO sekarang dibiarkan merebak, UMNO akan hancur dan bangsa dan negara akan melalui satu zaman yang gelap. Tetapi, kalau pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota UMNO mahu, mereka masih boleh menyelamatkan UMNO, dengan pertolongan Tuhan. Seluruh rakyat yang patriotik mengharapkan ini dan kita yakin pemimpin-pemimpin UMNO yang jujur di semua peringkat akan bersatu dan bertindak tegas untuk membersihkan barisan-barisan UMNO dari petualang-petualang, mempersatukan barisan-barisan UMNO semula di atas satu falsafah perjuangan bangsa yang lebih mantap, memperkuat, memperbaiki dan memperdalamkan garis politik nasionalis-Islamisyang progresif, dan muncul sebagai pemimpin bangsa yang lebih berwibawa.

Pemimpin-pemimpin kita perlulah bekerja keras dengan jujur serta mengurangkan permainan politik. Terlalu banyak masa sudah terbuang dengan permainan politik 'demokrasi' — bercakap dan bertindak untuk mengambil hati pemilih-pemilih, tetapi kerja yang sebenar kurang sekali. Kerajaan mestilah memastikan supaya konsep bersih-cekap-amanah diamalkan sepenuhnya diperingkat Menteri dan pegawai-pegawai tinggi: ini akan meransangkan rakyat untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan pengangguran tinggi sekarang, Kerajaan bertanggungjawab mengadakan rancangan-rancangan segera untuk memperbaiki pertanian supaya rakyat kita boleh menghasilkan semua bahan makanan yang kita perlukan dan untuk mengembangkan perusahaan-perusahaan yang boleh menghasilkan barang-barang keperluan kita sendiri dengan baik dan murah. Ini bukan saja

akan mengurangkan bil import kita tetapi juga akan membuka peluang pekerjaan yang banyak bagi penganggur-penganggur kita. Ini juga akan membawa kita setapak lagi ke arah masyarakat yang lebih adil, dan dengan itu memperkuat perpaduan nasional.

15. SEBUAH FALSAFAH KEBANGSAAN

BARANGKALI dalam zaman materialistik dan pembangunan ekonomi di negara kita, khasnya selepas Dasar Ekonomi Baru, orang jarang bercakap mengenai falsafah, apalagi falsafah kebangsaan. Tetapi sekarang kita sedang melalui satu masa kemelesetan ekonomi yang teruk. Tidak dapat tidak, orang akan bertanya: Di masa senang mengapa kita membazir? Mengapa banyak projek kita yang menelan belanja puluhan, malah ratusan, juta gagal? Mengapa penyelewengan-penyelewengan besar, seperti BMF, telah berlaku? Apakah makna pemburuan material ini semua?

Sebelum ada sesiapa yang akan membuat kesimpulan bahawa saya pesimis, tidak melihat hasil-hasil pembangunan kita yang positif, dan anti-pembangunan material, biarlah saya segera menafikan hal-hal ini semua. Persis kerana kita ingin melihat pembangunan bangsa kita yang menyeluruh dan bermakna maka kita harus berani mengaku kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapan kita yang lalu, supaya kita dapat mengelaknya di masa depan. Di sinilah letaknya kepentingan sebuah falsafah kebangsaan, yang boleh memberikan kita satu pedoman yang lebih baik untuk pembangunan bangsa kita.

Dari satu segi, kita boleh mengatakan kita telah mempunyai falsafah itu dalam bentuk Rukunegara. Tidak syak lagi, Rukunegara dengan berasaskan kepercayaan kepada Tuhan, pemerintahan berdasarkan undang-undang, pemerintahan demokrasi beraja, pendekatan liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan dan pendekatan saintifik untuk membangunkan sebuah masyarakat kebangsaan yang bersatu-padu, demokratik dan progresif telah memberikan satu kerangka yang baik untuk sebuah falsafah kebangsaan. Namun demikian, kita ingin membedakan antara falsafah dan ideologi, kerana falsafah membawa makna satu sistem pemikiran universal yang utuh dan rasional, sedangkan ideologi terikat kepada sesuatu puak dan tidak semestinya utuh atau rasional.

Amatlah penting, saya rasa, rakyat kita merangka sebuah falsafah kebangsaan yang cukup luas, progresif dan dinamik, tetapi yang juga

cukup konkrit untuk membimbing kita mencapai tujuan-tujuan bangsa dan rakyat dalam masa tiga puluh tahun akandatang. Kita tidak boleh lagi berjalan mengikut pedoman pragmatisme dulu, yang telah tidak memberikan kita kejayaan yang penuh. Teladan-teladan baik dari Timur dan Barat perlu kita ikut, tetapi pragmatisme saja, sains dan teknologi saja dan etika kerja baik saja tidak cukup. Semua yang baik ini kita mahu, tetapi kita mesti menyatukan ini dalam satu falsafah nasional yang menyeluruh, bersepadu, dinamik dan hidup, supaya ia dapat menggerakkan kehidupan kita, secara individu dan kolektif.

Tujuan-tujuan pokok falsafah ini, pada pendapat saya, mestilah untuk memberi satu panduan hidup yang progresif dan dinamik kepada rakyat, untuk menyatu-padukan bangsa dan rakyat, untuk menghadapi dan mengalahkannya ancaman musuh bangsa dari luar dan dalam, untuk mewujudkan sebuah barisan kebangsaan yang progresif dan dinamik, dan untuk melaksanakan perubahan sosial bagi mencapai sebuah masyarakat yang adil dan progresif.

Sebuah falsafah yang utuh, progresif dan dinamik harus memiliki sekurang-kurangnya tiga ciri yang penting. Pertama, ia mesti rasional dan saintifik dalam ertikata yang luas. Kedua, ia mesti universal dan praktikal. Ketiga, ia mesti dapat memenuhi keperluan-keperluan ruhaniah, mental dan jasmaniah manusia. Oleh yang demikian, falsafah kebangsaan kita perlulah mengandungi ciri-ciri asas ini.

Melihat keadaan negara dan masyarakat kita sekarang, kita boleh menyenaraikan beberapa pegangan, fahaman dan ikutan yang sedia ada. Mereka ialah Agama (Islam, Budhha, Hindu dan Kristen), Nasionalisme Malaysia yang berteraskan Nasionalisme Pribumi, Demokrasi Barat, Islamisme, Sosialisme dan Tradisi (kepercayaan dan amalan yang diwarisi zaman-berzaman). Ini semua, sepertimana yang dapat kita lihat, merupakan satu cacamarba yang menyebabkan perpecahan masyarakat kepada banyak puak yang kerap kali bertentangan. Saksikan, umpamanya, pertentangan antara nasionalisme UMNO dengan fundamentalisme PAS, atau antara fahaman-fahaman perkauman sesuatu sukubangsa. Perpecahan dan pertentangan ini melemahkan masyarakat kebangsaan kita, melambatkan pembangunan masyarakat dan mendedahkan bangsa kita kepada penjajahan. Semua rakyat yang patriotik tentu tidak gembira melihat perpecahan ini. Mereka haruslah berusaha untuk mewujudkan satu falsafah kebangsaan yang boleh menggabungkan fahaman-fahaman dan tradisi-tradisi bangsa kita ke dalam satu kesatuan yang harmonis, dinamik dan progresif.

Adakah kita meminta sesuatu yang mustahil, sesuatu yang terlalu idealistik? Dalam keadaan kacau-bilau dunia sekarang, memang orang senang menjadi pesimis. Di Barat di mana terdapat kebebasan dan kemajuan sains dan teknologi, terdapat keruntuhan akhlak dan keganasan terhadap manusia (Saksikan Israel dan Afrika Selatan). Di Timur yang menekan kebebasan dan mundur dari segi sains dan teknologi, juga tidak menunjukkan akhlak yang lebih tinggi (Saksikan peperangan Iran-Iraq, peperangan saudara di Lubnan, pembunuhan bangsa di Kampuchia, peristiwa Gestapu di Indonesia). Namun demikian, aspek-aspek negatif ini juga diimbangi dengan aspek-aspek positif, perkembangan sains dan teknologi moden yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah, perpaduan dan kesatuan manusia dalam P.B.B., bantuan dan kerjasama ekonomi dan sosial antarabangsa, perkembangan pelajaran, perubatan dan kebajikan masyarakat. Di samping ini semua, ingatlah sejarah tamadun manusia yang lama di bumi ini. Di atas segala ini, kita mempunyai sebuah kitab suci yang kemurniannya masih terpelihara, Quran, dan teladan agung Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya yang telah berjaya menakluk dan memimpin dunia dengan mempraktikkan ajaran-ajaran kitab suci itu. Semua fakta ini memberikan kita inspirasi dan menyebabkan kita optimis, serta mengkritik mereka yang pesimis.

Ini tidak bermakna jalan ke depan itu mudah. Halangan pertama yang harus dibuang ialah fikiran lemah dan pesimis di kalangan pimpinan dan rakyat kita. Para pemimpin dan rakyat yang patriotik dari semua puak dan golongan hendaklah sanggup dan berani membuang sikap sektarian masing-masing serta berusaha untuk membangunkan satu barisan kebangsaan yang kuat berdasarkan satu falsafah kebangsaan yang progresif. Bukan saja keberanian yang diperlukan untuk melakukan kerja ini, tetapi lebih-lebih lagi kebijaksanaan di pihak pemimpin. Parut dan luka perpecahan bangsa kita hanya dapat dihilangkan dengan kebijaksanaan dan kerahiman para pemimpin.

Apakah kandungan-kandungan falsafah kebangsaan kita? Bertolak dari keadaan yang wujud, seperti telah kita lihat di atas, pertama, Nasionalisme yang progresif, yakni cita-cita kebangsaan yang sah yang tidak bercanggah dengan semangat internasionalisme, yang, dalam negara kita, berteraskan Nasionalisme Pribumi dengan sistem pemerintahan raja berperlembagaan, bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan, Islam sebagai agama resmi dan kebebasan beragama; kedua, Demokrasi Barat, yang harus ditafsirkan semula

untuk bermakna pemerintahan berdasarkan undang-undang yang adil, yang mendukung hak-hak dan kebebasan-kebebasan asasi, khususnya kebebasan beragama, fikiran dan berucap untuk menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, pemerintahan melalui musyawarah dan muafakat dan pemilihan pemimpin-pemimpin yang layak dari segi kebolehan dan akhlak; ketiga, Islamisme dan Faham Keagamaan yang ditafsirkan sebagai faham monoteisme, universalisme, kebebasan beragama, keadilan sosial dan etika; keempat, Kebebasan dan Tanggungjawab Manusia, yang bermakna manusia bebas dan bertanggungjawab untuk menentukan nasibnya; kelima, Keadilan Sosial yang ditafsirkan sebagai pembahagian kekayaan secara adil untuk membolehkan rakyat mencapai taraf kehidupan sosial yang baik; keenam, Sains dan Kaedah Sainifik, yang ditafsirkan sebagai ilmu berdasarkan kebenaran serta kaedah saintifik untuk mencapai kebenaran dan kebaikan, termasuk etika kerja yang baik; dan ketujuh Universalisme.

Setengah kalangan mungkin akan mengatakan bahawa semua kandungan ini wujud di dalam Islam sebagai satu **din** atau cara hidup yang sempurna, dan cukup untuk menjadikan Islam saja sebagai falsafah kebangsaan kita. Ini benar dari segi teori yang wujud dalam Quran dan buku-buku sejarah yang mengisahkan praktik-praktik Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya, tetapi tidak benar lagi dalam praktik umat Islam sekarang. Ambil saja kaedah saintifik untuk mengetahui dan memperoleh ilmu yang diajar oleh Nabi dalam Quran dengan menyuruh umat Islam membaca, mendengar, memeriksa, mengkaji dan mensahkan sesuatu sebelum menerimanya: kaedah saintifik ini diamalkan oleh masyarakat Barat, tetapi diabaikan oleh masyarakat Islam hari ini. Ramai sarjana dan cendekiawan Islam, seperti Fazlul Rahman, S.H. Nasr dan Abdussalam, telah berhijrah ke Eropah dan Amerika Syarikat, kerana di negara-negara mereka sendiri, mereka tidak mempunyai kebebasan dan kemudahan untuk melakukan kegiatan-kegiatan saintifik mereka. Banyak lagi contoh boleh diberikan untuk membuktikan bahawa umat Islam sendiri telah mengabaikan ajaran-ajaran Islam. Oleh yang demikian, kita terpaksa menyenaraikan konsep-konsep yang digunakan dalam masyarakat antarabangsa, seperti demokrasi, sosialisme dan kaedah saintifik, hingga konsep-konsep ini diamalkan kembali dalam masyarakat Islam sebagai sebagian dari **din** mereka.

Hanya dengan kita memperkenalkan prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran falsafah kebangsaan ini kepada rakyat serta menghayatinya

dalam kehidupan kolektif dan individu kita maka dapat kita menca-
pai perpaduan bangsa dan membangunkan satu barisan kebangsaan
yang kukuh bukan saja untuk menghadapi dan mengalahkan musuh
dari luar dan dalam, tetapi juga untuk melaksanakan perubahan
sosial yang diperlukan oleh bangsa kita untuk kita mencapai sebuah
masyarakat yang adil, dinamik dan progresif.

16. FALSAFAH DAN PEMBANGUNAN BANGSA

KITA bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. kerana, nampaknya, pemimpin-pemimpin dan cerdik pandai kita telah mulai sedar akan pentingnya pandangan falsafah dalam kehidupan kita. Desakan baru-baru ini supaya pandangan falsafah Rukunegara dimasukkan ke dalam Perlembagaan dan kajian yang lebih mendalam dari segi falsafah dibuat terhadap fenomena kemiskinan di negara kita adalah bukti-bukti kesedaran baru falsafah di kalangan rakyat. Sebenarnya, banyak masalah besar yang kita hadapi sekarang, seperti perpecahan dalam parti dan dalam masyarakat, kemunduran ekonomi dan sosial khususnya di luar bandar, dan kelemahan perkembangan ilmu dan kesusasteraan kita, mempunyai hubungan yang rapat dengan pegangan falsafah bangsa kita. Dengan falsafah di sini kita bermaksudkan falsafah spiritual yang rasional.

Dalam masa tiga puluh tahun lalu, di bawah kongkongan faham-faham materialisme Barat dan teologi mistik tradisional, kita langsung tidak mempunyai kesedaran falsafah ini. Dalam bidang sosioekonomi, kita berfikir semata-mata dari segi material: bagaimana hendak mencapai pertumbuhan ekonomi dengan pendapatan purata yang kian meningkat; bagaimana hendak membawa "pembangunan" kepada rakyat; dan bagaimana hendak "memodenkan" masyarakat. Setelah tiga puluh tahun kita bertungkus-lumus dengan harapan yang tinggi, dan sekarang kita melihat boleh dikatakan semuanya telah atau sedang runtuh di sekeliling kita, maka kita mulai menjadi suatu bangsa yang berfikir. Dengan berfikir kita akan menjadi lebih bijaksana, seperti firman Tuhan dalam Quran:

Dia memberi hikmah kepada siapa yang Ia kehendaki, dan barangsiapa diberikan hikmah telah diberikan kebaikan yang banyak. Ini demikian kerana banyak mereka yang berfikir akan beringat. (2:269)

Memanglah faham liberalisme Barat yang telah kita jadikan

panduan kehidupan duniawi kita selama ini juga sebuah falsafah, sepertimana faham Marxisme yang dianuti oleh setengah negara Islam lain. Namun demikian, kebanyakan kita menganggap keduanya sebagai teori-teori dan sistem-sistem sosioekonomi saja, dan tidak sebagai falsafah. Sebagai pegangan falsafah, kita bersandar kepada agama-agama yang kita warisi turun-temurun dari nenek-moyang. Nyatalah sekarang bahawa sikap ini tidak boleh dipakai lagi, dan kita perlu mencari suatu falsafah yang bersepadu dan menyeluruh untuk menggantikan faham dualis liberalisme duniawi dan tradisionalisme ukhrawi.

Sebenarnya falsafah itu, atau kerangkanya, sudah wujud, tetapi kita saja yang telah mengabaikannya, seperti yang telah dibayangkan dalam Quran 1408 tahun dulu:

Rasul akan berkata, "Tubanku, umatku telah melakangkan Quran ini." (25:30)

Kerangka falsafah yang kita perlukan wujud dalam al-Quran. Dari sinilah patut kita cari petunjuk untuk kehidupan kita, baik dalam bidang sosioekonomi atau dalam bidang-bidang akhlak dan rohani. Agama Islam yang diturunkan Tuhan kepada manusia melalui nabi-nabi rasulNya dari Adam hingga Muhammad, termasuk Musa dan Isa (sejahtera untuk mereka semua!) dan disahkan dan disempurnakan dalam Quran yang dibawa oleh Muhammad mengandungi petunjuk yang sempurna, lengkap dan terperinci bukan saja untuk keperluan nasional kita sekarang tetapi untuk keperluan semua bangsa.

Dua tujuan besar Tuhan menghantar agamaNya kepada manusia ialah untuk menyatupadukan manusia serta mewujudkan keadilan di kalangan mereka, seperti terbukti dari ayat-ayat suci berikut:

Demikianlah agama kamu, agama yang satu, dan Aku Tuhan kamu; oleh itu sembablah Aku. Namun demikian, mereka memecab-mecabkan diri mereka kepada berlain-lain agama; semuanya akan kembali kepada kami. (21:92-93)

Dia telah menetapkan untuk kamu agama yang serupa seperti yang telah ditetapkan untuk Nuh, dan apa yang diwajibkan di sini, dan apa yang telah ditetapkan untuk Ibrahim, Musa dan Isa. Kamu bendaklah menegakkan

*agama yang satu ini, dan jangan berpecah-belah. (42:13)
Kami telah menghantar rasul-rasul kami dengan uabyu-
uabyu yang terang, dan kami telah menurunkan bersa-
manya kitab dan undang-undang untuk menyebarkan
keadilan di kalangan rakyat. (57:25)*

Perpaduan bangsa dan keadilanlah yang sangat-sangat kita kehendaki di negara kita hari ini. Oleh yang demikian, jika kita berpegang teguh kepada bimbingan Tuhan yang diberi kepada kita dalam Quran, nescaya kita boleh mencapai perpaduan dan keadilan itu. Tetapi, nyatalah kita ragu tentang kemustajaban pedoman ini, kerana kita telah lama meninggalkannya dan ia telah hilang dari kita, ditimbus oleh ajaran-ajaran lain. Setelah kita menemuinya semula, kita hendaklah dengan tegas dan berani kembali kepada pedoman ini.

Setengah orang nasionalis takut kalau-kalau hak-hak rakyat peribumi akan hilang jika kita menganut faham universalisme Islam. Ini satu salah faham besar. Universalisme Islam tidak menolak sistem-sistem politik yang berbeza kerana perbezaan-perbezaan sejarah dan tradisi-tradisi tempatan. Tuhan telah menerangkan kepada kita dalam Quran bahawa Dia telah menciptakan manusia dari keturunan yang sama tetapi yang berkembang menjadi kaum-kaum dan bangsa-bangsa dengan bahasa dan adat istiadat yang berbeza-beza. Kesatuan dalam kepelbagaian itu satu idea kemanusiaan yang agung yang disahkan dalam Quran.

Oleh yang demikian, sistem politik kita sekarang negara beraja berperlembagaan yang demokratik dengan mengiktiraf hak asal orang-orang Melayu, pada dasarnya, tidak bercanggah dengan Islam. Rakyat keturunan bukan-Melayu juga telah diberi taraf kewarganegaraan dan hak politik, mengikut dasar liberal yang kita warisi dari Inggeris — ini pun tidak juga bercanggah dengan Islam. Kita ingin memperkuatkan asas-asas kenegaraan kita dengan mengadakan dan melaksanakan dasar bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan tanpa menekan pelajaran bahasa-bahasa ibunda kaum-kaum lain, dasar ekonomi baru untuk membantu orang-orang Melayu yang ketinggalan, dan dasar kebudayaan kebangsaan untuk mengembangkan suatu kebudayaan nasional yang liberal dan luas, dan dasar-dasar lain sebagainya. Ini juga, pada prinsipnya, tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Namun demikian, penafsiran setengah dasar ini dan pelaksanaannya telah dibuat berdasar-

kan pemikiran yang agak sempit dan telah menyebabkan berlakunya kezaliman terhadap sesuatu golongan atau kaum. Penyelewengan ini perlulah diperbetulkan.

Ini tidak bermakna bahawa sistem politiko-ekonomi kita sekarang sudah sempurna dan boleh diterima oleh Islam. Dalam rencana saya yang lalu dalam ruangan ini, saya telah menyenaraikan beberapa idea politiko-ekonomi yang terdapat dalam Quran. Dari senarai itu nyatalah bahawa banyak juga unsur dalam sistem politik dan ekonomi kita perlu diubahsuai, jika kita ingin berpandukan Quran. Umpamanya, gagasan-gagasan kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi, kepimpinan dan tanggungjawab sosial diberi kepada mereka yang layak, larangan terhadap faham perkauman dan kaum-kinis, kekayaan sebagai amanah Tuhan kepada masyarakat dan hak individu kepada hasil-hasil kerjanya, dan banyak lagi memerlukan kita meminda undang-undang, dasar dan program yang wujud serta mengubahsuai cara kerja kita.

Walaupun masyarakat kita perlu melakukan ubahsuaian ini, kita tidak perlu berbuat demikian secara tergesa-gesa. Terlebih dulu pemimpin-pemimpin dan cerdik pandai kita mestilah membuat kajian-kajian yang saintifik dan teliti. Masyarakat kita sendiri perlu membahaskan serta mencapai muafakat dalam perkara-perkara yang pokok. Inilah cara yang paling baik kita membuat reformasi masyarakat. Namun demikian, reformasi masyarakat bukan seperti sebuah majlis jamuan teh. Ia suatu perjuangan sosial dengan golongan-golongan pro dan kontra. Tetapi selagi pimpinan masyarakat kita tegas melaksanakan perintah Tuhan "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan" serta menggembelingkan tenaga rakyat untuk berbuat demikian, reformasi masyarakat kita akan mencapai kejayaan besar dalam masa yang singkat.

Yang lebih penting kita sedar ialah bahawa rakyat kita memerlukan sebuah pedoman falsafah spiritual-rasional untuk memberi keselamatan kepada kita, seperti janji Tuhan dalam Quran:

Tuhan berjanji kepada mereka di antara kamu yang beriman dan berbuat baik bahawa Dia akan menjadikan mereka raja di dunia, sepertimana telah Dia lakukan bagi orang-orang sebelum mereka, dan bahawa Ia akan menggubkan bagi mereka agama yang telah Ia pilih untuk mereka, dan bahawa Ia akan menggantikan keadaan ketakutan mereka dengan keselamatan. Ini semua kerana mereka menyembah Daku semata-mata tanpa mem-

persekutukan Daku. (24:55)

Falsafah spiritual-rasional berdasarkan ajaran-ajaran Islam yang universal ini perlu bagi kita sekarang, kerana kita telah menyaksikan kegagalan teori-teori dan sistem-sistem sekular dan teokrasi. Kita harus mengelak apa yang dikatakan dalam pepatah, terlepas dari rahang harimau, termasuk ke dalam raham buaya. Sementara kita hendak berlepas dari penjara liberalisme sekular, kita tidak mahu pula masuk ke dalam penjara teokrasi keagamaan. Inilah sebabnya amat perlu sekali kita memahami kembali Islam sebagai agama asal yang universal yang diajar dan diamalkan oleh semua nabi-rasul dari Adam hingga Muhammad, tetapi yang bermula sebagai agama sebuah umat Muslim dari Nabi Ibrahim, seperti yang diterangkan dalam Quran:

Bila Ibrahim diuji oleh Tubannya dengan beberapa perintab, ia melaksanakannya. Kemudian Tuhan berkata, "Akan Kujadikan kau seorang pemimpin bagi rakyat." (2:124)

Sambil Ibrahim meletakkan batu asas Ka'abab bersama Ismail, beliau berdoa, "Tuban kami, ... jadikanlah kami muslim (tunduk) kepadaMu, dan dari keturunan kami suatu umat muslim (tunduk) kepadaMu..." (2:127-28)

Terjadinya pelbagai agama dari agama Islam asal yang satu itu kerana penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku setelah nabi-nabi rasul yang dikirim oleh Tuhan tiada lagi di kalangan rakyat. Dari Quran kita mengetahui bagaimana pengikut-pengikut nabi-nabi Musa dan Isa yang asalnya Muslim berpecah menjadi Yahudi dan Kristian serta mendewa-dewakan nabi-nabi dan pemimpin-pemimpin agama mereka. Dari Quran juga kita mengetahui bahawa kitab-kitab Taurat dan Injil, walaupun masih mengandungi ajaran-ajaran Tuhan yang asal, telah mengalami pincaan dan tokok-tambah. Adalah kerahiman Tuhan yang tidak terbatas kepada manusia maka manusia hari ini masih mempunyai sebuah kitab suci, al-Quran, yang kemurniaannya telah terpelihara dari korupsi manusia hingga kini, dan tidak ada manusia yang boleh meragui kasahibannya. Namun demikian, kitab ini, seperti telah kita tunjukkan, telah tertimbus di bawah propaganda anti-Islam dan anti-Quran selama beberapa abad. Itulah sekarang baru Quran sedang muncul kembali untuk memainkan peranan bersejarahnya sebagai penyelamat kepada manusia

dan tamadun.

Adakah rakyat Islam di negara kita akan menuntut balik Quran untuk dijadikan satu-satunya pegangan mereka setelah ia hilang dari mereka selama berabad-abad? Ini terpulang semata-mata kepada mereka. Tuhan memberikan kita kebebasan penuh untuk memilih sama ada hendak mengikut atau menolak bimbingannya.

Bolehkah rakyat kita dari pelbagai kaum mengikut Quran? Tidak ada sebab mengapa tidak boleh. Seperti telah kita tunjukkan dalam rencana lalu, idea-idea sosiopolitik dalam Quran bersifat universal, rasional, moden, menasabah dan praktikal. Mereka bukan saja boleh diterima oleh golongan-golongan yang berlatarbelakang agama tetapi juga yang berlatarbelakang sekular, asal saja mereka tidak bersikap taksub kepada tradisi-tradisi mereka. Ambil saja gagasan-gagasan kepercayaan kepada Tuhan dan kebebasan mutlak agama dan ibadah dan kehidupan baik, kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi, pemerintahan berdasarkan undang-undang yang adil, pemerintahan berdasarkan musyawarah, ketaatan kepada Tuhan dan ketaatan kepada pihak yang berkuasa, kekayaan sebagai amanah Tuhan kepada masyarakat dan hak individu kepada hasil-hasil kerjanya — ini semua dan banyak lagi idea yang berlandaskan keadilan, kebenaran dan kebaikan boleh diterima oleh rakyat kita dari pelbagai kaum dan latarbelakang agama. Inilah makna yang sebenar perisytiharan al-Quran bahawa Islam itu agama yang diredai Allah. Apabila kita memahami Islam dari segi keuniversalan ini, maka kita akan dapat menyatupadukan rakyat dan membangunkan bangsa melalui Islam.

Manusia suatu makhluk spiritual dengan dimensi material juga. Sebuah falsafah materialis, seperti liberalisme atau Marxisme, hanya dapat memenuhi keperluan-keperluan materialnya. Keperluan-keperluan spiritualnya yang termasuk mental dan moral akan terbangkalai. Falsafah-falsafah mistis juga tidak dapat memenuhi keperluan-keperluannya manusia. Falsafah Islam mengambil jalan tengah antara materialisme dan mistisme untuk memenuhi kedua-dua kehendak-kehendak spiritual dan material manusia. Oleh sebab itu Tuhan mensifatkan Islam sebagai agama kebenaran dalam Quran. Hanya falsafah sosial yang berpandukan ajaran-ajaran Quran dapat membangunkan bangsa kita serta membawa kita ke mercu kejayaan dan kemenangan.

17. PERPADUAN BANGSA UNTUK REFORMASI MASYARAKAT

KEPUTUSAN Majlis Tertinggi UMNO baru lalu membuka keahlian UMNO secara automatik kepada semua orang Melayu serta memanggil perundingan antara pemimpin-pemimpin UMNO Baru dengan pemimpin-pemimpin puak Razaleigh-Musa untuk menyatukan UMNO semula satu keputusan yang bijak dan wajar. Sekaligus ia meletakkan puak Razaleigh-Musa dalam keadaan tersepit dalam usaha mereka untuk menggulingkan Dr. Mahathir serta membebaskan Dr. Mahathir dan UMNO dari tuduhan-tuduhan hendak menggonggong perjuangan bangsa untuk kepentingan diri. Sekarang sama ada mereka menerima cabaran UMNO Baru untuk berjuang dari dalam bagi mewakili cita-cita bangsa Melayu, atau mereka menolaknya serta terdedah sebagai kumpulan oportunist yang hanya ingin merebut kuasa secara tidak sah.

Memang dari mula penentangan mereka terhadap Dr. Mahathir tidak mempunyai asas dari segi prinsip. Mereka juga pemimpin UMNO dulunya, sebelum mereka berpecah; malah mereka memegang jawatan-jawatan tinggi. Mereka turut memimpin parti dan bertanggungjawab di atas dasar dan program parti. Sebenarnya bila mereka mula menentang dasar dan program parti secara terbuka dalam komplot mereka untuk menggulingkan Mahathir dalam pemilihan UMNO 1987, mereka telah melakukan kesalahan disiplin yang serius dan boleh dipecat daripada parti. Kesilapan Dr. Mahathir selaku presiden parti pada waktu itu ialah kerana beliau tidak mengambil tindakan disiplin terhadap mereka.

Ini cerita lama. Demikian juga penubuhan UMNO Baru setelah UMNO diharamkan oleh Mahkamah Tinggi. Tidak berguna lagi kita membuang masa berbabas tentang perkara-perkara yang sudah berlalu. Yang harus kita hadapi ialah menyatupadukan balik ahli-ahli UMNO, menyatupadukan balik bangsa Melayu dan melaksanakan satu reformasi sosial untuk membolehkan bangsa kita menghadapi cabaran dunia moden menjelang abad kedua puluh satu.

Dapat dilihat dengan jelas bahawa kita ada tiga masalah besar:

menyatupadukan semula UMNO, menyatupadukan semula bangsa Melayu, dan melaksanakan reformasi masyarakat. Saya harap kita bersetuju tentang definisi dan pembahagian masalah ini. Mungkin setengah orang akan menambah satu lagi masalah, iaitu menyatupadukan masyarakat Malaysia. Bersetuju, dan ini boleh digabungkan dengan masalah kedua dalam rumusan saya.

Kesemua masalah ini berhubung rapat antara satu dengan lain. UMNO tidak boleh bersatu kecuali orang Melayu dan rakyat Malaysia bersatu (bersatu dalam ertikata kebanyakannya bersatu), dan orang Melayu dan rakyat Malaysia tidak boleh bersatu kecuali mereka mengambil satu pendekatan rasional terhadap masalah-masalah masyarakat, yakni mereka telah melalui satu reformasi sosial yang membuang fahaman khurafat dan membina tamadun atas dasar ilmu yang pasti.

Bolehkah kita mencapai matlamat-matlamat besar ini? Di sini masyarakat kita terbahagi kepada dua golongan: idealis dan skeptis. Yang pertama yakin mereka boleh dicapai; yang kedua tidak yakin dan sanggup menerima yang buruk daripada yang lebih buruk. Selama ini golongan skeptis berkuasa dalam masyarakat kita. Sebab itu kemajuan kita dalam ketiga-tiga aspek ini amat kurang. Mahukah kita meneruskan dengan prestasi sederhana ini? Atau kita mahu prestasi cemerlang? Saya mahu prestasi cemerlang, dan saya harap ramai rakyat kita mahu demikian juga.

Dalam politik kita hanya boleh mencapai prestasi cemerlang jika kita mengamalkan lima perkara. Pertama, kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi. Ini bermakna kita mesti mentadbirkan parti dengan menundukkan kedaulatan parti kepada kedaulatan Ilahi. Kedua, kebebasan beragama dan berfikir. Ini bermakna parti tidak boleh memaksa rakyat dalam hal kepercayaan dan fikiran. Ketiga, pemerintahan mengikut undang-undang yang adil. Ini bermakna parti mestilah ditadbirkan melalui undang-undang dan peraturan yang adil. Keempat, musyawarah. Ini bermakna semua urusan parti mestilah diputuskan melalui musyawarah. Akhir sekali, kelima, amanah diserahkan kepada mereka yang layak. Ini bermakna tanggungjawab dalam parti mesti diberi kepada mereka yang berkebolehan dan berakhlak tinggi.

Adakah ahli-ahli UMNO sekarang sanggup mengamalkan lima konsep berparti dan berpolitik ini? Nyatalah dalam keadaan sekarang mereka tidak sanggup. Masih ramai ahli yang bersemangat terlalu materialistik. Inilah yang telah menyebabkan "politik wang" dan

rebutan kuasa sengit yang menjadi-jadi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Namun demikian, jika di kalangan setengah anggota dan pemimpin kesedaran politik begini telah timbul dan mereka pula dengan giat menanam dan mempelopori kesedaran ini di kalangan ahli dan rakyat, maka dalam masa yang singkat keadaan akan berubah.

Keputusan MT tersebut membuka jalan bagi perpaduan semula ahli-ahli UMNO. Namun demikian, perpaduan sebenarnya bergantung kepada sikap jujur dan serius pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat untuk melaksanakan dasar ini. Dalam hal ini tentu akan timbul soalan-soalan: Bolehkah kita bersatu dengan semua orang atau ahli? Bagaimana dengan ahli-ahli yang masuk atau yang bergiat kerana kepentingan diri atau kepentingan musuh? Bagaimana kita hendak mengenali orang-orang ini, dan bagaimana menghadapi mereka? Tentulah jawapan kepada soalan-soalan ini terang. Kita tidak boleh bersatu dengan semua orang, kerana setengah orang oportunist atau diperalatkan oleh musuh. Orang-orang seperti ini tidak boleh dibiarkan dan harus disingkirkan dari perjuangan.

Ini bermakna UMNO, untuk benar-benar menjadi alat perjuangan bangsa, mestilah mempunyai suatu ideologi atau falsafah politik kebangsaan yang cukup luas dan flexible untuk menampung semua pemikiran nasional tetapi cukup konkrit untuk dipisahkan dari ideologi dan falsafah yang menyeleweng dari faham kebangsaan yang universal tadi. Ideologi kebangsaan ini mestilah menjadi pegangan semua ahli dan pemimpin. Melalui ideologi ini ahli-ahli UMNO akan dapat mengenal antara pejuang kebangsaan yang tulen daripada yang palsu, dan dapat menyingkir pemimpin-pemimpin oportunist sebelum mereka dapat bertapak dan membuat angkara di dalam parti, seperti yang telah berlaku. Ini satu pelajaran pahit yang harus dipelajari oleh UMNO sekarang. Pimpinan UMNO sekarang di semua peringkat mesti memikirkan dan menyusun falsafah politik kebangsaan ini.

Falsafah kebangsaan ini bukan saja berguna untuk UMNO tetapi untuk seluruh bangsa dan rakyat. Ia boleh menjadi alat yang ampuh untuk menyatupadukan rakyat serta memimpin rakyat membangunkan bangsa menjelang abad kedua puluh satu.

Di sini ingin saya mengingatkan kaum pragmatis di kalangan kita yang memperkecil masalah falsafah. Kita memang perlu bersikap praktikal, kerana apa guna cita-cita yang tidak dapat dilaksanakan? Namun demikian, sikap terlalu mementingkan kepraktikalan ada

bahayanya. Kita mungkin terjebak dalam perhitungan kepraktikalan yang sempit lalu lupa kepada tujuan praktis kita sendiri, iaitu kebaikan bangsa dan rakyat. Umpamanya, menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dengan seberapa segera satu kebaikan dan tujuan parti, tetapi kerana setengah pemimpin takut untuk menghadapi tentangan dari setengah kalangan dalam masyarakat, maka mereka menangguhkan program ini atas alasan tidak praktikal **sekarang**. Alasan-alasan seperti ini terlalu kerap kita dengar untuk pelbagai program. Inilah penyakit pragmatisme yang hanya dapat diubati dengan pandangan falsafah.

Di samping pragmatisme, kita juga boleh dan telah membuat kesilapan utopianisme. Setengah idealisme terlalu ideal hingga mustahil dicapai. Sikap ini juga keliru dan merbahaya, kerana ia boleh membawa kepada perpecahan masyarakat. Oleh yang demikian, falsafah nasional kita harus dapat memberi satu jalan tengah antara dua penyelewengan pragmatisme dan utopianisme.

Kita harus ingat bahawa kita mengutamakan perpaduan bukan kerana perpaduan tanpa sebab, tetapi kerana sesuatu kebaikan sosial. Kita ingin bersatu untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan bangsa, dan untuk kesejahteraan rakyat. Kita tidak disuruh bersatu untuk mendukung atau mempertahankan kejahatan. Malah kita disuruh menentang kejahatan-kejahatan besar walaupun kita perlu berpecah dengan ibu-bapa.

Tujuan utama kita bersatu dalam parti dan dalam masyarakat itu untuk membawa kebaikan. Apakah kebaikan? Quran telah menafsirkan kebaikan sebagai berikut:- (a) menyembah Tuhan saja dan tidak menyengutukan Tuhan, (b) kebebasan beragama dan berfikir yang mutlak, (c) mengamalkan konsep kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi, (d) mewujudkan dan memelihara perpaduan rakyat melalui faham tauhid, (e) menyelamatkan nyawa dan menjaga keselamatan masyarakat, (f) berjuang dan bekerjasama untuk menegakkan kebaikan, (g) menghukum dengan adil dan taat kepada pimpinan yang adil, (h) menolong fakir miskin, anak yatim dan kaum-kerabat, (i) musyawarah dalam semua urusan, (j) bersedekah daripada apa yang lebih, (k) membangunkan ilmu melalui kaedah saintifik, (l) memberi tanggungjawab kepada orang yang layak dari segi kebolehan dan akhlak, (k) umumnya melakukan kebaikan dan mengelak kejahatan, (l) mendekati diri dengan Tuhan dengan melakukan ibadah-ibadah agama, seperti salat dsb., dan (m) memakan makanan yang baik dan mengelak makanan yang buruk.

Senarai ini boleh diperpendek atau diperpanjang, tetapi saya fikir senarai ini lengkap untuk keperluan kita.

Untuk menubuhkan sebuah Masyarakat Baik itulah matlamat kehidupan kita di dunia. Ini sudah pun dimuafakati oleh ahli-ahli falsafah dari zaman Aristotle. Namun demikian, manusia selalu berbeza pendapat tentang bentuk masyarakat baik. Bagi kita, kita bolehlah mentakrifkan masyarakat baik sebagai masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai kebaikan di atas yang saya petik dari al-Quran. Bolehkah kita mencapai masyarakat ini di Malaysia dalam masa satu generasi akan datang?

Mengandaikan bahawa kita bersetuju untuk mewujudkan masyarakat demikian, kita memang boleh berbuat demikian dalam masa 30 tahun. Kita sudahpun melihat bahawa generasi muda kita mempunyai banyak nilai yang berbeza daripada generasi tua. Ini kerana generasi ini telah dipupuk dengan nilai-nilai tersebut melalui pelbagai cara. Sejarah perjuangan Nabi Muhammad juga membuktikan sebuah masyarakat boleh diubah dalam masa satu generasi. Kedua-dua contoh ini memberitahu kepada kita bahawa kita boleh menciptakan satu masyarakat baru Malaysia yang kita idam-idamkan dalam masa singkat, jika kita sanggup berjuang.

Nyatalah dari senarai nilai-nilai baik di atas, masyarakat kita masih perlu menyingkir banyak fahaman dan amalan sekarang yang bertentangan dengan nilai-nilai tersebut, serta menanam dan memupuk fahaman dan amalan baru yang sesuai dengan nilai-nilai itu. Inilah yang kita kutakan gerakan reformasi masyarakat. Gerakan ini mestilah berdasarkan kepada dan dipimpin oleh sebuah falsafah kebangsaan yang telahpun saya sebutkan di atas. Falsafah kebangsaan yang universal ini mestilah, tidak dapat tidak, berdasarkan wahyu ilahi yang lengkap, sempurna dan terperinci, iaitu al-Quran.

18. IDEOLOGI, ISLAM DAN POLITIK KEBANGSAAN MASAKINI*

1. Pendahuluan

DI DALAM keadaan dunia dan negara kita hari ini di mana ideologi-ideologi humanisme sekular sedang dipersoalkan dan Islam sebagai politik alternatif diperkatakan, memang tepat kita membincang soal kedudukan dan hubungan ideologi Islam dengan politik kebangsaan kita. Apakah peranan Islam di dalam politik negara kita dan cita-cita bangsa kita? Adakah Islam bertentangan dengan faham kebangsaan? Bolehkan Malaysia, sebuah negara moden yang majmuk, dijadikan sebuah "negara Islam?" Inilah di antara soalan-soalan yang akan kita bincang.

Saya membahagikan kertaskerja ini kepada tujuh bahagian, iaitu (a) Pendahuluan, (b) Asa-usul Ideologi, (c) Hubungan Islam dengan Ideologi, (d) Aliran-aliran Ideologi dalam Masyarakat Islam Sekarang, (e) Politik Kebangsaan di Malaysia Kini, (f) Gerakan Islam di Malaysia dan Masalah-masalahnya, dan (g) Kesimpulan dan Cadangan.

2. Asal-usul Ideologi

Ideologi, sebagai satu sistem idea sesuatu golongan atau kelas, telah wujud dari sejak dahulu kala, tetapi, sebagai satu cabang ilmu politik, ia muncul di Eropah di awal abad kedua puluh. Ia berdasarkan kepada pandangan sektarian sesuatu golongan, bangsa atau kelas. Apabila masyarakat bersatu Islam awal berpecah kepada puak-puak ortodoks, Syiah dan Khawarij dengan fahaman masing-masing, maka beransur-ansur timbullah kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan yang dipegang oleh puak-puak itu, masing-masing mendakwa merekalah yang mengikut ajaran-ajaran Islam asal tetapi sebenarnya fahaman-fahaman mereka dibina oleh mereka untuk menghuraikan dan mensahkan perbuatan-perbuatan mereka. Inilah ideologi. Setelah Kebangkitan Eropah dalam abad-abad ke-

*Kertaskerja yang dibentangkan dalam seminar Politik Kebangsaan anjuran Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 23hb April, 1985.

lima belas dan keenam belas, falsafah sektarian Eropah, humanisme sekular, mencetuskan ideologi-ideologi nasionalisme, liberalisme, Marxisme, Nazisme dan Fasisme. Ideologi-ideologi ini, khususnya nasionalisme, liberalisme dan Marxisme, telah merebak ke seluruh dunia dalam abad kedua puluh dan telah turut mempengaruhi perkembangan politik negara kita sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Namun demikian, oleh kerana kelemahan asas ideologi itu sendiri dan beberapa perkembangan politik baru di dunia selepas Perang Dunia Kedua, maka pengaruh ideologi dalam pemikiran politik dunia sudah mengurang. Hal ini mendorong setengah ahli sains politik menyatakan bahawa zaman ideologi sudah berakhir, digantikan dengan zaman perkuasaan teknik. Kenyataan ini tidak sepenuhnya benar. Apa yang telah berlaku ialah perubahan **asas** pergeseran atau sengketa politik dari kelas atau bangsa kepada pandangan hidup atau *world-view*. Di sinilah bermulanya peranan Islam sebagai satu pandangan hidup alternatif **yang lebih utuh** daripada pandangan hidup humanisme sekular yang telah mencetuskan sektarianisme ideologi dalam zaman moden.

Harus diingat bahawa humanisme sekular telah muncul di Eropah di dalam abad-abad ketujuh belas dan kelapan belas sebagai reaksi dan pengganti kepada pandangan hidup sempit dan mengongkong yang dipaksakan oleh Gereja Kristian ke atas Eropah di dalam zaman pertengahannya. Sebagai satu gerakan pemberontakan terhadap satu kekuasaan yang zalim, gerakan pembaharuan ini memang positif dan progresif, tetapi sebagai satu reaksi yang melampaui batas (dari penyelewengan 'spiritual' kepada penyelewengan 'sekular'), gerakan ini membawa kepada akibat negatif yang merosakkan. Inilah yang dikatakan delima atau krisis tamadun moden. Tidak perlulah kita menyenaraikan butir-butir krisis besar ini, yang telah pun banyak dicatatkan. (1)

3. Hubungan Islam dengan Ideologi

Islam, satu agama Tuhan yang telah disempurnakan, merangkumi ajaran-ajaran tentang pandangan hidup dan amalan untuk kehidupan manusia di dunia. Dengan demikian, ajaran-ajaran Islam termasuklah politik, ekonomi dan sosial. Barangsiapa yang mengatakan Islam hanya ibadat-ibadat agama dalam pengertian sempit (seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya) dan tidak kenamengena dengan urusan-urusan keduniaan (golongan sekular) tidak memahami Islam sebenarnya dan telah menyeleweng. Di sinilah

letaknya hubungan di antara Islam dengan ideologi atau politik. Di dalam ajaran-ajarannya termasuk ajaran-ajaran mengenai kehidupan politik. Namun demikian, kita harus membezakan antara teori politik atau falsafah politik yang telah dibina oleh ahli-ahli fikir Islam, seperti al-Mawardi (m. 1058) atau al-Ghazzali (m.1111) atau Ibn Jama'a (m. 1331) atau Ibn Khaldun (m. 1406) dengan ajaran-ajaran politik yang terdapat di dalam Quran. Ajaran-ajaran Quran itu pokok dan asas, sedangkan teori-teori politik dan falsafah-falsafah politik ahli-ahli fikir itu ijihad dan tafsiran mereka mengikut sesuatu keadaan tertentu dan mengikut fahaman mereka. Kita tertakluk kepada ajaran-ajaran Quran, tetapi kita tidak tertakluk kepada falsafah-falsafah dan teori-teori ahli fikir, termasuk tokoh-tokoh agama.

Pembezaan ini penting dan harus dibuat kerana ada satu golongan politik di dalam masyarakat Islam yang menganggap pendapat dan praktik tokoh-tokoh juga **perlu** diikuti (golongan tradisional). Harus ditegaskan di sini dengan jelas bahawa bagi umat Islam tidak ada sebuah buku lain selain daripada Quran yang harus mereka pegang. Tuhan telah menerangkan di dalam Quran bahawa Quran lengkap dan sempurna, dan kita tidak memerlukan buku-buku lain untuk melengkapkan Quran. (2) Apa yang tidak diterangkan di dalam Quran itu disengajakan untuk membolehkan umat Islam melakukan apa yang sesuai dengan kehendak dan keadaan mereka. (3) Umpamanya, salah satu prinsip yang diberikan oleh Quran untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial ialah syura atau perundingan, tetapi kaedah atau kaedah-kaedah perundingan ini tidak diterangkan dan dibebaskan untuk sesuatu masyarakat atau negara menentukan kaedah-kaedah yang sesuai baginya. Soalan-soalan seperti, siapakah yang harus dibawa ke dalam perundingan ini - semua rakyat atau sebahagian sahaja - dan apakah cara-caranya perundingan ini dilaksanakan, harus diputuskan oleh masyarakat itu sendiri. Dapat dilihat dari atas bahawa Islam melengkapkan umatnya dengan satu rangka idea yang asas - yang universal - tetapi yang juga memberikan mereka kelonggaran dan kebebasan yang perlu untuk menyesuaikan dengan keadaan zaman dan tempat. Tentulah di sini letaknya kesempurnaan ajaran-ajaran Islam, bukan konon pada peraturan-peraturan terperinci dalam semua hal yang direka oleh pereka-pereka hadis dan sunnah, seperti yang disangka oleh setengah kalangan dalam masyarakat Islam. (4)

4. Aliran-aliran Ideologi dalam Masyarakat Islam Sekarang

Kegagalan masyarakat Islam sekarang, termasuk apa yang

dikatakan Republik Islam Iran, untuk mengemukakan dan memperjuangkan satu teori politik Islam moden yang dapat diterima oleh seluruh masyarakat Islam merupakan halangan yang terbesar untuk Islam menjadi alternatif kepada ideologi-ideologi dan sistem-sistem yang berkuasa di dunia sekarang. Kegagalan ini disebabkan oleh perpecahan umat Islam sekarang kepada tiga golongan ideologi - golongan tradisional, golongan sekular dan golongan pertengahan.

Golongan tradisional ialah golongan yang berpegang kepada kitab-kitab zaman pertengahan - hadis, ijmak ulama dan qias - dan ingin kembali ke dalam sejarah. Melalui penguasaan mereka ke atas sistem pendidikan tradisional, pondok dan madrasah, dan ke atas bidang ibadah umat Islam, golongan ini merupakan golongan yang paling berpengaruh dan dominan dalam masyarakat Islam sekarang. Golongan sekular ialah golongan yang membataskan agama kepada ibadah-ibadah formal salat dan sebagainya dan yang meletakkan keseluruhan aktiviti sosial masyarakat di bawah tadbiran falsafah humanisme sekular, sama ada liberalisme atau Marxisme. Golongan ini, oleh kerana kebolehan mereka di dalam bidang pentadbiran masyarakat moden, ialah golongan yang berkuasa di kebanyakan negara Islam di zaman lepas merdeka dan masih berkuasa sekarang, walaupun mereka sedang dicabar oleh golongan tradisional. Kedua-dua golongan ini telah menyeleweng dari jalan Islam yang sebenar, kerana mereka berpegang kepada buku-buku lain daripada Quran (golongan tradisional berpegang kepada hadis, sunnah dan kitab-kitab agama, dan golongan sekular kepada ajaran-ajaran humanisme sekular) dan menyembah lain daripada Tuhan (golongan tradisional mempertuhankan guru-guru dan pemimpin-pemimpin agama dan golongan sekular guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekular).

Golongan ketiga ialah golongan yang kedudukan ideologinya itu pertengahan di antara golongan-golongan tradisional dan sekular. Mereka berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Quran, menolak faham taqlid, mempelopori pembukaan semula pintu ijtihad serta menyanankan penerimaan sains, teknologi dan pemikiran moden yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Quran. Inilah golongan yang berada pada jalan Islam yang betul. Gerakan islah ini bermula awal dalam masyarakat Islam. Bolehlah dikatakan sebaik-baik sahaja penyelewengan secara meluas berlaku dalam masyarakat Islam, gerakan pembersihan ini berlaku, dengan kritikan-kritikan Ibn Taimiyah (m.1328), Sheikh Ahmad Sirhindi (m. 1624) dan Shah Waliyullah Delhi (m. 1767) di India dan Muhammad Abdul Wahab

(m. 1787) di Arab Saudi, tetapi boleh dikatakan mencapai bentuk ideologi yang jelas dengan ajaran-ajaran Sayyid Jamaluddin al-Afghani (m. 1897) dan Muhammad Abduh (m. 1905), iaitu perkembangan kepada ajaran-ajaran Islam yang asal, penolakan taqlid dan pembukaan pintu ijtihad dan penerimaan rasionalisme dan sains dan teknologi moden yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Golongan ini, walaupun berpotensi, masih belum begitu berpengaruh di seluruh dunia Islam.

Di negara kita, golongan pertengahan ini muncul dalam dekad pertama abad ke 20 dan bergerak aktif hingga dekad ketiga dengan tokoh-tokoh seperti Syed Sheikh al-Hadi, Sheikih Mohammad Tahir Jalaluddin, Yunus Abdul Hamid dan Syed Alwi al-Hadi dengan majalah-majalah dan akhbar-akhbar mereka, **Al-Imam, Al-Ikhwān, Saudara, Seruan Azhar, Idaran Zaman** dan **Pilihan Timur**. Menjelang dan selepas Perang Dunia Kedua golongan ini berpecah dan disedut masuk ke dalam aliran sekular di satu pihak dan aliran tradisional di pihak lain. Golongan sekular sekarang diwakili oleh UMNO dan golongan tradisional oleh PAS.

Adalah jelas bahawa penyelewengan golongan-golongan sekular dan tradisional dalam masyarakat Islam berpunca dari penyelewengan mereka dari ajaran-ajaran Quran kerana kepentingan-kepentingan material - kuasa, pangkat dan kekayaan. Bila masyarakat Islam pertama berpecah dalam Perang Siffin (T.M. 657) antara Ali Abu Talib dan Muawiyah, muncullah konsep pemerintahan sekular dan muncullah pula sebagai pelengkapannya satu kasta ulama yang mengendalikan hal-ehwal agama untuk ummah, dan dengan demikian hubungan dinamik antara agama dan politik dipisahkan, menyebabkan kemunduran umat Islam. Proses ini tidak berlaku dengan tiba-tiba, tetapi melalui sengketa-sengketa yang sengit dan lama hingga akhirnya dalam abad-abad ke-12 dan ke-13, keadaan pemisahan ini menjadi stabil hinggalah garis ideologi Islam tulen mulai muncul semula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, mencantumkan semula politik dan agama. Garis ini garis islah Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh yang telah kita sebutkan dahulu.

5. Politik Kebangsaan di Malaysia Kini

Dalam dan selepas Perang Dunia Kedua semangat nasionalisme meluap-luap di seluruh Asia. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dari kuasa-kuasa penjajah beryala dan merebak di mana-mana. Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan dalam 1945; India

mencapai kemerdekaan dalam 1948; dan Tiongkok dalam 1949. Semangat dan perjuangan kebangsaan ini, di negara kita, menenggelamkan buat sementara waktu semangat Islamisme yang telah kita lihat bergelora antara dekad-dekad pertama dan ketiga. Kegagalan golongan Islamis untuk memberi jawapan dan pimpinan yang terang dan tegas kepada perjuangan kebangsaan dan kemerdekaan nasional (dan sebahagian daripada kegagalan ini berpunca dari muslihat penjajah) menyebabkan pimpinan gerakan ini jatuh ke tangan golongan-golongan sekular Kanan (UMNO) dan Kiri (KMM-PKMM-PRM) dan akhirnya memberikan kejayaan kepada golongan sekular Kanan (UMNO-MCA-MIC). Memang benar golongan Islamis membentuk parti politiknya sendiri, PAS, dalam 1951 tetapi hingga sekarang gerakan ini gagal meletakkan dirinya sebagai pemimpin rakyat. Kegagalan ini bukan sahaja berpunca dari penekanan oleh pihak penjajah (sebelum merdeka) dan oleh pihak pemerintah sekular (selepas merdeka), tetapi lebih-lebih lagi dari kelemahan teori dan strategi PAS sendiri.

Walaupun, saya telah mensifatkan UMNO pada peringkat awal sebagai golongan sekular, ini tidak bermakna UMNO senantiasa akan bersifat sekular. Dalam 1959 Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menolak konsep Malaya sebagai sebuah negara Islam dan mempepori konsep negara sekular berdasarkan ijthid masyarakat Islam di dalam urusan-urusan keduniaan. Pendirian ini ditegaskan lagi dalam 1968. (5) Tetapi dalam dekad ketujuh perubahan sikap sudah mulai berlaku. UMNO mulai disifatkan oleh pemimpin-pemimpinnya sebagai sebuah partai Islam, malah sebuah partai Islam yang terbesar di Malaysia.

Perubahan sikap ini tidak menghairankan, kerana dalam dekad ini, disebabkan oleh beberapa perkembangan yang berlaku di dalam politik dunia dalam dekad keenam, satu gelombang baru dalam gerakan Islam mulai dirasa di negara kita dan di seluruh dunia. Pada waktu inilah gerakan dakwah mula berkembang dan aktif. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan dalam 1971 mula menganjurkan formula Islam untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat majmuk Malaysia. Perkembangan-perkembangan ini mempengaruhi UMNO sendiri serta menyebabkan UMNO bergerak ke arah politik keislaman. Ini terbukti dalam langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir, seperti pengenalan kursus tamadun Islam di universiti-universiti tempatan, penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa dan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara.

6. Gerakan Islam di Malaysia dan Masalah-masalahnya

Perubahan-perubahan ini juga mempengaruhi PAS dan PSRM. Memang dari asalnya PAS telah ditubuhkan untuk memperjuangkan Islam dengan matlamat akhir untuk menubuhkan sebuah negara Islam, tetapi di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin dan Datuk Mohd. Asri Hj. Muda, teori politik PAS menyelaraskan faham keislaman dengan faham kebangsaan. Walau bagaimanapun, sejak Revolusi Iran (1979) dan sejak penyingkiran Datuk Ari dari pimpinan dan kenaikan apa yang dinamakan "pimpinan ulama" (1981) yang dipengaruhi oleh ideologi Khomeini, faham kebangsaan mulai ditolak oleh PAS sebagai perkauman yang tidak sesuai dengan faham internasionalisme Islam, dan dasar UMNO dan Kerajaan disifatkan sebagai sekular, anti-Islam dan patut ditentang oleh gerakan Islam.

UMNO dan PAS, tidak syak lagi, merupakan dua buah partai politik rakyat Islam Malaysia yang besar dan berpengaruh. Bahawa dasar UMNO sekarang masih dasar "sekular" dalam ertikata ia bertunjang pada teori politik humanisme sekular tidak dapat dinafikan, tetapi juga tidak dapat dinafikan ialah gerakan pimpinan UMNO sekarang kepada faham keislaman. Teori politik Islam sendiri tidak samasekali menolak keduniaan, pembangunan material dan kerjasama dengan golongan-golongan bukan-Islam. Oleh yang demikian, sikap anti-sekular melulu tidak sesuai dengan ajaran-ajaran Islam. Sebaliknya, teori politik PAS yang sekarang menolak faham kebangsaan yang sah dan menolak kerjasama dengan UMNO dan Kerajaan, malah menganjurkan konfrontasi dengan UMNO dan Kerajaan, tidak sesuai dan bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Pendirian mereka dalam banyak hal bertentangan; umpamanya, mereka mendakwa perlembagaan Malaysia diciptakan oleh "orang kafir," tetapi mereka sendiri menyertai pilihanraya-pilihanraya di bawah perlembagaan ini serta menjadi anggota-anggota Parlimen dan Dewan-Dewan Undang Negeri di bawah perlembagaan ini! Adalah rahsia umum bahawa PAS sekarang tidak mempunyai satu dasar dan satu program politik yang jelas.

Walaupun bagaimanapun, pengalaman-pengalaman kita sejak merdeka telah membuktikan bahawa dasar kebangsaan yang berasaskan falsafah humanisme liberal yang telah dijalankan oleh Kerajaan selama ini telah tidak begitu berjaya. Rusuhan-rusuhan Mei 13 dan keadaan polarisasi kaum yang terus wujud membuktikan bahawa masalah perpaduan bangsa dan rakyat masih belum dapat diselesaikan. Kemelesetan ekonomi dunia sedang mengancam ekonomi kita.

Masalah kemiskinan masih merupakan satu masalah besar bagi kita. Korupsi berlaku di dalam semua bidang kehidupan - politik, ekonomi dan sosial. Senarai masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara dan bangsa kita panjang. Harus diakui bahawa masalah-masalah ini bukan dihadapi oleh negara kita sahaja. Boleh dikatakan semua negara di seluruh dunia - Kapitalis, Kominis dan Dunia Ketiga sedikit sebanyak menghadapinya. Sesungguhnya, kita sedang melalui zaman krisis dunia yang besar. Walau bagaimanapun, hal ini tidak boleh membebaskan kita dari tanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah itu **seberapa yang boleh**.

Di sinilah letaknya peranan Islam di dalam politik negara kita. Islam, sebagai satu ajaran sempurna yang dijamin oleh Tuhan sendiri di dalam Quran, (6) tidak syak lagi boleh menyelesaikan masalah-masalah bangsa dan negara kita. Yang menjadi kesulitan ialah: Apakah politik Islam yang sebenar bagi Malaysia moden ini? Tidak harus difahamkan bahawa ini satu soalan yang aneh. Seperti telah diterangkan di atas, wujud tiga golongan ideologi dalam masyarakat Islam di seluruh dunia dan di negara kita sekarang: golongan-golongan sekular, tradisional dan pertengahan. Seperti telah kita lihat, teori politik golongan sekular telah gagal, kerana ia berpegang kepada ajaran-ajaran falsafah humanisme sekular yang salah dan bercanggah dengan Quran. Teori golongan tradisional juga tidak akan berjaya oleh kerana mereka berpegang kepada tradisi-tradisi kolot yang bercanggah dengan Quran dan tidak sesuai dengan masyarakat moden. Hanya golongan pertengahan sahaja yang mampu berbuat demikian, oleh kerana mereka, berbeza dari golongan sekular, bertolak dari ajaran-ajaran Islam dan, berbeza dari golongan tradisional, mereka tidak dikongkong oleh ajaran-ajaran ahli-ahli feqah, hadis dan teologi zaman pertengahan. Ketiga-tiga golongan ini patutlah kembali kepada jalan Islam, memperbaharukan semula ikatan mereka kepada Islam dan di atas dasar persaudaraan Islam, (7) memutuskan semua urusan masyarakat Islam dan masyarakat Malaysia melalui syura Islam.

Sebenarnya, ajaran-ajaran Quran mengenai masyarakat tidaklah banyak dan tidaklah mustahil bagi umat Islam di negara kita menganjurkan sebuah pemerintahan berdasarkan ajaran-ajaran Quran. Ajaran-ajaran Quran mengenai politik, ekonomi dan sosial berdasarkan keadilan, kebajikan dan persamaan bagi manusia. Nilai-nilai pokok keadilan, kebajikan dan persamaan ini adalah nilai-nilai universal. Umpamanya, dalam pemerintahan, arahan-arahan Quran

ialah sebuah pemerintahan yang berdasarkan undang-undang keadilan; yang melindungi kebebasan beragama dan kebebasan berfikir; yang terdiri dari orang-orang yang layak; yang memerintah melalui perundingan; rakyat mestilah mentaati sebuah pemerintah demikian; dan yang umumnya menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan dan memberi kebebasan kepada rakyat untuk menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan. Dalam bidang ekonomi, arahan-arahan Quran ialah pemilikan sementara kekayaan oleh masyarakat; hakmilik individu berdasarkan usahanya sendiri yang sah; larangan terhadap riba dan bentuk-bentuk penindasan ekonomi yang lain, seperti monopoli, sorokan dan penipuan; dan pembahagian kekayaan yang saksama kepada semua anggota masyarakat, termasuk yang cacat dan yang terhalang. Dalam pendidikan, Quran menyuruh mendidik individu-individu beriman, berakhlak, berilmu dan berkebolehan. Dalam kebudayaan, Islam membenarkan aneka kebudayaan dan cara hidup dengan syarat mereka tidak melanggar arahan-arahan Quran dan tidak melanggar undang-undang negara.

Ajaran-ajaran sosioekonomi Quran di atas adalah ajaran-ajaran universal yang bukan sahaja disokong oleh orang-orang Islam tetapi juga orang-orang bukan Islam yang adil. Oleh yang demikian, masalah penentangan rakyat bukan-Islam di negara kita sebenarnya tidak timbul. Yang timbul ialah salah-faham yang disebabkan oleh kekeliruan. Kekeliruan ini boleh dihapuskan dengan mudah dengan syarat masyarakat Islam sendiri sendiri muafakat di atas sebuah teori politik Islam yang sesuai dengan keadaan negara kita sekarang. Muafakat yang penting ini tidak akan dicapai kecuali umat Islam sendiri kembali kepada ajaran-ajaran Quran serta membuat ijtihad untuk melaksanakan ajaran-ajaran itu di dalam keadaan negara kita sekarang.

7. Kesimpulan dan Cadangan

Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa Islam tidak dapat dipisahkan dari kehidupan bangsa kita dan dari politik kebangsaan kita. Jika di masa lalu, kita mendasarkan kehidupan politik kita kepada falsafah Barat humanisme sekular, kita tidak boleh berbuat demikian terus-menerus, kerana falsafah humanisme sekular sudah terbukti gagal. Namun demikian, kita tidak harus tergesa-gesa hendak mendirikan sebuah "negara Islam" di dalam keadaan umat Islam di negara kita tiada muafakat tentang konsep "negara Islam" itu sendiri. Walau bagaimanapun, kesulitan ini tidak harus pula menjadi-

kan alasan untuk melambatkan atau menghalang proses mewujudkan sebuah sistem sosial yang adil yang berdasarkan ajaran-ajaran universal Quran.

Untuk mencapai matlamat di atas, kita cadangkan supaya cerdik-pandai Islam di negara kita mengkaji dan mewujudkan seberapa segera sebuah teori sosial moden Islam yang lengkap dan santifik yang sesuai dengan masyarakat moden dan dengan masyarakat Malaysia. Kita juga mencadangkan supaya gerakan Islam di negara kita (partai-partai politi dan pertubuhan-pertubuhan awam Islam) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Umum dan sebuah Jawatankuasa Pakar untuk menggubal sebuah deraf perlembagaan Islam yang sesuai untuk Malaysia. Saya yakin jika kita mengambil langkah-langkah ini dari sekarang dan bekerja dengan jujur, gigih dan cermat, dalam masa lima atau selewat-lewatnya sepuluh tahun, kita akan mendapati kita telah menyelesaikan semua masalah besar yang sekarang menghalang kita daripada mencapai cita-cita kita.

Nota

1. Lihat khasnya P.A. Sorokin, **The Crisis of Our Age** (1941) dan **Man and Society in Calamity** (1942)
2. "Kami tidak meninggalkan sesuatu pun dari kitab ini." (Quran, 6:38) "Apakah akan kucari selain Allah sebagai sumber undang-undang, sedangkan Dialah yang menurunkan kitab ini kepadamu dengan terperinci?" "Perkataan Tuhanmu telah sempurnalah dengan benar dan adilnya. Tiada suatu pun yang boleh merobah kata-kataNya." (Quran, 6:115)
3. "Wahai kamu yang beriman, janganlah bertanya tentang hal-hal yang jika diwahyukan kepada kamu, akan menyusahkan kamu. Jika kamu menimbangkannya dari segi Quran, kamu akan sedar bahawa Tuhan meninggalkannya untuk meringankan. Allah pemaaf, penimbang rasa." (Quran, 5:101)
4. Pelbagai macam peraturan, termasuk tentang kelakuan seperti tidur, makan dan sebagainya, telah direka oleh pereka-pereka hadis dan sunnah, tetapi Quran telah mengutuk perbuatan ini

sebagai menyeleweng. "Patutkah kami perlakukan orang-orang beriman seperti orang-orang berdosa? Betapa hal kamu? Bagaimanakah kamu menghukum? Adakah kamu sebuah buku lain yang kamu pakai? Yang memberi kepada kamu apa-apa yang kamu kehendaki?" (6:35-38)

5. Lihat kenyataan Tunku Abdul Rahman dalam **Straits Times**, Mei 1, 1959 dan sebuah rencana dalam **Merdeka** keluaran Ogos 15, 1968
6. "Dialah yang menghantar pesuruhNya dengan bimbingan dan agama yang benar supaya ia mengatasi semua agama." (Quran, 48:28)
7. "Orang-orang beriman itu bersaudara." (Quran, 49:10) "Kamu hendaklah berpegang teguh kepada tali Allah, kesemuanya, dan jangan berpecah-belah." (Quran, 3:103)

BAHAGIAN III

19. PEMBANGUNAN INTELEKTUAL BANGSA

BENARKAN saya bermula dengan memetik daripada ahli falsafah Eropah Zaman Pengetahuan (*Enlightenment*), Immanuel Kant:

"Zaman kita zaman kritikan yang meletak segala sesuatu di bawah teropongnya. Kesucian agama dan kewibaaan undang-undang dianggap oleh ramai sebagai asas-asas pengecualian daripada pemeriksaan mabkamah ini. Tetapi, sekiranya mereka dikecualikan, mereka sewajarnya akan menjadi bahan syak wasangka dan tidak berhak diberi perbormatan yang jujur, yang banya diberi oleh akal kepada sesuatu yang tahan diuji oleh satu penyiasatan yang bebas dan terbuka."

(Critique of Pure Reason, Prakata kepada Edisi pertama, nota 2).

Walaupun kitab *Injil* berkata kebenaran akan membebaskan manusia, kebanyakan manusia takut kepada kebenaran. Mereka suka berpaut kepada adat resam dan kebiasaan-kebiasaan lama yang diwarisi turun-temurun daripada nenek-moyang, walaupun adat resam dan kebiasaan-kebiasaan itu sudah lapuk dan bertentangan dengan akal dan kebenaran. Saya tidak tahu (saya harap tidak!) apakah pihak berkuasa Universiti Kebangsaan Malaysia telah menengok ke dalam buku firasat sebelum menentukan tarikh dan ketika untuk mengadakan majlis konvokesyen yang mulia pada pagi ini dan untuk memberi penganugerahan ini kepada saya. Sambil saya berdiri di sini, maha kerdil di depan Tuhan maha besar dan kecil di depan majlis yang mulia ini, saya bersyukur kepada Tuhan maha pemurah, memberi terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, dan dengan segala rendah hati menyatakan: "Saya tidak layak menerima penghormatan ini. Saya anak bangsa. Apa penghormatan yang diberi kepada saya itulah penghormatan kepada bangsa."

*Ucapan Penerimaan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17hb Ogos 1985.

Bila saya seorang pemuda marah di bangku sekolah di awal '50-an dulu (mendahului generasi *The Angry Young Men* - 'Anak Muda Berjulung Keris' Eropah dalam '60an), saya bersumpah pada diri saya: "Aku akan mendedahkan segala kepalsuan mereka ini semua!" Di atas podium kebenaran yang mulia ini, saya bolehlah mendakwa saya telah melakukan, bersama-sama dengan tukang-tukang dedah bangsa kita yang lain, sebahagian daripada pendedahan itu. Ada banyak lagi pendedahan yang perlu dibuat untuk membersihkan bangsa kita dari segala macam tahyul dan khurafat yang telah lama mencengkam dan mengongkong pemikiran bangsa. Dalam majlis yang mulia ini benarkan saya bercakap tentang pembangunan intelektual bangsa.

Satu-satunya sebab mengapa Tuhan maha pengasih mengutuskan agama tauhid kepada manusia - agama yang diturunkan kepada Nabi Allah Ibrahim dan nabi-nabi lain dan disempurnakan dengan Nabi terakhir Muhammad - ialah untuk membebaskan manusia dari semua kuasa palsu, kecuali Tuhan Pemilik kuasa yang sebenar. "Tiada tuhan yang disembah, kecuali Allah."

Penafian kepada semua kuasa palsu dalam ikrar ini mutlak, dan pengakuan kepada Tuhan juga mutlak. Inilah prinsip pertama dalam kehidupan manusia. Lebih-lebih lagi, inilah prinsip pertama dalam kehidupan sebuah universiti dan di kalangan kaum ilmiawan. Prinsip ini prinsip pertama, kerana bolehkah kita membangunkan sebuah masyarakat yang sejahtera selagi kita tunduk kepada kuasa-kuasa palsu dalam bentuk-bentuk manusia, benda, idea dan fahaman serta patung?

Sejarah manusia tidak lain ialah sejarah kaum-kaum dan bangsa-bangsa, purba dan moden, di dalam perjuangan mereka untuk menghidupkan dan menegakkan prinsip ini. Dalam semua masyarakat dan semua zaman, ada kalanya prinsip ini tenggelam dan tertimbus oleh arus kepalsuan, tetapi lambat-laun prinsip ini timbul kembali. Ini adalah kerana prinsip ini kebal, yang merupakan fitrah manusia, seperti yang diisytiharkan dalam al-Quran:

Oleh itu, kamu bendaklah memberi perhatiannmu sepenuhnya kepada agama tauhid. Inilah fitrah yang telah diletakkan oleh Tuhan kepada manusia. Tiada suatu yang boleh merombak kejadian Tuhan. Inilah agama yang sempurna tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya. (30:30)

Dalam zaman moden, perjuangan inilah juga yang sedang kita

saksikan, samada di peringkat antarabangsa, atau dalam masyarakat nasional masing-masing, samada dalam masyarakat-masyarakat beragama atau dalam masyarakat-masyarakat yang menolak agama, dan samada dalam masyarakat Islam atau masyarakat-masyarakat Kristen dan lain-lain.

Eropah moden memberikan kita satu pelajaran yang baik. Ia muncul dari Zaman Kegelapan dan Zaman Pertengahan dengan membebaskan dirinya dari kekuasaan kepaderian Gereja Kristen melalui gerakan-gerakan Kebangkitan Semula (*Renaissance*), reformasi agama dan Zaman Pengetahuan di mana ilmu-ilmu Yunani dan ilmu-ilmu Islam, khasnya ilmu-ilmu Islam, memainkan peranan yang penting. Hanya dengan pembebasan fikiran Eropah daripada tahyul, maka sains moden, falsafah rasional dan ilmu-ilmu dalam pelbagai bidang berkembang dengan suburnya, menimbulkan tokoh-tokoh sains dan falsafah yang agung, seperti Newton, Descarte, Locke, Voltaire, Rousseau dan Kant. Cogankata Zaman Pengetahuan yang diberi oleh Kant - 'Beranilah mengetahui' (*sapera aude*) - menggambarkan kecekan akal zaman itu untuk meneroka serta menyelidiki segala bidang ilmu.

Namun demikian, dengan segala kejayaan dan kecemerlangan yang direbut dan diperoleh oleh akal Eropah moden, akal itu juga telah mencetuskan lawannya, anti-akal, dan melahirkan dalam abad kesembilan belas tokoh falsafah penyembah berhala kuasa manusia, Nietzsche yang mengisytiharkan kematian Tuhan. Bila Tuhan tidak ada, kata Dostoevsky, segala-galanya dibolehkan, termasuk pembunuhan. Bila Nietzsche sudah tiba, tentulah Mussolini, Hitler dan Stalin tidak jauh. Demikianlah manusia melakukan, dengan penuh yakin dan ghairah, pesta-pesta pembunuhan abad kedua puluh.

Dari sejarah Eropah moden, bolehkah kita membuat kesimpulan akal manusia sudah gagal, dan kita harus kembali dan tunduk ke bawah satu kuasa gereja baru? Dalam Syarahan Templeton di London dua tahun lalu, pengarang buangan Rusia yang terkenal, Alexander Solzhenitsyn, dalam satu rayuan yang kuat agar Barat kembali kepada Tuhan, menolak segala hasil ahli-ahli fikir Zaman Pengetahuan dalam satu kalimat saja: "Tiada suatu pun yang dapat kita pegang, dalam keruntuhan ini: semua ahli fikir Zaman Pengetahuan tidak dapat memberikan kita apa-apa."

Saya seorang optimis semulajadi. Saya tidak bersetuju dengan pesimisme Solzhenitsyn. Saya percaya Eropah moden belum gagal dan manusia belum gagal. Untuk melepaskan diri kita dari keterlaian-keterlalaian Eropah moden, kita tidak boleh lari kepada keterla-

luan-keterlaluhan Zaman Pertengahan. Kita harus mencari satu jalan tengah di antara dua keterlaluhan akal Eropah moden dan keterlaluhan anti-akal Zaman Pertengahan - jalan lurus al-Quran, *strat al-mustaqim*. Sejarah Islam sendiri satu bukti. Dengan kecepatan kilat, bintang Islam muncul dalam abad ketujuh di ufuk dunia dan selama tiga abad ia menerangi dunia, dan kemudian malap selama hampir seribu tahun, dan sekarang, dalam abad kedua puluh ini, buah jam dunia mengayun lagi meninggalkan Zaman Pengetahuan Eropah, dan Islam bangun semula dari Zaman Kegelapannya. Tetapi Islam bu-kan Timur dan bukan Barat - "*La syarqiyyatin wa la gharbiyyab*". Dengan bahasa al-Quran yang indah tidak tertiru:

"Tubanlab cabaya langit dan bumi. Ibarat cabayaNya seperti cermin lekuk di belakang sebuah lampu; lampu itu dalam sebuah kaca; kaca itu berkilau-kellau laksana sebuah bintang batu permata; dinyalakan oleh sepohon zaitun yang diberkati, yang bukan dari Timur atau Barat; yang minyaknya berkilau-kellauan sendiri tanpa api. Cabaya di atas cabaya; Tuhan membimbing kepada cabayaNya siapa saja yang la kebendaki." (24:23)

"Pohon zaitun berkat yang bukan dari Timur dan bukan dari Barat", "Tuhan membimbing kepada cahayaNya siapa saja yang la kehendaki" - ini ungkapan-ungkapan berkat yang perlu ditafakkur oleh kita, oleh pendukung-pendukung dan pencinta-pencinta kebangkitan semula Islam. Ungkapan-ungkapan ini mempunyai *banya* satu makna di dalam konteks kebangkitan semula Islam hari ini: bahawa di dalam mencari jalan keluar dari "Kacau-bilau Agung" abad kedua puluh, kita tidak boleh menolak Barat sepenuhnya dan kembali kepada Timur sepenuhnya. Biar Timur mahupun Barat telah mengalami zaman-zaman kegelapan dan kehancuran masing-masing. Pelajaran yang telah kita peroleh dari sejarah seribu tahun yang lalu ialah: penolakan akal membawa kepada kediktatoran gereja; penolakan Tuhan membawa kepada kediktatoran negara. Apa yang diserukan oleh Solzhenitsyn dalam Syarahan Templeton supaya manusia kembali kepada Tuhan mestilah ditambah dengan Tuhan yang diwakili oleh kitabNya yang satu-satunya terjamin: *al-Quran ul-'Azim*:

Meraka menolak perutusan ini bila diberi kepada meraka, walaupun ia sebuah kitab yang tidak mungkitr. Kepalsuan

tidak boleh memasukinya, dulu atau di masa depan; kerana ia wahyu daripada Tuhan, paling bijaksana, paling terpuji. (41:41-42)

Jika dulu Eropah menolak Quran atas alasan ia karya seorang manusia, Muhammad; sekarang, dengan kehendak Tuhan, mukjizat kod 19 membuktikan kepada seluruh dunia secara saintifik bahawa Tuhan wujud, bahawa tidak ada manusia yang boleh menciptakan Quran, bahawa Quran perutusan Tuhan kepada manusia, dan bahawa kemurnian perutusan ini terpelihara sepenuhnya selama 14 abad. Hakikat ini, tidak syak lagi, akan diterima oleh Eropah dan dunia tidak lama lagi, dan inilah sebenarnya kebangkitan semula Islam.

Pencinta-pencinta dan pendukung-pendukung kebangkitan semula Islam di Timur dan di Malaysia harus sedar bahawa al-Quran ditujukan kepada mereka yang berfikir - "*liqaumin yatafakkarun*". Quran tidak difahami dan tidak boleh difahami oleh mereka yang tidak berfikir. Pembebasan fikiran umat Islam dari segala macam tahyul dan khurafat, yang menafikan akal, yang telah mencengkam dan menguasai fikiran mereka selama kira-kira seribu tahun perlulah dilakukan dengan lebih berani, tegas dan berencana. Walaupun tokoh-tokoh pengkritik zaman pertengahan dari Imam Ghazali, Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim, Sheikh Ahmad Sirhind hingga Shah Waliullah telah muncul untuk mengkritik aspek-aspek anti-rasional dalam pemikiran umat Islam, dan dalam zaman moden disambung oleh Syed Jamaluddin al-Afghani, Sheikh Muhammad Abduh dan Iqbal, pada pendapat saya, kerja kritikan ini masih banyak dan sebahagian besarnya masih menunggu tokoh-tokohnya. Adakah umat Islam sedar akan tanggungjawab intelektual mereka yang maha besar ini serta bangun dari tidur dan mimpi mereka yang enak untuk menanggung bebanan manusia di akhir abad kedua puluh dan dalam abad kedua puluh satu?

Dengarlah apa yang diperundang-undangkan oleh Tuhan dalam al-Quran:

Jika kamu berpaling tadab, Tuhan akan menggantikan kamu dengan bangsa lain, dan mereka tidak akan menjadi seperti kamu. (47:38)

Undang-undang sejarah tentang kenaikan dan kejatuhan sesuatu umat berlaku secara objektif tanpa mengira nama formal umat itu. Sejarah telah mencatat kenaikan dan kejatuhan banyak umat, dan

umat Islam tidak terkecuali dari undang-undang dan proses ini. Selama seribu tahun umat Islam telah jatuh, dan dalam zaman moden bendera tamadun dikibar oleh umat Eropah Kristen setelah dirampasnya daripada umat Islam. Persis kerana umat Islam telah berpaling tadah dan melepaskan kebenaran dari genggaman mereka, maka Tuhan telah membenarkan umat Kristen Eropah menggantikan mereka dan mengibar panji-panji kebenaran dalam Zaman Kebangkitan Eropah.

Pemimpin Tiongkok Mao Tse-tunglah yang mensifatkan abad kedua puluh sebagai "Kacau-bilau Agung". Dalam abad inilah semua teori, ideologi dan sistem tradisional runtuh: liberalisme Barat, komunisme Timur, Nazisme, Stalinisme, Zionisme, Ghandiisme, Fikiran Mao Tse-tung, mullahisme dan Islamisme tradisional. Allah s.w.t. berfirman dalam QuranNya:

Pada hari itu, kami akan membiarkan mereka bercampur-baur satu dengan lain; sangkakala akan dibunyikan, dan kami akan mengumpulkan mereka semua. Pada hari itu, kami akan menunjukkan neraka ke muka orang-orang kafir. Mata mereka buta kepada perutusanKu, dan mereka tidak mendengar. (18:99-101)

Supaya umat yang memanggil diri mereka Islam jangan menyangka diri mereka terkecuali dari kategori "mata mereka buta kepada perutusanKu" dan "mereka tidak mendengar", mereka harus ingat akan peringatan Tuhan kepada mereka dalam Quran, yang berbunyi:

Rasul akan berkata: "Tubanku, umatku telah membelakangkan Quran ini. (25:30)

Persis pada ketika ini, ketika "Kacau-bilau Agung" memuncak di dunia, maka al-Quran, satu-satunya mukjizat nabi Tuhan yang akhir, Muhammad, muncul sekali lagi di pentas dunia dalam segala kegemerlapan cahayanya. Firman Tuhan:

Mereka ingin meluputkan cabaya Tuhan dengan mulut mereka, tetapi Tuhan tetap bendak memperelokkan cabaya-Nya, walaupun tidak digemari oleh orang-orang kafir." (9: 32)

Orang-orang Islam (saya tidak terkecuali) mestilah kembali semula kepada Islam dan membawa Quran ini ke Bangsa-bangsa Bersatu dan memproklamirkan Quran ini kepada dunia dari podium Bangsa-bangsa Bersatu. Kerana hanya dengan kembali kepada Quran, dan tidak lain daripada Quran, umat Islam dan manusia seluruhnya boleh bangun semula dari timbunan kehancurannya, boleh diselamatkan dari kehancuran total yang menantinya, dan boleh membangunkan satu tamadun baru yang tidak menolak sains dan teknologi dan rasionalisme, tetapi yang tunduk kepada Tuhan. Inilah tamadun yang ditunggu-tunggu oleh umat Kristen, umat Yahudi, umat Islam, umat agama-agama lain dan manusia seluruhnya.

Dari Dewan yang mulia Universiti Kebangsaan Malaysia ini saya ingin mengingatkan bahawa tujuan pokok bangsa kita mendirikan universiti-universiti di negara kita ialah untuk mendidik anak-anak bangsa berfikir secara rasional dan logikal dan untuk memberi dan mengembangkan ilmu. Inilah keperluan pokok bangsa kita pada ketika ini. Hanya dengan ilmu dapat kita mengenal diri kita, dunia dan Tuhan. Kalau cogankata Zaman Pengetahuan Eropah - "Beranilah Mengetahui" - kita anggap silap, kesilapan itu hanyalah kerana pengetahuan itu tidak bersandarkan wahyu, iaitu Quran.

Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia menciptakan manusia dari seketul darah. Bacalah, Tuhanmu maha mulia. Dia mengajar melalui pena. Dia mengajar manusia apa yang tidak pernah diketabuhnya.
(96:1-5)

Perintah Tuhan yang pertama kepada umat Muhammad menggesa membaca dengan nama-Nya serta mencari ilmu dengan membaca amatlah bermakna: Jadi, kalau saya dibenarkan meminda cogankata Kant supaya berbunyi: "Beranilah mengetahui di bawah bimbingan Quran", dan menjadikannya cogankata kebangkitan semula Islam, saya fikir kita telah mengambil langkah pertama yang penting dalam gerakan ini. Terlalu banyak tahyul dan khurafat telah masuk ke dalam Islam dan diajukan dan dianggap sebagai ajaran-ajaran Islam dalam masa lebih seribu tahun yang lalu, hingga hari ini kebanyakan umat Islam tidak mengetahui lagi apa sebenarnya Islam. Tuhan mengistiharkan dalam Quran-Nya bahawa orang-orang mukmin bersaudara dan harus berunding untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka, tetapi di mana-mana kita melihat orang-orang Islam ber-

pecah, berbalah, bergaduh, malah berperang dan berbunuhan sama sendiri.

Orang-orang Islam diperintahkan oleh Tuhan supaya berpegang kepada Quran, tetapi kebanyakan mereka, seperti telah diterangkan oleh Quran sendiri, telah membelakangkan Quran serta menggunakan buku-buku lain sebagai pegangan mereka. Tuhan mengutuskan Muhammad kepada manusia, seperti yang tersebut di dalam kitab-kitab *Taurat* dan *Injil*, supaya

"... beliau menyuruh mereka melakukan kebaikan dan melarang mereka daripada kejahatan, dan beliau mengbalikkan bagi mereka benda-benda yang baik dan melarang yang jahat, dan beliau membebaskan mereka dari bebanan-bebanan perjanjian mereka dan membuang belunggu-belunggu yang mengikat mereka ..." (Quran, 7:157)

tetapi umat Islam, setelah dibebaskan oleh Nabi Muhammad dari belunggu-belunggu adat dan tradisi yang kolot dan jahat, tidak berapa lama kemudian, meletakkan diri mereka di dalam belunggu-belunggu baru yang tidak kurang kolot dan jahat, yang merampas kebebasan mereka. Di manakah sebenarnya umat Islam hari ini?

Amatlah mustahak umat Islam kembali kepada Quran dan membebaskan diri mereka dari belunggu-belunggu baru yang telah mereka kenakan kepada diri mereka sendiri. Ciri pokok pembebasan ini ialah pembebasan fikiran umat Islam dari semua kuasa palsu dan segala macam tahyul dan khurafat. Universiti-universiti kita, kolej-kolej kita, cerdik pandai kita, termasuk ulamak, dan pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat, yang inginkan kebaikan untuk bangsa dan rakyat, haruslah memberi keutamaan kepada pembangunan dan perkembangan intelektual bangsa. Kita telah membelanjakan hampir sebilion ringgit untuk membangunkan sebuah jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara, tetapi tidakkah kita berfikir perlu untuk membangunkan sebuah jambatan intelektual bangsa ke abad kedua puluh satu? Dalam masa dua puluh tujuh tahun kita merdeka, kita telah membelanjakan berbilion-bilion untuk pembangunan; berapa banyakkah dari wang ini yang telah kita hulurkan untuk membangunkan satu golongan cendekiawan Islam dan bukan-Islam yang progresif, kritikal, dinamik dan kreatif? Tidakkah pembangunan intelektual ini jauh lebih penting daripada setengah pembangunan material yang telah kita lakukan? Kita harap

pemimpin-pemimpin bangsa kita akan memberi perhatian berat kepada pembangunan intelektual.

Memang lazim dalam sejarah, di saat yang paling gelap bagi manusia, timbul satu cahaya baru, seperti telah saya katakan. Penyair romantik Ingeris, William Wordsworth, menyanyikan kegembiraan Eropah di satu zaman baru dalam satu zaman silam. Kegembiraan kita serupa dengan kegembiraan beliau. Menyambut dunia baru yang diredai Allah yang bakal datang, benarkanlah saya memetik beliau dalam bahasa beliau:

*Bliss was it in that dawn to be alive
But to be young was very Heaven!*

Kita mengucapkan syukur dan bertasbih kepada Allah, Tuhan sekalian alam.

20. CENDEKIAWAN BANGSA

DI NEGARA kita banyak juga telah diperkatakan tentang golongan cendekiawan. Saya tidak perlu mengulang apa yang telah dikatakan. Apa yang hendak saya lakukan di sini ialah melihat dengan lebih kritikal terhadap golongan ini: siapakah mereka; apakah aktiviti mereka sekarang dan mengapa; dan apakah sepatutnya sikap kita terhadap golongan cendekiawan.

Sudah tentu kita menimbulkan soal ini kerana kemelut yang kita hadapi sekarang. Bangsa kita sedang wujud dalam keadaan kebingungan yang besar dan mencari-cari haluan dan bimbingan yang boleh mengeluarkan mereka dari kegelapan. Golongan cerdik-pandai nyata kumpulan utama dalam masyarakat kita yang perlu tampil kemuka untuk menyambut cabaran zaman.

Hari ini kita mempunyai ramai pemegang ijazah Ph.D. dalam pelbagai bidang ilmu, dari dalam dan luar negeri. Dalam negeri kita mempunyai lima buah universiti dan banyak buah kolej. Jumlah bilangan siswazah, apalagi lulusan sekolah menengah ramai sekali. Jika semua mereka kita katakan kaum terpelajar dan cendekiawan, maka kita sudah mempunyai bilangan cendekiawan yang amat ramai, berlipat kali ganda melebihi bilangan sebelum Merdeka. Tetapi, keadaan sebenar mungkin sebaliknya. Mungkin negara kita lebih merasa dan mendapat manfaat daripada komitmen sosial kaum cendekiawan generasi-generasi Syed Sheikh Al-Hadi, Abdul Rahim Kajai dan Za'ba, Ishak Haji Muhammad-Boestamam, dan A.Samad Ismail-Keris Mas-Usman Awang daripada generasi-generasi selepas Merdeka. Ini sungguh aneh. Tetapi kita mesti mencuba mengetahui sebab-sebabnya.

Kebanyakan dunia mengutuk epok penjajahan Barat di Asia dan Afrika. Rakyat kita, seperti rakyat negara-negara lain, bangun menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan nasional. Namun demikian, walau bagaimana pedihnya zaman penjajahan, ia suatu epok dalam sejarah dunia yang telah memainkan satu peranan historis dalam kebangkitan manusia. Satu aspek peranan itu membawa sains dan ilmu moden dari Eropah ke seluruh dunia. Satu lagi membangkitkan kesedaran tentang hak bangsa dan hak rakyat.

Penjajahan, dengan ringkasnya, menyedarkan kita dari tidur, dan menjadikan kita satu bangsa yang sadar. Keadaan kepayahan dan kesusahan telah menimbulkan kumpulan-kumpulan cedeikiawan yang mempunyai kesedaran dan komitmen sosial yang mendalam.

Setelah kita merdeka, setelah reda gelombang semangat kebangsaan yang bagi setengah digantikan dengan keghairahan memburu kekayaan material dan bagi setengah digantikan dengan mimpi-mimpi kehidupan bahagia yang tidak tercapai, mulai pudarlah idealisme kebangsaan kita. Idealisme kemerdekaan digantikan dengan idealisme pembangunan yang dangkal - pembangunan material yang sebagian yang tidak kecil sudah pun musnah. (Saksikan kegagalan D.E.B., skandal-skandal kewangan yang menghancurkan beribu juta, pembaziran tenaga muda yang dinamik kerana pengalihan dadah dan pengangguran dan bebanan hutang negara yang kian besar). Ini telah menimbulkan aliran skeptis dan nihilis di kalangan setengah cerdik-pandai kita. Perdana Menteri kita sendiri pernah menyuarakan kekecewaannya dengan hasil sistem pendidikan kita — cerdik-pandai yang tidak berakhlak dan tidak mempunyai komitmen sosial. Soalnya siapakah yang silap, dan adakah kita mengam- bil apa-apa tindakan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan ini?

Tidak syak lagi, pemimpin-pemimpin kita, termasuk cerdik-pandai, yang silap. Mereka silap kerana terpesona dengan teori-teori pemodenan Barat, terlalu ghairah dengan kebendaan, dengan apa yang akan jadi besok, dengan kerusi yang mereka duduki, dengan pilihanraya. Mereka tidak memikirkan masa depan bangsa dari segi pembangunan moral dan mental, dari segi jangka panjang secara strategik, mereka terlalu taksub dengan pandangan puak mereka, terlalu terpengaruh dengan politik 'demokrasi' kepartian Barat yang memecah-belahkan, mereka tidak sanggup berfikir dari segi falsafah, dan tidak sanggup berunding dengan rakyat. Semua yang negatif ini perlu kita tinggalkan dan semua yang positif perlu kita lakukan — dengan segera, sebelum terlalu lambat.

Golongan cerdik-pandai kita turut terpengaruh dengan ideologi-ideologi dunia yang dominan dalam masa 30 tahun yang lalu — liberalisme, sosialisme dan konservatisme keagamaan dan juga pelbagai bentuk nihilisme. Ciri umum semua ideologi ialah sifat kepuakannya: masing-masing bangga dan taksub dengan miliknya dan enggan mengiktiraf kebenaran pihak lain. Dalam politik dan sosial ini membawa kepada perpecahan. Sekarang perpecahan itu sudah nyata kepada semua, dan malah boleh membawa kepada keruntuhan bangsa.

Dalam keadaan kecelaruan besar ini cerdik-pandai kita yang mengambil berat mempunyai tanggungjawab besar untuk membantu masyarakat menyelesaikan kemelut ini. Tetapi sebelum mereka dapat berbuat demikian, pertama sekali mereka mestilah membebaskan diri mereka dari ideologi kepuakan dan menganut faham kesatuan. Mereka mesti sanggup duduk semeja dan berunding dengan semua yang serius untuk menganalisa keadaan kemelut sekarang, mencari punca-puncunya dan memeta jalan ke hadapan yang betul bagi bangsa kita, sesuai dengan sejarah dan sosiobudaya kita.

Tidak syak lagi, kita telah membuat kesilapan-kesilapan yang besar dan banyak. Jika tidak, masakan kita berada dalam kemelut ini? Pemimpin dan cerdik-pandai kita mesti berani berhadapan dengan kenyataan dan mengaku apa-apa kesilapan yang telah kita buat, supaya kita dapat membetulkannya. Segala tenaga dan kepakaran yang ada kepada bangsa kita mesti kita pergunakan untuk mencapai matlamat besar bangsa. Kita mesti menegur pemimpin-pemimpin kita yang lebih cenderung membuang daripada mengambil dan mengumpul kerana takut kepada saingan. Kisah pembunuhan budak cerdik yang menyelamatkan Singapura dari pelanggaran todak oleh pembesar-pembesar yang cemburu dalam cerita lama jangan kita lupakan untuk dijadikan sempadan.

Peringatan dan perintah Tuhan yang kuat dalam Quran supaya kita semua, khususnya golongan cendekiawan, "menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan" adalah satu petunjuk yang paling baik kepada cendekiawan kita untuk membetulkan keadaan ini. Jika kita semua, secara individu dan kolektif, berbuat demikian, tentulah kejahatan akan berkurang dan kebaikan akan bertambah dalam masyarakat kita. Di masa yang lalu perintah ini lebih kerap diabaikan daripada dilaksanakan. Malah ramai yang tidak sedar bahawa perintah seperti itu wujud dalam Quran. Budaya kita ialah menyokong puak kita, tak kira mereka betul atau salah, dan menentang puak lain, tak kira mereka betul atau salah. Budaya ini perlu segera kita singkirkan dan budaya "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan" diperkenalkan dan diamalkan. Fikiran lemah bahawa kita seorang tidak boleh berbuat apa-apa patut dibuang, kerana tiap perkara yang baik mesti bermula dari satu permulaan, daripada seorang. Daripada dari seoranglah akan menjadi perbuatan ramai. Ikhtiar ramai tidak boleh datang tanpa ikhtiar seorang.

21. PERANAN CENDEKIAWAN DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT KITA

DALAM masyarakat manusia, termasuk masyarakat kita, terdapat dua golongan ideologi yang besar, mengikut keterangan al-Quran, iaitu golongan yang menerima dan tunduk kepada kebenaran Ilahi dan golongan yang mengingkarinya. Golongan pertama mukmin dan muslim dan golongan kedua kafir dan musyrik. (Lihat Quran, 64:2) Di antara dua golongan ini wujud satu lagi golongan yang berpura-pura beriman tetapi sebenarnya tidak. Mereka munafik. (Lihat Quran, 2:8-19)

Cendekiawan, atau golongan cerdik pandai, wujud dalam semua masyarakat dan merupakan satu kumpulan sosial yang mendapat pendidikan lebih tinggi dari masyarakat umum dan memainkan peranan pimpinan dalam masyarakat. Sebagai satu kumpulan sosial, mereka juga terbahagi kepada tiga golongan ideologi yang telah kita sebutkan di atas. Namun demikian, kita lebih mengenali golongan-golongan ideologi liberal-nasionalis, sosialis dan 'fundamentalis' agama dalam masyarakat kita sekarang.

Oleh kerana masyarakat memerlukan kaum cendekiawan untuk memegang tugas pimpinan dalam pelbagai bidang, mereka merupakan satu golongan yang penting dan diberi taraf yang tinggi. Kita melihat contoh-contoh masyarakat Yunani tua dengan deretan ahli-ahli falsafah mereka yang terkenal, masyarakat Islam awal dengan tokoh-tokoh ilmunan, sains dan pentadbir yang agung, dan masyarakat moden Eropah dalam abad-abad ketujuh belas hingga ke lapan belas dengan baris-baris ahli falsafah, ahli sains dan sasterawannya yang telah banyak mewarnai dunia moden.

Di negara kita sendiri kita juga mempunyai kumpulan-kumpulan cendekiawan yang telah memainkan peranan membangunkan kehidupan kita di tiap-tiap zaman. Dalam zaman kerajaan-kerajaan Melayu pra-penjajah, kita mempunyai tokoh-tokoh cerdik pandai dan penulis seperti Tun Seri Lanang, Nuruddin al-Raniri, Shamsuddin al-Sumatrani, Hamzah Fansuri dan lain-lain di samping ahli-ahli tadbir yang baik yang telah memberi sumbangan kepada pem-

bangunan tamadun kita. Dalam zaman penjajahan, nama-nama seperti Abdullah Munshi dan Raja Ali Haji muncul dalam ingatan. Dan dalam zaman-zaman anti-penjajahan dan zaman kemerdekaan banyaklah nama cerdik pandai kita yang telah memberi sumbangan-sumbangan besar kepada tamadun bangsa yang boleh kita senaraikan, termasuk Sayyid Sheikh al-Hadi dan Za'aba.

Ini semua membuktikan peranan penting yang dimainkan oleh cendekiawan dalam perubahan masyarakat dan pembangunan tamadun bangsa. Namun demikian, kita tidak harus lupa bahawa dalam kumpulan cendekiawan sesuatu zaman dan sesuatu bangsa terdapat darjah-darjahnya. Yang paling mulia di antara mereka, seperti di antara semua manusia, ialah yang paling baik, yang paling taat kepada Tuhan. (Lihat Quran, 49:13) Oleh sebab itu dalam Quran dinyatakan bahawa orang-orang yang benar-benar memuji Tuhan ialah orang-orang yang berilmu (lihat 35:28) dan yang bersaksi akan keesaan Allah, selain daripada Allah sendiri dan para malaikat, itu juga orang-orang yang berilmu (lihat 3:18), kerana dengan ilmu mereka mereka bukan saja dapat melihat kewujudanNya, tetapi juga kebesaranNya.

Apakah sebenarnya peranan dan tugas cendekiawan? Tidak syak lagi, memimpin masyarakat — memimpin dalam semua bidang kehidupan: spiritual, moral, intelektual, kesenian, pertadbiran, ekonomi dan sosial. Sejarah semua bangsa telah menunjukkan bahawa mereka memainkan peranan ini. Namun demikian, kita boleh bertanya soalan: memimpin masyarakat ke mana? Tidak syak lagi bagi orang-orang mukmin dan muslim, jawapannya ialah, dalam ungkapan Quran yang ringkas dan padat, "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan". (3:104), dan bukan untuk mencapai kemegahan bagi sesuatu puak atau bangsa, seperti yang dianjurkan oleh raja-raja Fir'aun di Mesir tua atau oleh Hitler, Stalin dan septertinya di zaman moden.

Kita tidak harus lupa, walaupun perubahan masyarakat berlaku dengan tenaga massa rakyat, tenaga ini digerakkan melalui pimpinan cendekiawan. Jika cendekiawan memimpin ke jalan yang salah, maka masyarakat akan rosak. Contohnya, masyarakat jahiliah Arab di awal abad ketujuh telah dipimpin oleh Nabi dan rakan-rakan seperjuangannya, seperti Abu Bakr, Omar, Uthman, Ali dan lain-lain ke jalan Allah; maka masyarakat itu berubah dan mencapai kejayaan-kejayaan yang cemerlang hingga tiba masanya cendekiawan mereka menyeleweng dan membawa rakyat mereka ke jalan

kerosakan. Oleh sebab itu, Quran memberitahu kepada kita bahawa di akhirat kelak rakyat seperti ini akan mengadu kepada Tuhan dengan berkata: "Tuhan kami, kami mematuhi pemimpin-pemimpin dan pendeta-pendeta kami, dan mereka menyesatkan kami." (33:67)

Dalam zaman merdeka ini, sejauh manakah cendekiawan kita memberi pimpinan yang baik kepada rakyat? Hari ini kita mempunyai tujuh buah universiti dan beratus-ratus buah sekolah menengah, dibandingkan dengan tiada sebuah pun universiti dan beberapa buah sekolah menengah saja, termasuk sebuah maktab latihan guruguru di Tanjong Malim, dalam zaman anti-penjajahan dari dekad-dekad tiga puluhan hingga lima puluhan. Tetapi, bolehkah kita mengatakan bahawa peranan cendekiawan kita di zaman merdeka ini jauh lebih besar, baik dan berkesan dari di zaman-zaman penjajahan dan anti-penjajahan?

Dalam zaman-zaman ini kita telah melahirkan Abdullah Munshi, Syed Sheikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Za'aba, Ibrahim Yaakob, Harun Aminurrashid, Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ahmad, Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Tun Abdul Razak dan banyak lagi nama yang boleh kita sebutkan yang telah memberi sumbangan kepada tamadun bangsa. Dari segi karya, mereka telah menghasilkan banyak buku ilmu pengetahuan dan sastera, termasuk menterjemahkan banyak buku untuk bacaan sekolah dan umum.

Pada Hari Kemerdekaan bangsa kita tidak mempunyai seorang pun pemegang ijazah Ph.D. Pada hari ini, setelah tiga puluh tahun, bilangan mereka sudah ramai, mungkin telah meningkat angka ribu. Walaupun kita berbangga kerana bilangan cerdik pandai kita telah ramai, bolehkah kita berbangga dengan sumbangan mereka kepada pembangunan bangsa? Kreativiti dan produktivi intelektual mereka sangat kecil dan terbatas, walaupun dibandingkan dengan kreativiti dan produktiviti cendekiawan kita dalam zaman anti-penjajahan. Bilangan profesor dan pensyarah kita yang menulis di universiti-universiti sangat sedikit. Mengapa? Adakah kerana sistem universiti kita tidak menggalakkan penyelidikan dan kreativiti? Adakah kerana masyarakat dan Kerajaan kita tidak mewujudkan suasana kebebasan intelektual yang sesuai dan memberi dorongan yang cukup untuk menggalakkan cerdik pandai kita membuat penyelidikan dan untuk menulis karya-karya yang kreatif? Atau adakah kerana cendekiawan kita telah kehilangan idealisme?

Soalan-soalan di atas perlu dikemukakan dan semua pihak — cendekiawan, universiti, Kerajaan dan masyarakat — mesti mencari

jawapan-jawapan yang tepat kepadanya. Kemungkinan besar semua faktor yang kita sebutkan di atas turut memainkan peranan masing-masing menyumbangkan kepada kelumpuhan kreativiti kaum cendekiawan kita sekarang. Walau bagaimanapun, bangsa kita perlu mencari jalan keluar dari kelumpuhan ini. Inilah syarat utama untuk kita berjaya. Kalau kita sendiri tidak sedar akan kelumpuhan kreativiti bangsa kita, itulah tanda kita akan mati sebagai satu bangsa.

Firman Tuhan dalam al-Quran: "Mereka yang mengelak mempersekutukan Tuhan dan tunduk sepenuhnya kepada Tuhan berhak diberi tahniah. Berilah tahniah kepada hambak-hambaKu. Mereka mendengar apa juga pendapat dan mengikut yang paling baik. Inilah mereka yang diberi bimbingan oleh Tuhan; inilah mereka yang berakal." (39:17-18) Ayat-ayat ini melarang kita mengambil sesiapa pun untuk kita sembah selain Allah dan selepas itu menyuruh kita mendengar apa juga pendapat yang dikemukakan kepada kita oleh mana-mana golongan pun untuk kita timbang dan kemudian mengambil yang paling baik dari pendapat-pendapat ini. Ini satu daripada ciri-ciri dalam kaedah saintifik yang telah diajar oleh Tuhan kepada kita. Tetapi persis di sinilah masyarakat kita gagal. Kebanyakan kita terlalu tebal dengan sikap kepuakan hingga kita sanggup menerima pendapat puak kita saja. Pendapat-pendapat golongan-golongan lain akan kita tolak tanpa timbang dan bahas, malah kerap kali sesetengah kita akan menolaknya dengan kata-kata nista pula! Ini membuktikan kita langsung tidak mengetahui kaedah dan tata-tertib berbahas. Namun demikian, orang-orang seperti inilah yang mendakwa diri mereka pandai dan berilmu! Egois-egois mestilah dikritik oleh masyarakat untuk membuka jalan bagi perkembangan ilmu dan kemajuan sosial.

Setengah cendekiawan kita harus berani meneroka jalan baru untuk mengeluarkan bangsa kita dari kelumpuhan kreativiti yang ketara sekarang. Mereka tidak harus takut kepada otoriti-otoriti lama seperti Adam Smith, Marx ataupun Shafi'i. Mereka ini semuanya manusia seperti kita juga dan kalau kita tunduk kepada mereka, ini bermakna kita sudah menghina diri kita sendiri — satu penyakit parah. Ayat yang kita petik di atas mengajar kita supaya tunduk kepada Tuhan saja dan tidak kepada selain dari Tuhan. Sebabnya kerana jika kita tunduk kepada selain daripada Tuhan, bermakna kita menghapuskan diri kita sendiri, dan, dengan demikian, kehidupan kita tidak ada makna lagi.

Kita harus mengetahui bahawa sumber segala kreativiti itu

Tuhan. Oleh yang demikian, kita hanya boleh menghidupkan semula kreativiti kita, dan menghidupkannya dengan penuh mekar, dengan meminimum pada telaga kreativiti Tuhan, iaitu Quran. Dengan Quran kita harus menilai segala warisan yang telah kita terima dari Barat dan Timur dan dengan Quran kita harus membangunkan tamadun nasional kita yang baru. Bila kita sanggup berbuat demikian, kita akan berjaya.

Kerja di depan untuk cendekiawan kita banyak. Tetapi ia boleh dirumuskan ke dalam dua ungkapan: mewarisi dan menilai semula tamadun-tamadun moden dan tradisional, dan membina asas tamadun baru untuk kita dan dunia. Satu tugas yang terlalu besar untuk kita? Sudahkah kita lupa bahawa Eropah dan Amerika Syarikat tidak lama dulu ialah hutan-rimba, gua, bukit-bukau dan gunung ganang? Sudahkah kita lupa bahawa Semenanjung Arab sebelum Muhammad ialah sekeping bumi yang tidak bertamadun? Berpandukan Quran, kitab Tuhan yang akhir kepada manusia, tiada cita-cita yang terlalu tinggi, dan tiada cita-cita tinggi yang tidak boleh dicapai.

22. DEMOKRASI BERPARLIMEN PERLU DITINJAU SEMULA

DEMOKRASI berparlimen salah satu fahaman dan amalan politik baru yang kita terima dari Barat dalam masa tiga puluh tahun yang lalu. Ia termasuk idea-idea baru kebebasan bersuara, kebebasan menubuhkan persatuan, kebebasan akhbar, kebebasan dari tangkapan sewenang-wenang dan kebebasan memilih kerajaan.

Institusi demokrasi berparlimen, seperti yang kita tahu, tumbuh melalui satu proses sejarah dalam beberapa buah negara Barat, khususnya Inggeris, Perancis dan Amerika Syarikat. Ia merujuk kepada dokumen dan peristiwa bersejarah seperti Magna Carta, Peristiharan Kemerdekaan Amerika, Perisytiharan Hak Manusia dan Waragane-gara Perancis, Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis dan ajaran-ajaran beberapa orang ahli fikir Zaman Kesedaran Eropah. Walaupun setengah idea demokrasi bersifat sejagat, setengahnya tidak, tetapi terikat rapat dengan susunan masyarakat dan sejarah Eropah.

Oleh kerana perbezaan-perbezaan ini maka eksperimen pemerintahan demokrasi Barat di banyak negara Asia Afrika dalam zaman kemerdekaan telah gagal. Negara kita salah sebuah negara yang hingga kini boleh dikatakan telah lulus ujian ini. Namun demikian, kita telah melalui beberapa waktu bila eksperimen ini hampir-hampir gagal. Dan ada kalangan di antara kita yang telah pun mengisytiharkan kematian demokrasi di negara kita. Sudah sampai masanya kita mengkaji semula institusi ini.

Idea-idea kebebasan dan pemerintahan melalui persetujuan bersifat universal, kerana mereka wujud dalam diri manusia sendiri. Manusia ingin bebas daripada kongkongan, tekanan dan penindasan. Malah hanya melalui kebebasan potensinya untuk berkembang sebagai individu dan kolektif dapat dicapai. Namun demikian, kebebasan ini bukan kebebasan mutlak tetapi relatif, kerana kebebasan seseorang berakhir pada titik bermulanya kebebasan seorang lain. Oleh yang demikian, kebebasan ini mestilah ditentukan oleh undang-undang. Maka itu membuat fitnah dan menghasut itu salah.

Tujuan kita membentuk sebuah masyarakat dan negara Malaysia

ialah untuk mempraktikkan kebebasan, anugerah Ilahi yang tidak ternilai ini, dalam kehidupan individu dan kolektif kita. Kebebasan ini, walaupun amat penting sebagai keadaan hidup kita yang *perlu*, bukanlah matlamat. Matlamat kita yang sebenar itu keselamatan di dunia dan akhirat. Di sini konsep kita berbeza dengan konsep materialis tamadun Barat, yang mengajukan matlamat kemajuan. Terutamanya dari segi matlamatlah maka kita harus tinjau balik amalan demokrasi berparlimen.

Konflik, pertentangan dan perpecahan merupakan ciri-ciri yang nyata dalam sistem ini. Pertama sekali, kita menerima tanpa soal andaian bahawa untuk mengamalkan sebuah sistem pemerintahan demokratik kita perlu mempunyai dua buah parti politik atau lebih. Andaian ini diasaskan kepada teori konflik dalam masyarakat yang memerlukan masyarakat mewujudkan satu sistem pertentangan dan perimbangan (*check and balances*) untuk memelihara kewujudannya. Bahawa teori ini tidak benar telah dibuktikan dengan kehancuran banyak buah masyarakat yang telah cuba mengamalkan teori ini tanpa beberapa penyesuaian dengan keadaan-keadaan tempatan.

Kelemahan teori ini terletak pada sifatnya yang berat sebelah. Walaupun konflik dan pertentangan wujud dalam masyarakat, wujud juga kesatuan, perpaduan dan kerjasama. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam sebuah keluarga. Jika tidak wujud ikatan kasih sayang antara suami dan isteri, keluarga tidak boleh wujud. Dari dorongan pokok kasih sayang ini, timbullah perpaduan dan kerjasama yang perlu untuk kebaikan keluarga. Ini tidak bermakna tidak ada konflik dan pertentangan di antara suami dan isteri dan di antara anggota-anggota keluarga. Konflik dan pertentangan ini juga perlu untuk kebaikan keluarga itu, kerana dari konflik dan pertentangan inilah, dengan syarat mereka dikendalikan dengan betul, maka kasih sayang, perpaduan dan kerjasama yang asal tadi akan menjadi lebih kuat.

Negara kita, seperti negara-negara Asia-Afrika lain yang baru merdeka, amat memerlukan perpaduan dan kerjasama yang erat di kalangan rakyatnya untuk membangunkan bangsa dan masyarakat. Jika bangsa dan mesyarakat berpecah-belah kerana amalan teori konflik dan pertentangan ini, bangsa dan masyarakat kita rugi. Ambil contoh perpecahan UMNO. Bukankah perpecahan ini disebabkan oleh amalan teori demokrasi yang keterlaluan? Kononnya kerana mengamalkan demokrasi maka puak Razaleigh-Musa timbul untuk mencabar dan menggulingkan pimpinan parti. Tidakkah

mereka tahu bahawa menentang dasar dan program yang mereka sendiri buat semata-mata kerana hendak menang adalah oportunisme paling besar? Bolehkah sesiapa menilai kerugian perpecahan ini dari segi mata benda? Kita sudah dapat melihat setakat ini bahawa kerugiannya amat besar. Yang akan datang, kita belum tahu.

Jika kita terus mengkaji perpecahan kita — perpecahan dalam masyarakat Melayu dan masyarakat-masyarakat sukubangsa lain — kita akan terperanjat dan gerun dengan kerugian yang telah menimpa kita. Sekarang eloklah pemimpin dan cerdik pandai kita menghadapi masalah ini dengan serius. Jadikan ia masalah pertama yang harus kita selesaikan dalam masa setahun dua ini.

Bila kita menganjurkan supaya kita kaji semula sistem demokrasi berparlimen Barat, tidak bermakna sama sekali kita mahukan sistem pemerintahan **authoritarian** atau diktator. Kita tetap harus mempertahankan sistem pemerintahan yang menjamin, pertama, kebebasan sebagai syarat hidup individu dan kolektif dan, kedua, pemerintahan melalui persetujuan. Nyatalah untuk mencapai matlamat-matlamat ini kita tidak **semestinya** mempunyai sistem banyak parti politik. Apa yang perlu itu **kesatuan matlamat** bagi seluruh bangsa dan rakyat kita. Untuk mencapai matlamat ini rakyat kita mestilah mengadakan satu perundingan dan muafakat besar untuk merangka satu garis umum yang meliputi perkara-perkara besar yang boleh dipersetujui oleh seluruh bangsa kita. Inilah sebabnya saya telah mencadangkan supaya sebuah Kongres Pertubuhan-pertubuhan Melayu yang Kedua dipanggil setelah UMNO diharamkan.

Perkara-perkara besar ini termasuklah merangka sebuah kerangka falsafah nasional yang boleh membimbing bangsa kita mencapai perpaduan dan kemajuan. Saya cadangkan supaya prinsip-prinsip berikut dijadikan asas kepada falsafah nasional ini: Kepercayaan kepada Tuhan yang Esa, Kedaulatan Rakyat di bawah Kedaulatan Illahi, Patriotisme dalam kerangka Internasionalisme, Pemerintahan berdasarkan Undang-undang yang Adil, Pemerintahan berasaskan Musyawarah, Keadilan Sosial, Pembangunan Moral, Mental dan Fizikal dan Kaedah Saintifik untuk membangunkan Tamadun Nasional.

Sebagai permulaan, kita boleh mengecilkan bilangan parti-parti politik kita dengan meminta parti-parti politik yang mempunyai ideologi yang sama atau lebih kurang sama bersatu. Oleh kerana dalam masyarakat kita sekarang wujud tiga aliran ideologi yang besar, nasionalisme, keagamaan dan sosialisme, maka pemersatuan

atau penggabungan ini boleh dibuat di atas asas ini. Tahap yang kedua, atau serentak dengan itu, kita harus mewujudkan suatu kerangka musyawarah atau perundingan nasional di mana semua parti di dalam dan di luar Kerajaan boleh berunding dan bekerjasama. Ini bukan saja akan mengaburkan konsep Barat Kerajaan-Pembangkang yang palsu itu, tetapi juga mengurangkan konfrontasi dan pertentangan yang merugikan dalam masyarakat. Tenaga masyarakat yang sekarang berpecah-belah akan dapat disatukan dan pembangunan yang lebih pesat dapat dilakukan.

Langkah pertama boleh dilakukan dengan segera. Tahap kedua akan mengambil sedikit masa, antara lima dengan sepuluh tahun. Selepas ini secara logik, kita akan memasuki tahap ketiga di mana seluruh masyarakat kita akan menjadi sebuah parti politik yang besar, dan masyarakat akan memilih orang-orang yang paling layak di antara mereka untuk menjadi wakil dan pemimpin mereka.

Kita harus menyingkirkan salah faham di kalangan mereka yang telah menjadi taksud dengan teori Barat bahawa demokrasi memerlukan banyak parti dan memerlukan Pembangkang. Apa yang harus kita elak itu pemerintahan yang zalim yang mengikut hawa nafsu pemimpin. Di samping undang-undang yang adil untuk melindungi rakyat dan menghukum kesalahan, sebuah pemerintahan yang adil hanya dapat diwujudkan dengan adanya kesedaran moral dan perjuangan menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan di kalangan anggota-anggota parti dan rakyat. Ia tidak memerlukan Pembangkang atau banyak parti. Kritikan terhadap penyelewengan boleh dan harus dilakukan terhadap pemimpin dan anggota biasa setiap waktu dalam semua parti terhadap semua parti. Inilah cara berpolitik berprinsip yang harus kita amalakan. Inilah cara yang akan menjamin kebebasan dan pemerintahan yang adil bagi rakyat kita.

23. KRITIKAN - FUNGSI DAN BATASANNYA

Kamu (orang mukmin) umat yang terbaik yang telah diwujudkan di dunia: kamu menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, dan beriman kepada Allah.

(Quran, 3:110)

Dan berundinglah dengan mereka. Setelah kamu membuat keputusan, laksanakanlah keputusan itu serta bertawakkallah kepada Allah.

(Quran, 3:159)

BEBERAPA idea yang terkandung di dalam ayat-ayat suci yang kita petik di atas bolehlah dipindahkan ke dalam bahasa politik moden sebagai *democratic centralism*, yakni demokrasi atau muafakat yang digabungkan dengan disiplin atau kesatuan tindakan. Walaupun konsep demokrasi berpusat ini, dalam sistem politik moden, berasal dari ajaran Lenin, ia tidak dinafikan cocok dengan keadilan semula jadi. Itulah sebabnya Nabi Muhammad telah mengajar kepada kita sistem ini. Pemimpin ulung Indonesia, Allahyarham Sukarno, cuba hendak memulihkannya kembali di Indonesia dengan konsepnya Demokrasi Terpimpin.

Konsep demokrasi mempunyai beberapa aspek, seperti kebebasan beragama dan berfikir, kebebasan bersuara dan kebebasan untuk menentukan corak masyarakat dan pemerintahan. Termasuk di dalam kebebasan yang akhir ini ialah kebebasan untuk mengkritik penyelewengan dalam masyarakat. Seperti kebanyakan kebebasan lain, kebebasan ini bukan kebebasan mutlak, tetapi ada batasan-batasannya yang harus difahami dan dipatuhi.

Tidak harus dilupakan bahawa sistem demokrasi berparlimen yang kita amalakan sekarang sistem yang kita pinjam dari Inggeris. Ini tidak bermakna bahawa sistem ini seluruhnya bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Malah sistem ini mengandungi banyak aspek yang sesuai dengan ajaran-ajaran itu. Kebebasan beragama dan fikiran — satu kebebasan mutlak — merupakan satu ajaran Islam

yang amat jelas. Kebebasan bersuara dan kebebasan untuk menentukan corak masyarakat dan pemerintahan yang diberikan di dalam sistem ini juga tuntutan-tuntutan Islam. Ini merupakan beberapa kebaikan besar dalam sistem ini yang sesuai dengan ajaran-ajaran Islam dan yang harus kita warisi, pertahankan dan perbaiki.

Jika kita lihat keadaan yang wujud di kebanyakan negara Islam selepas Perang Dunia II, sistem diktatorlah yang diamalakan, bukan sistem demokrasi, walaupun sistem diktator ditegah oleh Islam dan sistem demokrasi liberal lebih sesuai dengan tuntutan agama kita. Namun demikian, pemimpin-pemimpin kita tidak harus membutakan mata kita kepada beberapa kelemahan besar dalam sistem ini. Satu daripada kelemahan besar itu ialah pembahagian masyarakat kepada Kerajaan dan Pembangkang.

Hal ini membawa kita kepada tajuk rencana kita kali ini. Kebanyakan orang menganggap bahawa pembangkang perlu untuk sesebuah pemerintahan demokratik, untuk menjadi pengawas Kerajaan bagi pihak rakyat — pendek kata, untuk mengkritik penyelewengan. Anggapan ini dengan sendirinya membawa makna bahawa kritikan ini tidak boleh dilakukan dari dalam kerajaan dan parti pemerintah sendiri. Oleh yang demikian, terjadilah perpecahan dalam masyarakat, kerana dianggap bahawa tugas anggota-anggota Kerajaan dan anggota-anggota parti Kerajaan ialah menyokong Kerajaan **tanpa syarat**, dan tugas anggota-anggota Pembangkang mengkritik Kerajaan **tanpa syarat**. Sebenarnya, keadaan yang melampau ini jaranglah berlaku, seperti di Eropah dan Amerika Syarikat di mana konsep "Pembangkang Yang Taat" telah berkembang dan menjadi norma, tetapi di banyak negara yang membangun, demokrasi Barat telah membawa kepada perpecahan dan kehancuran. Ini berpunca dari kelemahan yang wujud dalam sistem itu sendiri yang telah kita sebutkan.

Tidak syak lagi, kritikan merupakan satu amalan yang amat perlu bagi pembangunan masyarakat dan tamadun. Tanpa kritikan, penyelewengan, kesilapan dan kelemahan dalam masyarakat, parti dan Kerajaan tidak dapat diketahui dan dihapuskan. Kita telah menyaksikan, selepas Perang Dunia II, banyak pendedahan dan kritikan dibuat baik di Barat dan di Timur, seperti peristiwa Profumo di Inggeris, peristiwa-peristiwa *Bay of Pig*, *Pantagon Papers* dan skandal *Watergate* di A.S., pendedahan keganasan Stalin oleh Krushev di Rusia, debat ideologi antara Rusia dan Tiongkok dan pendedahan keganasan Revolusi Kebudayaan di Tiongkok. Di negara kita sendiri, pendedahan skandal BMF dan lain-lain.

Ramai rakyat kita masih keliru tentang fungsi kritikan. Fungsi kritikan itu untuk menghapuskan penyelewengan dan kelemahan dalam masyarakat dan untuk membangunkan masyarakat. Dalam ayat suci pertama yang kita petik di atas, dapat kita lihat bahawa kritikan hanya merupakan sebagian daripada tugas individu dan masyarakat. Tugas ini sepenuhnya dirumuskan sebagai "menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan". Kedua-dua aspek tugas ini mempunyai hubungan yang amat rapat. Bolehkah kita membangunkan sebuah masyarakat yang baik kalau kita sendiri tidak melakukan kebaikan dan memberi sokongan kepada kebaikan, dan menghindari diri kita dari kejahatan dan mengkritik kejahatan? Jadi, kritikan dan sokongan dua timbangan dari satu neraca kebenaran dan keadilan. Jika tidak ada kritikan terhadap kebatilan dan kezaliman dan sokongan terhadap kebenaran dan keadilan, bagaimanakah kebatilan dan kezaliman boleh hapus dan kebenaran dan keadilan boleh muncul? Tugas ini harus dilakukan oleh seluruh masyarakat.

Tentu semua rakyat kita faham bahawa yang harus dikritik itu penyelewengan dan kesilapan. Tetapi kerap kali juga terjadi kritikan yang melulu, yang dibuat bukan atas dasar keadilan dan kebenaran, tetapi atas dasar kepuakan. Selogan mereka ialah "Puak aku, benar atau salah". Inilah yang kerap berlaku dalam kehidupan politik kita selama tiga puluh tahun kita merdeka. Puak Kerajaan akan menyokong Kerajaan dan mengkritik Pembangkang, dan puak Pembangkang akan menyokong Pembangkang dan mengkritik Kerajaan. Tidak syak lagi, sikap kepuakan ini telah melemahkan masyarakat kita, dan kalau terus berlanjutan, akan menghancurkan negara dan bangsa.

Kita haruslah sedar bahawa yang harus dikritik kejahatan, baik yang dilakukan oleh Kerajaan, Pembangkang atau masyarakat, dan kita harus pula menyokong kebaikan, baik yang dilakukan oleh Kerajaan atau Pembangkang atau mana-mana juga golongan atau individu. Hanya dengan berbuat demikian, barulah boleh kita membangunkan bangsa kita menjadi satu bangsa yang berjaya dan maju.

Kritikan pula, haruslah kita sedari, mempunyai batasan-batasannya. Kita tidak boleh terus mengkritik perkara-perkara yang telah kita persetujuan setelah kita melalui satu proses perundingan dan muafakat mengikut saluran-saluran yang sah. Mungkin sesuatu keputusan musyawarah itu akan didapati salah kemudian setelah kita melaksanakan keputusan itu. Ini tidak akan diketahui oleh sesiapa pada waktu keputusan itu diambil. Tetapi setelah keputusan itu

diambil dengan sah, semua bertanggungjawab untuk menerima dan mematuhi keputusan itu. Jika tidak, kita akan menjadi satu bangsa yang tidak berdisiplin dan lemah, dan kita tidak boleh maju. Oleh sebab itu ayat suci kedua yang saya petik di atas memerintah kita supaya memegang teguh kepada sesuatu keputusan yang telah kita ambil serta bertawakkal kepada Tuhan.

Bahawa kadang-kadang kita perlu berpegang kepada keputusan-keputusan yang kemudiannya mungkin didapati salah itu satu risiko yang tidak dapat kita elak. Ini harga yang mesti kita bayar sebagai manusia, kerana tidak ada manusia, parti atau Kerajaan yang tidak membuat kesilapan. Yang lebih penting diperhatikan itu wujudnya kaedah yang berkesan untuk membetulkan kesilapan dan kelemahan. Kaedah itu ialah kebebasan untuk menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan. Apabila ketara, setelah berlalu satu jangka waktu, bahawa sesuatu keputusan yang telah kita ambil itu salah, tanggungjawab kitalah meminda keputusan itu. Tetapi ini hanya boleh dilakukan apabila kesilapan itu telah menjadi ketara kepada kita, dan tidak sebelumnya.

Kritikan juga harus dibezakan dari hasutan dan fitnah. Perbezaan ini, malangnya, tidak selalu diperhatikan dalam masyarakat kita. Kritikan harus dilakukan berdasarkan kebenaran dan keadilan, dan bukan prasangka dan kebencian. Bila kritikan dibuat berdasarkan prasangka dan kebencian, dan bukan kebenaran dan keadilan, maka ia menjadi fitnah dan hasutan. Fitnah dan hasutan boleh membawa kepada kehancuran masyarakat dan negara. Oleh sebab itu Tuhan memperingatkan kita dalam Quran supaya kita meneliti dan memastikan kesahihan sesuatu berita yang disampaikan kepada kita sebelum kita mempercayainya dan bertindak berdasarkan berita itu. (Lihat Quran, 49:6, 4:83 & 17:36)

Dalam teori politik liberalisme, kritikan boleh dan telah merosot menjadi kritikan yang melulu. Oleh sebab itu demokrasi Barat dalam masa 300 tahun yang lalu telah merosot menjadi anarki, fasisme dan komunisme. Sistem Barat yang kita warisi ini perlulah kita pinda berdasarkan ajaran-ajaran Quran, supaya kebaikan-kebaikannya dapat kita kekalkan dan keburukan-keburukan dapat kita buang.

24. MUSYAWARAH

Suatu kerabiman Ilahi bahawa engkau melayani mereka dengan lemah-lembut. Sekiranya engkau kasar dan keras bati, mereka pasti akan meninggalkan kau. Oleh yang demikian, bendaklah engkau maafkan mereka, dan berundinglah dengan mereka. Setelah engkau membuat keputusan, laksanakanlah, dan bertawakkallah kepada Allah. Allah suka kepada mereka yang bertawakkal kepadanya. (Quran, 3:159)

MUSYAWARAH suatu perkataan keramat sebenarnya, tetapi, nampaknya, di kalangan kita hari ini konsep musyawarah sudah tidak bermakna lagi. Kebolehan untuk bermusyawarah sudah tergelincir dari kepakaran kita. Bila dua orang atau lebih duduk berbincang, kemungkinan besar mereka akan bertengkar dan tidak boleh mencapai kata sepakat. Mengapakah ini berlaku?

Mari kita memeriksa dengan lebih dekat tahap-tahap dalam sesuatu proses perundingan:-

- a) Keinginan dan kebolehan untuk berunding;
- b) Bersetuju sepenuhnya setelah berunding;
- c) Bersetuju separuh dan tidak bersetuju separuh dengan meneruskan perundingan pada masa lain hingga mencapai persetujuan;
- d) Tidak bersetuju, dan bersetuju untuk tidak bersetuju, dengan meneruskan perundingan pada masa lain hingga mencapai persetujuan; dan akhirnya
- e) Tidak bersetuju, dan berkonfrontasi, dan tidak ada keinginan untuk berunding.

(Agaknya, jika kita meneruskan proses ini ke tahap (f), kita pun sudah tidak ada untuk menulis rencana ini!)

Bila kita memerhatikan kelakuan parti-parti politik dan institusi-institusi sosial lain, termasuk universiti, dalam masyarakat kita sekarang, kita lebih banyak berada pada tahap-tahap (c), (d) dan (e).

Dengan sendirinya, ini menunjukkan kelakuan buruk oleh kita sendiri. Kalau kanak-kanak sekolah yang berkelakuan demikian, tentu kena rotan atau denda!

Walau bagaimanapun, setengah orang apologis ingin mempercantikkan keburukan dengan mengatakan bahwa keadaan ini sementara saja dan akan berbalik menjadi baik semula. Saya juga seorang optimis, tetapi saya tidak sanggup menjadi seoptimis mereka tentang keadaan kita sekarang. Lebih menasabah dan menguntungkan jika kita mengambil sikap berhati-hati dan berjaga-jaga. Kita pejabat, ingat sebelum kena; berjimat sebelum habis. Apakah salahnya kita sama-sama menitikkan langkah-langkah konkrit yang perlu kita ambil untuk memulihkan kebebasan kita yang sudah hilang untuk berzhabat semula di antara kita, dan meringkiskan keghairahan kita untuk berkehidup?

Ini tidak bermakna kita sekarang dalam keadaan peperangan. Ingat, itu tahap: O! fana, mau, mati! Tentu tidak sapa di antara kita yang mau ke sana. Amerika dan Rusia sendiri sudah nampak kebobrohan itu dan sedang menyusun strategi perdamaian. Demikian dalam masyarakat kita sekarang pun wujud perundingan atau semacam perundingan. Tanpa perundingan dan muslihat kita sebenarnya tidak boleh membuat apa-apa. Ambil saja perbincangan, jika anda bergaduh dengan seseorang di rumah, tentu anda tidak dapat makan di rumah pada hari itu atau untuk dua tiga hari sehingga anda kedua berdamai semula. Itu tidak lah suatu tempat yang telah dipeludakan orang untuk anda tidur, sama ada di rumah atau di mana-mana tempat lain, anda pun tidak boleh tidur. Itu semua membuatkan perlunya wujud muslihat minimum dalam suatu masyarakat.

Namun demikian, muslihat ada berbagai-bagai. Ada muslihat palsu atau yang dipaparkan, dan ada muslihat riisik atau yang dipelihara. Kita boleh menjadi muslihat riisik. Tetapi kebonyokan muslihat yang wujud dalam masyarakat kita sekarang ialah muslihat palsu. Ini kerana muslihat itu dipaparkan dalam perundingan dan perundingan adalah perundingan palsu. Sebagai contoh, kita telah muslihat palsu dipelihara oleh orang-orang yang berundingan berundingan dan muslihat palsu dipelihara oleh orang-orang yang berundingan berundingan. Inilah yang akan membawa kita kepada keadaan yang kita sekarang.

Maka kita ambil, jika sudah ada muslihat yang riisik, maka kita akan berundingan dan berundingan. Kita akan berundingan dan berundingan. Kita akan berundingan dan berundingan. Kita akan berundingan dan berundingan.

mencari muafakat berdasarkan keadilan dan kebenaran (yang tidak berpuak), tetapi untuk membenarkan prasangka mereka saja, atau pandangan kepuakan mereka. Ini nyata terbukti dari penulis kertas kerja yang dijemput dan peserta yang diundang dari sesuatu puak semata-mata. Inilah kelemahan kaedah perundingan kita yang terbesar. Dari kaedah ini mustahil kita capai muafakat yang sebenar yang boleh menyelesaikan masalah kita.

Kelemahan-kelemahan lain juga terdapat. Boleh dikatakan selalu seminar-seminar ini tidak disediakan dengan baik dan teliti. Masa persediaan tidak cukup; kertas kerja tidak diedarkan kepada peserta terlebih dulu supaya dapat mereka kaji; kertas kerja tidak baik kerana ditulis tergesa-gesa; masa perbincangan tidak cukup kerana kertas kerja terlalu banyak; dan rumusan perbincangan tidak dibuat atau dibuat tanpa perbahasan yang cukup. Ini semua boleh dikatakan kelaziman bagi seminar-seminar yang telah kita adakan dalam masa sepuluh tahun yang lalu. Tidak hairanlah banyak projek yang telah kita laksanakan berdasarkan perundingan tempang seperti ini telah gagal!

Demikian juga kerap kali berlaku dengan majalah, akhbar, radio dan t.v. Kita hanya memuatkan pendapat yang dipersetujui oleh tuan punya media. Seperti telah saya terangkan, kaedah ini tidak membolehkan kebenaran dan keadilan muncul, dan masyarakat akan menderita dan rugi kerana menekan kebenaran dan keadilan.

Kita tidak harus cepat mengecam orang yang mengkritik kita, walaupun sebagai manusia egois kita tidak suka dikritik. Kita perlu belajar untuk menerima kritikan dan menimbanginya itu secara objektif. Kritikan itu sendiri sebenarnya sebagian daripada proses perundingan. Pandangan atau saranan yang dikemukakan dalam sesuatu mesyuarat memerlukan kritikan untuk menguji kesahihannya. Jika saranan itu tidak dikritik, bagaimana kita hendak mengetahui kekuatannya. Bila kedua-dua saranan dan kritikan terhadapnya dibincang dan dibahas dengan mendalam, barulah mesyuarat itu dapat mencapai suatu muafakat yang berdasarkan fakta, logika, kewajaran dan kebenaran.

Bolehkah kita mengatasi ketempangan musyawarah kita serta kembali kepada musyawarah yang sebenar supaya kita perlahan-lahan dapat menampung koyak-rabak dalam masyarakat kita dan mencapai kembali perpaduan yang telah hilang?

Soalan ini membahagikan kita kepada dua golongan besar: golongan optimis dan golongan pesimis. Tentulah golongan pesimis

salah kerana bertentangan dengan hukum alam yang menyatakan bahawa tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Tetapi penyelesaian ini bergantung kepada aktiviti mereka juga. Aktiviti mereka yang negatif tidak akan menolong. Sebaliknya, golongan optimis juga mungkin salah, kerana optimismenya mungkin berdasarkan pemahaman yang dangkal. Optimisme yang dangkal juga tidak boleh menyelesaikan masalah. Untuk menyelesaikan kebuntuan ini, kedua-dua kumpulan mesti mengadakan musyawarah untuk membincang dan membahas saranan masing-masing serta mencapai muafakat.

Sebenarnya, walaupun bunyinya mudah, untuk mengadakan musyawarah seperti ini lebih mudah dicadangkan daripada dilaksanakan. Sebab itu cadangan untuk mengadakan suatu Kongres Kebangsaan Melayu untuk menyelesaikan kebuntuan politik kita sekarang, walaupun sangat menasabah dan boleh mendapat sokongan rakyat, tidak diterima oleh setengah pihak. Sebabnya tidak lain ialah kerana ideologi dan struktur kepentingan kepuakan telah berakar mendalam dalam masyarakat kita sekarang. Setengah orang tidak boleh membebaskan diri mereka dari kongkongan ideologi kepuakan yang sekian lama telah mereka anut. Dan ramai pula yang percaya mereka akan kehilangan kedudukan dan keistimewaan jika politik kepuakan digantikan dengan politik kesatuan.

Tetapi kita harus bertanya kepada diri kita apakah pilihan yang kita ada. Bolehkan kita meneruskan politik kepuakan ini tanpa akhirnya menghancurkan puak kita sendiri? Jika kita berfikir jauh sedikit dari batang hidung kita, kita akan dapati bahawa politik kepuakan ini akan mengakibatkan penjajahan baru bagi bangsa kita dan banga kita akan kehilangan hak dan kedaulatan. Adakah ini yang dikehendaki oleh masing-masing puak? Tentulah tidak. Oleh itu, mengapakah kita tidak bermusyawarah untuk mencari suatu muafakat nasional yang baru yang boleh menyelesaikan kebuntuan politik kita sekarang? Seperti yang terbukti dalam ayat suci yang kita petik di atas, bermusyawarah itu suatu perintah sosiopolitik Ilahi yang penting kepada kita.

Anehnya, setengah kalangan kita yang mendakwa mempunyai niat baik untuk bangsa dan rakyat melaksanakan politik komplotan dengan alasan cara komplotan ini boleh membawa kejayaan kepada bangsa, kerana tidak menimbulkan kontroversi dan kerja boleh dijalankan tanpa gangguan. Ini sebenarnya bukan kaedah politik baru. Ia telah diamalah oleh puak musuh dan puak oporcunis zaman-

berzaman. Tetapi apa yang penting diperhatikan oleh kita semua ialah bahawa politik komplotan tidak akan membawa kepada perpaduan dan keselamatan bangsa. Adakah perjuangan kebangsaan kita untuk mencapai kemerdekaan suatu politik komplotan? Tidak. Kita mengisytiharkan kepada rakyat dan kepada seluruh dunia bahawa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan daripada penjajah. Demikian juga sekarang kita perlu mengisytiharkan kepada rakyat dan kepada dunia perjuangan kita yang hak dan adil untuk mencapai perpaduan dan kemajuan bagi bangsa kita. Semua puak, A, B, C, D, E, F hingga Z perlu berterus-terang kepada rakyat tentang perjuangan mereka dan meletakkan saranan perjuangan mereka di bawah ujian kritikan rakyat dan kritikan keadilan dan kebenaran. Inilah politik Islam yang sebenar yang ditunjukkan dalam contoh perjuangan Nabi Muhammad yang berpegang kepada perintah Tuhan dalam Quran.

Ini suatu masa ujian yang amat kritikal kepada kepimpinan Melayu. Bolehkah bangsa Melayu di Malaysia terus memberi pimpinan yang berwiba dan adil kepada bangsa, rakyat dan negara? Masa setahun, dua atau tiga dari sekarang akan menentukan. Tetapi kita harus ingat bahawa bila kita berkata masa akan menentukan, masa itu termasuklah usaha kita yang aktif untuk memperbaiki keadaan kita. Masa itu sendiri ditentukan oleh kita.

25. ETIKA KERJA DALAM ISLAM

RAMAI juga orang Islam sekarang keliru dengan masalah kerja. Mereka tidak begitu pasti samaada mereka perlu bekerja kuat atau sekadar saja, kerana, mengikut kepercayaan mereka, kehidupan di dunia tidak penting. Kebelakangan ini majalah **Arabia** telah memuat rencana-rencana oleh beberapa orang sarjana Arab menganalisa keadaan tenat umat Islam sekarang. Dr. Rashid al-Mubarak menyenaraikan lima sebab utama, termasuk penyelewengan dari ajaran Quran dan terlalu banyak bercakap dari bekerja. (Lihat **Arabia**, Oktober, 1986) Dr. Ausaf Ali menyesali sikap umat Islam suka melengah-lengahkan masa dan kerja. (**Arabia**, Mac, 1987) Oleh yang demikian, sikap negatif terhadap kerja dipersetujui menjadi satu halangan besar bagi kemajuan umat Islam sekarang. Persis kerana inilah Kerajaan kita di bawah pimpinan Dr. Mahathir menekan masalah etika kerja.

Bila kita memerhatikan bangsa-bangsa moden yang maju, khasnya dalam bidang-bidang ekonomi, sains dan teknologi, seperti Jerman, Amerika Syarikat dan Jepun, kita mendapati bahawa mereka bangsa-bangsa yang bekerja paling rajin dengan menggunakan kaedah-kaedah paling sistematik dan moden di dunia. Kita akui bahawa kemajuan dalam bidang-bidang ilmu, khususnya falsafah, lebih penting dari kemajuan ekonomi dan material. Namun demikian, dalam bidang-bidang ini pun kita ketinggalan jauh di belakang oleh bangsa-bangsa Barat. Ini berlaku kerana kemajuan apa juga tidak akan kita capai jika kita tidak mempunyai ilmu dan berusaha dengan tekun dengan menggunakan ilmu-ilmu itu untuk mencapai kemajuan. Nyatalah dalam masa beberapa abad yang lalu umat Islam telah menjadi satu umat yang kurang sekali berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka di dunia.

Kita tidak boleh lagi menyalahkan imperialisme dan kolonialisme, kerana kedua-duanya boleh dikatakan telah luput dari kebanyakan negara Islam yang telah pun merdeka. Kita juga harus sedar bahawa penjajahan Eropah mulai bertapak di dunia Islam dalam abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh setelah dunia Islam sendiri telah lama berpecah-belah dan jatuh. Kejatuhan umat

Islam bukan kerana penjajahan Eropah, tetapi kerana penyelewengan umat Islam sendiri dari ajaran-ajaran Quran yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Hujah ini disahkan oleh ajaran Quran yang menerangkan bahawa: "Tuhan tidak mengubah keadaan sesuatu bangsa kecuali mereka mengubah diri mereka." (13:11) Setelah umat Islam mencapai keagungan dengan memparaktikkan ajaran-ajaran Tuhan dalam Quran selama kira-kira empat ratus tahun, mereka mulai jatuh kerana menyeleweng dari ajaran-ajaran itu.

Di antara ajaran-ajaran Quran yang terpenting ialah menyuruh manusia menghambakan diri atau berkhidmat kepada Tuhan dan membuat kebaikan. Perhatikan ayat-ayat berikut:-

Tidak Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk berkhidmat kepadaKu semata-mata. (51:56)

Tuhan telah membeli daripada orang-orang mukmin diri dan barta-benda mereka dengan syurga. Mereka dengan sukarela berjuang di jalan Allah, sanggup membunuh dan dibunuh. Inilah janji Tuhan yang sebenar dalam Taurat, Injil dan Quran. Dan siapakah yang lebih setia kepada janjinya daripada Allah?

(9:111)

Sampaikanlah berita gembira kepada mereka yang beriman dan berbuat kebaikan bahawa bagi mereka tersedia taman-taman dengan sungai-sungai yang mengalir.

(2:25)

Kamu (orang-orang mukmin) satu kumpulan yang paling balik yang telah diwujudkan di muka bumi: kamu menyerukan kebaikan, melarang kejahatan dan beriman kepada Allah.

(3:110)

Konsep berkhidmat semata-mata kepada Tuhan dan berbuat kebaikan amatlah luas. Ia tidak terbatas kepada ibadah-ibadah keagamaan peribadi, seperti salat dan puasa, tetapi termasuk perbuatan-perbuatan yang bertujuan untuk memajukan masyarakat, bangsa dan tanahair dan juga tamadun manusia. Ini bermakna kita perlu bekerja dengan kuat dan tekun untuk membanungkan ekonomi,

politik, pendidikan, ketenteraan dan ilmu bangsa kita, sambil memohon pertolongan Tuhan. Inilah tentunya maksud ayat suci yang berbunyi: "Carilah pertolongan melalui ketekunan dan salat; ini sungguh sukar, kecuali bagi mereka yang khusyuk, yang sedar bahawa mereka akan bertemu dengan Tuhannya." (2:45-46) Ayat ini menerangkan bahawa kita tidak boleh melakukan sesuatu kerja dengan tekun kecuali kita yakin bahawa kerja itu perlu dan boleh mendatangkan kejayaan kepada kita, dan kejayaan tidak boleh dicapai kecuali dengan pertolongan Tuhan.

Adakah kita umat Islam berusaha dengan tekun? Berapa jam sehari kita bekerja? Kita bangun bersembahyang subuh tiap-tiap pagi pukul 6.0 — ini satu tatacara hidup yang baik yang memerlukan kita bangun pagi-pagi untuk memulakan kehidupan harian kita — tetapi adakah kita terus bekerja setelah sembahyang? Bila kita bekerja di pejabat, di sekolah, di kilang, di kebun atau sawah — adakah kita bekerja dengan taat dan tekun? Jika kita bekerja dengan taat dan tekun, adakah kita bekerja dengan menggunkan kaedah bekerja yang saintifik dan moden, atau kaedah bekerja yang tradisional yang mungkin telah ketinggalan zaman? Kalau bangsa-bangsa lain bekerja lapan jam sehari, adakah kita berhasrat untuk bekerja sembilan jam? Kalau jawapan kepada soalan-soalan di atas positif, sudah tentu keadaan kita tidak seperti hari ini — mundur dan ketinggalan jauh dari bangsa-bangsa lain yang maju.

Dr. Ausaf Ali tadi yang mengkritik sikap umat Islam mengalpakan masa berkata: "Tak hairanlah, tiada suatu pun yang berlaku tepat pada masanya dalam masyarakat kita di mana-mana pun — dalam bilik darjah, di pejabat, di kilang, di rumah, di bilik presiden, pendekata, dalam masyarakat kita seluruhnya." Tidak syak lagi, keadaan seperti ini tidak boleh dibiarkan berlaku terus, jika kita ingin berjaya. Fikirkan saja berapa banyak masa kita kehilangan sehari di negara kita saja, jika seorang mambazirkan cuma 15 minit! Hitungkan jumlahnya bagi seluruh umat Islam yang dewasa di seluruh dunia bagi sepuluh tahun atau tiga puluh tahun! Tidak hairanlah kalau orang-orang Jerman dan Jepun boleh membangunkan semula negara mereka yang separuh hancur dalam Perang Dunia II dalam masa yang singkat, tetapi umat Islam masih gagal berbuat demikian setelah berabad-abad! Sebab itu Tuhan bersumpah dengan nama masa bahawa manusia, kecuali mereka yang beriman dan berbuat kebaikan dan menyuruh satu sama lain kepada kebenaran dan kepada ketekunan, senantiasa dalam kerugian. (Quran, 103:1-3)

Memang ketekunan saja tidak boleh menjamin kejayaan. Kita mesti tekun untuk melakukan sesuatu yang baik dengan cara yang betul. Jika kita tekun mencuri atau menipu, itu tidak baik dan lambat-laun kita akan ditangkap dan dihukum. Sejarah penuh dengan pelajaran yang menunjukkan kejatuhan raja-raja yang jahat dan zalim dan pendedahan mereka yang melakukan korupsi di dunia.

Kita juga tidak akan mencapai kejayaan yang besar jika kita bertekun membuat sesuatu pekerjaan yang baik tetapi dengan cara yang salah. Umpamanya, kita ingin mencari maklumat mengenai sesuatu perkara di dalam sebuah buku, tetapi oleh kerana kita jahil tentang sistem penunjuk maka kita membaca seluruh buku itu. Oleh yang demikian, kerja yang boleh kita lakukan dalam masa sepuluh minit atau setengah jam akan mengambil masa seminggu atau lebih!

Demikianlah dengan kehidupan kita. Kita ingin mencapai kejayaan di dunia dan akhirat: kita mesti tahu apakah perbuatan-perbuatan yang boleh mendatangkan kejayaan itu, dan bagaimana cara yang paling baik untuk melakukan perbuatan-perbuatan itu.

Tadi telah kita lihat bahawa kejayaan di dunia dan akhirat boleh kita capai dengan "berkhidmat kepada Tuhan semata-mata", "berjuang di jalan Allah" dan "berbuat kebaikan". Walau bagaimanapun, ramai juga umat Islam yang ingin mengikut perintah-perintah agama mentafsirkan ungkapan-ungkapan ini dengan tafsiran-tafsiran yang sempit hingga membataskan "perbuatan baik" kepada beberapa amalan agama saja. Bahawa tafsiran ini salah dapat kita lihat dari Surah *al-Ma'uun* yang mengkritik mereka yang bersembahyang tetapi yang tidak sanggup menolong anak-anak yatim, orang-orang miskin dan bersedekah. Bolehkah kita melakukan ini semua jika ekonomi dan negara kita tidak kukuh, apalagi jika negara-negara Islam terpaksa bergantung kepada negara-negara lain seperti sekarang?

Tuhan juga berjanji dalam Quran kepada orang-orang beriman dan berbuat baik bahawa Dia akan memberikan mereka kuasa di dunia, mengukuhkan agama mereka serta mewujudkan keselamatan bagi mereka. (24:55 dan 21:105) Ini membuktikan bahawa kejayaan di dunia juga menjadi hak orang-orang Islam. Sebenarnya perkara ini tidak perlu ditekankan kerana sejarah awal Islam telah menunjukkan perkara ini. Tetapi oleh kerana umat Islam sendiri seolah-olah telah melupakan hal ini, maka perlulah kita mengulanginya.

Hakikat bahawa kita terpaksa menyeru rakyat kita pandang ke

Timur untuk membebaskan diri kita dari terus terkongkong kepada Barat dan belajar dari pengalaman-pengalaman bangsa-bangsa Timur, khususnya Jepun dan Korea, menunjukkan bahawa tahap progresif dan dinamik dalam sejarah Islam dalam masa tiga ratus tahun pertama telah hampir luput dari ingatan kita. Tidak syak lagi, dalam hal etika kerja, seperti dalam semua hal, kita kena kembali kepada Islam yang sebenar, Islam progresif dan dinamik seperti yang dibawa oleh Nabi Muhammad dalam Quran. Ungkapan kembali di sini tidak harus dimaknakan sebagai mundur ke belakang, seperti seruan kaum fundamentalis untuk kembali kepada saranan-saranan zaman pertengahan. Kembali di sini bermakna mencari bimbingan dari sumber asal, iaitu Quran, serta melaksanakan bimbingan itu secara kreatif sesuai dengan keadaan masyarakat moden kita. Umpamanya, Quran memerintah kita berunding untuk menyelesaikan masalah-masalah kita, tetapi dalam kaedah perundingan kita tidak perlu terikat dengan kaedah-kaedah yang dipergunakan oleh nenek-moyang kita. Kita dibebaskan untuk menggunakan kaedah-kaedah yang sedia ada, atau mewujudkan kaedah-kaedah yang baru, atau gabungan di antara kedua-duanya.

Kita tidak dapat memisahkan etika kerja dari keseluruhan falsafah hidup — ekonomi, politik, sosial. Falsafah ini mestilah dibina berdasarkan ajaran-ajaran Quran. Jika tidak, ketekunan kita tidak akan mendatangkan kejayaan yang sepenuhnya atau yang sempurna. Sejarah Eropah moden telah membuktikan perkara ini. Sejarah kita sendiri setelah kemerdekaan juga telah membuktikan-nya. Kita mestilah belajar dari pelajaran-pelajaran ini.

26. KAEDAH SAINTIFIK ISLAM

Mereka banya mengikut dugaan. Dugaan sekali-kali tidak boleh menggantikan kebenaran. Oleh itu jaubilab mereka yang mengabaikan perutusan kami dan mencari banya kebendaan dunia ini. Inilah batasan ilmu mereka.

(Quran, 53:28-29)

Janganlab terima sesuatu yang kamu sendiri tidak pasti. Kamu diberi pendengaran, penglibatan dan akal supaya memeriksa dan mensabkan.

(Quran, 17-36)

Tetapi kami ingin menegakkan kebenaran melawan kebatilan untuk mendedabkannya dan melumpubkannya.

(Quran, 21:18)

AYAT-AYAT suci di atas memberikan kita beberapa prinsip bagi apa yang kita panggil kaedah saintifik — pengetahuan berdasarkan bukti-bukti yang pasti, iaitu bukti-bukti wahyu atau supra-rasional, rasional dan pancaindera. Petikan pertama menunjuk kepada bukti-supra-rasional; petikan kedua kepada bukti-bukti deria dan rasional; dan petikan ketiga menunjuk kepada kaedah polemik untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kepalsuan.

Kaedah saintifik amat perlu dalam kehidupan kita. Tiada suatu pun yang dapat kita lakukan dengan jayanya kecuali dengan menepati undang-undang, baik dalam alam tabi'i atau alam sosial ataupun alam mental. Semua kejadian dijadikan Tuhan dengan undang-undangNya. Alam tak bernyawa, seperti logam, alam bernyawa rendah, seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan, dan alam bernyawa tinggi, seperti manusia, semuanya telah dijadikan mengikut undang-undang. Untuk mengetahui undang-undangNya serta berinteraksi dengan alam-alam itu dengan jayanya, kita memerlukan kaedah saintifik. Dengan kata-kata lain, kaedah saintifik itu cara-cara kita mengetahui dunia dan bertindak untuk mengubahnya.

Amatlah penting bagi rakyat kita, khususnya cerdas pandainya, memahami kaedah saintifik. Hanya dengan menyedari betapa pentingnya kaedah saintifik serta menggunakannya dengan sepenuhnya maka kita boleh menebus kemunduran kita sekarang serta menempa kejayaan dalam pelbagai bidang.

Seperti yang dapat dilihat dari petikan-petikan Quran di atas, kaedah saintifik, buat pertama kalinya dalam sejarah manusia, diajar sepenuhnya dalam Quran. Seperti kata seorang ahli falsafah Islam, Muhammad Iqbal, dalam bukunya *Reconstruction of Religious Thought*, kemunculan Nabi Muhammad menandakan kemasukan dunia ke dalam Zaman Saintifik.

... Nabi Islam nampaknya berdiri di antara dunia tua dan dunia moden. Dari segi sumber wabyunya beliau milik dunia tua; dari segi semangat wabyunya, dia milik dunia moden. Pada dirinya, kebidupan menemui sumber-sumber pengetahuan lain yang sesuai dengan baluan barunya. Kelahiran Islam menandakan kelahiran akal indaktif ...
(b. 126)

Pengarang Inggeris, Robert Briffault, dalam bukunya *The Making of Humanity* (1919) memberi pengakuan yang lebih tegas akan keterhutangan sains Eropah kepada Islam:

Hutang sains kepada sains Arab tidak terdiri dari penemuan-penemuan teori-teori revolusioner yang mengejutkan; sains terbutang lebih besar daripada itu kepada peradaban Arab; sains terbutang bayatannya. Dunia tua ... pra-saintifik. Ilmu falak dan metametik Yunani barang-barang import yang tidak pernah disebatikan dalam peradaban Yunani. Orang-orang Yunani merangka sistem, kesimpulan umum dan teori, tetapi kaedah-kaedah penyelidikan yang tekun, pengumpulan pengetahuan positif, kaedah-kaedah sains yang teliti, pemerhatian yang terperinci dan lama dan penyiasatan berdasarkan percubaan sama sekali asing bagi kelaziman Yunani... Apa yang kita panggil sains muncul di Eropah basil satu semangat ingin tahu yang baru, kaedah-kaedah penyelidikan yang baru, kaedah percubaan, pemerhatian, ukuran, perkembangan metametik yang tidak diketabui oleh orang-orang Yunani.

Semangat dan kaedah-kaedah ini diperkenalkan kepada dunia Eropah oleh orang-orang Arab." (b. 190)

Oleh kerana semangat dan kaedah saintifik yang diajar oleh Quran kepada orang-orang Arab maka sains Arab-Islam berkembang dengan mekarnya dari abad kelapan hingga abad kesebelas, seperti yang tertulis dalam buku-buku sejarah. Malangnya, oleh kerana beberapa faktor sosial dan sejarah maka sains ini malap dan terus mati dalam masyarakat Islam hingga hari ini. Sebaliknya, semangat dan kaedah saintifik ini diambil-alih orang-orang Eropah dan menjadi asas kepada kebangkitan Eropah dalam abad-abad keenam belas dan ketujuh belas.

Cerdik pandai Islam perlulah mengkaji secara objektif mengapa sains moden tumbuh dan berkembang di Eropah dan tidak di dunia Islam, sedangkan semangat dan kaedah saintifik tumbuh dan berkembang di kalangan orang-orang Arab di bawah inspirasi ajaran-ajaran Quran. Ini perlu kita lakukan untuk menebus kelemahan dan kemunduran kita yang ketara. Peristiwa peperangan Iran-Iraq patut membuka mata kita kepada kelemahan kita yang berperang sama sendiri dengan menggunakan senjata-senjata yang dibeli daripada musuh-musuh! Tidakkah peristiwa ini saja cukup untuk mendorong kita melihat ke dalam diri kita sendiri mencari di mana kita sudah silap?

Cerdik pandai aliran tradisional membuat analisa dan kesimpulan bahawa kelemahan dan kejatuhan kita itu kerana kita sudah dipengaruhi oleh faham-faham sekular Barat, seperti nasionalisme, liberalisme dan Marxisme. Adakah analisa dan kesimpulan ini betul? Untuk mengetahuinya dengan tepat, kita harus menggunakan kaedah saintifik yang menyuruh kita membuat pemerhatian fakta yang teliti. Bila kita berbuat demikian, kita akan mendapati bahawa bangsa-bangsa yang menganuti faham-faham nasionalisme dan liberalisme, seperti Inggeris, Francis, Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun maju dalam bidang-bidang sains, teknologi, falsafah dan juga kesusasteraan. Kita ingatkan saja nama tokoh-tokoh seperti Einstein, Bergson, Whitehead, Kant, Bernard Shaw, Balzac, Beethoven, Ibsen, Thomas Mann. Memang tokoh-tokoh falsafah ateis yang berpengaruh juga muncul di Barat, seperti Karl Marx, Nietzsche dan Sartre. Bila kita siasat lagi, kita juga akan mendapati bahawa perpecahan dan kejatuhan masyarakat Islam berlaku sebelum kedatangan kuasa-kuasa penjajah Eropah. Malah perang saudara Islam yang pertama berlaku dua puluh tiga tahun setelah Nabi wafat di antara Khalifah

Ali dan pencabar-pencabarnya dalam Perang Unta, dan perang ini diikuti oleh perang-perang saudara lain yang berkepanjangan hingga empaya Islam yang pertama jatuh ke tangan kaum Mongol pada 1258. Kemenangan Mua'wiyah merebut jawatan khalifah daripada Ali dalam tahun 661, tiga puluh tahun setelah Nabi wafat, menandakan kemunculan pemerintahan wangsa dan sekular dalam Islam, sembilan abad sebelum kuasa-kuasa penjajah Eropah mulai menakluk wilayah-wilayah Islam!

Sekularisme sebagai satu konsep tidak patut menimbulkan terlalu banyak masalah, seperti yang cuba digambarkan oleh setengah ulama dan sarjana tradisional kita, termasuk Hassan Nadwi, Maududi, Syed Hussein Nasr dan Syed Naquib. Gagasan Islam tidak menolak keduniaan. Konsep hidup Islam, seperti yang diketahui, ialah monisme yang menggabungkan kedua-dua alam rohaniah dan sekular. Yang menimbulkan masalah itu sekularisme melulu atau melampau, sepertimana juga rohaniah melulu atau melampau membawa kepada monastisme yang tidak dikehendaki dalam Islam.

Fakta-fakta di atas dengan jelas membuktikan kepada kita bahawa kejatuhan dan kemunduran umat Islam, pada dasarnya, berpunca dari umat Islam sendiri. Ia tidak berpunca dari penjajahan Eropah atau dari pengaruh ideologi-ideologi sekular Eropah. Ini tidak bermakna bahawa kita ingin menafikan kesan-kesan negatif dari penjajahan Eropah dan ideologi-ideologi sekularnya. Apa yang ingin kita tekankan ialah bahawa faktor-faktor ini merupakan faktor-faktor luar yang memainkan peranan bantu kepada faktor-faktor dalam masyarakat Islam sendiri untuk menjatuhkan masyarakat Islam. Apakah faktor-faktor dalam ini? Inilah yang harus dikaji lagi secara lebih objektif dan teliti oleh cerdik pandai Islam.

Bila kita menyatakan bahawa umat Islam berpecah-belah dan mundur jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat yang lebih maju, kita bukan menyatakan bahawa kejayaan-kejayaan Barat dan Jepun dalam bidang-bidang sains dan teknologi tidak ada cacatnya dan merupakan model kemajuan yang harus kita kejar. Materialisme melulu dan nasionalisme melampau telah menjerumuskan Eropah ke dalam kancah dua peperangan besar yang melibatkan seluruh dunia. Ini tanda-tanda kelemahan besar ideologi-ideologi Eropah. Namun demikian, umat Islam tidak dapat melepaskan diri mereka sepenuhnya dari tanggungjawab peperangan-peperangan besar ini. Kegagalan umat Islam memberi pimpinan kepada dunia dalam masa tiga ratus tahun yang lalu satu kegagalan yang besar. Tiga ratus tahun

satu masa yang lama dan lebih dari cukup untuk sesuatu bangsa atau masyarakat memperbaiki dirinya, sekiranya ada di antara kita yang meminta kita diberi masa yang lebih untuk memperbaiki diri kita. Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya hanya memerlukan dua puluh tiga tahun untuk mencapai kemenangan penuh. Jerman dan Jepun mengambil masa tiga puluh tahun saja untuk bangun kembali dari kehancuran Perang Dunia II.

Ini menunjukkan bahawa kaedah saintifik kita masih banyak kecacatannya. Kita belum dapat menganalisa masalah kemunduran masyarakat kita sendiri. Dakwaan kaum tradisional bahawa masyarakat Barat sekarang dekaden ada benarnya. Aliran absurdisme dalam seni dekaden. Aliran empirisme dan positivisme logikal dalam falsafah dekaden. Aliran falsafah materialisme dialektika itu menyeleweng. Aliran permisif dalam kehidupan sosial itu dekaden. Tetapi aliran-aliran yang mengkritik aliran-aliran ini juga wujud kuat dalam masyarakat Barat sekarang. Ini akan membawa kepada pembaikan masyarakat Barat di masa akan datang.

Kaum tradisional mendakwa sekiranya masyarakat kita mengamalkan saranan-saranan tradisional yang terkandung dalam kitab-kitab fikah dan teologi Zaman Pertengahan Islam, masyarakat kita akan maju semula. Sekiranya dakwaan ini benar, tentulah masyarakat kita tidak berada dalam keadaan teruk seperti sekarang, kerana kebanyakan kita, di Malaysia, di dunia Arab, di Pakistan, Di Indonesia, hidup diselimuti oleh sistem tradisional agama, dan tidak sangat dipengaruhi oleh nilai-nilai sekular dan materialis tamadun moden. Malah oleh kerana hendak mengatasi kesan-kesan negatif dari sistem tradisional dengan fahaman-fahaman jumud mazhab dan taqlid inilah yang mendorong gerakan pembaharuan Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh di akhir abad kesembilan dan awal abad kedua puluh dilancarkan. Gerakan ini, setelah menghasilkan beberapa kebaikan untuk masyarakat Islam seperti penerimaan sains dan ilmu moden, pelajaran moden bagi kaum wanita dan reformasi dalam Undang-undang Keluarga, telah terbantut di pertengahan jalan, diambil-alih oleh golongan tradisional yang ingin kembali kepada saranan-saranan tradisional.

Mengapakah gerakan pembaharuan Muhammad Abduh gagal patutlah juga dikaji dengan lebih teliti oleh cerdik pandai Islam. Dari satu segi, ini bermakna kita perlu memperbaiki dan menyempurnakan kaedah saintifik kita untuk membolehkan ia melihat dengan lebih jelas kedua-dua kelemahan dan kebaikan kedua-dua golongan tra-

disional dan modenis. Sikap menolak secara semberono peradaban Barat dan saranan kaum modenis yang dilakukan oleh kaum tradisional nyatalah tidak saintifik dan harus ditolak; demikian juga sikap menolak secara semberono peradaban tradisional dan saranan kaum tradisional yang dibuat oleh kaum modenis juga tidak saintifik dan harus ditolak. Kaedah saintifik yang sebenar itu kritikal dan saintifik; memilih dan mengasimilasi secara kritikal segala yang positif dari kedua-dua peradaban dan menolak yang negatif dari kedua-dua peradaban. Inilah jalan pertengahan, jalan sirat'ul-mustaqim yang dianjurkan dalam Quran. Inilah kaedah saintifik Islam yang sebenar yang harus diperkembangkan dan diamalkan oleh cerdik pandai dan masyarakat Islam.

Masa bagi kita untuk membaiki diri kita dan menebus keadilan kita, mengikut bimbingan al-Quran tidak banyak lagi. Tuhan telah memberi amaran kepada kita dalam al-Quran: "Jika kamu berpaling tadab, Tuhan akan menggantikan kamu dengan bangsa lain, dan mereka tidak akan menjadi seperti kamu." (47:38) Seperti yang telah saya kutipkan dalam rencana lain, Quran hari ini telah menjadi hakek semua bangsa. Pada ketika seluruh dunia sedang mencari satu panduan spiritual yang boleh menggabungkan rasionalisme dan sains/modern ke dalam kehidupan spiritualnya, tidak mustahil Quran, yang pada asasnya rasional, akan dapat diterima oleh orang-orang Barat lebih dulu daripada orang-orang Melayu, Arab atau Pakistan yang masih tidak mahu membebaskan diri mereka dari kengkereng fahaman wujud. Terpulang kepada kita sama ada kita mahu menjadi orang-orang Islam yang sebenar, kembali berpegang kepada Quran dan banguk semula untuk sekali lagi memimpin dunia, atau berpaling dari al-Quran kepada bangsa-bangsa lain kerana kebergiliran dan penyisihan yang kita sendiri.

27. MEMBANGUNKAN PEMIKIRAN SAINTEFIK DALAM MASYARAKAT

BERBEZA dengan makhluk lain, seperti tumbuhan dan haiwan, manusia mempunyai akal yang sempurna dan bergantung kepada akal untuk membangunkan kehidupannya. Oleh yang demikian, akal dan pemikiran rasional atau pemikiran saintifik amat penting baginya. Tidak ada bangsa moden yang boleh berjaya dan maju sekiranya ia tidak mengutamakan ilmu dan pemikiran saintifik. Boleh benarnya kenyataan ini terlalu banyak dan kita tidak perlu menguatkannya lagi.

Dalam Zaman Pertengahan keharmonian antara agama dan falsafah, dengan perkataan lain, antara wahyu dan akal dipertikai. Bila Nabi Muhammad muncul dalam abad ketujuh, dunia sudah bersedia untuk memasuki Zaman Moden atau Zaman Saintifik dan wahyu al-Quran yang beliau bawa menyelesaikan masalah ini dengan mengisytiharkan bahawa tidak ada kontradiksi antara wahyu dan akal. Wahyu tidak lain ialah suatu bentuk akal dan akal suatu bentuk wahyu. Ini telah dibayangkan dalam banyak ayat, antaranya:-

Tiada suatu jua'zan boleh beriman kecuali dengan izin Tuhan, kerana Ia sengaja menghalang mereka yang menyalah akal. (10:100)

Telah kami tempatkan di neraka ramai jin dan manusia. Mereka mempunyai hati yang tidak dipergunakan untuk mengerti, mata yang tidak dipergunakan untuk melihat dan telinga yang tidak dipergunakan untuk mendengar. Mereka seperti binatang. Tidak, mereka lebih sesal lagi. Mereka tidak sedar. (7:179)

Kami telah tidak menciptakan langit dan bumi dan segala apa di antaranya untuk hiburan. Jika kami inginkan hiburan, kami boleh mendapatkannya sendiri. Tetapi kami hendak menepatkan kebenaran melawan kepaliban untuk mendobohkannya dan menjahatkannya. (21:38)

Dan katakanlah, "Kebenaran telah datang, dan kepalsuan bapus. Sesungguhnya, kepalsuan pasti bapus." (17:81)

Ilmu itu pengetahuan yang pasti tentang sesuatu benda. Lawan ilmu takhyul atau agakan. Dalam zaman pra-saintifik orang banyak menggunakan takhyul dan agakan. Contohnya Aristotle, ahli falsafah Yunani yang masyhur itu. Banyak pendapat dan teori beliau yang berdasarkan agakan diterima dan berkuasa selama dua ribu tahun hingga kaedah saintifik tajribah atau eksperimen di Eropa membuktikan kesilapan pendapat dan teori beliau dan menumbangkan otoriti beliau dua ribu tahun kemudian!

Hal ini berlaku kerana dalam zaman pra-saintifik kesedaran rasional manusia masih belum sempurna, seperti kanak-kanak yang tidak boleh berfikir dengan sempurna. Dalam zaman saintifik manusia meninggalkan takhyul dan agakan dan berpegang kepada kebenaran berdasarkan ilmu. Oleh yang demikian, kemunculan ilmu atau sains dalam masyarakat manusia menandakan suatu zaman baru yang penting dalam sejarah. Ia merupakan zaman kedewasaan manusia. Inilah sebabnya nabi Muhammad nabi terakhir dan selepas beliau tidak ada nabi lagi. Dengan beliau, seperti kata ahli falasafah Islam Iqbal, wahyu terhenti dan akal mengambil alih dari wahyu.

Tingginya martabat ilmu dalam kehidupan manusia dapat dilihat dari perisytiharan Tuhan bahawa di antara makhluk yang boleh menyaksikan Tuhan ialah orang yang berilmu, yakni dengan ilmu mereka, mereka boleh melihat kebesaran, kekuasaan dan kebijaksanaan Ilahi.

Tuhan bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Dia; demikian juga para malaikat dan mereka yang mempunyai ilmu. (3:18)

Perhatikan ayat di atas tidak menyebut orang mukmin atau muslim, kerana seorang mukmin dan muslim hanya beriman dan tidak semestinya seorang yang berilmu yang boleh menyaksikan Tuhan dengan ilmunya. Sebaliknya, kemungkinan besar seorang yang berilmu akan beriman kepada Tuhan, kerana ilmunya telah memberi kepastian kepadanya akan wujudnya Tuhan. Newton dan Einstein dua contoh ahli sains yang beriman.

Tingginya martabat ilmu dapat dilihat lagi bila Muhammad dan umatnya disuruh berdoa kepada Tuhan supaya menambah ilmunya.

"Katakanlah, "Tuhanku, tambahkan ilmuku." (20:114) dan bila Tuhan menerangkan bahawa Quran ialah sebuah kitab terperinci bagi mereka yang *mengetahui* (41:3) dan ayat Quran yang bersifat mutasyabihat atau ibarat atau mempunyai makna yang berlapis-lapis hanya diketahui tafsirannya oleh Tuhan dan *mereka yang mendalami ilmu* (3:7) Harus diperhatikan bahawa konsep ilmu yang kita maksudkan di sini bukanlah merujuk kepada pemegang ijazah Ph. D. dan sebagainya, tetapi pengetahuan yang berdasarkan kajian dan pemikiran saintifik.

Tekanan kepada ilmu dalam ajaran Quran ialah kerana ilmu itu kuasa. Tuhan telah menjadikan alam semesta berdasarkan susunan, undang-undang dan harmoni yang boleh diketahui dengan ilmu.

Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi berdasarkan kebenaran, dan bilamana Ia berfirman, "Jadi!", maka jadilah. FimanNyalah kebenaran, dan milikNyalah kerajaan pada hari sangkakala dibunyikan. (6:73)

Telah kami ciptakan segala sesuatu mengikut kadar yang tetap. Apa yang kami kehendaki berlaku dalam sekedip masa. (54:49-50)

Dialah yang menciptakan tujuh petala langit bersusun-susun. Kamu tidak nampak apa-apa kecacatan dalam ciptaan Tuhan maha pemurah. Libatlah lagi; nampakkah kamu apa-apa kecacatan? Libat lagi dan ulang; pandanganmu akan kembali, kalah dan letih-lesu. (67:3-4)

Nyatalah alam semesta dan segala isinya, termasuk kehidupan manusia, bergerak mengikut undang-undang objektif yang ditentukan oleh Tuhan. Dengan menggunakan kaedah saintifik manusia boleh mengetahui undang-undang ini dan dengan demikian boleh mengatur kehidupannya mengikut undang-undang objektif ini serta mencapai kejayaan. Kejayaan manusia yang besar, khususnya dalam bidang sains fizikal dan teknologi moden, dalam abad ke-20 adalah kerana penguasaan kaedah saintifik ini. Dalam bidang sains sosial, seperti ekonomi-politik, dan falsafah tamadun moden tidak begitu berjaya, malah boleh dikatakan gagal. Ini demikian kerana kaedah saintifik Eropah yang terbentuk dalam Zaman Kebangkitannya belum begitu sempurna, disebabkan penolakannya terhadap sumber

wahyu atau akal yang lebih tinggi. Namun demikian, ketempangan kaedah saintifik *Renaissance* sudah mulai disedari oleh ahli falsafah Eropah sendiri (mulai dari Leibniz, melalui Kant hingga Whitehead). Sekarang sudah nampak nyata bahawa kegagalan ini telah disedari dan suara meminta supaya kesilapan segera dibetulkan kedengaran makin nyaring.

Kejayaan gemilang tamadun Islam awal dari abad ke-9 hingga ke-12 persis ialah kerana inspirasi dan dorongan saintifik ajaran Quran. Oleh sebab itulah tamadun ini berjaya menghasilkan tokoh falsafah, sains dan sejarawan, seperti Ibn Sina, al-Farabi, Ibn Rushd, al-Ghazali, Ibn Khaldun, Jabir Ibn Hayyan, al-Khawarizmi, Zakaria Razi, Ibn al-Haitham, al-Jahiz, al-Biruni, al-Mas'udi, al-Tabari dan lain-lain. Karya mereka, khasnya karya Ibn Sina, Jabir, Ibn al-Haitham, Zakaria Razi dan Ibn Rushd, kemudian banyak mempengaruhi perkembangan ilmu dan falsafah Eropah. Dengan demikian, apa yang dikatakan tamadun moden Barat, khasnya kebudayaan saintifik mereka, tidak boleh dikatakan khusus berciri Barat, seperti yang disangka oleh sesetengah kalangan, tetapi juga Islam dan universal. Tamadun ini warisan sah bagi umat Islam dan rakyat sedunia.

Sejarawan sains telah mengaku bahawa ilmu dan sains moden yang tumbuh di Eropah di peringkat awal kebangkitan Eropah berpunca dari sains Islam. Ibn Rushd ialah tokoh falsafah Islam yang telah membina jalan bagi hubungan harmonis antara agama dan akal. Aliran fikiran Ibn Rushd kemudian berkembang di Eropah, tetapi malangnya aliran fikiran rasionalis ini disingkir dari masyarakat Islam Zaman Pertengahan. Sebabnya kerana keadaan politik dan sosial dalam masyarakat Islam dalam abad ke-13 hingga ke-15 memberi kemenangan kepada aliran fikiran teologi dan tasawuf yang sempit, pasif dan beku. Walaupun enam ratus tahun telah berlalu sejak permulaan aliran ini dan walaupun gerakan reformasi Muhammad Abduh telah dilancarkan seratus tahun yang lalu, keadaan pemikiran umat Islam tidak banyak berubah. Ia masih di peringkat sempit, pasif dan beku, jika dibandingkan dengan masyarakat lain.

Apa yang dikatakan kebangkitan semula Islam yang kelihatan nyata sejak awal 1970an ialah reaksi negatif terhadap gejala negatif pemodenan dan tamadun moden. Ia mengambil corak pertentangan yang tidak kritikal, menekan aspek upacara atau *ritual* dan aspek luaran kebudayaan Arab seperti pakaian. Ia menganjurkan supaya kita kembali ke Zaman Pertengahan dan mengatur kehidupan kita berdasarkan rumusan zaman itu. Bila kita berbuat demikian, konon-

nya, segala masalah yang kita hadapi sekarang akan dapat kita selesaikan.

Saranan ini nyatalah tidak berdasarkan kajian yang saintifik. Pertama sekali, kita perlu tahu apakah yang menyebabkan kejatuhan tamadun saintifik Islam yang pertama yang telah membawa kita kepada kegelapan Zaman Pertengahan Islam. Kedua, Zaman Pertengahan itu zaman kejatuhan kita; bagaimanakah kita boleh menebus kejatuhan kita dengan kembali ke zaman yang telah menyebabkan kejatuhan itu? Ketiga, Zaman Pertengahan Islam yang bermula sejak abad ke-15 atau ke-16 masih belum berakhir bagi kebanyakan rakyat; bolehkah kita menyalahkan tamadun Barat kerana masalah kita? Tidak syak lagi, tamadun moden mempunyai aspek negatifnya; tetapi bagaimana dengan aspek positifnya? Sudahkah kita menyerapkan aspek ini ke dalam kehidupan kita? Bagaimana pula dengan aspek negatif dalam tamadun dan kebudayaan nasional kita sendiri? Sudahkah kita singkirkan mereka dari kehidupan moden kita? Ini semua soalan yang harus mendapat perhatian kita.

Wujud dua aliran anti-saintifik utama dalam masyarakat kita sekarang. Pertama, dari kumpulan jumud semua latarbelakang agama. Mereka menganggap sains dan teknologi moden sebagai anti-agama. Sebenarnya, seperti yang telah kita buktikan, agama asal seperti yang diajar oleh semua rasul Tuhan, termasuk Nabi Muhammad (sejahtera kepada mereka semua), tidak melawan akal atau sains. Yang berlawanan dengan akal dan sains ialah tafsiran kolot kumpulan agama ini, dan mereka telah menjadikan tafsiran mereka sebagai agama.

Golongan kedua ialah golongan romantik dari latarbelakang humanisme sekular. Mereka menentang pemodenan atas nama kehidupan impian zaman lampau yang sebenarnya tidak pernah wujud. Mereka ingin kembali ke zaman sebelum kemunculan sains dan teknologi moden! Mereka keturunan Rousseau, Byron, Shelley dan Keats.

Bagaimanakah kita hendak mengatasi dua kumpulan anti-sains dan anti-rasional ini supaya dapat kita pupuk dan perkuatkan pemikiran saintifik dalam masyarakat kita? Nyatalah kita tidak boleh melihat masalah ini terpisah dari masalah sosiopolitik. Orang tidak menjadi anti-rasional tanpa sebab. Ada banyak sebab dan alasan. Mungkin sebab yang pokok itu keselamatan. Orang ingin selamat di dunia dan di akhirat. Jika keselamatan tidak wujud di dunia, keselamatan dari kezaliman dan penindasan, keselamatan dari

pengangguran dan kemiskinan dan sebagainya, mereka akan memberontak. Pemberontakan ini akan menjelma dalam pelbagai bentuk, aktif dan pasif. Aliran anti-sains bolehlah dianggap sebagai suatu pemberontakan pasif terhadap beberapa aspek ketiadaan keselamatan dalam masyarakat.

Sebab yang kedua kejahilan atau salah faham tentang agama dan sains itu sendiri: tentang persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Pada hakikatnya, tidak ada percanggahan di antara mereka, kerana kedua-duanya memperkatakan Realiti yang satu. Yang berbeza itu pendekatan mereka. Agama itu kebenaran luar diri atau *transcendent*, merujuk kepada ilmu dalam bentuk wahyu Tuhan, sedangkan sains kebenaran dalam diri atau *immanent*, merujuk kepada ilmu yang diperoleh melalui pancaindera dan akal. Walau bagaimanapun, apa yang dikatakan luar diri dan dalam diri, pada hakikatnya, realiti yang satu itu juga, seperti yang dibayangkan dalam ayat Quran berikut:-

Dialah Yang Aual dan Yang Akbir, Yang Labir dan Yang Batin. Dia tabu segala sesuatu. (57:3)

Untuk mengatasi punca dua aliran anti-sains ini, masyarakat kita mestilah bertindak untuk mewujudkan keselamatan yang maksima bagi anggotanya serta menyebarkan pengetahuan yang benar mengenai agama dan sains. Tindakan masyarakat ini mestilah berpandu kepada al-Quran (kerana al-Quran bimbingan bagi semua manusia) dan kepada ilmu yang selaras dengan ajaran Quran, dan dilaksanakan mengikut keperluan keadaan masyarakat kita.

Dalam masyarakat kita kumpulan anti-sains sekular tidak begitu penting. Tetapi kumpulan anti-sains agama penting dan berpengaruh. Dengan mengeksploitasi sentimen keagamaan rakyat, mereka boleh menghalang kemajuan dan kejayaan masyarakat kita di masa depan dengan pemikiran kolot dan anti-saintifik mereka. Mereka mestilah dikritik atau didedahkan sebagai penyeleweng dari ajaran agama asal yang sebenar seperti yang dibawa oleh semua rasul Tuhan dan yang disempurnakan dalam ajaran Nabi Muhammad, iaitu al-Quran. Al-Quranlah senjata yang paling ampuh untuk melawan dan mengalahkan kumpulan anti-sains agama ini serta membumihanguskan pemikiran saintifik dan rasional di kalangan rakyat kita.

28. IJTIHAD DAN PEMBAHARUAN PEMIKIRAN ISLAM

SARANAN supaya umat Islam berjihad semula pertama kali dibuat oleh Imam Ibn Taimiyah dalam abad ketiga belas dan dilanjutkan dan diperluaskan oleh gerakan islah moden Jamaluddin al-Afghani—Abduh di akhir abad kesembilan belas. Malah ada orang yang menyatakan pintu ijihad sentiasa terbuka dan tidak pernah ditutup. Namun demikian, hasil ijihad baru selama kira-kira seratus tahun belum menampakkan perubahan-perubahan yang besar dalam masyarakat Islam seluruhnya, dan umat Islam masih berada di dalam keadaan kemunduran dari semua segi. Tidak hairanlah beberapa orang pemimpin nasional kita baru-baru ini menganjurkan supaya cerdik pandai kita berjihad semula secara yang lebih berani dan serius.

Tidak syak lagi umat Islam perlu berjihad semula, bukan sahaja dalam bidang undang-undang, tetapi dalam semua bidang kehidupan - politik, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan, ilmu-ilmu pengetahuan dan falsafah. Ijihad ini perlu kerana bolehkah kita, sebagai makhluk rasional, hidup tanpa berfikir? Ijihad tidak lain ialah berfikir secara kreatif dan rasional, berpandukan wahyu Tuhan, al-Quran, untuk menyelesaikan masalah-masalah kehidupan moden.

Ijihad satu proses yang berterusan, dan, pada teorinya, pintunya tidak boleh ditutup, tetapi, pada praktiknya, pintu itu telah ditutup untuk umat Islam selama kira-kira seribu tahun. Analisa-analisa yang telah dibuat tentang mengapa pintu ijihad ditutup menunjukkan pendapat-pendapat yang berbeda, tetapi satu faktor yang sama di dalam analisa-analisa ini ialah keinginan untuk memelihara perpaduan dan mengelak perpecahan. Saya kurang bersetuju dengan kesimpulan ini, kerana perpaduan dan perpecahan masyarakat tidak disebabkan oleh perbezaan dan pertembungan pendapat, tetapi oleh perbezaan kepentingan. Kesimpulan ini juga dinafikan oleh sejarah Islam sendiri yang penuh dengan sengketa, perpecahan, pemberontakan dan peperangan, sejak Perang Siffin, dua puluh lima tahun setelah Nabi wafat. Kesimpulan ini juga terbatal dengan

sendirinya apabila masyarakat Islam moden sedar akan perlunya ijihad baru.

Ijihad baru perlu kerana nyatalah ijihad lama berdasarkan pemikiran dan saranan-saranan Zaman Pertengahan (pendapat-pendapat Imam Empat dan lain-lain) tidak dapat diterima lagi sepenuhnya. Ini munasabah dan jelas. Analisa-analisa dan saranan-saranan mereka telah dibuat di dalam konteks zaman mereka dan ilmu mereka. Zaman mereka dengan zaman kita tidak sama dari segi beberapa ciri yang penting: perkembangan ilmu pengetahuan dan rasionalisme, perkembangan sains dan teknologi moden, dan perkembangan masyarakat antarabangsa. Analisa-analisa dan saranan-saranan mereka mungkin betul dan sesuai untuk zaman mereka; dan peranan wanita dalam masyarakat satu contoh di mana analisa dan saranan mereka tidak dapat dan tidak diterima lagi oleh masyarakat Islam hari ini.

Kuasa ijihad dalam Quran memang banyak, walaupun Imam Shafie' (m.204/820) menyebut hanya satu di dalam bukunya, **al-Risalat**, berhubung dengan keperluan orang-orang Islam berjihad untuk mengetahui qiblat (lihat Quran, 2:144). Ayat-ayat yang menggesa manusia supaya berfikir dan mengkaji kejadian alam semesta, kejadian diri mereka sendiri dan mengkaji sejarah, dan yang memerintahkan umat Islam supaya berunding untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat dan masalah-masalah mereka bolehlah dianggap sebagai seruan untuk berjihad. Lebih dari itu, konsep Islam bahawa manusia khalifah Tuhan di bumi (Quran, 2:30) dengan sendirinya meletakkan dia sebagai satu makhluk kreatif dengan kuasa dan mandat daripada Tuhannya untuk mentadbirkan dunia. Taraf khalifah ini dijelaskan lagi dengan amanah yang ditawarkan oleh Tuhan dan yang diterima oleh manusia untuk menjadi khalifa di dunia (Quran, 33:72).

Tentulah kerana rangsangan, galakan dan sokongan dari ayat-ayat seperti ini masyarakat Islam awal dalam masa yang singkat telah berjaya menciptakan satu tamadun yang agung dan satu kebudayaan intelektual dan saintifik yang tinggi, seperti yang tercatat dalam buku-buku sejarah. Nyatalah bahawa ijihad merupakan satu sumber kuasa yang penting dalam pandangan hidup Islam. Sistem kekuasaan dalam Islam dapat dirumuskan dari dua ayat Quran yang berikut:

Wabai kamu yang beriman, bendaklab kamu taat

kepada Tuhan, dan bendaklah kamu taat kepada rasul dan mereka yang berkuasa di antara kamu. Jika kamu berbalah mengenai sesuatu, bendaklah kamu rujuk kepada Tuhan dan rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Tuhan dan hari kemudian. Inilah yang lebih baik untuk kamu, dan memberikan penyelesaian yang terbaik. (4:59)

Urusan mereka diputuskan melalui muafakat di antara mereka. (48:32)

Dari dua ayat tadi dan dari apa yang telah kita terangkan tentang taraf manusia sebagai khalifah Tuhan di bumi, kita boleh membuat kesimpulan bahasa kuasa yang tertinggi Tuhan, atau Tuhan melalui rasulNya, (kerana Tuhan tidak datang kepada manusia kecuali melalui rasul-rasulNya), selepas itu, pemimpin atau pihak yang berkuasa, dan akhir sekali rakyat dan orang perseorangan. Dengan demikian, rujukan asas bagi manusia dan individu untuk semua hal ialah kitab Allah (al-Quran); bila tidak terdapat apa-apa panduan dari kitab Allah, masyarakat boleh memutuskan melalui pihak berkuasa atau pemimpin-pemimpin, atau melalui perundingan dengan rakyat, atau melalui adat yang sedia ada dan yang diamalkan oleh rakyat, atau melalui satu kaedah baru yang dipersetujui oleh rakyat. Ijtihad termasuklah ke dalam tahap-tahap kedua dan ketiga.

Teori perundangan klasik Islam, yang ditaja oleh Imam Shafi'e dalam abad kedua Islam, menyarankan empat sumber undang-undang, iaitu Quran, Sunnah/Hadith, Ijma' atau muafakat, dan Qias. Dapat dilihat bahawa Imam Shafi'e mentafsirkan ayat 59 surah 4 yang telah kita berikan tadi dengan satu tafsiran yang khusus, yang tidak begitu tepat, di mana konsep "taat kepada rasul" dianggap oleh beliau sebagai bermaksud berpegang kepada Hadith/Sunnah dan di mana konsep "taat kepada mereka yang berkuasa" langsung tidak diperhitungkan. Konsep ijma' atau muafakat, mengikut teori ini, difahami sebagai muafakat para Sahabat dan para *Tabi'in*, atau muafakat ulamak, atau muafakat seluruh masyarakat. Ini bermakna pihak berkuasa atau kerajaan tidak diiktiraf sebagai boleh membuat undang-undang! Ini nyata bertentangan dengan ayat tersebut.

Dapat kita lihat bahawa teori perundangan klasik memberi tempat yang rendah sekali kepada ijtihad, sedangkan, seperti telah kita terangkan, ijtihad merupakan satu alat penting untuk melaksanakan tugas kreatif manusia sebagai khalifah Tuhan di dunia. Taraf

yang begitu rendah kepada ijtihad nyata tidak dapat dielak bila teori ini meletakkan Hadith/Sunnah setaraf dengan Quran sebagai sumber undang-undang, kerana, mengikut terori ini, Hadith memperjelaskan dan memperincikan apa yang tidak jelas dan tidak terperinci dalam Quran, dengan demikian merampas hak pihak berkuasa dan hak rakyat atau individu untuk berjihad.

Tidak dapat tidak, teori perundangan klasik ini perlulah kita tinjau kembali secara kritikal dari segi ajaran-ajaran Quran dan dari segi keperluan masyarakat moden. Tinjauan kembali ini, secara serpihan, telah pun dilakukan di Turki dan di negara-negara Islam lain sejak awal abad kedua puluh, seperti yang dapat dilihat dalam reformasi bahagian-bahagian undang-undang Syariah.

Penolakan taqlid dan berjihad sudah pun dimulakan secara terbatas oleh Ibn Taimiyah dalam abad ketiga belas, melalui gerakan Wahhabiah dalam abad kelapan belas, membawa kepada gerakan islah moden yang dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdul dan Rashid Ridha dalam abad-abad kesembilan belas dan kedua puluh. Walaupun beberapa kejayaan telah dicapai dari gerakan pembaharuan ini (umpamanya dalam bidang-bidang pendidikan dan Undang-undang Keluarga), kejayaan-kejayaan ini masih amat terbatas, dan sebahagian besar tugas-tugas gerakan pembaharuan masih perlu dilaksanakan. Tugas-tugas ini, pada pendapat saya, ialah a) menilai semula secara kritikal warisan tamadun tradisional Islam, b) mengasimilsi secara kritikal tamadun moden Barat, dan c) membina asas tamadun baru Islam.

Sebab yang terbesar mengapa gerakan pembaharuan Islam moden, setelah hampir seratus tahun, belum mencapai tujuan-tujuannya ialah kerana gerakan ini tidak mempunyai satu teori dan kaedah saintifik yang sepadu. Ini dapat dilihat dari pendekatan-pendekatannya yang tidak menentu baik terhadap tamadun moden Barat ataupun terhadap tamadun tradisional Islam. Pendekatan-pendekatan ini terumbang-ambing antara penolakan total dengan penerimaan total. Pendekatan yang saintifik, tidak syak lagi, ialah **kritikal**, mahupun terhadap warisan Islam, atau terhadap warisan Barat. Masalahnya: **kritikal dari segi apa?** Jawapan kepada soal yang amat penting inilah yang akan menentukan sama ada gerakan pembaharuan ini berjaya atau tidak. Saya yakin jawapannya tidak lain ialah: **kritikal dari segi satu-satunya kitab Tuhan yang mengandungi bimbingan pokok untuk manusia dan yang sekaligus terpelihara dan terjamin.**

Menggunakan idea-idea pokok dalam Quran tentang pengetahuan, tentang perubahan masyarakat, tentang kejadian alam dan manusia dan tentang proses sejarah, kita akan mendapat teori dan kaedah saintifik yang kita perlukan untuk melaksanakan serta mencapai matlamat-matlamat program gerakan ijihad baru yang telah saya sebutkan. Oleh yang demikian, cerdik pandai Islam hendaklah kembali kepada Quran dan menjadikan Quran inspirasi dan rujukan pokok mereka dalam semua kajian yang ingin mereka lakukan. Satu daripada prinsip pokok kaedah saintifik Islam menyatakan bahawa akal manusia, dengan berpandukan wahyu, boleh mengkaji semua benda, kecuali Tuhan yang memang tidak tercapai oleh akal manusia (lihat Quran, 6:103) Eropah dalam abad kelapan belas memikir akal manusia dapat mengetahui dan mengatasi segala-galanya: maka itu selogan Zaman Kesedaran ialah "Beranilah mengetahui." Tetapi di akhir abad kedua puluh ini, dengan disahkan oleh Quran, kita mengetahui lebih sedikit daripada Eropah Zaman Kesedaran bahawa akal manusia ada batasnya. Oleh yang demikian, walaupun kita juga mesti meletakkan segala sesuatu di bawah teropong penelitian akal, penelitian akal ini perlu berpandu kepada wahyu.

Amatlah penting bagi umat Islam sekarang bahawa cerdik pandai mereka mewujudkan satu kaedah saintifik untuk membolehkan mereka membuat penilaian-penilaian yang kritikal terhadap kedua-dua warisan tamadun tradisional Islam dan tamadun moden Barat, serta membina asas tamadun Islam yang baru. Sikap kritikal mestilah bermula dengan menafikan pendewaan terhadap sesuatu benda atau seseorang tokoh. Kita tidak boleh bermula dengan berkata: "Kita tidak boleh mengkritik Adam Smith atau Marx, kerana mereka tokoh-tokoh besar yang telah berjasa kepada ilmu ekonomi moden." Juga kita tidak boleh berkata "Siapakah kita untuk mengkritik Imam Ghazzali atau Imam Shafi'e?" Kedua-dua kenyataan ini menunjukkan sikap pendewaan terhadap tokoh yang wujud di dalam masyarakat kita, tetapi yang bercanggah dengan kaedah saintifik Islam. **Semua falsafah, teori dan pendapat dan semua tokoh boleh dan perlu dikritik dan dinilai, kerana hanya dengan berbuat demikian kebatilan akan hapus dan kebenaran akan muncul.**

Nyatalah tidak semua dalam tamadun Barat baik, seperti mana tidak semuanya buruk. Begitu juga dengan tamadun Islam tradisional. Ini merangkumi semua hal: falsafah, metafizik, ilmu-ilmu

rasional, undang-undang, sains, kesusasteraan dan kebudayaan. Tugas gerakan ijtihad baru Islam ialah membuat analisa-analisa yang konkrit dan saintifik terhadap kedua-dua tamadun ini supaya satu penilaian yang tepat dapat dicapai dan dengan itu membolehkan proses asimilasi terhadap kedua-duanya dilakukan.

Setengah kalangan ulama terlalu cemburu tentang ijtihad. Ada yang sampai berkata: "Tiada siapa yang layak berjihad selepas imam empat."! Bukankah ini mengenakan hukuman mati kepada umat Islam? Ada pula yang meletakkan pelbagai macam syarat untuk menghalang sarjana-sarjana lain, kecuali mereka, daripada melakukan ijtihad, sedangkan mereka sendiri hanya mengulang teori-teori dan pendapat-pendapat lapuk Zaman Pertengahan. Nampaknya, masyarakat Islam sudah lupa bagaimana hendak bersikap positif dan memberi galakan dan sokongan kepada anak-anak bangsanya yang ingin berkhidmat. Tidakkah Tuhan Sendiri telah berfirman dalam QuranNya: "Dia dan malaikat-malaikatNya menggalakkan kamu (orang-orang beriman) untuk membimbing kamu keluar dari kegelapan kepada terang. Dia mencurahkan rahmatNya ke atas orang-orang beriman." (33:43)? Mengapakah kita pula bersikap begitu negatif dan kejam? Marilah kita berseru kepada cerdik pandai kita "Ayuh! Berijtihadlah! Masing-masing dalam bidang masing-masing!" Cerdik pandai kita sendiri akan mengetahui apa-apa ilmu yang mereka perlu kuasai atau dalami untuk berjihad. Masyarakat Islam akan memimpin mereka, kalau mereka melakukan kesilapan, melalui kritikan-kritikan saintifik.

29. PERKEMBALIAN UMAT ISLAM KEPADA AL-QURAN

Rasul akan berkata, "Tubanku, kaumku telah membelakangkan Quran ini." Demikianlah telah kami wujudkan untuk tiap-tiap nabi musub-musub dari kalangan mereka yang berdosa, dan Tuhanmu cukup sebagai pembimbing dan pelindung.

(Quran, 25:30-31)

ALLAH s.w.t. telah menerangkan kepada kita bahawa Quran telah diturunkan dalam bulan Ramadan sebagai "bimbingan kepada manusia, bukti bimbingan itu dan buku undang-undang". (Quran, 2:185) Lima perkara penting boleh kita pelajari dari ayat pendek ini. Pertama, buku yang diperkatakan ialah Quran, dan bukan lain daripada Quran. Kedua, ia diturunkan untuk semua manusia, bukan untuk sesuatu bangsa saja. Ketiga, Quran suatu bimbingan untuk manusia. Keempat, ia juga sendirinya menjadi bukti yang nyata kepada kebenaran bimbingan itu; dan kelima, ia sebuah buku yang memberikan furqan atau pengukur antara yang benar dan yang salah, yang baik dan yang jahat. Bimbingan, bukti kebenaran bimbingan itu dan standard akhlak dan undang-undang — inilah persis yang diperlukan oleh manusia, khasnya dalam dekad-dekad akhir abad kedua puluh dan awal abad kedua puluh satu untuk mengelak bahaya peperangan nuklier dan menyelamatkan tamadun.

Ayat 25:30 yang kita petik di atas membuktikan bahawa Quran telah hilang dari muka bumi buat satu masa yang lama — hilang bukan saja dari orang-orang yang beragama selain Islam tetapi yang bergama Islam sendiri. Ungkapan 'kaumku' yang digunakan oleh Nabi Muhammad dalam ayat yang dahsyat itu bukan saja bermaksud 'bangsa Arab' atau 'umat Islam', tetapi semua bangsa, kerana Muhammad itu rasul untuk semua bangsa.

Di tempat-tempat lain saya telah berkesempatan menghuraikan bagaimana umat Islam dan umat-umat lain telah meninggalkan Quran dan mengutamakan ajaran-ajaran dari buku-buku atau kitab-

kitab lain dalam masa lebih seribu tahun yang lalu. Oleh yang demikian, apa yang dinyatakan dalam ayat itu telah pun berlalu. Itulah sebabnya hari ini, kemuncak dari perbuatan manusia meninggal-kan Quran, maka manusia menghadapi satu zaman yang amat kritikal yang tidak pernah dilaluinya dulu.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. bahawa sekarang ini sudah nampak tanda-tanda yang nyata bahawa umat Islam di negara kita, dan di negara-negara lain juga, sudah mulai sedar akan perlunya kita kembali kepada Quran. Sebilangan pemimpin dan cerdik pandai kita, walaupun masih kecil, telah mulai menyeru umat Islam supaya kembali kepada ajaran-ajaran Quran. Baru-baru ini sewaktu merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran di peringkat antarabangsa, Yang Dipertuan Agung kita sendiri telah membuat seruan demikian. (Lihat **Berita Harian**, 14 Mei, 1987; h. 1). Bahawa perkembangan ini amat penting bagi kebangkitan semula Islam di negara kita tidak perlu kita tekankan.

Sebenarnya, perkembangan semula al-Quran ke dada masyarakat antarabangsa telah bermula pada awal abad ini. Dari awal abad inilah sarjana-sarjana Barat, termasuk nama-nama terkenal seperti Gibb, Hitti, Macdonald, Muir, Guillaume, Wensinck, Nicholson, Goldzihar, Schacht dan Arberry, mulai mengkaji Islam secara lebih objektif dan serius. Kajian-kajian ini termasuk terjemahan-terjemahan al-Quran yang baik ke dalam bahasa-bahasa Eropah, seperti terjemahan A.J. Arberry (1955). Pada awal abad ini terjemahan al-Quran dilakukan ke dalam bahasa-bahasa Islam, seperti Turki, Urdu, Melayu/Indonesia dan lain-lain. Elok diperhatikan bahawa sebelum ini terjemahan al-Quran tidak wujud dalam bahasa-bahasa Islam lain, kerana terjemahannya dilarang oleh ulama al-Azhar. Terjemahan Melayu yang pertama oleh Mahmud Yunus selesai dalam 1938. Ini bermakna Alam Melayu yang telah memeluk Islam selama lebih lima ratus tahun baru boleh membaca Quran dalam bahasanya sendiri dalam masa lima puluh tahun lalu saja!

Seruan "Kembali kepada Quran" itu satu seruan baru bagi umat Islam sejak mereka meninggalkan Quran kira-kira seribu tahun dulu untuk berpegang kepada buku-buku Hadis dan kitab-kitab ulama. Sengketa, peperangan, perpecahan dan kemunduran yang mula menimpa empaya Islam pertama menyebabkan beberapa tokoh ahli fikir, seperti al-Ghazali dan Ibn Taimiyah, menyeru umat Islam kembali kepada ajaran-ajaran Islam yang murni dan menyingkirkan khurafat-khurafat yang telah digabungkan sebagai ajaran-ajaran

Islam. Tokoh-tokoh ini dituruti oleh tokoh lain di abad-abad kelapan belas hingga kedua puluh, iaitu Muhammad Abdul Wahhab, Sayyid Muhammad al-Sanusi, Shah Waliyullah, Jamaluddin al-Afghani, Sheikh Muhammad Abduh, Syed Ahmad Khan, Hassan al-Banna, Muhammad Iqbal, Sayid Qutub, Ali Sharia`ti dan banyak lagi, yang namanya tidak dapat kita sebut, di seluruh dunia Islam, termasuk di negara kita dengan tokoh-tokoh reformis Islam kita, Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Za`aba, Dr. Burhanuddin dan Syed Hussein al-Attas.

Walaupun sumbangan tokoh-tokoh ini kepada gerakan reformasi masyarakat Islam amat besar, dan kita sekali-kali tidak mahu memperkecilkannya, mereka terkandas di tembok Hadis. Seruan mereka kembali kepada "Islam sebenar" (Muhammad Abduh dan Sayid Qutub) atau kepada "rasionalisme Islam" (Sayid Ahmad Khan, Iqbal dan Fazlur Rahman) gagal berdepan dengan masalah Hadis dan menyelesaikan kontradiksi Hadis dengan Quran. Bermula dengan kajian-kajian dan penemuan-penemuan yang dibuat oleh Dr. Rashad Khalifa sejak 1980, gerakan ini memasuki satu zaman baru, zaman "Kembali kepada Quran".

Zaman baru "Kembali kepada Quran" ini sedang dirasakan di seluruh dunia. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli fikir yang peka di Barat dan Timur sedang meraba-raba mencari satu pegangan dan falsafah baru, yang rasionalistik tetapi juga spiritual, dalam "Kacau-bilau Agung" (gistilah tokoh atheis terkenal Mao Zedong) dunia abad kedua puluh. Bacalah karangan-karangan P.A. Sorokin, A.J. Toynbee, A.N. Whitehead, Errol E. Harris, Einstein, S. Radhakrishnan, Tagore, Iqbal, Gandhi, Nehru dan kita akan merasai suasana dan pemikiran ini.

Kebetulan baru-baru ini berlaku berturut-turut dua peristiwa yang sungguh aneh yang melibatkan dua kuasa besar, Amerika Syarikat dan Rusia — serangan ke atas kapalperang Amerika, *Stark*, di Teluk Parsi dan pendaratan kapalterbang Cessna yang dipandu oleh seorang pemuda Jerman di tengah-tengah Kremlin. Peristiwa-peristiwa ini membuktikan kepada dunia keterdedahan kuasa-kuasa besar ini dengan segala kuasa militer yang mereka banggakan kepada kemusnahan dengan mudahnya! Bagaimana kapalperang Amerika yang lengkap dengan segala kelengkapan elektroniknya untuk menangkis serangan-serangan gagal berbuat demikian, walaupun semua peralatannya pada waktu itu berjalan dengan baik? Begitu juga dengan sistem pertahanan udara Rusia, malah Moskow,

yang telah ditembusi tanpa disedari oleh sebuah kapalterbang awam kecil, Cessna! Mungkin setengah pemimpin A.S. dan Rusia, selepas peristiwa-peristiwa ini, akan mengiktiraf kuasa Tuhan yang mengatasi kuasa-kuasa mereka! "Segala kuasa milik Allah." (Quran, 10:65)

"Kacau-bilau Agung" di bumi di abad kedua puluh ini telah menjelma dalam pelbagai bentuk: spiritual, moral, politik, ekonomi dan militer. Di bidang militer dua belok ideologi sedang berdepan — adakah ia akan membawa kepada suatu peperangan nuklier yang akan memusnahkan tamadun? Dalam bidang ekonomi, dunia berdepan dengan kebuluran dan kemiskinan yang meluas di Dunia Ketiga, di samping kemewahan di Dunia Pertama, dan dengan satu krisis ekonomi dan kewangan yang parah sekarang. Di bidang politik, konfrontasi wujud antara pelbagai puak ideologi, tergambar dengan jelas di Lubnan dan Palestin. Di bidang moral, apakah moraliti yang hendak kita perkatakan bila keganasan dan kezaliman dilakukan oleh kuasa-kuasa besar yang bercakap atas nama moraliti dan tamadun? Dunia seperti ini tentulah dunia yang telah kehilangan arah spiritualnya.

Lihatlah masalah-masalah yang kita hadapi di negara kita. Di bidang sosio-ekonomi, kita telah mengambil faham liberalisme sebagai bimbingan kita selama tiga puluh tahun, dan kita menghadapi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara lain yang berfaham liberal dalam Dunia Ketiga: kemiskinan, perpecahan dan kejatuhan standard akhlak dalam kehidupan awam dan peribadi. Di bidang agama, kita menganut faham puak Ahli Sunnah dari mazhab Shafi'i dengan kitab-kitab Hadis dan fikah mereka. Kita berpecah kepada banyak puak politik dan puak agama, seperti nasionalis, Islamis konservatif, sosialis dan sebagainya. Kita telah gagal bersatu mengikut formula liberal-nasionalis atau Islamis konservatif. Apakah formula yang boleh menyatukan kita semula, kalau tidak formula Quran? Quran menganjurkan persaudaraan antara orang-orang mukmin, hubungan persahabatan dengan semua bangsa, dan perundingan sebagai cara untuk menyelesaikan masalah masyarakat. Bukankah ini satu formula yang baik yang patut kita ikut?

Tuhan menerangkan misi Muhammad dalam Quran: "Dia (Muhammad) menyuruh mereka melakukan kebaikan, menghindari kejahatan, dan dia menghalalkan bagi mereka benda-benda baik dan melarang yang buruk, dan dia membebaskan mereka dari bebanan perjanjian mereka dan membuang belunggu-belunggu yang menggonggong mereka. Oleh yang demikian, mereka yang beriman

kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikut cahaya yang diturunkan bersamanya, merekalah yang menang." (7:157) Oleh itu, Muhammad ialah penyeru kebaikan, penghalal yang baik, pencegah yang jahat dan pembuang belunggu-belunggu bagi manusia. Apakah misi yang lebih mulia daripada itu dan bolehkah manusia meminta lebih daripada itu?

Dengan demikian, Quran memberikan kebebasan yang seluas mungkin kepada manusia, di samping memperoleh perjanjian daripadanya untuk mempraktikkan kebebasan itu dengan penuh tanggungjawab, melaksanakan kehidupannya mengikut norma-norma etika, melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan, dan meletakkan tanggungjawab kepadanya selaras dengan kebolehnya. Dengan perkataan-perkataan lain, Quran menganjurkan manusia hidup dalam kebebasan, dalam akhlak dan dalam praktik. Dia bebas untuk beriman atau tidak beriman, tetapi ia mesti menjawab kepada Tuhan tentang ketidakimanannya di akhirat kelak. Dia disuruh menyembah Tuhan dan berbuat baik, tetapi dia juga tidak disuruh melakukan sesuatu yang tidak praktikal baginya. Umpamanya, ketika ia sakit, ia boleh bersembahyang sambil duduk atau berbaring. Jika ia tidak boleh berpuasa kerana sakit, ia boleh memberi makanan kepada orang-orang miskin atau berpuasa di masa lain. Gagasan hidup dalam kebebasan, dalam akhlak dan dalam praktik ini tentulah satu gagasan yang akan dialu-alukan oleh kebanyakan orang, baik dari Timur atau Barat. Di sinilah letaknya kepentingan ajaran-ajaran Quran untuk dunia hari ini.

Ajaran-ajaran Quran dalam bidang sosio-ekonomi akan dapat menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi kita dan dunia. Quran menganjurkan sembah kepada Tuhan yang esa dan tidak mempertuhankan selain daripada Dia, kehidupan awam dan peribadi yang bermoral, perpaduan dan muafakat nasional dan internasional berdasarkan kebebasan beragama dan berfikir, kebebasan bersuara mengikut undang-undang, persamaan dan persahabatan manusia dan antarabangsa, kaedah musyawarah untuk menyelesaikan masalah-masalah nasional dan internasional, pemerintahan berdasarkan undang-undang yang adil, keadilan sosio-ekonomi, larangan terhadap kezaliman, kedzulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi dan kaedah saintifik untuk mengembangkan ilmu dan tamadun. Kebanyakan rakyat, tak kira apa kepercayaan agama dan politik mereka, akan dapat menerima falsafah, dasar dan program sosial ini. Bukankah bagus sekali kalau kita kembali kepada Quran?

Allah s.w.t. berjanji dalam Quran akan menjadikan mereka yang beriman dan berbuat baik raja di dunia dan akan memperkukuhkan agama yang Ia pilih untuk mereka dan akan memberikan mereka keselamatan. (24:55) Tetapi janji ini hanya diberi kepada mereka yang menyembah Tuhan semata-mata dan tidak mempersekutukannya dengan sesiapa. Inilah taraf yang telah dicapai oleh generasi-generasi Islam awal kerana pegangan mereka yang teguh kepada Tuhan dan kepada perutusanNya, Quran. Tetapi apabila umat Islam mulai menyeleweng dari pegangan ini serta mewujudkan tuhan-tuhan lain di samping Allah, dan mengikut panduan-panduan lain selain al-Quran, maka taraf ini dicabut dari mereka. Inilah rahasia kejayaan dan kenaiakan umat Islam awal dan punca kegagalan dan kejatuhan umat Islam hari ini. Untuk menebus kembali keadaan kita, wajiblah kita kembali berpegang kepada Allah semata-mata, dan menolak tuhan-tuhan lain di sampingNya, dan berpandukan Quran semata-mata dan menolak bimbingan-bimbingan lain selain al-Quran.

Namun demikian, jalan kembali ini bertaburan dengan duri. Mana ada sesuatu yang baik boleh dicapai dengan senang? Tetapi kemenangan orang-orang mukmin yang sebenar dijamin oleh Allah. "Kami pasti akan memberi kemenangan kepada rasul-rasul kami dan mereka yang beriman, dalam kehidupan ini dan di hari kebangkitan." (40:51) Pelbagai golongan sekular, di satu pihak, dan pelbagai golongan agama, di pihak lain, akan menentang per kembalian rakyat kepada Quran, kerana mereka mempunyai kepentingan-kepentingan masing-masing untuk mempertahankan patung-patung mereka di samping Allah. Patung-patung mereka itu seperti Adam Smith, Locke, Thomas Hobbs, Jeremy Bentham, John Stuart Mill, Marx, Engels, Lenin, Stalin, Mao Zedong dan lain-lain, bagi kaum sekular, dan Shafi'i, Hanafi, Malik, Ibn Hambal, Bukhari, Muslim, Asha'ari, Ghazali dan imam-imam lain, bagi kaum agama. Namun demikian, satu keistimewaan bagi perutusan yang dibawa oleh Nabi Muhammad, Quran, yang tiada bagi perutusan-perutusan lain ialah bahawa Quran tetap terpelihara kemurniaan hingga kini. Ini dijamin oleh Tuhan sendiri. (Lihat Quran, 15:9 dan 41:41-42) Oleh kerana semua orang Islam tidak dapat tidak mesti mengiktiraf keutamaan al-Quran, mereka boleh diseru supaya kembali kepadanya, mengkaji dan mengikutnya, seperti yang telah dilakukan oleh Yang Dipertuan Agung.

Orang-orang bukan Islam tidak akan rugi apa-apa kalau mereka

mendapatkan sebuah terjemahan Quran yang baik dalam bahasa Melayu atau Inggeris dan mengkajinya. Sesetengah mereka mungkin telah berbuat demikian. Mereka harus sedar bahawa Quran telah diturunkan untuk mereka juga; ia bukan harta monopoli sesuatu kaum saja. Mungkin ramai mereka yang telah mendapat kesan yang salah tentang Islam kerana melihat gejala-gejala negatif dan telatah-telatah buruk dalam masyarakat Islam sendiri. Ajaran-ajaran Quran tidak boleh disamakan dengan semua keadaan yang terdapat dalam masyarakat Islam hari ini, sepertimana ajaran-ajaran sebenar agama-agama lain tidak boleh disamakan dengan kelakuan-kelakuan buruk setengah penganut agama-agama itu.

Perjalanan kembali kepada Quran sepenuhnya akan mengambil sedikit masa. Tetapi langkah pertama perlu diambil sekarang dalam masyarakat kita, iaitu dengan rakyat kita, khasnya generasi muda, mendapatkan sebuah atau beberapa buah terjemahan Quran yang baik, membaca dan mengkajinya tiap-tiap hari dan menjadikannya sebagai bimbingan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Pemimpin-pemimpin dan cerdik pandai kita mestilah menyeru rakyat kita, seperti yang telah dibuat oleh Yang Dipertuan Agung, supaya kembali kepada Quran. Guru-guru dan pensyarah-pensyarah agama mestilah mengutamakan ajaran-ajaran al-Quran dalam syarahan-syarahan mereka. Sekolah-sekolah dan universiti-universiti kita mestilah juga mengasaskan pelajaran-pelajaran agama mereka kepada Quran. Cerdik pandai kita yang komited kepada Islam mestilah membincang dan membahas perkara ini secara meluas dan mendalam serta menyusun saranan-saranan dan program-program untuk melaksanakan seruan "Kembali kepada Quran", yang sebenarnya perintah Tuhan kepada kita. Kerajaan patutlah memberi galakan kepada gerakan ini serta memerhatikan supaya ia berjalan dengan baik. Kalau kita berbuat demikian, inilah sumbangan kita yang paling besar kepada kebangkitan semula Islam di negara kita.

30. PENGAJARAN DAN PENGAJIAN AL-QURAN

SUDAH mulai wujud di negara kita suatu kesedaran baru bahawa al-Quran perlu dibaca oleh kita semua dengan memahami isinya, bukan setakat 'membaca' dengan kaedah pembacaan yang diajar kepada kita turun-temurun tanpa mengetahui maknanya. Kesedaran ini mempunyai makna yang besar bagi masa depan bangsa kita dan sangat kita alu-alukan.

Membaca dan memahami isi al-Quran sepatutnya menjadi kewajipan tiap-tiap orang mukmin dan muslim dari awal. Apakah gunanya kita mempunyai sebuah buku yang bagus tetapi yang tidak kita baca untuk mengetahui kandungannya? Apalagi Quran yang merupakan satu-satunya kitab suci yang dijamin oleh Tuhan Sendiri dan yang merupakan bimbingan terbaik untuk manusia! Allah s.w.t. menyuruh kita membaca Quran untuk difahami, seperti terbukti dalam beberapa ayat:-

Telah kami wabuhkan kepadamu kitab berkat ini supaya mereka mengkajinya dengan teliti dan supaya mereka yang berakal beringat. (38:29)

Contoh mereka yang diberikan kitab Taurat, lalu gagal mengkajinya samalah seperti seekor keldai yang membawa buku sastera agung. Buruk sekali contoh mereka yang menolak wabyu Tuhan. (62:5)

Tidak syak lagi, masanya sudah tiba untuk kita memikirkan dengan teliti dan segera bagaimana kita harus merancang pengajaran dan pengajian al-Quran kepada dan oleh masyarakat kita. Ini bukan satu perkara yang ringan, kerana beberapa sebab. Pertama, Quran itu bimbingan untuk semua manusia meliputi semua peringkat umur, semua golongan dan semua tahap perkembangan masyarakat yang wujud sekarang, dari masyarakat moden Barat hingga masyarakat suku primitif di setengah kawasan di Afrika dan

Asia. Kedua, kandungan Quran meliputi semua perkara yang perlu untuk bimbingan manusia dari ilmu tertinggi falsafah dan metafizika kepada sopan santun kanak-kanak di rumah, dan di antaranya termasuk ilmu politik, ilmu ekonomi, ilmu sosiologi, sains, akhlak, undang-undang dan ibadah agama. Ketiga, oleh kerana sekop kandungan Quran amat luas, kita tidak boleh mengharapkan semua orang dapat membaca dan memahami kesemuanya. Oleh yang demikian, kita mesti memilih perkara penting yang perlu diajar kepada anak kita di rumah dan di bangku sekolah dan kepada rakyat umum supaya dalam satu jangka waktu yang singkat kita dapat menanam benih suatu masyarakat yang terdidik dalam dan memegang kepada ajaran Quran.

Sistem pelajaran agama yang kita warisi dari zaman silam mempunyai beberapa kelemahan besar. Pertama, pelajaran memahami al-Quran boleh dikatakan langsung tidak ada. Kedua, konsep ilmu agama yang kita warisi itu konsep ilmu yang sempit, meliputi bidang tafsir, hadis, tawhid, usuluddin, fekah dan bahasa Arab. Falsafah, sejarah, sains sosial dan sains fizika tidak diajar. Ketiga, pelajaran ini umumnya berdasarkan kitab yang ditulis beratus-ratus tahun dulu yang sebagiannya tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang dan sebagian lagi malah tidak selaras dengan ajaran Quran. Keempat, oleh kerana sejarah, falsafah dan sains tidak diajar maka pemikiran umat Islam kehilangan dimensi sejarah dan evolusi.

Dengan kita mengkritik pelajaran agama tradisional tidak bermakna kita bersetuju sepenuhnya dengan sistem pelajaran moden, yang juga tidak berdasarkan sepenuhnya kepada ajaran Quran dan tidak menitik-beratkan ilmu tawhid dan akhlak. Oleh yang demikian, cerdik pandai dan pemimpin kita perlulah membuat kajian supaya kita dapat mengenalpasti kelemahan dalam sistem pelajaran tradisional dan dalam sistem pelajaran moden untuk membolehkan kita merumus dan menyusun satu sistem baru yang menggabungkan kebaikan dari kedua-dua sistem berdasarkan Quran dan kehendak semasa.

Seruan supaya kita semua membaca tafsir untuk memahami isi al-Quran itu tetap. Tafsir Quran sekarang sudah banyak, dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Namun demikian, tidak semua orang mempunyai minat atau masa atau kebolehan untuk membaca dan memahami semua al-Quran dalam masa yang singkat. Maka itu suatu sistem pengajaran al-Quran yang sesuai dan berkesan perlu.

Umpamanya, apakah yang perlu diajar kepada kanak-kanak antara umur tiga hingga enam tahun, iaitu tahap pra-sekolah? Tentulah sedikit sebanyak sopan santun dan akhlak dari ajaran Quran, seperti memberi salam kepada ibu-bapa dan tetamu, semangat tekun dan tabah dan kelakuan baik. Di peringkat sekolah rendah pula, sedikit sebanyak ilmu tawhid (sembah Tuhan saja dan tidak menyembah selain Tuhan), ibadah sembahyang dan puasa dan sebabnya, lanjutan pelajaran akhlak dan disiplin sosial (seperti menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, sifat tekun dan sabar, dan tabiat membaca) dan lain-lain.

Di peringkat menengah pelajaran rendah dilanjutkan dan diperdalamkan dengan tambahan pelajaran lain, termasuk sedikit sebanyak prinsip falsafah dan, bagi mereka yang berminat, bahasa Arab.

Jelaslah kita terpaksa memilih perkara penting yang perlu diketahui oleh orang ramai tentang ajaran Quran supaya rakyat kita dapat menjalankan kehidupan harian mereka mengikut ajaran Quran. Tidak syak lagi, perkara yang paling penting ialah pengertian iman dan Islam, kafir dan munafik, kerana inilah yang membezakan antara manusia. Seorang mukmin dan muslim itu orang yang dijamin keselamatan dan kejayaan oleh Tuhan di dunia dan akhirat. Sebaliknya, orang kafir dan munafik dikutuk dan dibinasakan oleh Tuhan di dunia dan akhirat. Kita perlu tahu apa yang dimaksudkan dengan menyembah Tuhan saja dan apa yang dikatakan menyengutukan Tuhan dan mengapakah perkara ini ditekan begitu kuat dalam Quran (boleh dikatakan 90% daripada ajaran Quran itu memerintah kita menyembah Tuhan saja dan melarang kita menyengutukanNya). Inilah inti ajaran semua rasul, seperti yang nyata dari ayat Quran berikut:

Tidaklah kami mengirim sebarang rasul sebelummu kecuali dengan perutusan bahawa: "Tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, hendaklah kamu sembah Aku." (21:25)

Katakanlah, "Wahai abul-kitab, marilah kita bersatu kata di antara kami dan kamu: bahawa kita tidak akan menyembah selain Allah, dan tidak akan mempersekutukanNya dengan sesiapa pun, dan tidak juga akan kita wujudkan Tuhan dari kalangan kita sendiri." Jika mereka berpaling, katakanlah, "Saksikanlah bahawa kami

orang muslim." (3:64)

Janganlah engkau adakan tuhan lain di samping Allah; nanti akbirmu engkau dicela dan dibina. (17:22)

Inisiasi pengertian mukmin dan muslim dalam Quran dapat dipungut dari ayat berikut:

Mereka yang beriman dan berbuat baik, untuk mereka syurga; mereka kekal di dalamnya. (2:82)

Kamu (yaitu orang mukmin) umat yang paling baik yang telah dilahirkan untuk manusia: kamu menyerukan kebaikan, melarang kejahatan dan beriman kepada Allah. (3:110)

Jika mereka (yaitu Ablul-Kitab) berbantah dengan kamu, katakanlah, "Aku telah tunduk (muslim) sepenuhnya kepada Tuhan, dan demikian juga pengikutku." Dan katakan kepada pengikut kitab dulu dan kepada orang ummi (bukan Bani Israel), "Sudabkah kamu tunduk?" Jika mereka tunduk, maka mereka telah mendapat hidayah. Tetapi jika mereka berpaling, maka tanggungjawabmu banyalah menyampaikan perutusan. (3:20)

Pengertian 'berbuat baik' atau kehidupan baik atau kehidupan berakhlak (yang selalu dikaitkan dengan iman) diterangkan dalam Quran sendiri. Dalam ayat 17:22-38 perintah Tuhan diperincikan sebagai: Jangan mempersekutukan Tuhan; memuliakan dan bersikap lemah-lembut kepada kedua-dua ibu-bapa; bersedekah kepada adik-beradik, fakir-miskin dan orang berkelana; jangan membazir tetapi jangan bakhil; jangan bunuh anak kerana takutkan kemiskinan; jangan berzina; jangan bunuh kecuali kerana keadilan; jangan makan harta anak-yatim; tunaikan janji; jangan tipu dalam perniagaan; jangan terima pendapat yang tidak sah; dan jangan angkuh. Dalam banyak ayat lain lagi, kita diperintahkan berjuang di jalan Allah; menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan; jangan membelakangkan wahyu Tuhan; menghukum dengan adil; menghukum dengan seimbang atau dengan rahim; melaksanakan

kebebasan beragama; bersikap bertanggungjawab; jangan mence-
roboh; mempertahankan diri bila diceroboh; mengamalkan persaa-
maan dan persaudaran manusia; mengamalkan persaudaran ideo-
logi mukmin; jangan buat fitnah; tekun dan sabar menjalankan
kerja; sabar menghadapi ujian dan kesusahan; mendirikan salat dan
mengeluarkan zakat; jangan makan riba; jangan ambil harta orang
secara tidak sah; jangan tumbuk rusuk atau makan rasuah; ketaatan
sepatut kepada pihak berkuasa; menyelesaikan masalah melalui
perundingan; bekerjasama untuk kebaikan; melaksanakan kepu-
tusan dengan tegas dan bertawakkal kepada Tuhan; kehidupan
berkeluarga yang sejahtera dan sihat; mengelak dari berbual ko-
song; berpuasa dalam bulan Ramadan; mengerjakan haj jika mampu;
tabiat memakan makanan yang baik dan sihat — pendekata mema-
tuhikan semua perintah Tuhan mulai dari yang paling besar kepada
yang paling kecil.

Harus jelas kepada kita bahawa kepatuhan kita kepada perin-
tah Tuhan itu untuk keselamatan kita sendiri, di dunia dan akhirat.
Tuhan tidak memerlukan sembah kita, kerana Dia sempurna. Jika
kita tidak mendapat keselamatan di dunia hari ini, seperti yang
nyata bukan saja bagi kita yang mengaku umat Islam tetapi bagi
semua umat, ini mestilah kerana kita dan semua umat manusia
tidak menyembahNya dengan betul, dan sebaliknya telah
menyengutukanNya dengan mengadakan banyak tuhan lain di
sampingNya. Ini keterangan dari al-Quran, yang telah pun dibukti-
kan kebenarannya oleh sejarah. Kita harus menginsafi kebenaran
ini dan segera mengambil langkah untuk mendapat balik keselama-
tan yang telah hilang itu dengan kita kembali mematuhi perintah
Tuhan dalam Quran.

Jika kita benar-benar serius untuk melahirkan generasi baru
yang dididik dalam ilmu dan akhlak yang berdasarkan Quran, para
sarjana dan pemimpin kita perlu melakukan tiga kerja serentak.
Pertama, mereka perlu merancang dan melaksanakan pendidikan
ini melalui sistem persekolahan. Kedua, mereka perlu merancang
dan melaksanakan pendidikan orang ramai. Ketiga, mereka perlu
merumuskan dan menyusun sebuah falsafah dan teori sosial moden
Islam yang boleh digunakan untuk membangunkan semula
kehidupan dan tamadun bangsa kita.

Ini tidak bermakna kita harus membuat rombakan total. Nabi
Muhammad tidak membuat rombakan total kepada masyarakat
Arab abad ketujuh bila beliau muncul sebagai nabi dan rasul.

Beliau menghapuskan faham dan amalan syirik dan menegakkan faham dan amalan menyembah Tuhan semata-mata, dan beliau menghapuskan beberapa amalan dan adat yang zalim, seperti membunuh anak perempuan, berzina, makan riba dan lain-lain. Selain itu, beliau mengubahsuai dan membaiki sistem dan tradisi yang ada, seperti sistem pemerintahan, sistem perkahwinan dan lain-lain. Juga program beliau dilaksanakan berperingkat-peringkat dan tidak sekaligus. Ini semua contoh baik bagi kita. Kita mestilah mengikut contoh beliau.

Yang paling penting itu kita membawa balik masyarakat kita kepada perintah Tuhan yang pertama, iaitu menyembah Tuhan semata-mata dan tidak mewujudkan tuhan selain daripadaNya. Ini bermakna kepatuhan kita yang pertama kepada Tuhan dengan mengikut perintahnya dalam Quran yang dibawa oleh Nabi Muhammad. (Inilah sebabnya kita kadang-kadang juga diperintah supaya patuh kepada rasul kerana rasullah yang menyampaikan wahyu Tuhan kepada manusia.)

Berpegang kepada Quran sebagai sumber hukum dan ilmu tidak bermakna kita menolak segala buku lain yang dikarang oleh manusia dari dulu hingga sekarang, termasuk kitab agama lain, kitab falsafah Yunani, kitab liberalisme, kitab Marxisme, kitab Hadis atau kitab ulama semua agama. Ia hanya bermakna Quran menjadi neraca kepada semua undang-undang, petunjuk, ilmu dan amalan: yang sesuai dan tidak bercanggah dengannya dan yang berdasarkan keterangan yang sahih itu sah dan perlu diterima. Prinsip ini nyata dari ayat Quran berikut:

Wahai kamu yang beriman, hendaklah kamu taat kepada Tuhan dan hendaklah kamu taat kepada rasul, dan kepada mereka yang berkuasa di antara kamu. Jika kamu berbantah mengenai sesuatu perkara, hendaklah kamu rujuk kepada Tuhan dan rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Tuhan dan hari akhirat. (4:59)

Mereka (iaitu orang mukmin) mendengar semua pendapat, kemudian mengikut yang paling baik. (39:18)

Jangan terima apa-apa yang kamu sendiri tidak dapat memastikan. Kamu diberi pendengaran, pengelihatan dan akal supaya kamu memeriksa dan mensahkan. (17:36)

Pengertian dan pentafsiran al-Quran telah menjadi satu masalah dari dulu hingga sekarang. Bolehkah semua orang memahami Quran? Sebenarnya jawapan kepada soalan ini telah diberi dalam Quran sendiri. Ayat 3:7 menerangkan bahawa ayat Quran terdiri dari dua jenis: ayat muhkamat, iaitu yang terang dengan sendirinya dan merupakan intisari kitab, dan ayat mutasyabihat, iaitu yang maknanya berlapis-lapis atau yang bersifat ibarat. Semua perintah, seperti jangan menyengutukan Tuhan, jangan membunuh tanpa keadilan dan lain-lain terdiri dari ayat muhkamat dan terang. Semua ayat ini tidak harus dipertikai. Ayat yang merupakan keterangan mengenai perkara yang belum diketahui atau tidak dapat diketahui, seperti kejadian manusia dan alam, alam ghaib; hari kiamat, alam syurga dan neraka dan Zat Tuhan itu mutasyabihat. Tuhan menerangkan dalam Quran bahawa tiada siapa yang mengetahui tafsiran ayat mutasyabihat kecuali Tuhan dan orang yang berilmu. Oleh kerana ayat mutasyabihat tidak melibatkan perintah, maka mereka tidak perlu ditafsirkan oleh orang ramai. Tafsiran ayat ini harus ditinggalkan kepada para sarjana dalam bidang masing-masing dan tidak harus dijadikan bahan pertikaian di kalangan rakyat. Di zaman silam beberapa soal berhubung dengan ayat mutasyabihat, seperti sifat Quran, sama ada dijadikan atau tidak, dan Zat Tuhan telah menjadi kontroversi dengan kesan negatif kepada masyarakat Islam.

Inilah agama Islam yang harus kita ajar kepada anak dan rakyat kita, agama seperti yang diajar oleh Tuhan dalam Quran, agama yang mudah, agama yang progresif dan dinamik, agama yang diredai Allah, dan yang akan memberi kepada kita kejayaan di dunia dan akhirat.

31. KONSEP DAN TEORI PENDIDIKAN SEPADU ISLAM*

TIDAK syak lagi, masalah pendidikan satu masalah yang amat penting dan besar bagi semua masyarakat. Manusia sebagai makhluk rasional memerlukan pendidikan untuk membolehkan ia hidup di atas landasan yang benar dan wajar. Makhluk-makhluk bukan rasional, seperti malaikat dan haiwan, tidak memerlukan pendidikan ini, kerana mereka **terpaksa** mengikut fitrah-fitrah mereka yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Oleh kerana manusia telah dibenarkan oleh Tuhan untuk memilih antara dua jalan, jalan tunduk dan ingkar, makaimbangan dan pendidikan ini amat penting. Perlulah golongan-golongan cerdas pandai dan pemimpin dalam masyarakat kita memberi perhatian yang berat kepada masalah pendidikan.

Tidak syak lagi juga bahawa, seperti telah dipersetujukan oleh Bengkel ini, konsep pendidikan Islam ialah konsep pendidikan sepadu. Agama Islam yang berdasarkan fahaman tawhid mengajar kita bahawa Tuhan itu satu dan kejadianNya juga merupakan satu kesatuan. Oleh yang demikian, dalam Islam, tidak wujud dualisma dalam diri manusia - dualisma jasad dan roh atau dualisma benda dan fikiran - dan tidak wujud dualisma dalam kehidupan - dualisma dunia dan akhirat. Walaupun agama Islam menganjurkan fahaman tawhid, fahaman ini tidak selalunya dipegang teguh oleh masyarakat Islam sendiri.

Hal ini terbukti dalam bidang pendidikan Islam - di mana sistem pendidikan tradisional Islam (madrasah, pondok) selama hampir seribu tahun telah memisahkan pendidikan ilmu-ilmu keagamaan daripada ilmu-ilmu sekular.

Pendidikan sepadu Islam bermakna pengajaran semua ilmu, keagamaan dan sekular, di bawah bimbingan fahaman tawhid Quran.

Fahaman tawhid merupakan jiwa, landasan umum, dan ikatan yang menghubungkan dan menyatukan ilmu-ilmu atau cabang-

* Ulasan terhadap rumusan Bengkel Pendidikan Sepadu Pusat Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12hb Oktober, 1985.

cahng ilmu. Di sinilah letaknya perbezaan antara konsep pendidikan sepadu Islam dan pendidikan sekular. Konsep sekular tidak mengiktiraf alam ghaib dan alam akhirat, dan menganggap alam material tidak bepermulaan dan tidak berkesudahan. Oleh kerana konsep sekular ini tidak benar, yakni bercanggah dengan hakikat atau realiti, maka ia mengakibatkan banyak ketempangan. Di antara ketempangan-ketempangan itu ialah ketempangan teori dan fakta, di mana teori atau fakta tidak diberikan perhatian yang wajar, ketempangan cabang dan kesepaduan, di mana kesepaduan ilmu tidak diberikan perhatian yang wajar, ketempangan pengkhususan dan kesepaduan di mana pandangan dunia sepadu tidak diberikan perhatian yang wajar, dan ketempangan kepuakan dan kesepaduan di mana kesepaduan ilmu tidak diberikan perhatian wajar. Sungguh menggem-birakan, ketempangan-ketempangan ini telah pun diiktiraf oleh Bengkel ini.

Setelah kita mengiktiraf ketempangan-ketempangan yang berlaku dalam sistem pendidikan moden, kita juga harus mengiktiraf ketempangan-ketempangan yang terdapat dalam sistem pendidikan tradisional Islam. Ketempangan-ketempangan ini ialah keterbatasan sukatan pelajaran kepada ilmu-ilmu keagamaan sahaja, kongkongan ilmu oleh fahaman taqlid, menyebabkan ilmu-ilmu yang dipelajari terbatas kepada ilmu-ilmu zaman pertengahan dan kaedah pengajaran yang beku. Di mana sistem pelajaran moden gagal menghasilkan insan dan cerdik pandai yang berfahaman tawhid dan tidak terpisah dari agama, sistem tradisional gagal menghasilkan insan dan cerdik pandai yang menguasai ilmu-ilmu moden dan tidak terpisah dari dunia moden. **Tugas kita ialah menghapuskan ketempangan-ketempangan di dalam kedua-dua sistem tradisional dan moden serta menciptakan satu sistem pendidikan sepadu yang boleh menghasilkan insan dan cerdik pandai yang beragama dan-berilmu dalam erti-kata yang sebenarnya.**

Masalah ini sekaligus masalah falsafah dan masalah pendidikan. Pendidikan ialah proses mencari dan menyampaikan ilmu. Murid mencari ilmu; guru menyampaikan ilmu. Kedua-dua pasang istilah dan konsep 'mencari-menyampaikan' dan 'murid-guru' tidak harus dipisahkan secara mutlak. Yang mencari juga menyampaikan dan sebaliknya, sepertimana juga murid bertindak sebagai guru, dan sebaliknya. Proses ini timbal-balik. Tetapi apakah yang dikatakan ilmu? Masalah ini termasuk dalam bidang falsafah empistemologi, atau teori ilmu pengetahuan.

Quran mengajar kita bahawa sumber segala ilmu itu Tuhan. Tuhan berfirman dalam QuranNya: "Dialah mengajar melalui pena. Dia mengajar manusia apa yang tidak pernah ia ketahui." (96:4-5) "Dan Dia mengajar Adam segala nama, kemudian menghadapkan mereka kepada malaikat-malaikat, sambil berkata, 'Katakanlah kepadaKu nama-nama ini semua, kalau kamu benar.' Mereka berkata, 'Maha Suci Kau! Kami tidak mengetahui kecuali apa yang Kauajarkan kepada kami.'" (2:31-32) Quran juga mengajar kita bahawa ilmu itu satu cahaya yang mengeluarkan manusia daripada gelap kepada terang dan yang membimbing manusia ke jalan-jalan kesejahteraan dan ke jalan yang betul. (5:15-16) Pendekata, ilmu sesuatu yang amat penting untuk manusia.

Mengikuti seorang ahli falsafah sejarah Barat, P.A. Sorokin, ada tiga cara manusia mengetahui. **Pertama**, melalui pancaindera, seperti kita melihat sesuatu benda atau mendengar sesuatu suara itu ada. Ini dinamakan pengetahuan deria dan kebenaran deria. **Kedua**, melalui akal logika, seperti kenyataan: "Pokok durian mengeluarkan buah durian." Walaupun kita tidak pernah melihat **proses** pokok durian mengeluarkan buah durian dengan mata kasar kita, kita mengetahui dengan akal kita bahawa kenyataan itu betul. Ini dinamakan pengetahuan akal logik dan kebenaran akal atau rasional. **Ketiga**, pengetahuan yang diberi secara langsung berbentuk ilham, insutisi, kasyaf atau wahyu. Ketiga-tiga cara ini bila digabungkan memberikan kita cara **keempat**, yaitu pengetahuan sepadu, di mana ketiga-tiga jenis pengetahuan deria, pengetahuan akal dan pengetahuan lampu deria dan lampu akal memberikan kita pengetahuan sepadu dan sistem kebenaran sepadu. (1)

Epistemologi Sorokin sesuai dengan garis epistemologi yang telah diberikan dalam Quran. Quran menyebutkan tiga sumber pengetahuan, yaitu **'ain 'ul-yaqin** (102:7) (melalui pancaindera), **'ilm'ul-yaqin** (102:5) (melalui ilmu rasional), dan **haq'ul-yaqin** (69:51) (kebenaran langsung). Tiga peringkat keyakinan atau pengetahuan ini samalah dengan peringkat-peringkat deria, akal logik dan pengetahuan langsung Sorokin. Walaupun jenis pengetahuan ketiga-tiga peringkat ini tidak sama, kesemua peringkat perlu untuk melengkapkan pengetahuan manusia. Pengetahuan deria perlu untuk mencapai pengetahuan rasional, dan pengetahuan langsung wahyu atau ilham perlu untuk melengkapkan pengetahuan sepadu. Ambil contoh kenyataan-kenyataan berikut:

- A. Saya ada sebatang penabola. (pengetahuan deria)
- B. Penabola saya dibuat oleh pembuat penabola. (pengetahuan logik)

C. Penabola saya dibuat dari bahan-bahan mentah yang dijadikan Tuhan. (pengetahuan wahyu)

Dapat dilihat bahawa kenyataan-kenyataan A, B dan C, secara berasingan tidak melengkapkan pengetahuan kita tentang penabola, tetapi bila kenyataan-kenyataan ini digabungkan barulah kita mencapai pengetahuan sepadu mengenai penabola. Demikianlah dengan semua benda. Demikianlah dengan pendidikan.

Ahli-ahli falsafah Islam membahagikan ilmu kepada dua bahagian besar, ilmu-ilmu nakliyah, yang diterima daripada Tuhan, terdiri dari ilmu-ilmu keagamaan, seperti tafsir, hadis, fekah, usul fekah, tauhid dan bahasa dan kesusasteraan Arab; dan ilmu-ilmu akliyah, yang diperoleh melalui usaha-usaha kreatif manusia, terdiri dari sains-sains fizik, sains-sains kemanusiaan, sains-sains gunaan dan sebagainya.(2)

Pembahagian ini nyata tidak begitu tepat, dan kita boleh membuat pembahagian-pembahagian lain. Apa yang dikatakan ilmu-ilmu yang diterima daripada Tuhan sebenarnya hasil-hasil kreatif manusia, seperti bahasa dan kesusasteraan Arab; malah tafsir sendiri ijihad ahli-ahli tafsir. Begitu juga kebanyakan hadis, fekah, usul fekah dan tawhid itu hasil-hasil kreatif manusia. Sebaliknya, sains-sains dan sains-sains kemanusiaan hasil-hasil kajian manusia tentang alam tabi'i dan alam manusia, yang juga ciptaan Tuhan, dan dengan itu, tidak dapat dipisahkan secara mutlak daripada ilmu-ilmu ketuhanan. Pertalian dan hubungan antara kedua-duanya hanya menunjukkan kesatuan ilmu.

Oleh kerana, seperti telah lihat, ilmu mempunyai tiga peringkat atau sumber, mungkin lebih tepat kalau kita bahagikan ilmu mengikut tiga sumber ini, iaitu ilmu-ilmu fizik, seperti kajifizik, kajihayat, kajibinatang, kimia dan sebagainya; ilmu-ilmu rasional, seperti sains politik, ekonomi, sosiologi, anthropologi, sejarah, undang-undang dan falsafah; dan ilmu-ilmu suprarasional, seperti agama, perbandingan agama, teologi, metafizik dan estetika.

Seperti telah kita lihat, di antara tiga punca atau peringkat pengetahuan, yang satu tidak boleh dianggap lebih penting daripada yang lain. Pengetahuan deria atau emperis **semata-mata** tidak boleh mendatangkan pengetahuan lengkap. Pengetahuan supraderia atau suprarasional **semata-mata** juga tidak boleh menghasilkan pengetahuan lengkap. Begitu juga dengan pengetahuan rasional. Ketiga-tiganya mestilah digabungkan untuk memperoleh pengetahuan

lengkap atau sepadu. Oleh yang demikian, kedua-dua sistem pendidikan tradisional dan moden mestilah diubahsuai untuk menghapuskan ketempangan-ketempangan masing-masing, yang telah kita tunjukkan dan untuk menuju kepada satu sistem pendidikan sepadu.

Dalam konteks negara kita sekarang, ini bukan sahaja bermakna pengubahsuaian falsafah, tetapi jua struktur dan kurikulum pendidikan. **Pendidikan kita mestilah bertujuan untuk melahirkan seorang insan dan masyarakat yang baik, berilmu dan kreatif. Struktur dan kurikulumnya mestilah boleh memberikan pelajaran umum dan asas kepada semua atau lulusan-lulusan sekolah menengah dan pelajaran khusus dan pakar kepada lulusan-lulusan universiti atau institut pelajaran tinggi.** Pelajaran umum dan asas termasuklah ilmu hisab, bahasa dan kesusasteraan, sejarah, ilmu alam, sains umum, ilmu kesihatan, agama dan akhlak dan falsafah tauhid.

Untuk melaksanakan pengubahsuaian ini, satu masa yang agak panjang diperlukan, antara sepuluh dengan tiga puluh tahun. Antara kerja-kerja yang perlu dilakukan ialah satu penilaian kritikal dan pengemaskinian warisan ilmu-ilmu tradisional Islam. Di samping itu, sebuah suruhanjaya patut dibentuk untuk mengkaji semula falsafah, dasar dan sistem pelajaran nasional baru mengikut konsep, teori dan falsafah pendidikan Islam, seperti yang telah kita gariskan dalam kertas ini. Sementara itu universiti-universiti, institusi-institusi pelajaran bebas, guru-guru dan Kerajaan patutlah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membolehkan institusi-institusi pelajaran kita bergerak ke arah pendidikan yang seimbang dan sepadu untuk bangsa kita.

Nota

- (1) *Modern Historical and Social Philosophies* (1963), h.245-48.
- (2) Lihat S.M. Al-Naqib, *The Concept of Education in Islam* h. 40-43.

30. UNDANG-UNDANG PERUBAHAN SEJARAH SATU PANDANGAN DARI SEGI AJARAN-AJARAN QURAN*

Pendahuluan

MASALAH yang pertama dan yang akhir dalam penulisan sejarah, seperti dalam semua hal, ialah kebenaran. Adakah kita percaya bahawa kebenaran itu wujud dan boleh dicapai? Pensejarah-pensejarah sejak zaman purba terbahagi kepada dua golongan yang besar — mereka yang percaya, dan mereka yang tidak percaya atau ragu. Petikan-petikan berikut memberikan pendirian dua golongan besar ini:

Sejarah-sejarah mereka menjadi pelajaran bagi orang-orang yang berakal. Ini bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi satu pengesahan kitab-kitab suci yang lalu. (1)

A philosophical attempt to work out the universal history of the world according to the plan of nature in its aiming at a perfect civil union must be regarded as possible, and as even capable of helping forward the purpose of nature. (2)

Yet, ultimately, their solution expresses the same mood of defeat and despair before the reality of history; for, in the words of one religious spokesman, "the problem of history is unanswerable within its own perspective. Historical processes as such do not bear the least evidence of a comprehensive and ultimate meaning. History as such has no outcome. There has never been and never will be an immanent solution to the problem of history, for man's historical expe-

* Berasal dari kertaskerja yang disampaikan dalam seminar Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 27 Mac 1987.

rience is one of steady failure. Christianity, too, as a historical world religion, is a complete failure. In a strange alliance, logical positivism, atheistic existentialism and dialectical theology join forces in reviving and supporting anti-historical tendencies in the modern world. In fact, both positivism and existentialism unwittingly help the religious cause; for if philosophy forsakes the search for a conceptual structure that might render the totality of history intelligible, both for theoretical and for practical mastery by man, then indeed, there is no immanent solution to the problem of history... (3)

Mereka yang percaya mencari keterangan-keterangan dari sejarah untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kepalsuan, sementara mereka yang tidak percaya atau ragu mencari alasan-alasan dari sejarah untuk menegakkan pendirian mereka. Perbalahan ini, sepiantas lalu, nampak seolah-olah tidak boleh diselesaikan oleh sejarah sendiri. Tetapi kedudukan yang sebenarnya diterangkan oleh Quran dalam ayat yang telah kita petik di atas. Sejarah sendiri satu bukti kepada kebenaran.

Pengertian umum tentang kejadian alam

Manusia pada peringkat awal, seperti kanak-kanak, mesti bermula dengan pergantungan lebih kepada kepercayaan daripada akal. Tanpa kepercayaan dia tidak boleh hidup. Oleh sebab itu, wahyu dari Tuhan perlu bagi manusia pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, wahyu-wahyu ini berakhir dengan nabi-rasul yang penghabisan, Muhammad. (4)

Quran telah menerangkan bahawa Tuhan tidak menciptakan Alam Semesta untuk hiburan, tetapi malah untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kepalsuan. (5) Oleh yang demikian, kita mengetahui kehidupan manusia di dunia mempunyai makna, dan sejarahnya mempunyai makna, berbeda dari pendapat orang-orang yang tidak percaya atau ragu.

Selanjutnya, Quran juga menerangkan kepada kita bahawa Tuhan telah menciptakan Alam Semesta dengan segala isinya mengikut undang-undang. (6) Oleh yang demikian, kita perlu bermula dengan kenyataan ini sebagai andaian kajian kita bahawa semua peringkat kehidupan atau kejadian, dari alam tak bernyawa, ke alam bernyawa rendah dan tinggi, hingga ke alam fikiran dan ruh, mempunyai

undang-undang masing-masing. Ahli-ahli sains telah menemui hukum sebab-musabab mekanikal alam tak bernyawa dan sebagian daripada hukum evolusi alam bernyawa yang rendah dan yang tinggi, seperti terbukti dari ilmu-ilmu kajihayat, kajimasyarakat dan kajijiwa. Sejarah atau ilmu sejarah, satu bidang kajian yang tergolong ke dalam kajimasyarakat, itu sebahagian daripada bidang kejadian yang ter-takluk di bawah undang-undang universal Ilahi pelbagai tahap.

Satu soalan timbul di sini: Jika segala-galanya telah ditetapkan mengikut undang-undangnya, di manakah kebebasan manusia? Ini masalah kontradiksi antara takdir dan kebebasan yang telah berlalu-tan diperbahaskan oleh ahli-ahli falsafah sejak zaman purba. Penyelesaian kepada masalah ini terletak pada konsep pasangan atau dialektika. Takdir dan kebebasan harus dilihat bukan sebagai dua perkara yang berlainan atau bertentangan, tetapi sebagai satu pasangan. Dilihat dari segi Tuhan yang maha mengetahui, segala-galanya telah berlaku mengikut rancangan agung dan undang-undang yang telah ditentukan olehNya. Tetapi dilihat dari segi manusia, sejarah itu terbuka dan ia bebas menentukan sejarahnya, kerana rancangan agung dan undang-undang sejarah telah ditentukan oleh Tuhan dengan mengambil kira faktor-faktor kehendak dan aktiviti manusia sendiri. Konsep pasangan yang amat penting ini, yang berlaku bagi semua kejadian, juga telah diajar dalam Quran. (7)

Pentingnya kajian sejarah

Usaha untuk mengkaji sejarah yang dilakukan oleh ahli-ahli sejarah membuktikan bahawa mereka telah membuat andaian sejarah berlaku mengikut satu kaedah yang boleh dianggap sebagai undang-undang yang boleh dikaji dan dihuraikan. Berdasarkan undang-undang ini, mereka boleh pula membuat ramalan tentang apa yang akan berlaku. Andaian ini tidak boleh dibuktikan kebenarannya secara empiris, tetapi ia amat berguna sebagai satu hipotesis untuk membolehkan mereka membuat kajian-kajian sejarah yang berguna yang akan membolehkan mereka membuat teori-teori dan saranan-saranan mengenai perjalanan sejarah. Hal ini — mengandaikan kewujudan undang-undang di sebalik gerakan semua fenomena — berlaku untuk semua bidang ilmu.

Walau bagaimana pun, kita harus mencatat di sini bahawa kajian-kajian sejarah juga dibuat untuk menafikan kebenaran kewujudan undang-undang universal sejarah. Petikan ketiga di awal rencana memuktikan perkara ini. Apakah yang menyebabkan mereka

melakukan kajian-kajian sejarah, jika mereka tidak percaya bahawa undang-undang seperti ini wujud? Jawapan kepada soalan ini tidak lain ialah kerana mereka ingin membuktikan kepercayaan mereka bahawa keidupan manusia tidak bermakna, dan sejarah tidak bermakna. Inilah makna pernyataan Quran bahawa manusia terbahagi kepada dua golongan yang asas, yang mengiktiraf kebenaran Ilahi (mukmin) dan yang mengingkarinya (kafir). (8)

Dengan demikian, sejarah itu satu bukti, sepertimana alam tabi'i satu bukti, kepada kebenaran Ilahi. (9) Kita mengkaji sejarah untuk mengetahui kebenaran ini, atau dengan kata-kata lain, undang-undang yang menentukan perjalanan sejarah. Dengan mengetahui undang-undang sejarah kita bukan saja boleh mengetahui sebab-sebab kenaikan dan kejatuhan sesuatu bangsa atau tamadun, tetapi kita boleh juga mengelak daripada kejatuhan dengan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai, dan kita boleh juga membangunkan bangsa kita dengan melakukan tindakan-tindakan reformasi mengikut undang-undang reformasi sesuatu bangsa.

Namun demikian, mengikut Hegel, "Bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan telah tidak pernah belajar apa-apa pun dari sejarah, atau bertindak berdasarkan prinsip-prinsip yang diperoleh daripadanya." (10) Pernyataan Hegel ini nyata terlalu pesimis. Tokoh-tokoh pesimis wujud dalam semua zaman. Sekiranya mereka benar, tentulah dunia dan tamadun sudah lama hancur. Sejarah manusia pada keseluruhannya tidak membenarkan pesimisme ini.

Walaupun begitu, dapat dibuktikan bahawa semua bangsa moden telah ketulungan sebagian besar daripada wahyu-wahyu Tuhan kepada mereka: Yahudi, Kristen, Muslim dan lain-lain. Agama-agama bangsa-bangsa ini, yang asalnya satu, telah berpecah menjadi banyak, dan ditokok-tatubai dengan pelbagai fahaman dan ajaran yang tidak berasaskan keterangan-keterangan yang sahih. (11) Oleh yang demikian, kebenaran sejarah yang mudah dan sepenuh tidak tercapai oleh mereka.

Satu daripada punca-punca tokok-tambah yang membawa kepada penyelewengan ini ialah musuh-musuh kebenaran, dalam istilah agama, Iblis atau pengikut-pengikutnya, syaitan. Oleh kerana mereka tidak beriman, maka mereka menghasut orang-orang mukmin dengan pelbagai cara dan muslihat supaya mengikut mereka. (12) Tidak syak lagi, ini sebagian dari ancaman Allah untuk menguji manusia serta mengasingkan mereka yang berpegang teguh kepada kebenaran dari yang menyeleweng. Selagi manusia berpegang teguh

kepada wahyu-wahyu Ilahi, komplotan syaitan ini tidak boleh berjaya. Namun demikian, kita telah melihat bahawa sebagian besar daripada wahyu-wahyu Tuhan kepada manusia telah hilang. Inilah yang menyebabkan zaman "Kacau-bilau Agung di Bumi" (istilah Mao Zedong) yang wujud dalam abad kedua puluh. Inilah juga yang menyebabkan Nabi Muhammad membuat aduan simboliknya yang agung kepada Tuhan di Hari Kiamat kelak, yang dirakam dalam al-Quran. (13) Keperluan kita yang utama ialah kembali kepada Quran, edisi terbaru dari Kitab Tuhan kepada manusia. Inilah sebabnya kita perlu mencari petunjuk kita mengenai undang-undang perkembangan sejarah dari Quran.

Teori-teori mengenai perjalanan sejarah

Ahli-ahli sejarah tergolong kepada tiga aliran fikiran berhubung dengan perkembangan sejarah. Pertama, yang menganggap sesuatu masyarakat atau tamadun sebagai satu organisme dengan putaran kehidupan sesuatu organisme: lahir, besar, dewasa, tua dan mati. Gagasan ini wujud dalam tamadun-tamadun Timur dan Barat sejak zaman purba. Dalam zaman moden ia dipelopori oleh Vico, Danilevsky, Spengler dan Toynbee. Nampaknya, tidak ada perkembangan sosial dalam gagasan ini, kecuali satu perkembalian ruh kepada Zat bila jasad mati, atau satu perubahan mendadak bila seorang juruselamat tiba untuk mewujudkan Kerajaan Ilahi di dunia.

Aliran kedua, yang percaya kepada idea kemajuan abad kelapan belas dan menganggap sejarah sebagai satu garis kemajuan menegak. Gagasan ini dipelopori oleh ahli-ahli falsafah terkemuka seperti Kant, Hegel dan Marx dan dipengaruhi oleh idea evolusi dalam alam bernyawa rendah. Kajian-kajian Kroeber dan Sorokin yang mengkritik aliran-aliran pertama dan kedua mewujudkan aliran ketiga. Aliran ini menolak gagasan masyarakat atau tamadun sebagai organisme dan menolak juga konsep perkembangan menegak tanpa menolak sama sekali konsep perkembangan sejarah melalui satu kaedah yang diungkapkan oleh Sorokin sebagai proses "kreatif yang berulang-ulang dan bersepadu." (14)

Jelaslah kritikan-kritikan Kroeber dan Sorokin tepat. Perjalanan sejarah tidak semata-mata putaran-putaran yang tidak mengandungi perkembangan. Sebaliknya, masyarakat dan tamadun juga bukan organisme yang lahir dan berkembang dan kemudian mati untuk lahir semula, berkembang dan mati lagi. Walaupun negara-kota Yunani sudah lama tidak ada, tamadun Yunani yang diwariskan melalui

tamadun-tamadun Romawi dan Arab telah menjadi sebagian dari tamadun moden. Begitulah juga dengan tamadun-tamadun purba lain. Hukum pemeliharaan jirim juga berlaku di alam idea: idea-idea yang baik dipelihara dan dikekalkan. (15)

Idea-idea perubahan sejarah dalam Quran

Agak nyata bahawa, dari tiga aliran besar ini, ajaran-ajaran Quran menyokong aliran ketiga. Aliran ini bukan saja memberi makna kepada sejarah, tetapi juga mendukung nilai-nilai etika. Mengikut ajaran-ajaran Quran, sejarah merupakan satu bukti yang nyata kepada kebenaran undang-undang Ilahi, seperti telah kita sebutkan di atas. Sejarah tidak netral: ia berpihak kepada yang benar dan yang baik (16), walaupun kemenangan pihak yang benar dan yang baik kadang-kadang mengambil masa yang lama. Ini demikian kerana masa itu satu konsep yang relatif, bergantung kepada keadaan dan pelaku-pelaku sejarah. (17)

Sejarah juga merupakan satu proses menapis dan memilih. Hanya yang benar, baik dan berguna bagi manusia akan kekal di bumi. Proses sejarah ini diterangkan demikian:

Diturunkannya bujan dari langit, menyebabkan air mengalir di lembab-lembab menurut ukuran, dan arus pun membawa buih mengambang di permukaan. Demikian juga buih terjadi bila mereka melebur logam dalam api untuk membuat barang perbiasan atau alat perkakas. Demikianlah Tuhan membuat misalan tentang kebenaran dan kepalsuan. Buih itu akan mengbilang sebagai sampah, tetapi yang berguna bagi manusia akan menetap di atas bumi. Demikianlah Tuhan membuat misalan. (18)

Ayat ini menerangkan bahawa unsur-unsur baik dan tidak baik bercampur-baur, berinteraksi dan berjuang antara satu sama lain, dan dalam satu jangka masa satu penapisan dan pemilihan berlaku, menghapuskan yang buruk dan tidak berguna serta mengekalkan yang baik dan yang berguna. Oleh yang demikian, walaupun bangsa-bangsa dan tamadun-tamadun muncul dan luput dalam sejarah, seperti Babylonia, Mesopotamia, Mesir Purba, Yunani dan Romawi, kejayaan-kejayaan spiritual, etika, intelektual, politik dan teknologi mereka diwarisi, dari generasi ke generasi, hingga ke hari ini, seperti fahaman monoteisme, nilai-nilai etika kasih-sayang,

persamaan dan persaudaraan manusia dan keadilan, dan sistem-sistem intelektual yang agung, institusi-institusi politik dan agama dan teknologi-teknologi pertanian dan perhubungan.

Sejarah tidak menjamin kekalnya sesuatu masyarakat atau bangsa. (19) Kebenaran ini sudah terbukti. Puluhan, kalau tidak ratusan, masyarakat dan bangsa telah luput dalam sejarah. Apa yang dijamin oleh Quran dan telah pun dibuktikan oleh sejarah ialah kekalnya kebenaran dan kebaikan di dunia. Berpuluh-puluh ayat menegaskan perkara ini. Ini menunjukkan bahawa hal ini amat penting. Kita perturunkan di sini di antara peristiharan-perisytiharan yang paling tegas:

Dan katakanlah, "Kebenaran telah datang dan kepalsuan bapus. Kepalsuan pasti akan bapus." (20)

Tuban telah menentukan, "Aku, dan rasul-rasulKu, akan senantiasa menang." Tuban kuat, perkasa. (21)

Kami pasti akan memberi kemenangan kepada rasul-rasul kami dan orang-orang mukmin dalam bidup ini dan pada hari kiamat. (22)

Tuban berjanji kepada mereka yang beriman dan berbuat baik di antara kamu bahawa Ia akan menjadikan mereka raja di muka bumi, seperti telah Ia lakukan untuk orang-orang demikian sebelum mereka, dan Ia akan mengukuhkan untuk mereka agama mereka yang Ia redai, dan Ia akan menggantikan ketakutan mereka dengan keselamatan. (23)

Kami telah merakamkan dalam Zabur, seperti kami lakukan dalam perutusan ini, bahawa bumi ini akan diwarisi oleh bamba-bambaKu yang baik. (24)

Jadi, ringkasnya, yang akan kekal ialah kebenaran dan kebaikan yang disempurnakan dan dilengkapkan dalam ajaran-ajaran Islam seperti yang dibawa oleh nabi terakhir, Muhammad. (25) Tetapi, bangsa yang pertama menerima ajaran ini daripada Muhammad, atau mana-mana bangsa lain juga tidak semestinya terjamin akan kekal hidup. Sekiranya mereka berpaling tadah dan menyeleweng, mereka akan digantikan (26), sepertimana bangsa Yahudi telah digantikan oleh bangsa Arab sebagai penyambung wahyu-wahyu

Tuhan kepada manusia.

Apakah yang menyebabkan kenaikan dan kejatuhan sesuatu bangsa, masyarakat atau tamadun? Inilah sebab-musabab sejarah, satu rahsia besar, yang ingin diungkai oleh ahli-ahli falsafah sejarah. Kita menganjurkan supaya kita mencari jawapannya yang pasti di dalam Quran kerana kita percaya, dan kepercayaan ini disokong oleh bukti-bukti sejarah, sains dan akal rasional, bahawa Quran satu-satunya kitab suci yang kemurniaannya masih penuh terpelihara.

Namun demikian, Quran bukan sebuah buku falsafah atau sains. Ia mengandungi wahyu-wahyu Tuhan kepada manusia untuk dijadikan bimbingan oleh manusia dalam pelbagai hal. Kita tidak boleh mendapat sebuah falsafah sejarah sah sahaja tersaji untuk kita. Apa yang kita dapati bertaburan dalam Quran ialah idea-idea yang bernas berhubung dengan perkara ini. Dengan demikian, kaedah yang saintifik untuk kita peroleh petunjuk daripadanya ialah dengan kita mengumpul semua idea berhubung dengan sebab-musabab sejarah serta melihat idea-idea ini dalam konteks perkembangan sejarah dunia dari zaman purba hingga kini sambil membandingkan idea-idea ini dengan idea-idea sejarah lain yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah.

Bertolak dari hakikat bahawa sejarah masyarakat-masyarakat manusia merupakan satu aspek dari keseluruhan kesatuan fenomena alam pelbagai aspek yang dijadikan oleh Tuhan, kita harus menganggap bahawa sejarah ini tidak boleh dipisahkan secara mutlak dari aspek-aspek lain, umpamanya alam tabi'i. Oleh yang demikian, jika kita hendak menyenaraikan idea-idea yang bersangkutan dengan masalah kita, senarainya tentu panjang. Kita akan memendekkan senarai kita dengan mengemukakan idea-idea Quran yang berkaitan langsung dengan perkara ini. Idea-idea ini seperti berikut:

1. Tuhan pemilik kuasa di langit dan di bumi, memberi kuasa itu kepada siapa yang Ia kehendaki dan merampasnya dari siapa yang Ia kehendaki. Ini bermakna Tuhan memainkan peranan yang aktif dalam sejarah. (Rujuk 3:26)
2. Manusia dibebaskan dari segala bentuk perhambaan dan tidak dikehendaki tunduk kepada sesiapa kecuali Allah s.w.t. (Rujuk 21:25 dan 7:157-58)
3. Perpaduan manusia bersyarat yang boleh diwujudkan di bawah syarat-syarat tertentu. (Rujuk 2:213)
4. Sengketa sosial yang berterusan sebagai satu alat perubahan dan

- perkembangan masyarakat. (Rujuk 7:24-25 dan 2:251)
5. Manusia suatu makhluk rasional yang diberi hak untuk menadbirkan dan menguasai dunia. (Rujuk 2:30 dan 33:72)
 6. Sengketa moral: manusia terbahagi kepada dua golongan moral, beriman dan kafir, baik dan jahat, yang senantiasa berjuang. Sengketa ini merupakan satu alat mutlak untuk menegakkan masyarakat dan pemerintahan yang adil. (Rujuk 64:2)
 7. Susunan kekuasaan yang sah dalam masyarakat ialah: ketaatan kepada undang-undang Ilahi (Tuhan dan rasul) dan kepada undang-undang yang dibuat oleh masyarakat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Ilahi (golongan pimpinan). (Rujuk 4:59)
 8. Persaudaraan orang-orang mukmin. (Rujuk 49:10)
 9. Perhubungan persahabatan antarabangsa. (Rujuk 17:53)
 10. Perjuangan di jalan Allah atau menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan perlu dilakukan oleh orang-orang mukmin atau satu kumpulan dari kalangan mereka. (Rujuk 3:104, 110, 11:116-17 dan 28:58-59)
 11. Tuhan akan menolong sesuatu bangsa mengubah nasibnya dengan syarat bangsa itu sanggup mengubah ideologi dan akhlaknya sesuai dengan ajaran-ajarannya. (Rujuk 13:11 dan 8:53)
 12. Kedaulatan rakyat di bawah kedaulatan Ilahi. (Rujuk 4:59 dan 42:38)

Idea-idea yang bernas di atas memberikan kita satu pandangan menyeluruh terhadap perjalanan sejarah. Mereka mengajar kita bahawa sejarah ialah satu proses yang berulang-ulang yang menuju kepada matlamat kemajuan dari satu peringkat ke satu peringkat yang lebih tinggi di mana Tuhan merupakan satu tenaga yang immanen dan berfungsi, dengan manusia memainkan peranan berdasarkan kebebasan moralnya untuk memilih sesuatu arah tindakannya, di mana perpaduan manusia suatu potensi yang senantiasa wujud dan boleh dicapai di bawah syarat-syarat tertentu, tetapi di mana sengketa-sengketa moral dan sosial merupakan jentera-jentera masyarakat untuk mencapai perubahan, perkembangan dan kemajuan.

Idea-idea kebebasan dan kuasa rakyat untuk menentukan nasib mereka, dan sengketa sosial sebagai satu jentera perubahan sosial dan sejarah memang telah diterima dalam teori-teori sosial moden,

liberalisme dan Marxisme. Tetapi oleh kerana pandangan hidup humanisme sekular yang menjadi asas kepada kedua-dua falsafah sosial ini menolak dimensi-dimensi akhlak dan spiritual dalam kehidupan manusia, maka ia gagal menghuraikan keseluruhan proses sejarah. Liberalisme mengutamakan kebebasan dan hak individu dan Marxisme mengutamakan kebebasan dan hak kolektif, sedangkan sebenarnya kedua-dua aspek, individu dan kolektif, merupakan satu kesatuan sosial dan sejarah. Liberalisme memaksakan individu ke atas masyarakat dan mencuba mewujudkan perpaduan sosial berdasarkan hak dan kebebasan individu. Kediktatoran individu ini membawa kepada perpecahan masyarakat dan menimbulkan faham kolektivisme Marxis yang kemudian memaksakan kolektif ke atas individu dan mencuba mewujudkan perpaduan sosial berdasarkan hak dan kebebasan kolektif. Ini membawa kepada kediktatoran kolektif yang juga gagal mencapai perpaduan sosial.

Hanya dengan mengambilkira aspek-aspek moral dan spiritual manusia maka keseluruhan proses sejarah dapat difahami dengan sepenuhnya. Walaupun manusia sama darjahnya dan tidak boleh dibezakan dari segi undang-undang, dari segi kebolehan mereka tidak sama. Inilah yang menimbulkan perbezaan-perbezaan ekonomi. Di bawah pertadbiran sosial yang sesuai, perbezaan-perbezaan ekonomi ini tidak perlu membawa kepada perbezaan kelas dengan kepentingan-kepentingan yang bertentangan. Pelbagai golongan pekerjaan dalam masyarakat boleh bekerjasama berdasarkan kesatuan dan persaudaraan ideologi dan etika mukmin dan berdasarkan kesatuan kemanusiaan dan kepentingan keselamatan bersama di bawah satu pemerintahan mengikut undang-undang Ilahi yang adil yang menjamin kebebasan-kebebasan beragama dan berfikir. Inilah, pada pendapat saya, apa yang boleh diistilahkan secara kasar sebagai pemerintahan Islam. Keadaan ini wujud di kalangan pengikut-pengikut Nabi Muhammad semasa beliau belum berkuasa di Madinah dan sesudahnya hingga beliau berkuasa di seluruh Semenanjung Arab.

Contoh perjuangan Nabi Muhammad

Perjuangan bersejarah Nabi Muhammad sendiri merupakan satu bukti yang amat kuat bagi wujudnya hukum universal sejarah seperti yang telah kita gariskan di atas. Masyarakat Arab pada waktu kemunculan Nabi Muhammad pada awal abad ketujuh itu sebuah masya-

rakat suku yang sering bersengketa dan berperang, dengan beberapa adat resam yang jahat dan zalim, seperti penyembahan banyak berhala, pembunuhan anak-anak perempuan bila lahir, penipuan, kezaliman kepada anak-anak yatim dan amalan zina yang berleluasa. Kuasa-kuasa di luar Semenanjung Arab dan yang juga merupakan kuasa-kuasa besar pada waktu itu ialah empayar-empayar Byzantium dan Parsi yang memerintah dengan zalim dan yang sering saling berperang. Masanya memang menuntut seorang pembaharu masyarakat di peringkat antarabangsa dan kedatangan Nabi Muhammad persis untuk memenuhi keperluan sejarah ini.

Muhammad melaksanakan dua strategi pokok. Pertama, beliau menimbulkan kesedaran ideologi dan etika untuk perubahan dengan membuat seruan secara damai selama dua belas tahun kepada rakyat dan mengamalkannya dalam kumpulannya. Kedua, beliau mewujudkan satu pusat kekuasaan politik yang sanggup mempertahankan dirinya dengan senjata serta memberi keselamatan dan keadilan kepada rakyat yang berlindung di bawahnya. Sebelum beliau wafat, dalam masa dua puluh dua tahun, beliau berjaya menyatupadukan umat Arab di Semenanjung Arab di bawah satu ikatan persaudaraan Islam di bawah pertadbiran beliau. Inilah umat yang tidak lama kemudian menakluk kedua-dua empayar terbesar pada zaman itu serta menciptakan satu tamadun yang agung dalam sekejip mata. Inilah sunnah Muhammad yang sebenar — berjuang mengikut ajaran-ajaran Quran.

Bila tidak lama kemudian umat Islam meniggalkan Quran dan menganut fahaman-fahaman lain, khasnya ajaran-ajaran Hadis dan mistisme yang tidak diajar oleh Nabi, maka mereka mulai jatuh hingga dalam abad kesembilan belas kebanyakan negara Islam terjajah dan hidup dalam kehinaan dan kemunduran. Inilah makna ayat Quran yang menerangkan bahawa Tuhan tidak akan mengubah nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu bangsa kecuali bangsa itu mengubah diri mereka. Oleh kerana umat Islam selama kira-kira seribu tahun telah mengubah diri mereka dengan mengikut ajaran-ajaran lain daripada Quran, maka Tuhan telah mengubah kedudukan mereka di dunia — dari satu umat yang berjaya kepada satu umat yang gagal.

Kesimpulan

Tidak syak lagi, seperti yang telah kita lihat, Quran kaya dengan idea-idea mengenai perjalanan sejarah. Sayangnya, ahli-ahli sejarah

Islam moden kurang menggunakan Quran untuk memahami proses sejarah. Mengapakah terjadi demikian? Adakah kerana pegaruh negatif taqlid kepada imam-imam besar mazhab maka sarjana-sarjana kita tidak berani membuat tafsiran mereka sendiri dengan menggunakan ilmu-ilmu moden, seperti sosiologi dan falsafah sejarah, untuk membantu mereka memahami dengan lebih baik idea-idea sejarah yang bertaburan dalam Quran? Sikap taqlid ini tidak menasabah kerana sikap ini sendiri timbul kemudian dalam masyarakat Islam dan dilarang oleh Quran. Pada peringkat awal ahli-ahli sains dan sarjana-sarjana Islam meneroka dan memimpin pelbagai bidang ilmu. Sudah sampailah masanya ahli-ahli sains dan sarjana-sarjana kita menyambung kembali tradisi intelektual Islam yang kreatif dengan kembali kepada Quran untuk membimbing kerja-kerja saintifik mereka.

Kertas ini ringkas saja dan hanya memberi garis-garis kasar untuk kita memahami perjalanan sejarah dari segi ajaran-ajaran Quran. Saya harap sesetengah daripada ahli-ahli sejarah kita akan menggunakan semula kaedah ini dalam membuat kajian-kajian sejarah mereka. Saya yakin, jika mereka berbuat demikian, mereka akan mencapai kejayaan-kejayaan yang gilang-gemilang.

Nota

1. Quran, 12:111.
2. Immanuel Kant, *Idea of a Universal History*, IX.
3. Hans Meyerhoff (Ed.) *The Philosophy of History in our Time*, "Introduction", h. 23-24.
4. Wahyu Tuhan kepada manusia merupakan satu kerahimanNya. Rujuk Quran, 2:37-38 dan 21:107. Muhammad Iqbal menyatakan bahawa wahyu sempurna dan berhenti dengan Muhammad oleh kerana dari waktu itu manusia memasuki zaman dewasa bila mereka boleh mencari arah mereka sendiri. (Lihat *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, h. 126). Pendapat ini amat menasabah.
5. "Tidak kami jadikan langit dan bumi dan segala sesuatu di antaranya untuk hiburan. Sekiranya kami hendak mengadakan hiburan, kami boleh mengadakannya sendiri. Tetapi kami hendak menegakkan kebenaran mengatasi kepalsuan supaya ia

- didedahkan dan dilenyapkan." (21:16-18)
6. "Demikianlah Ia mewujudkan darinya tujuh langit (atau alam) dalam tempoh dua hari, dan mewujudkan bagi tiap-tiap langit undang-undangnya sendiri." (41:12) "Semua yang terjadi di bumi atau kepada kamu telah tercatat dalam satu rakaman sebelum kami menjadikannya." (57:22) "Tiap-tiap satu dibentuk olehNya menurut ukuran." (13:8)
 7. "Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasang-pasang, supaya kamu beringat." (51:49) "Maha suci Tuhan yang menciptakan berpasang-pasang segala sesuatu yang dihasilkan oleh bumi, oleh diri mereka sendiri dan oleh segala yang tiada mereka ketahui." (36:36)
 8. "Dialah yang telah menciptakan kamu, namun setengah kamu kafir dan setengah beriman." (64:2)
 9. "Akan kami perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kami di segala wilayah bumi dan di dalam diri mereka hingga jelas bagi mereka bahawa inilah kebenaran." (Quran, 41:53) "Sungguh di langit dan di bumi ada tanda-tanda bagi orang-orang yang beriman." (Quran, 45:3)
 10. Hegel, *The Philosophy of History*, Introduction, h. 2.
 11. Bahawa Bible yang wujud sekarang tidak merupakan wahyu-wahyu asal yang diturunkan kepada nabi-nabi Musa dan Isa, tetapi telah dipinda dinyatakan oleh Quran. Lihat 2:75, 5:13-14 dan 25:30-31. Lihat juga M. Bucaille, *The Bible, the Quran and Science*.
 12. "Tiap-tiap rasul dan nabi sebelum kamu tidak pernah menyerukan perutusan tanpa syaitan menggaggunya untuk menggagalkannya. Tuhan kemudian melenyapkan kerja-kerja syaitan dan menegakkan wahyu-wahyuNya. Tuhan maha mengetahui, bijaksana. Dengan demikian Tuhan mengadakan kerja-kerja syaitan sebagai satu ujian untuk mendedahkan mereka yang berpenyakit di dalam hatinya, dan mereka yang hatinya menjadi keras. Demikianlah mereka yang jahat dipesongkan jauh." (Quran, 22:52-53)
 13. "Rasul akan berkata, 'Tuhanku, umatku telah membelakangkan Quran ini.' Demikianlah kami mengadakan bagi tiap-tiap nabi musuh-musuh dari kalangan mereka yang berdosa, dan Tuhan cukup sebagai pembimbing dan pelindung." (25:30-31)
 14. Maklumat ini diambil dari P.A. Sorokin, *Modern Historical and Social Philosophies* (1950) dan Grace E. Cairns, *Philosophies of*

History (1962).

15. Hukum ini diungkapkan dalam Quran, 13:17.
16. Lihat ayat-ayat 17:81, 58:21, 41:51, 24:55, dan 21:105 yang diperturunkan di h. 9.
17. Kenisbian masa dibayangkan dalam Quran seperti berikut: "Dan sehari di sisi Tuhanmu sama dengan seribu tahun mengikut perkiraanmu." (22:47) "Para malaikat dan ruh naik kepadaNya dalam masa sehari yang sama masanya dengan lima puluh ribu tahun." (70:4) "Apa juga yang kami kehendaki berlaku dalam sekedip mata." (54:50)
18. Quran, 13:17.
19. "Setiap umat mempunyai tempoh yang tertentu: bila tempoh mereka tiba, mereka tidak boleh menundanya barang sesaat, atau mendahuluinya." (Quran, 7:34) Lihat juga 10:49.
20. 17:81. 21. 58:21. 22. 41:51. 23. 24:55. 24. 21:105.
25. "Dialah yang mengirim rasulnya dengan bimbingan dan agama yang benar supaya ia mengatasi semua agama." (Quran, 48:28)
26. "Jika kamu berpaling tadah, Tuhan akan menggantikan kamu dengan bangsa lain, dan mereka tidak akan menjadi seperti kamu." (Quran, 47:38)

18 MAR. 1960